



# PERBAHATHAN PARLIMEN

## DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

### PENGGAL KELIMA

### PENYATA RASMI

### KANDONGAN-NYA

**PEMASHHORAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA:**

Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong [Ruangan 9]  
Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 37]  
Memperkenalkan Rang Undang-undang [Ruangan 39]

**RANG UNDANG-UNDANG DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 40]**

**USUL:**

Jalan Masok Ka-Parlimen [Ruangan 42]  
Jawatan-Kuasa Pemilih [Ruangan 43]  
Public Accounts Committee (Appointment of Chairman) [Ruangan 44]

**Undang-undang Kastam, 1967—**

Perintah Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1968 [Ruangan 45]  
Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 2), 1968 [Ruangan 49]  
Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1968 [Ruangan 50]  
Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 3), 1968 [Ruangan 58]  
Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1968 [Ruangan 59]

**Undang-undang Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966—**

Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kepada Pulau Pinang)  
(Pindaan) (No. 3), 1968 [Ruangan 46]  
Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 4), 1968 [Ruangan  
47]  
Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kepada Pulau Pinang)  
(Pindaan) (No. 4), 1968 [Ruangan 48]  
Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 5), 1968 [Ruangan  
63]

**Undang-undang Eksais, 1961—**

Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2), 1968 [Ruangan 51]

**Undang-undang Eksais Sabah, No. 18, 1959—**

Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2), 1968 [Ruangan 55]

**Undang-undang Eksais Sarawak (Bab 27)—**

Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2), 1968 [Ruangan 56]

**HUJONGAN KHAS [Ruangan 77]**

MALAYSIA

**DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA**

**PENGGAL YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi*

---

Hari Khamis, 6hb Jun, 1968

---

*Persidangan bermula pada pukul 4.00 petang*

**YANG HADHIR:**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, K.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

- „ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

Yang Berhormat TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasar Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.M.N. J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, A.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

- Yang Berhormat TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD (Pasar Mas Hulu).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

#### YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,  
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.  
(Kuala Kedah).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal  
Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan  
Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO'  
HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,  
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI  
(Kedah Tengah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan,  
TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI  
TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K.  
(Klang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan,  
Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN  
(Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI  
MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI  
ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Kesihatan, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID  
BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J.,  
P.I.S. (Segamat Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

„ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).

„ TUAN STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., K.M.N., A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).

Yang Amat Berbahagia TUN HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

#### YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA.

#### DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

**PEMASHHORAN<sup>2</sup> OLEH  
TUAN YANG DI-PERTUA**

**TITAH UCHAPAN DULI YANG  
MAHA MULIA SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN  
AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya hendak mema'alum-

kan ada-lah pagi tadi Majlis ini bersama<sup>2</sup> dengan Majlis Dewan Negara mengadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-dalam Dewan ini. Duli Yang Maha Mulia dengan limpah kurnia telah mengeluarkan titah ucapan kapada kedua<sup>2</sup> Majlis Parlimen. Saya telah pun mengadakan satu salinan ucapan itu di-beri kapada tiap<sup>2</sup> Ahli Majlis ini dan juga di-chetak dalam Parliamentary Debates.

**Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat dan Yang Berhormat Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat:**

*Sekali lagi Beta berasa sangat sukachita menyampaikan ucapan Beta kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat kedua<sup>2</sup> Dewan Parlimen dalam perhimpunan ini pada meshuarat pembukaan Penggal Kelima bagi Parlimen Malaysia. Dalam masa yang pendek ini Beta hanya akan menyentuh dasar Kerajaan Beta yang penting sahaja sementara perkara<sup>2</sup> yang menyentuh dasar<sup>2</sup> Kerajaan Beta dan kejayaan<sup>2</sup> yang telah di-chapai dalam Kementerian<sup>2</sup> sechara lebeh luas ada-lah di-sediakan dalam satu penyata khas yang akan di-bahagi<sup>2</sup>kan kepada Ahli<sup>2</sup> sekalian.*

*Pada 31hb Ogos tahun yang lalu, negara kita telah merayakan Hari Ulangtahun Kemerdekaan yang kesepuluh dengan penoh kegembiraan dan kebanggaan. Ra'ayat negeri ini sa-harus-nya berasa demikian memandangkan bagaimana negara kita telah menchapai kemajuan yang chemerlang dalam segala lapangan dalam masa yang sengkat ini. Kemajuan<sup>2</sup> yang telah di-chapai telah Beta sebutkan satu persatu dalam ucapan Beta tahun yang lalu dan tidak-lah payah Beta mengulangi-nya semula. Beratus<sup>2</sup> batu jalan baharu dan tali-ayer telah di-bena; beribu<sup>2</sup> ekar ladang getah dan kelapa sawit telah di-buka; beratus<sup>2</sup> sekolah baharu dan pusat<sup>2</sup> kesihatan baharu telah di-dirikan di-segenap cherok rantau negeri ini. Ini dengan terang menunjokkan apa yang telah di-jalankan oleh Kerajaan Beta dalam lapangan pembangunan.*

*Dalam masa sa-puluh tahun ini, negara kita telah dapat mengujudkan satu keadaan politik, ekonomi dan sosial yang setabil yang telah memberi kema'amoran dan kebahagiaan kepada ra'ayat dan kehormatan kepada negara. Tidak-lah shak lagi ia-itu kejayaan<sup>2</sup> ini telah dapat kita chapai oleh sebab kebijaksanaan dan pimpinan memanda Beta Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra yang telah memimpin negara ini dengan jujur dan setia. Bagi pehak diri Beta dan bagi pehak ra'ayat negeri ini Beta suka mengambil peluang ini untuk meng-ucapkan terima kaseh kepada-nya. Beta juga bershukor kepada Tuhan Yang Maha Kuasa yang telah memberi kepada kita taufik dan hidayah untuk meng-hadapi masaalah yang kita telah tempohi dalam tahun yang bergelora ini dan berdo'a supaya Tuhan akan terus menurunkan rahmat-nya kepada kita semua dalam tahun<sup>2</sup> yang akan datang.*

*Sungguh pun kita telah menchapai kejayaan yang chemerlang dalam masa sa-puluh tahun yang lampau, tidak-lah boleh kita berpeloktuboh dan berpuashati dengan kejayaan sa-takat itu sahaja kerana dalam beberapa tahun yang akan datang kita akan menghadapi chabaran yang lebeh hebat lagi. Dunia dalam masa hadapan akan hadapi pertandingan dan pergolakan yang memerlukan usaha<sup>2</sup> yang tegas, kechergasan dan kepintaran ra'ayat sekalian untuk menghadapi apa<sup>2</sup> jua chabaran. Kita mesti berusaha dengan sa-penoh jiwa dan semangat bagi menyesuaikan diri untuk mengatasi chabaran<sup>2</sup> itu. Kerajaan Beta ada-lah sedar terhadap janji<sup>2</sup>-nya kepada ra'ayat dan tanggung-jawab-nya yang besar, ia-itu memberi kesenangan dan kemewahan hidup kepada ra'ayat jelata serta memper-tahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara. Untuk menchapai maksud<sup>2</sup> ini Kerajaan Beta ada-lah sentiasa menchari jalan yang boleh memberi kebaikan dan kema'amoran kepada Negara.*

Sebagaimana yang Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat ma'alum Kerajaan Britain telah mengambil keputusan hendak mengundorkan semua pasokan tentera-nya dari kawasan ini sa-belum hujung tahun 1971. Oleh sebab pengundoran ini tanggung-jawab yang lebeh besar akan terletak ka-atas Pasokan<sup>2</sup> Keselamatan kita untuk mempertahankan kedaulatan negara. Tugas ini mungkin memerlukan tambahan kapada kekuatan pertahanan kita.

Pengundoran tentera British ini juga akan menimbulkan satu masaalah baharu dari segi politik dan pertahanan bagi kawasan ini. Ada-lah mustahak sekarang ini bagi Kerajaan Australia, New Zealand, Singapura, Britain dan Malaysia yang turut sama di-dalam Perjanjian Pertahanan Malaysia/British menimbangkan semula keadaan ini dan juga peratoran pertahanan yang berjalan sekarang untuk menyesuaikan kapada keadaan yang sudah berubah. Bagi menchapaj matalamat ini, satu persidangan perangkat Menteri<sup>2</sup> negara<sup>2</sup> yang bersangkutan akan di-adakan di-sini dalam bulan Jun ini. Kerajaan Beta juga telah beberapa kali menegaskan serta memberi jaminan bahawa peratoran pertahanan kita dengan negara<sup>2</sup> komanwel tidak akan di-tujukan kapada negara<sup>2</sup> jiran kita atau pun mana<sup>2</sup> negara lain. Beta juga ingin menegaskan di-sini bahawa peratoran pertahanan sa-umpama itu tidak akan sama sekali menyekat usaha<sup>2</sup> kita untuk bekerjasama dengan negara<sup>2</sup> jiran kita.

Oleh sebab keselamatan di-Malaysia Timor, terutama-nya di-Sabah, telah terancham, Kerajaan Beta telah mengambil langkah<sup>2</sup> saperti mengadakan Pasokan Pertahanan Tempatan, mengadakan semula latehan perkhidmatan negara dan pendaftaran perkhidmatan negara di-Sabah. Kerajaan Beta juga telah mengadakan semula Pasokan Kawalan Kampong di-negeri itu. Sokongan yang di-terima dari Negeri Sabah termasuk sokongan kewangan menunjukkan dengan jelas-nya, ia-itu Kerajaan dan ra'ayat negeri Sabah mahu tinggal kekal dalam Malaysia dan Kerajaan Beta berazam untuk mempertahankari negeri itu dari sebarang pencherobohan.

Beta suka mengingatkan lagi supaya ra'ayat sekalian sentiasa berwaspada kapada tindak tandok yang tidak bertanggung-jawab dari sebilangan kechil ra'ayat negeri ini yang suka menimbulkan kekacauan. Tidak-lah payah Beta menegaskan bagaimana perlu-nya kita mengadakan satu keadaan yang selamat dan setabil di-negeri ini jika kita hendak menarek tanaman modal baik dari luar atau dalam negeri, demi kepentingan pembangunan dan kemajuan negeri ini. Oleh yang demikian, kita mesti-lah sentiasa berjaga<sup>2</sup> dan berusaha bersungguh<sup>2</sup> untuk menghanchorkan gerakan itu.

Beta sukachita mendapat tahu ia-itu Pasokan Keselamatan kita selain daripada menjalankan tugas<sup>2</sup> ketenteraan telah juga memberi pertolongan kapada orang<sup>2</sup> 'awam dalam masa banjir baharu<sup>2</sup> ini dan juga dalam usaha<sup>2</sup> pembangunan luar bandar. Oleh itu Beta suka menguchapkan penghargaan Beta kapada Pasokan Keselamatan atas segala usaha<sup>2</sup>-nya itu.

Dalam bidang perhubungan luar Beta sukachita mengingatkan kembali tentang lawatan resmi Perdana Menteri Beta ka-Indonesia dari 4hb hingga 8hb Mach tahun ini. Sebagai hasil dari lawatan ini kedua negara kita telah bersetuju untuk bekerjasama dengan lebeh erat lagi atas dasar saling hormat menghormati



dalam berbagai bidang terutama dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan. Dan, sesuai dengan hasrat persahabatan dan persaudaraan yang sentiasa ujud itu, kita telah bersetuju akan menanda tangani satu Perjanjian Persahabatan dan juga berikhtijar menchari penyelesaian sechara damai melalui perundingan<sup>2</sup> apabila timbul perselisihan mengenai soal<sup>2</sup> yang menyangkut kedua negara. Kerajaan Beta perchaya bahawa perhubungan dan kerjasama yang lebeh rapat dan mesra akan dapat di-jalinkan dalam masa hadapan.

Satu perkembangan lagi yang memberi pengertian yang besar dan penting bukan sahaja bagi Malaysia tetapi, Beta perchaya juga, bagi seluroh ra'ayat kawasan Tenggara Asia ini, ia-lah upachara menanda tangani Perishtiwaran ASEAN pada 8hb Ogos, 1967, oleh Menteri<sup>2</sup> Luar Indonesia, Filipina, Thailand, Singapura dan Malaysia yang melahirkan Pertubohan Negara<sup>2</sup> Asia Tenggara, atau pun "Association of South East Asian Nations", ia-itu ASEAN. Beta berharap konsep ASEAN ini akan berjaya dan kejayaan ini sudah pasti jika sekira-nya negara<sup>2</sup> ahli semua-nya menghormati perjanjian itu dengan jujur dan ikhlas.

Beta ingin mengulangi sekali lagi di-sini tentang ketegasan Kerajaan Beta terhadap satu dasar luar negeri yang bebas saperti terdapat dalam tahun<sup>2</sup> yang sudah. Kerajaan Beta akan terus berusaha bagi mengekalkan perhubungan baik lagi berfaedah dengan semua negara<sup>2</sup> bersahabat tanpa mengira sistem ekonomi dan kemasharakatan mereka. Berdasarkan atas perinsip<sup>2</sup> hidup bersama, saling hormat menghormati kemerdekaan dan kedaulatan negara<sup>2</sup>, tidak menchampur tangan dalam hal ehwal negara<sup>2</sup> lain dan juga bekerjasama bagi faedah kedua<sup>2</sup> pehak, Malaysia telah mengadakan perhubungan diplomatik dengan beberapa buah negara lagi termasuk Russia dan Yugoslavia. Maka ada-lah menjadi harapan Beta muga<sup>2</sup> perhubungan antara Malaysia dengan negara<sup>2</sup> lain itu akan melahirkan kerjasama yang berfaedah supaya sama<sup>2</sup> mendapat munafa'at. Beta sukachita ia-itu Timbalan Perdana Menteri Beta baharu sahaja balek dari lawatan-nya yang amat berjaya ka-negeri<sup>2</sup> Eropah dan Soviet Russia dan Beta perchaya ia-itu lawatan-nya itu telah mengokohkan lagi tali persahabatan kita dengan negara<sup>2</sup> yang berkenaan.

Beta sekali lagi ingin menegaskan di-sini tentang sokongan yang kukoh dan berlanjutan Kerajaan Beta atas Pertubohan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dalam usaha-nya ka-arrah keamanan dan keselamatan antarabangsa dan juga untuk menghapuskan sama sekali kekejaman penjajahan, rasa perkauman dan juga kemiskinan yang maseh di-deritai oleh beberapa negara di-dunia sejak bertahun<sup>2</sup> lama-nya. Kerajaan Beta penoh keyakinan bahawa keamanan antarabangsa, ke'adilan dan kema'amoran ekonomi ada-lah satu dan tidak dapat di-pisahkan<sup>2</sup> dan Kerajaan Beta akan sentiasa berusaha bagi menchapai matalamat<sup>2</sup> ini.

Dalam lapangan pelajaran pula Kerajaan Beta akan berusaha menegohkan lagi pelajaran rendah dengan menyesuaikan sukatan pelajaran bagi mata<sup>2</sup> pelajaran rendah mengikut aliran perkembangan pelajaran moden. Bagi pelajaran menengah pula keutamaan akan terus di-beri kapada pelajaran vokeshenal dan teknik untuk menyesuaikan dengan keperluan ekonomi yang sedang membangun dan Pepereksaan Sijil Pelajaran Vokeshenal Malaysia akan di-mulakan dalam tahun 1969. Bagi pelajaran tinggi pula Kerajaan Beta sedang lagi menguruskan

penubohan Universiti Kolej di-Pulau Pinang. Dalam segi ini juga Penyata Jawatan-kuasa Pelajaran Tinggi akan menjadi asas bagi perkembangan<sup>2</sup> pelajaran tinggi bagi tempoh dua puluh tahun yang akan datang dan Kerajaan Beta akan menyediakan jenis pelajaran tinggi yang belum di-dapati di-dalam negeri dalam tempoh tersebut.

Sebagaimana yang Beta sebutkan dalam ucapan Beta pada tahun yang lepas, ada-lah menjadi dasar Kerajaan hendak mengadakan satu rancangan perumahan dalam tiap<sup>2</sup> bandar di-Malaysia. Usaha<sup>2</sup> untuk menchapai matalamat ini ada-lah sedang pesat di-jalankan dalam tahun ini. Kerajaan Beta telah melancarkan satu rancangan kilat yang akan mengadakan di-antara tiga puluh dua hingga lima puluh biji rumah dalam tiap<sup>2</sup> bandar yang belum ada rancangan perumahan dan ada-lah di-jangkakan ia-itu empat ribu pintu rumah akan di-siapkan di-bawah rancangan kilat dalam tahun ini selain daripada rancangan<sup>2</sup> rumah murah yang di-jalankan oleh Kerajaan Negeri atau rancangan<sup>2</sup> Persekutuan yang di-jalankan di-bandar<sup>2</sup> besar seperti di-Kuala Lumpur dan Pulau Pinang di-mana dua rancangan perusahaan rumah telah di-mulakan, dan lebih dari 7,000 buah rumah akan di-siapkan dalam rancangan ini. Sementara itu pakar<sup>2</sup> dalam bidang pembiayaan rancangan perumahan dari Amerika Sharikat telah mengkaji berkenaan dengan penubohan satu Persatuan Simpanan dan Pinjaman sebagai langkah untuk mengumpulkan modal tempatan bagi membiayai rancangan perumahan dan kemajuan. Laporan pakar<sup>2</sup> ini ada-lah sedang dalam kajian.

Beta gembira mendapat tahu ia-itu angka kematian dan angka kematian kanak<sup>2</sup> telah jauh berkurangan dari tahun<sup>2</sup> yang lalu. Ini ada-lah menunjukkan ia-itu kesehatan ra'ayat telah bertambah baik. Sungguh pun begitu Kerajaan Beta terus menumpukan perhatian-nya kepada mengembangkan dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan kepada semua penduduk<sup>2</sup> terutama-nya di-luar bandar supaya mereka boleh memperbaiki lagi kesehatan mereka untuk menchapai kedudukan taraf sosial dan ekonomi yang lebih tinggi. Penyakit malaria masih lagi menjadi masalah kesihatan umum di-kawasan luar bandar dan Kerajaan Beta telah memulakan satu rancangan sepuluh tahun untuk menghapuskan malaria di-seluruh negara. Beta sukachita mendapat tahu ia-itu kekurangan doktor yang di-alami dalam beberapa tahun yang lalu akan di-atasi tidak berapa lama lagi. Fakulti Perubatan di-Universiti Malaya dengan Hospital Pengajaran yang tersergam indah dan terbesar serta moden sekali di-kawasan sa-belah sini akan mula mengeluarkan doktor dalam tahun 1969.

Kerajaan Beta telah terus mengikuti satu dasar-buroh yang bergerak maju dan pada tahun yang lalu banyak kejayaan telah di-chapai. Lembaga Kewangan Pemindahan Malaysia telah memberi hasil lebih daripada apa yang di-jangkakan dan sekarang ini ada-lah mengambil bahagian yang penting dalam pembangunan ekonomi negeri Sabah. Beta juga sukachita mengetahui ia-itu perhubungan yang baik di-antara pekerja<sup>2</sup> dan majikan telah di-teruskan dan ini ada-lah menunjukkan ia-itu Ketua<sup>2</sup> Kesatuan<sup>2</sup> Sekerja di-negeri ini telah matang.

Tidak berapa lama lagi Kerajaan Beta akan memulakan satu sekim Keselamatan Sosial bagi pekerja<sup>2</sup> yang mendapat kechachatan yang kekal di-sebabkan oleh apa<sup>2</sup> jua sekali pun atau mendapat kemalangan semasa

menjalankan pekerjaan. Kerajaan Beta chukup mengambil berat tentang sekim ini kerana ini ada-lah menjadi asas bagi kebajikan sebilangan besar ra'ayat Beta yang terdiri dari kaum pekerja. Ada-lah di-jangka ia-itu satu rang undang<sup>2</sup> bagi sekim ini akan di-bentangkan di-Parlimen tidak lama lagi dan di-kuatkuasakan segera sa-lepas itu. Beta sukachita ia-itu sekim ini ada-lah terbit-nya daripada sokongan dan kerjasama yang rapat di-antara Kerajaan, majikan dan pekerja<sup>2</sup>.

Dalam tahun akan datang bantuan di-jangka akan di-dapati dari Kerajaan<sup>2</sup> sahabat dan Perbadanan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu untuk membolehkan Kerajaan Beta meluas dan menambah ranchangan Latehan Perusahaan dan juga melateh pengajar<sup>2</sup> untuk menjalankan ranchangan ini. Selain daripada ranchangan hendak mendirikan sa-buah Yayasan Latehan Perusahaan di-Butterworth, kemudahan<sup>2</sup> yang di-dapati dalam Yayasan di-Kuala Lumpur akan di-luaskan. Kerajaan Beta berharap ia-itu dengan langkah<sup>2</sup> ini akan dapat mengalatkan pemuda<sup>2</sup> dengan kepandaian yang di-perlukan oleh Perusahaan<sup>2</sup> yang sedang membangun. Ini bukan sahaja akan menolong mereka itu menchari pekerjaan tetapi juga akan membantu dalam kemajuan perusahaan dalam negeri ini.

Kerajaan Beta juga memandang berat kapada keselamatan dan kesehatan pekerja<sup>2</sup> dalam semua jenis pekerjaan. Undang<sup>2</sup> terhadap perkara ini yang telah di-luluskan oleh Parlimen tahun lalu akan di-kuatkuasakan tidak berapa lama lagi dan bahagian Kesehatan dalam Perusahaan yang baharu di-tubuhkan itu akan mula<sup>2</sup> menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya untuk menggalakkan ada-nya tempat<sup>2</sup> kerja yang menjamin kesehatan.

Belia<sup>2</sup> hari ini ada-lah bakal pemimpin masa hadapan dan kapada mereka-lah terletak-nya nasib negara kita. Oleh yang demikian mereka perlu-lah di-pupok dengan semangat kaseh sayang dan ta'at setia kapada negara. Untuk maksud ini Kerajaan Beta telah mengishtiharkan 31hb Julai sa-bagai Hari Belia bagi seluroh Negara.

Dalam segi pentadbiran, usaha<sup>2</sup> sedang giat di-jalankan untuk mengator sa-mula chara<sup>2</sup> pentadbiran dan memberi latehan kapada pegawai<sup>2</sup>. Badan Pencegah Rasuah yang telah mendapat kejayaan yang chemerlang sejak di-ator sa-mula itu akan terus bertindak dengan chergas-nya untuk mendirikan satu perkhidmatan 'awam yang lebeh jujor dan chekap.

Dalam usaha<sup>2</sup> menambah pengeluaran bahan asli, Kerajaan Beta menggalakkan menchari-gali bijeh dan galian<sup>2</sup> yang lain. Baharu<sup>2</sup> ini satu perjanjian telah di-buat dengan dua sharikat minyak untuk menchari-gali minyak di-kawasan perayeran Malaysia Barat. Beta berharap, dengan kuasa Allah, dapat-lah kita satu puncha kekayaan yang baru bagi negara kita.

Dalam segi pembangunan ekonomi negara ada-lah menjadi satu kebanggaan bahawa negara kita dalam masa sapuloh tahun ini telah berjaya mendirikan batu asas yang tegoh dalam lapangan perusahaan dan pertanian. Kerajaan Beta berazam mengokohkan lagi kedudukan ekonomi negeri ini dan untuk maksud ini ada-lah menjadi dasar Kerajaan Beta hendak menambah dan memperbagaikan bilangan perusahaan dan juga memajukan dan memperbagaikan lagi pertanian dalam negeri ini. Dasar Kerajaan Beta yang membenar usaha persendirian yang

bebas, mengadakan undang<sup>2</sup> taraf perintis dan undang<sup>2</sup> Galakan Pelaburan yang baharu di-luluskan oleh Parlimen ada-lah langkah<sup>2</sup> untuk memajukan perusahaan dalam negeri ini. Kerajaan Beta sedar bagaimana perlu-nya langkah<sup>2</sup> ini di-ambil bukan sahaja untuk menambah pengeluaran negara tetapi juga untuk memberi pekerjaan kepada beribu<sup>2</sup> pemuda<sup>2</sup> yang keluar dari sekolah<sup>2</sup> dan universiti<sup>2</sup> tiap<sup>2</sup> tahun.

Satu lagi kemajuan yang terchapai dalam bidang perusahaan ia-lah penubuhan kilang memasang kenderaan berjentera dan galakan ada-lah di-beri bagi menubuhkan kilang<sup>2</sup> membuat alat<sup>2</sup> kenderaan itu. Beta sukachita ia-itu dengan perkembangan perusahaan di-negeri ini, negara kita telah mengeluarkan anika barang<sup>2</sup> bukan sahaja untuk kegunaan tempatan tetapi juga untuk ekseptol keluar negeri. Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan yang telah di-tubuhkan dalam tahun 1967 sedang menjalankan usaha<sup>2</sup> membuat pengkajian dalam segala lapangan berkaitan dengan pengembangan perusahaan. Lembaga ini akan sedia memberi nasehat kepada sesiapa yang hendak menanam modal di-negeri ini.

Kerajaan Beta juga menumpukan perhatian yang berat dalam bidang Pertanian dengan mengambil langkah<sup>2</sup> untuk menggunakan tanah kita dengan lebih berfaedah lagi. Usaha<sup>2</sup> akan di-jalankan untuk mengeluarkan lebih banyak hasil<sup>2</sup> tanaman bukan sahaja untuk keperluan<sup>2</sup> kita sendiri bahkan untuk pasaran dunia. Tanah baharu akan di-buka lagi untuk pertanian, dan kawasan pertanian yang ada sekarang ini akan di-perbaiki dengan menggunakan teknik moden. Satu ranchangan terbesar yang sedang di-jalankan ja-lah pembukaan kawasan padi yang luas di-Sabah dan Sarawak. Dengan ranchangan Taliayer yang telah di-siapkan dan yang sedang dalam pembenaan seperti Sungei Muda, di-Kedah dan Kemubu di-Kelantan beratus<sup>2</sup> ribu ekar sawah padi akan dapat mengeluarkan hasil dua kali sa-tahun. Selain daripada kawasan Tiga Segi di-Jengka Kerajaan Beta juga sedang merancang pembukaan kawasan baharu yang beratus<sup>2</sup> ribu ekar luas-nya di-Pahang dan Johor.

Penyelidikan juga terus di-jalankan untuk menchari jenis dan chara tanaman yang mendatangkan hasil yang lebih banyak. Sementara itu Perkhidmatan Lanjutan Pertanian akan di-perhebatkan untuk menukar chara berfikir petani supaya mereka dapat faedah dari teknik<sup>2</sup> moden dan progresib. Ada-lah penting bagi petani<sup>2</sup> kita mempunyai sikap dan semangat baharu yang dinamis dan menggunakan chara<sup>2</sup> menanam yang baharu untuk menchapai kejayaan sepenohnya dari tenaga mereka. Untuk menchapai maksud ini, Kerajaan Beta berchadang hendak membuka tanah di-tempat<sup>2</sup> yang tertentu untuk pertanian di-mana usaha<sup>2</sup> akan di-tumpukan dengan menggunakan teknik<sup>2</sup> moden. Sementara itu perkhidmatan lanjutan kepada pekebun<sup>2</sup> kecil akan di-terus dan di-perbesarkan.

Kerajaan Beta akan terus berusaha untuk memperbaiki chara<sup>2</sup> pasaran supaya petani<sup>2</sup> akan mendapat harga yang berpatutan dari tanaman<sup>2</sup> mereka. Lembaga Pemasaran Pertanian sedang giat menjalankan tugas ini. Di-samping itu Act Penanam<sup>2</sup> Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) yang di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat pada tahun lepas akan memberi faedah yang besar kepada penanam<sup>2</sup> padi.

Sa-imbang dengan usaha menambah pengeluaran negara dari perusahaan dan pertanian, Kerajaan Beta akan menggandakan usaha-nya untuk meluaskan perdagangan dengan negara<sup>2</sup> luar dan juga untuk mendapatkan harga yang berpatutan daripada barang<sup>2</sup> eksept. Kerajaan Beta telah mengadakan Perjanjian Perdagangan dengan beberapa negara termasuk negara<sup>2</sup> Eropah Timor dan akan menubuhkan lagi beberapa banyak Surohanjaya Perdagangan di-luar negeri untuk meluaskan lagi pasaran barang keluaran Malaysia. Beta berasa bangga ia-itu negara kita telah mengambil peranan yang penting dalam Persidangan Antara Bangsa untuk mendapatkan harga yang berpatutan dari hasil<sup>2</sup> pengeluaran<sup>2</sup> barang mentah di-pasar dunia. Semua usaha<sup>2</sup> Kerajaan ini ada-lah dengan satu tujuan ia-itu untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat jelata dan kema'moran negara.

Sambil menerangkan ranchangan<sup>2</sup> Kerajaan Beta ini, patut-lah juga Beta menarek perhatian Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat kapada kemerosotan harga getah yang besar akibat-nya kapada ekonomi negara kita. Getah ia-lah pengeluaran negeri ini yang terpenting sekali sekarang ini dan buat beberapa tahun yang akan datang sungguh pun perusahaan telah maju dan Kerajaan mengamalkan dasar memperbagaikan pertanian. Harga getah telah merosot lagi tahun ini jika dibandingkan dengan harga tahun yang lepas. Sa-benar-nya harga-nya sekarang ada-lah yang sa-habis rendah sekali dalam tempoh sembilan belas tahun yang lalu. Ini ada-lah di-sebabkan oleh kemerosotan ekonomi dunia yang tidak dapat di-elakkan. Oleh yang demikian keadaan kewangan kita ada-lah genting dan keadaan ini bertambah burok di-sebabkan juga oleh kebimbangan terhadap bila dan berapa chepat-kah ekonomi negara<sup>2</sup> yang menggunakan getah asli puleh semula. Oleh sebab keadaan yang membimbangkan ini, perbelanjaan<sup>2</sup> 'awam hendak-lah di-kurangkan dan tidak boleh berlebeh dari apa yang telah di-hadkan dalam perbekalan bagi tahun 1968 melainkan oleh sebab<sup>2</sup> yang tidak dapat di-elakkan. Jika sekira-nya kita tidak berbuat demikian, keadaan kewangan dan ekonomi negara akan terancham. Dengan lain perkataan, kita hendak-lah memileh sama ada kita berkehendakkan satu keadaan kewangan dan ekonomi yang setabil atau berkehendakkan Kerajaan menambah perbelanjaan-nya yang akan mengancham ekonomi negara. Kita tidak-lah boleh mendapatkan kedua<sup>2</sup>-nya ini sekali dan pemilehan yang mana satu hendak-lah di-buat sekarang ini juga.

Walau pun demikian kita boleh menghadapi masa depan dengan penoh keyakinan. Dengan ranchangan dan dasar yang baharu sahaja Beta huraikan tadi dan dengan ra'ayat negeri ini menyedari akan keadaan kewangan negara di-sertai dengan pengorbanan dan keazaman ra'ayat sekalian Beta yakin bahawa kebahagiaan dan kema'moran ra'ayat jelata sekalian akan bukan sahaja terjamin tetapi juga akan bertambah<sup>2</sup> lagi.

Terima kaseh.

The English Translation is as follows:

**Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of both Houses of Parliament:**

Once again it gives me great pleasure to address Honourable members of both Houses gathered here in joint assembly at this opening of the Fifth Session of

*Parliament of Malaysia. In the short time available, it will only be possible for me to touch on the major policies and programmes of my Government while the other policies and achievements of each Ministry in greater detail will be included in a special paper which will be distributed to members of both Houses.*

*On 31st, August last year, the nation celebrated the Tenth Anniversary of our Independence with great rejoicings and glowing pride and our people have good reason to do so in the light of the tremendous progress that we have achieved in every field in that short period of time. I have already mentioned the various achievements we have made and the problems that we have faced in my address to this House last year and there is no need for me to repeat them today. However, the hundreds of miles of new roads and irrigation canals and the vast stretches of newly planted rubber and oil palms, new schools, new health centres, and other amenities throughout the length and breadth of the country are tangible evidence of what my Government has done in the field of development in this country.*

*During these ten eventful years our nation has maintained political, economic and social stability which has brought happiness and prosperity to our people and dignity and respect to the nation. Needless for me to say that these successes have been achieved through the wisdom and leadership of our beloved Prime Minister, Tunku Abdul Rahman Putra, who has guided the nation with sincere devotion, dedication and vision. On behalf of myself and on behalf of the people of this country, I wish to take this opportunity of paying tribute to him and I also wish to offer our thanks to God Almighty who has given us strength and guidance to face the various trials and tribulations during those difficult years and I pray that we may continue to receive His blessings during the equally challenging years ahead.*

*Although we have achieved a considerable amount of success during the last ten years we should not allow ourselves to be complacent and rest on our laurels as the next few years will be yet more challenging. In this competitive age, our nation requires the best and determined effort of every Malaysian and we must constantly struggle to improve and adapt ourselves to meet this challenge. My Government is fully conscious of its promise to the people and its responsibility to bring peace, happiness and prosperity to all and also its duty to defend and protect our sovereignty and independence. To achieve these my Government will spare no efforts to find ways and means that will be of benefit to the nation.*

*As you are aware the British Government has already decided to withdraw her forces from this region by the end of 1971. In view of this accelerated withdrawal our Armed Forces will have to shoulder a greater responsibility in the defence of our nation's sovereignty and in the efforts to defend ourselves, it may be necessary to increase our defence capability further.*

*The withdrawal of British forces will also create a new military and political situation in this region. It has become necessary now for the partners to the Anglo-Malaysia Defence Agreement, i.e., the Governments of Australia, Britain,*

*Malaysia, New Zealand and Singapore to review the situation and the present Defence Arrangements to meet the changing circumstances and to that end a Ministerial meeting of the Governments concerned will take place here in June. My Government has taken steps to ensure that our Defence Arrangements with our Commonwealth Allies are not and will not be a threat to any of our neighbours or to any other country. It will not inhibit in any way our co-operation with our neighbouring countries.*

*In view of the security threat in East Malaysia, in particular Sabah, it becomes necessary for my Government to take certain defence measures which include the establishment of Local Defence Corps, the introduction of National Service Training and National Service Registration in Sabah. My Government has also decided to re-establish the Vigilante Corps in that State. The strong support including finance that has been forthcoming from the State of Sabah re-affirms the wishes of the Sabah Government and its people to remain in Malaysia and my Government is determined to defend that country from any form of aggression.*

*I wish also to remind my people to be always on guard against the irresponsible action of a small section of the people of this country who are bent on causing trouble. It is needless for me to stress the importance of maintaining a peaceful and stable social and political atmosphere if we want to attract local and foreign investments for the economic development of this country. We must always be vigilant against such elements and marshal our efforts to destroy them.*

*I am very glad to note that the Armed Forces, besides shouldering their military responsibility, have also provided assistance to the public during the recent floods and also in the field of rural development. I would, therefore, like to pay tribute to our Armed Forces for all their magnificent work.*

*In the field of foreign relations, I wish to recall in particular the official visit which my Prime Minister made to Indonesia from 4th to 8th March this year. As a result of this visit, our two countries have agreed to co-operate even more closely on the basis of mutual respect and amity in various fields, particularly in the economic, social and cultural fields. Furthermore, in line with the spirit of friendship and brotherhood which has always existed we have agreed to conclude a new Treaty of Friendship and also to seek peaceful settlement through negotiations of any difficulties which may arise between us. My Government is confident that there will be close relationship and greater co-operation between the two countries in the years ahead.*

*A development of far-reaching importance not only for us in Malaysia but, I believe, for all the people of this region, is the signing of the ASEAN Declaration on 8th August, 1967, by the Foreign Ministers of Indonesia, Malaysia, Philippines, Singapore and Thailand which gave birth to the Association of South-East Asian Nations. I hope this ASEAN concept will succeed, as I am sure it will, if all member countries honour their obligations sincerely and faithfully.*



*I wish to reiterate here my Government's firm adherence, as it has always been in the past, to an independent foreign policy. My Government will continue to strive to maintain cordial and fruitful relations with all friendly countries, irrespective of their economic and social systems. Based on the principles of peaceful co-existence, genuine respect for the independence and territorial integrity of states, non-interference in the internal affairs of states and co-operation for mutual benefit, Malaysia has over the past year extended further her diplomatic links with many other countries including the Soviet Union and Yugoslavia. It is my earnest hope that these relations will lead to fruitful co-operation between these countries and Malaysia. I am happy to note that our Deputy Prime Minister has just returned from a successful visit to European countries and Soviet Russia and I am sure that his visit will strengthen further our friendly ties with those countries.*

*I wish also to reiterate here the continued and firm support of my Government for the United Nations in its efforts to maintain international peace and security and to eradicate the evils of colonialism, racialism and poverty from which so many countries of the world have suffered for so long. It is the deep conviction of my Government that international peace, human justice and economic prosperity are indivisible and my Government will constantly strive for their realization.*

*In the field of education, my Government will consolidate and strengthen primary education by the orientation of its curriculum with modern educational trends. At the secondary level, priority will continue to be given to technical and vocational education to fit in with the requirements of our developing economy and in this respect the Malaysia Vocational School Certificate Examination will be introduced in 1969. As regards higher education, my Government is still making preparations for the establishment of a University College in Penang. In this field too the Report of the Higher Education Planning Committee will become the blueprint for the development of higher education for the next twenty years and my Government will provide various categories of higher education that are not yet available in this country within that period.*

*As I mentioned in my address last year, it is the policy of my Government to provide a housing scheme in every town in Malaysia and every effort is now being made to achieve this aim. My Government has launched a crash programme which will provide from thirty-two to fifty units per scheme in every town where there is as yet no low cost housing scheme. It is expected that this scheme will produce about four thousand units of terrace brick houses this year apart from the other low cost housing schemes carried out by State Governments or Federal schemes in big towns like Kuala Lumpur and Penang, where two pilot industrial housing projects, which will eventually yield a total number of over 7,000 units, have been launched. Experts in the field of house financing from the United States have conducted a feasibility survey on the establishment of savings and loans Association as a measure to mobilise domestic capital for house and development financing and their report is now being studied.*



*I am glad that the death rate and the infant mortality rate have steadily decreased over the last few years. This indicates the steady improvement of the health of our people. My Government, however, continues to pay attention to improving and expanding further the medical and health services particularly to the people in the rural areas with the objective of further improving their health and consequently the attainment of a higher socio-economic status. Malaria is still posing a threat in the rural areas and my Government has embarked on a ten year programme to eradicate malaria from this country. I am glad that the shortage of doctors which was experienced for many years, will soon be overcome. The Medical Faculty in the University of Malaya, with its teaching hospital, which is said to be the best in this region, will produce its first graduates from 1969.*

*My Government has continued its active labour policy and the past year had witnessed some significant achievements in this field. The Malaysian Migration Fund Board has more than fulfilled its original targets and expectations and is now firmly established as a positive participant in the economic development of Sabah. I am also glad to note that industrial relations have been maintained at a high level and this, to a certain extent, reflects the growing maturity of Trade Union leaders in this country.*

*The new Social Security Scheme to cater for workers who suffer permanent invalidity from whatever cause or meet with accidents during the course of their employment, is to be introduced soon. My Government attaches the greatest importance to this Scheme, as it lays the foundations for the promotion of the welfare of a large section of our population—the workers. It is expected that the necessary legislation for the scheme will be introduced in Parliament shortly and actual implementation will start soon thereafter. I am happy that in introducing this scheme, we have the unanimous support and co-operation of the Government, employers and the workers.*

*The industrial training programme will receive added impetus in the course of the next year. Substantial assistance from both friendly Governments and the United Nations Agencies is expected to be forthcoming to enable my Government to expand and intensify the industrial training programme and to train the corps of instructor personnel to carry out this programme. Besides the proposal to establish a new Industrial Training Institute in Butterworth, the facilities of the Institute at Kuala Lumpur are also to be expanded. My Government hopes, by these steps, to equip our growing youthful population with the skills demanded by our industrial growth. This will not only help to find employment for them but also to assist in further and accelerated expansion of our industrial sector.*

*My Government will also pay greater attention to the question of the safety and health of workers in all types of employment. The new legislation in this regard passed by Parliament last year will be brought into operation shortly and the newly-established Industrial Health Unit will commence full-fledged activities to promote a healthier work environment.*

*The youths of today will provide the future leaders of tomorrow. Upon them lies the destiny of this nation. It is, therefore, important that they should be*

*instilled with the sense of patriotism and loyalty towards this country. For this purpose my Government has declared 31st July as a national Youth Day throughout Malaysia.*

*In the field of administration, efforts are continuously being made to re-adjust our administration procedures and to train our officers. The Anti-Corruption Agency, which has gained some measure of success since its re-organisation, will pursue with greater vigour its aim of creating a more honest and efficient civil service.*

*In our efforts to develop our natural resources my Government encourages prospecting for tin ore and other minerals. An agreement was recently signed with two oil firms for the prospecting of oil in the continental shelf areas of West Malaysia. We hope this will become a new source of natural wealth in this country.*

*In the field of national economic development, it is a matter of pride that our nation has, in the past ten years, laid down a strong foundation in the field of industry and agriculture. My Government is determined to push economic development forward. It is the policy of my Government to expand and diversify manufacturing industries while at the same time to develop and diversify agriculture. The Government's policy of free private enterprise, the pioneer industries legislation and the Investment Incentive Act which was recently passed by Parliament are steps which have been taken to promote industrial development in this country. My Government is fully aware of the need to take such steps not only to increase national production but also to provide employment to the thousands of youths who will be leaving schools and universities each year.*

*Another landmark in the progress of industrial development has been the establishment of assembly plants to assemble motor vehicles locally while every encouragement is given to the setting up of industries manufacturing component parts for motor vehicles. I am glad to note that resulting from our industrial development our country is now producing goods not only for local consumption but also for the export market. The FIDA which was established in 1967 is actively conducting studies on various aspects of industrial development. This authority will make available any advice or information to those who wish to invest in this country.*

*My Government is simultaneously concentrating its efforts on the agricultural sector of our economy. It has taken steps for the greater and better utilisation of our land. Efforts are being made to increase our agricultural production both for the home and export markets. New areas will be opened up for agriculture and with modern techniques existing agricultural land will be improved. One of the biggest agricultural projects that will be undertaken will be the opening of large areas of new padi lands in Sabah and Sarawak. With many irrigation schemes already completed or in the various stages of completion like the Muda Scheme in Kedah and the Kemubu Scheme in Kelantan hundreds of thousands of acres of padi land will be made possible for double cropping. Apart from the Jengka Triangle my Government is also planning to open up thousands of acres in Pahang and Johore.*

Research is being actively carried out to find new varieties of crop and new methods of planting which can give maximum yields. Meanwhile, agricultural extension services are being intensified to change the attitude of farmers so that they can benefit from modern technical advancement. It is of vital importance that our farmers should adopt a more dynamic attitude and use new techniques to achieve maximum benefits from their labour. As a means of achieving this, the Government proposes to open up lands in specific areas for agricultural development where concentrated efforts will be carried out with modern techniques while at the same time, expansion services to existing smallholders will be continued and expanded.

My Government will continue to find ways and means to improve marketing facilities so that farmers can get a fair price for their produce. The FAMA is actively engaged in this field. In addition the Padi Cultivators' (Control of Rent and Security of Tenure) Act passed by Parliament last year will bring further benefits to the padi planters.

In conjunction with our efforts to increase production, my Government is doubling its efforts to expand our foreign trade. Continuous efforts are also being made to get a fair and reasonable price for our export products. My Government has entered into Trade Agreements with a number of countries including those in Eastern Europe and many more Trade Commission will be established to find new markets and expand present ones for Malaysian products. It is with a sense of pride that our nation has actively participated in International Conferences in the fight for a fair and reasonable price for our export commodities. All these efforts are for one sole purpose, that is, to raise the standard of living of my people.

While explaining the brighter side of my Government's policy programme, I should also draw your attention to the fall in the price of rubber which has grave effects on our economy. The price of rubber, which is by far the most important sector of our economy, and which will remain so for a long time more to come in spite of industrialisation and our policy of agricultural diversification, has, in 1968, dropped even lower than it did in 1967. Indeed, it has dropped to its lowest level in nineteen years. This was due to world recession, a situation beyond the control of my Government. As a result, our financial difficulties are acute and have been aggravated by not only this factor but by the uncertainty which still prevails in regard to the timing and pace of economic recovery in the countries which are the main consumers of natural rubber. The immediate outlook, therefore, is both uncertain and discouraging. Under these circumstances, public expenditure must be cut to the barest minimum and must not be allowed to increase beyond the level envisaged in the 1968 Budget under any but the most exceptional circumstances. Failure to do this will, without any doubt at all, jeopardise our financial and economic stability. In other words, we must choose between financial and economic stability on the one hand and increased Government expenditure with its undesirable effects on the other. We cannot have both. It must be one or the other and a choice must be made now.

In spite of this, we can face the future with confidence. With my Government's policy programme which I have just enumerated, and with the people fully

*realising the difficult financial situation of the country and their preparedness to sacrifice and determination to strive, I am confident that the prosperity and progress of the people will not only be maintained but also be further enhanced.*

*Thank you.*

## PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya hendak mema'alumkan ia-itu saya ada menerima satu Perutusan yang bertarikh 8hb Mach, 1968, daripada Yang di-Pertua, Dewan Negara berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> tertentu yang dahulu di-hantar oleh Majlis ini pada Dewan Negara meminta persetujuan. Setia-usaha Dewan akan membachakan Perutusan yang saya sebutkan itu:

(Setia-usaha Dewan membacha Perutusan).

“8hb Mach, 1968.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Negara telah bersetuju dengan Rang Undang<sup>2</sup> yang berikut tanpa pindaan:

1. bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Yang di-Satukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1967 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud<sup>2</sup> yang tertentu;
2. to amend the Excise Act, 1961;
3. to amend the Malayan Estates Staff Provident Fund Ordinance, 1947;
4. to amend the Hire-Purchase Act, 1967;
5. to amend the Federal Capital Act, 1960;
6. to amend the Municipal Ordinance;
7. to amend the Town Boards Enactment of the Federated Malay States;
8. bagi menggunakan sa-jumlah wang daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1968 dan bagi memperuntukkan wang itu dan

lain<sup>2</sup> wang sa-bagaimana yang telah di-benar di-keluarkan untuk perkhidmatan bagi tahun itu;

9. bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan chara yang lebeh baik dan lebeh berkesan bagi menguatkuasakan perentah<sup>2</sup> nafkah;
10. to amend the Banking Ordinance, 1958;
11. to amend the Central Bank of Malaysia Ordinance, 1958;
12. to amend the laws relating to income tax in Sabah, Sarawak and West Malaysia and the law relating to supplementary income tax;
13. bagi membuat peruntukan bagi menggalakkan, dengan jalan dilepaskan daripada chukai pendapatan dan chukai daftargaji, penubohan dan pembangunan perusahaan dan lain<sup>2</sup> usaha perdagangan dalam Malaysia bagi memajukan eksepot dan bagi maksud<sup>2</sup> yang bersangkutan dan berkaitan;
14. to amend the law relating to excise;
15. bagi memberi kuasa kepada Badan Perundangan Sarawak membuat undang<sup>2</sup> berkenaan dengan penggunaan wang<sup>2</sup> yang di-pinjam di-bawah Ordinance Pinjaman (Pengurusan Sekolah), 1964, Negeri Sarawak untuk maksud<sup>2</sup> yang tertentu;
16. untuk membuat peruntukan bagi mengawal benda<sup>2</sup> radioaktif dan radas pendiangan dan bagi perkara<sup>2</sup> yang berhubung dengannya;
17. to amend the National Land Code (Penang and Malacca Titles) Act, 1963;
18. to amend the Wild Animals and Birds Protection Ordinance, 1955;

19. bagi membuat peruntukan berkenaan dengan Lagu Kebangsaan; Persekutuan;
20. to amend the Wages Councils Ordinance, 1947.

(sd.) Abdul Rahman Mohd. Yassin  
Yang di-Pertua,  
Dewan Negara."

### **MEMPERKENANKAN RANG UNDANG<sup>2</sup>**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya hendak mema'alumkan kepada Majlis ini bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan Rang Undang<sup>2</sup> berikut yang telah di-luluskan oleh Parlimen baharu<sup>2</sup> ini. Ada 20 Undang<sup>2</sup>, saya baca satu persatu.

1. Act Perbekalan Tambahan (1967), 1968.
2. Act Perbekalan. 1968.
3. Malayan Estates Staff Provident Fund (Amendment) Act, 1968.
4. Hire Purchase (Amendment) Act, 1968.
5. Federal Capital (Amendment) Act, 1968.
6. Municipal (Amendment) Act, 1968.
7. Town Boards (Amendment) Act, 1968.
8. Act (Menguatkuasakan Nafkak) Perempuan Bersuami dan Kanak<sup>2</sup>, 1968.
9. Excise (Amendment) Act, 1968.
10. Finance Act, 1968.
11. National Land Code (Penang and Malacca Titles) (Amendment) Act, 1968.
12. Wild Animals and Birds Protection (Amendment) Act, 1968.
13. Act Galakan Pelaburan, 1968.
14. Excise (Amendment) (No. 2) Act, 1968.
15. Wages Councils (Amendment) Act, 1968.
16. Act Badan Perundangan Sarawak (Penggunaan Wang<sup>2</sup> yang dipinjam daripada Persekutuan) 1968.

17. Act Benda<sup>2</sup> Radioaktif, 1968.
18. Banking (Amendment) Act, 1968.
19. Central Bank of Malaysia (Amendment) Act, 1968.
20. Act Lagu Kebangsaan, 1968.

### **RANG UNDANG<sup>2</sup> DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT**

#### **THE CONSTITUTION (AMENDMENT) BILL**

Rang Undang<sup>2</sup> "The Constitution (Amendment) Bill" di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada meshuarat akan datang.

#### **RANG UNDANG<sup>2</sup> PERBEKALAN TAMBAHAN (1968)**

Rang Undang<sup>2</sup> "Perbekalan Tambahan (1968)" di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

#### **THE TARIFF ADVISORY BOARD (AMENDMENT) BILL**

Rang Undang<sup>2</sup> "The Tariff Advisory Board (Amendment) Bill" di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

#### **THE EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) BILL**

Rang Undang<sup>2</sup> "The Employees Provident Fund (Amendment) Bill" di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

#### **THE EXCISE (AMENDMENT) BILL**

Rang Undang<sup>2</sup> "The Excise (Amendment) (No. 3) Bill" di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Setia-usaha Parlimen

kapada Menteri Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

### **THE SABAH PORTS AUTHORITY (CONSEQUENTIAL PROVISIONS) BILL**

Rang Undang<sup>2</sup> "The Sabah Ports Authority (Consequential Provisions) Bill" di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Pengangkutan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

### **THE EDUCATION (AMENDMENT) BILL**

Rang Undang<sup>2</sup> "The Education (Amendment) Bill" di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Pelajaran; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

### **THE COURTS OF JUDICATURE (AMENDMENT) BILL**

Rang Undang<sup>2</sup> "The Courts of Judicature (Amendment) Bill" di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Ke'adilan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

### **THE CONTROL OF RENT (AMENDMENT) BILL**

Rang Undang<sup>2</sup> "The Control of Rent (Amendment) Bill" di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perusahaan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

### **RANG UNDANG<sup>2</sup> PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG**

Rang Undang<sup>2</sup> Perbadanan Padang Golf Subang di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada

persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

### **THE CO-OPERATIVE COLLEGE (INCORPORATION) BILL**

Rang Undang<sup>2</sup> "The Co-operative College (Incorporation) Bill"; di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

## **USUL<sup>2</sup>**

### **JALAN<sup>2</sup> MASOK KA-PARLIMEN**

**Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, sa-panjang Penggal Dewan Ra'ayat yang ada sekarang, jalan<sup>2</sup> dan lorong<sup>2</sup> menuju ka-Dewan ini hendak-lah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa<sup>2</sup> halangan menggalang ahli<sup>2</sup> hendak pergi dan balek dari Dewan ini, jangan berlaku apa<sup>2</sup> kachau-bilau, di-jalan<sup>2</sup> menuju ka-arrah Dewan ini, dan supaya jangan ada apa<sup>2</sup> gangguan di-Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan-nya; dan Setia-usaha Dewan Ra'ayat hendak-lah menyampaikan perintah ini kapada Ketua Polis Negara tersebut.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok):** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan saya ingin berchakap sedikit berkenaan dengan chadangan ini. Pada tiap<sup>2</sup> tahun, kita mengemukakan chadangan ini dan saya tidak-lah hendak membantah dari segi tujuan chadangan itu, tetapi tahun 1966 Kerajaan, kalau tidak silap saya, pernah berjanji di-dalam Dewan ini akan menyemak chara<sup>2</sup> pengawalan di-Parlimen, ia-itu kalau-lah perkara ini mustahak pada tiap<sup>2</sup> kali kita meshuarat tidak-lah payah kita bawa dalam Dewan ini tetapi biar-lah menjadi perkara biasa dan yang kedua kalau kita kekalkan sa-bagai yang ada di-hadapan kita ini juga, erti-nya hari ini petang, baharu kita hendak membahath dan kita hendak meminta Inspector-General menjaga apa hal

pagi tadi dan apa hal sa-malam yang berlaku ada-kah perkara itu tidak siapa yang bertanggung-jawab? Saya tidak tahu ada-kah Menteri Muda Keselamatan yang ada sekarang ini tahu kesah<sup>2</sup> ini dan tahu kesah<sup>2</sup> yang telah di-janji oleh Menteri yang lama itu. Ini-lah yang saya harapkan Menteri Muda ini menjawab apa-kah dia membawa *motion* ini dengan sa-mata<sup>2</sup> sa-bagai *formality* dengan tidak teringat langsung apa yang di-janji oleh Kerajaan pada tahun lalu.

#### **Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:**

Tuan Yang di-Pertua, usul ini yang sa-benar-nya ada-lah usul sa-rupa sa-chara buat rasmi pada tiap<sup>2</sup> mula persidangan, tetapi pada pendapat saya ini ada-lah mustahak mengikut sa-bagaimana yang biasa di-buat untuk menjaga keselamatan Ahli<sup>2</sup> termasuk juga Yang Berhormat Ahli dari Bachok.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

#### **Di-putuskan,**

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, sa-panjang Penggal Dewan Ra'ayat yang ada sekarang, jalan<sup>2</sup> dan lorong<sup>2</sup> menuju ka-Dewan ini hendak-lah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa<sup>2</sup> halangan menggalang Ahli<sup>2</sup> hendak pergi dan balek dari Dewan ini, jangan berlaku apa<sup>2</sup> kachau-bilau, di-jalan<sup>2</sup> menuju ka-arrah Dewan ini, dan supaya jangan ada apa<sup>2</sup> gangguan di-Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan-nya; dan Setia-usaha Dewan Ra'ayat hendak-lah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara tersebut.

#### **JAWATAN-KUASA PEMILEH**

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin)** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I beg to move that in pursuance of paragraph (2) of Standing Order 76, a Committee consisting of the Speaker as Chairman and the following six Members of the House be appointed to serve as a Committee of Selection:

The Deputy Prime Minister  
The Minister of Finance  
The Minister of Education  
The Minister of Labour  
The Honourable Tuan Chia Chin Shin.

The Honourable Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda.

As Honourable Members will be aware, this House is required to appoint a Committee of Selection at the beginning of every session of Parliament in accordance with Standing Order No. 76. The function of this Committee is to appoint the various committees required by Standing Orders. Honourable Members will also be aware that the composition proposed for this Committee is identical with that of the previous Committee and since the previous Committee has functioned well enough, it is proposed that no change be made.

**Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong chadangan ini.

Question put, and agreed to.

Resolved,

"That, in pursuance of paragraph (2) of Standing Order 76, a Committee consisting of the Speaker as Chairman and the following six Members of the House be appointed to serve as the Committee of Selection—

The Deputy Prime Minister  
The Minister of Finance  
The Minister of Education  
The Minister of Labour  
The Honourable Tuan Chia Chin Shin  
The Honourable Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda.

#### **PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE (APPOINTMENT OF CHAIRMAN)**

**Tun Tan Siew Sin** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I beg to move the motion standing in my name, viz:

That the Honourable Tuan Tan Toh Hong be appointed Chairman of the Public Accounts Committee.

Standing Order No. 77 of this House requires that a Public Accounts Committee should be constituted at the beginning of each Session of Parliament and that a Chairman for the Committee should be appointed. The Committee of Selection will in due course appoint the other members of the Committee.

The Honourable Tuan Tan Toh Hong has served as Chairman of the Committee for the previous three sessions, viz. since 1965, and he has discharged his duties with ability and devotion. It would be of considerable advantage to the Committee in carrying out this important branch of parliamentary work to have a Chairman, who has had much experience and who has done such good work for the past three years. Honourable Members will, therefore, probably agree with me that the House should again call upon the same Honourable Member to serve as Chairman of the Committee for another session.

I would also like to take this opportunity, in proposing the Honourable Member's re-appointment, to express on behalf of the House and myself, our gratitude to him and his colleagues in the Committee for having rendered such invaluable service during the previous session, and to Tuan Tan Toh Hong himself for agreeing to serve again as Chairman of the Committee. I have no doubt that he will continue to perform creditably.

Sir, I beg to move.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

That the Honourable Tuan Tan Toh Hong be appointed Chairman of the Public Accounts Committee.

## UNDANG<sup>2</sup> KASTAM, 1967

Perintah Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan)  
(No. 3), 1968

**Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) sekshen 147, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 61 tahun 1968, di-sahkan.

Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat barangkali masch ingat di-dalam persidangan

Belanjawan yang lepas, chukai<sup>2</sup> eksais telah di-kenakan di-atas barang<sup>2</sup> saperti "monosodium glutamate", chat dan varnis, ubat<sup>2</sup> gigi, sabun mandi dan sabun kasar. getah lembut (foam rubber), tayar, simen dan tilam<sup>2</sup> di-perbuat daripada getah lembut dan sa-bagai-nya. Oleh kerana barang<sup>2</sup> ini tidak di-kenakan chukai apabila di-impot ka-Pulau Pinang maka ini berma'ana pengilang<sup>2</sup> di-Tanah Besar yang hendak memasar barang<sup>2</sup> itu ka-Pulau Pinang mendapati kedudukan yang kurang baik berbanding dengan pengimpot<sup>2</sup> di-Pulau Pinang. Untuk membetulkan kedudukan ini, ada-lah di-putuskan bahawa chukai impot di-kenakan di-atas barang<sup>2</sup> tersebut di-Pulau Pinang. Tujuan perintah ini ialah untuk melaksanakan tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh (Tuan Lee San Choon):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) sekshen 147, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 61 tahun 1968, di-sahkan.

## UNDANG<sup>2</sup> KASTAM (TARIF BERSAMA MALAYSIA), 1966

Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kapada Pulau Pinang) (Pindaan)  
(No. 3), 1968

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kapada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 62 tahun 1968, di-sahkan.



Permohonan telah di-terima untuk memasukkan peti<sup>2</sup> sabun daripada Pulau Pinang kepada Kawasan Utama Kastam dengan di-kechualikan daripada bayaran chukai kastam. Peti<sup>2</sup> sabun ini di-bawa masuk daripada Pulau Pinang kepada kilang<sup>2</sup> di-Seberang Prai untuk di-gunakan menyimpan sabun.

Peti<sup>2</sup> sabun ini di-perjeniskan di-bawah Tarif Kod 632 101, 632 102 dan 632 103 dan sekarang di-kenakan chukai sa-banyak 20% bagi seluruh Malaysia kechuali Pulau Pinang dan Labuan. Ada-lah di-putuskan bahawa daripada memberi kemudahan kemasokan bebas daripada chukai kastam elok-lah chukai impot di-kenakan di-Pulau Pinang. Perintah yang ada di-hadapan Dewan ini ada-lah untuk melaksanakan tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya usul ini di-luluskan.

**Tuan Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1968, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kapada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 62 tahun 1968, di-sahkan.

## **UNDANG<sup>2</sup> KASTAM (TARIF BERSAMA MALAYSIA), 1966**

**Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 4), 1968**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencha-dangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 4), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 63 tahun 1968, di-sahkan.

Semua jenis barang<sup>2</sup> plastik dahulu di-kenakan chukai sa-banyak 25%

(Chukai penoh dan chukai istimewa) bagi seluruh Malaysia. Chukai impot bagi sa-bahagian barang<sup>2</sup> ini yang di-perjeniskan di-bawah Tarif Kod No. 893 201, 893 203, 893 204, 893 207, 893 209-2 dan 894 427 telah di-naikkan kapada 50% atau 50 sen tiap<sup>2</sup> satu lb. bergantung kapada mana satu yang lebih tinggi bagi seluruh Malaysia. Chukai impot bagi "lampu dan fitting lampu" yang di-perbuat daripada plastik telah di-naikkan kapada 30%. Kenaikan chukai<sup>2</sup> impot ada-lah mustahak kerana melindungi pembuat<sup>2</sup> barang<sup>2</sup> plastik tempatan daripada kemasokan barang<sup>2</sup> plastik yang murah daripada luar negeri. Kesempatan juga di-ambil bagi memasukkan di-bawah Perintah ini Tarif Kod No. 581 213 "Kulit Tiruan" polyvinyl-chloride in sheets, not further worked yang chukai-nya telah di-turunkan daripada 35% (chukai penoh) dan 25% (chukai istimewa) kapada 25% (chukai penoh dan chukai istimewa) bagi seluruh Malaysia. Chukai impot yang di-turunkan ini akan menolong pembuat<sup>2</sup> tempatan yang menggunakan kain<sup>2</sup> kulit (leather cloth) sa-bagai bahan<sup>2</sup> mentah bagi membuat beg duit, beg tangan dan sa-bagai-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 4), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 63 tahun 1968, di-sahkan.

## **UNDANG<sup>2</sup> KASTAM (TARIF BERSAMA MALAYSIA) 1966**

**Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan Kapada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1968**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencha-dangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan

kapada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kepada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4) Perintah 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 64 tahun 1968, di-sahkan.

Apabila membuat usul bagi Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 4), 1968 yang baharu sahaja di-sahkan oleh Dewan ini, adalah di-nyatakan bahawa chukai bagi "unsupported p.v.c. leather cloth" yang di-perjeniskan di-bawah Tarif Kod No. 581 213 di-turunkan kepada 25% (Chukai Penoh dan Chukai Istimewa) bagi seluroh Malaysia. Perintah yang ada di-hadapan Dewan ini sekarang ada-lah melaksanakan keputusan itu tetapi bagi Pulau Pinang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Lanjutan kepada Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 64 tahun 1968, di-sahkan.

## UNDANG<sup>2</sup> KASTAM, 1967

**Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 2), 1968**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 11, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967 Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 2), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 65 tahun 1968, di-sahkan.

Dalam Meshuarat Dewan Ra'ayat pada bulan Jun, 1968, satu kenyataan telah di-buat ia-itu chukai impot sa-banyak 19 sen satu 1 lb (chukai penoh) dan 15 sen satu 1lb (chukai istimewa)

yang di-kenakan di-atas susu pekat manis (sweetened condensed milk) ada-lah di-kenakan untuk melindungi dan menggalakkan perusahaan tempatan. Pada masa itu chukai impot tidak di-kenakan di-atas susu chayer tidak manis (unsweetened condensed milk) kerana perusahaan tempatan belum lagi mengeluarkan sa-bahagian besar daripada kehendak<sup>2</sup> di-negeri ini. Sekarang ada-lah di-dapati bahawa perusahaan tempatan itu boleh mengeluarkan semua susu yang di-kehendaki ia-itu di-anggarkan sa-banyak 206,000 katon sa-tahun. Perusahaan membuat susu itu pada masa ini mempunyai kebolehan mengeluarkan yang berlebeh<sup>2</sup>an dan susu<sup>2</sup> itu akan di-eksepot. Memandang kapada perkembangan baharu itu, maka ada-lah di-fikirkan bahawa perlindungan tarif patut-lah di-beri sa-banyak 15 sen satu lb (chukai penoh) dan 11 sen satu lb (chukai istimewa) bagi susu chayer tidak manis bagi seluroh Malaysia termasuk Pulau Pinang. Perintah tersebut di-atas ada-lah untuk melaksanakan tujuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 11, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 2), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 65 tahun 1968, di-sahkan.

## UNDANG<sup>2</sup> KASTAM, 1967

**Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1968**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 147, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 66 tahun 1968, di-sahkan.

Perintah yang ada di-hadapan Dewan ini sekarang ada-lah sama dengan Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 2), 1968 yang baharu sahaja di-sahkan oleh Dewan ini melainkan ia di-kenakan kepada Pulau Pinang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 147, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 66 tahun 1968, di-sahkan.

## UNDANG<sup>2</sup> EKSAIS, 1961

Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2), 1968

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 7, Undang<sup>2</sup> Eksais 1961, Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 67 tahun 1968, di-sahkan.

Perintah yang ada di-hadapan Dewan ini meminda chara mengutip chukai<sup>2</sup> eksais di-atas dua jenis barang buatan tempatan ia-itu minyak pekat (fuel oil), chat<sup>2</sup> ayer jenis "distemper" dan jenis "cement based."

Chukai eksais bagi minyak pekat dahulu di-kenakan sa-banyak 7 sen satu gelen. Baharu<sup>2</sup> ini chukai itu telah di-tukarkan kepada \$17 satu ton. Penukaran ini ada-lah di-fikirkan mustahak kerana pengalaman telah menunjokkan bahawa chara mengutip chukai dahulu berdasarkan kepada isi persegi telah menimbulkan beberapa kesusahan kepada pengimpot<sup>2</sup> minyak pekat kerana tidak dapat menetapkan harga barang<sup>2</sup> mereka. Ini ada-lah di-

sebabkan isi persegi bagi minyak pekat itu bertukar mengikut darjah panas tinggi-nya. Oleh itu, sangat-lah muna-sabah jika chukai itu di-asaskan kepada berat minyak pekat itu.

Chara mengutip chukai eksais pun di-tukarkan bagi chat<sup>2</sup> ayer jenis "distemper" dan jenis "cement based" daripada 50 sen satu gelen kepada 3 sen satu lb. Penukaran chara<sup>2</sup> mengutip chukai eksais di-atas kedua<sup>2</sup> barang tersebut tidak menaikkan beban chukai<sup>2</sup> mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok):** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan saya berchakap sedikit berkenaan dengan *motion*<sup>2</sup> yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, terutama *motion* yang ada di-hadapan kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka hendak mengingatkan ia-itu *motion*<sup>2</sup> yang itu berma'ana *motion* yang telah lalu. *Motion*<sup>2</sup> yang telah lepas, tidak payah lagi di-sentoh; *motion* Number 10 sahaja-lah.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ikut nasihat itu.

Tuan Yang di-Pertua, *motion* yang ada di-hadapan kita ini berkenaan dengan Kertas Undangan 67 nyata-lah bahawa Kerajaan kita mempunyai pengalaman dalam mengutip chukai—dua pengalaman. Yang pertama susah hendak mengutip chukai<sup>2</sup> itu. Yang kedua dengan ada-nya chukai ini memberi satu keberatan atau pun kesusahan kepada ra'ayat yang bekerja di-dalam perkara ini—import-nya dan export-nya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak katakan dalam Dewan ini ia-lah berapa banyak-kah yang Kerajaan kita membelanjakan wang, kerana mengutip chukai<sup>2</sup> yang sama dengan chukai ini, ia-itu pada mula-nya dia berniat hendak mengutip chukai, tetapi belanja

kerja<sup>2</sup> hendak mengutip chukai itu lebih banyak daripada chukai yang dikutip. Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan bahawa Kerajaan kita termasuklah Dewan kita ini sendiri sama ada pehak Kerajaan atau pun Pembangkang, di-waktu kita meluluskan undang<sup>2</sup> dahulu, kita tidak memikirkkan ada-kah chukai yang akan kita kenakan itu membawakan kepada satu chara yang ekonomik, ia-itu kita mengutip chukai itu kira<sup>2</sup> kalau tidak utong pun padan dengan belanja yang kita belanjakan untuk mengutip chukai itu, maka dengan ada-nya *motion* ini dan dengan ada-nya Kertas Undangan 67 ini nyata-lah bahawa kerja<sup>2</sup> kita itu banyak belanja-nya lebih daripada apa yang hendak kita kutip dan itu patutlah kita hati<sup>2</sup> pada chukai<sup>2</sup> yang lain.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak bahawa apa yang di-katakan oleh pehak Kerajaan, ia-itu hendak memberi kemudahan kepada ra'ayat jelata atau pun kepada peniaga<sup>2</sup> yang membawa masuk minyak<sup>2</sup> jenis ini. Apa yang saya nampak ia-lah Kerajaan berasa tersilap dia kutip oleh kerana ia belanja banyak duit tidak dapat, maka di-turunkan ini. Kalau-lah wang yang di-pungut itu banyak, atau pun kira<sup>2</sup>-nya sa-imbang dengan apa yang di-belanjakan, saya tidak fikir Kerajaan yang ada sekarang ini akan merasa sa-barang kasehan kepada ra'ayat.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu mengikuti dengan teliti akan sidang<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat pada kali<sup>2</sup> yang telah lalu, maka beliau tidak-lah akan berkata, ia-itu belanja untuk mengutip chukai itu lebih daripada hasil chukai yang di-dapati. Chuma, Tuan Yang di-Pertua, perintah yang ada di-dadapan kita pada masa ini ia-lah hendak mengubah chara mengutip chukai itu. Jadi soal yang lain<sup>2</sup>, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah timbul dan juga soal Kerajaan salah kutip ini tidak-lah timbul. Dengan chara yang baharu ini ada-lah di-fikirkan lebih mudah untuk Kerajaan mengutip chukai dan lebih mudah lagi untuk peniaga<sup>2</sup> menetapkan harga<sup>2</sup> minyak yang hendak di-jual-nya.

Jadi, soal belanja mengutip chukai lebih daripada hasil chukai yang di-dapati itu tidak-lah timbul sama sa-kali dan juga soal silap kutip itu tidak juga sama sa-kali timbul.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:**

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mendapat banyak pelajaran, kalau sa-kiranya Menteri ini suka memberi keterangan sedikit lagi ia-itu apa yang saya maksudkan salah itu bukan kerana satu kesalahan criminal atau pun satu kesalahan zalim, ia-itu yang saya maksudkan chara kita memungut tentu-lah kita belanja dahulu, sebab kita hendak ubah ini kerana kita hendak chari satu chara yang mudah; itu-lah chara yang ekonomik-nya, ia-itu kita boleh dapat wang dan orang lain pun tidak susah. Ada pun chara yang kita jalankan dahulu nyata-lah tidak dapat di-gunakan lagi, sebab itu kita pinda sekarang, jikalau tidak, apa guna kita pinda—membuang masa sahaja. Jadi, saya minta-lah pehak Kerajaan tolong beri erti apa yang di-katakan ubah chara baharu itu, kalau tidak chara ini lebih ekonomik daripada chara yang dahulu.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:**

Tuan Yang di-Pertua, soal chara mengutip lebih ekonomik atau tidak ekonomik tidak timbul, chuma sa-bagaimana yang telah saya katakan dalam ucapan saya pada mula<sup>2</sup> tadi, ia-itu chara mengutip yang baharu ini lebih mudah bagi semua pehak dan lebih mudah bagi orang yang hendak berniaga dan lebih mudah bagi Kerajaan menentukan. Jadi, soal ekonomik atau tidak ekonomik, tidak timbul. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu sengaja hendak mengelirukan dengan membawa soal yang berbelit<sup>2</sup> di-hadapan Majlis ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

**Di-putuskan,**

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepadanya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 7, Undang<sup>2</sup> Eksais 1961, Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 67 tahun 1968, di-sahkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 30 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.00 petang.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.30 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## **UNDANG<sup>2</sup> EKSAIS SABAH No. 18, 1959**

**Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2), 1968**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 3, Undang<sup>2</sup> Eksais Sabah, No. 18 tahun 1959, Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 68 tahun 1968, di-sahkan.

Perintah yang ada di-hadapan Dewan ini ada-lah sama dengan Perentah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2) 1968 bagi Malaysia Barat yang baharu sahaja di-sahkan oleh Dewan ini, tetapi Perintah ini di-kenakan kapada Sabah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya usul ini di-luluskan.

**Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 3, Undang<sup>2</sup> Eksais Sabah, No. 18 tahun 1959, Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 68 tahun 1968, di-sahkan.

## **UNDANG<sup>2</sup> EKSAIS SARAWAK (BAB 27)**

**Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2) 1968**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 3, Undang<sup>2</sup> Eksais Sarawak (Bab 27) Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 69 tahun 1968, di-sahkan.

Perintah yang ada di-hadapan Dewan ini ada-lah sama dengan Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2) 1968 bagi Malaysia Barat yang baharu sahaja di-sahkan oleh Dewan ini, tetapi Perintah ini di-kenakan kapada Sarawak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya usul ini di-luluskan.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, mengubah peratoran चुकai yang di-kenakan kapada Sarawak dalam motion ini, saya dapati kita akan tukarkan daripada 50 sen yang di-kutip kapada tiap<sup>2</sup> satu gelen kapada 3 sen kapada tiap<sup>2</sup> satu paun.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi ilmu hisab memang benar boleh jadi 50 sen itu bagi satu gelen akan kita dapati sama juga dengan 3 sen kapada satu paun, tetapi di-dalam amalan apabila kita mengutip चुकai akan menimbulkan beberapa kesulitan dan keluhuan, ia-itu kalau sa-saorang itu membawa barang ini dengan satu paun dan dia hendak membayar चुकai dan di-dapati barang itu tidak sampai satu paun atau pun di-bawa kerak<sup>2</sup>, ia-itu satu paun, satu paun tiap<sup>2</sup> kali yang kita hendak mengeluarkan resit itu, kita hendak ambil 3 sen dan harga resit itu lebeh daripada 3 sen. Ini sudah berlaku di-Pulau Pinang. Saya lupa tahun-nya, ia-itu garam di-kenakan pada tiap<sup>2</sup> satu kati satu sen, di-masa itu kalau saya tidak saiah, Tuan Yang di-Pertua,

Enche' Sophi bin Haji Ibrahim di dalam Parti Buroh itu telah beramai<sup>2</sup> dengan kawan<sup>2</sup>-nya membawa sa-orang satu kati garam dan membayar pergi kapada kastam meminta resit bayaran chukai, ia-itu satu kati di-bawa keluar satu resit, bayar satu sen. Kemudian satu kati lagi di-bayar lagi satu sen. Apa kata, Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara ini berlaku lagi dalam negara kita di-bawa-nya satu paun, bayar 3 sen, ambil satu resit. Kemudian bawa lagi 3 paun, satu resit.

Ini. Tuan Yang di-Pertua, menjadi luchu kalau kita menggunakan gelen atau pun tan, maka itu saya rasa itu lebeh ekonomik lagi chara kita mengutip chukai, dan saya meminta Kerajaan memikirkan dan perkara ini saya perchaya Menteri Perdagangan sendiri pun maseh ingat lagi peristiwa garam yang di-kenakan satu sen pada satu kati di-Pulau Pinang itu.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, perkiraan 3 sen pada satu paun ini ia-lah di-jadikan sa-bagai dasar atau asas untuk perkiraan chukai dan tidak-lah bererti bahawa orang<sup>2</sup> yang hendak membawa minyak tersebut itu mesti-lah satu paun satu paun, tetapi hanya merupakan satu unit bagi Kerajaan hendak mengira berapa chukai-nya.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Saya minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua, saya faham dan yang saya maksudkan bagini bukan saya kata saya menapikan yang kita hendak menerima, tetapi ra'ayat itu membawa satu paun untuk membayar chukai, resit yang kita hendak beri 3 sen itu, jadi kalau-lah di-buat amalan itu, harga resit jadi lebeh mahal daripada harga chukai yang hendak di-ambil 2 sen itu. Ini yang saya minta Kerajaan timbangan.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai mana saya kata tadi 3 sen pada satu paun ini ia-lah bagi unit pengiraan dan chukai eksais ini di-bayar oleh producer dan bukan di-bayar oleh orang<sup>2</sup> bersendirian yang kechil<sup>2</sup> membawa-nya.

**Tan Sri Haji Nik Ahmad Kamil:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kertas ini baharu hari ini dapat di-tangan

Ahli<sup>2</sup> Dewan, maka tidak dapat kami menyemak balek apa yang sa-benarnya, Excise Duties (Amendment) (No. 2) Order, 1968. Boleh-kah di-terangkan apa dia barang yang bersangkutan, ma'ana-nya boleh-kah di-terangkan apa dia barang yang bersangkutan, yang boleh di-bawa saperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok, bawa sa-kati-kah atau bawa sa-gelen-kah atau sa-paun-kah. Saya fikir harus terlepas daripada keraguan kami sakalian kalau boleh di-sebutkan apa dia jenis barang yang hendak di-chukaikan 3 sen atas satu paun itu.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang di-sebut dalam usul yang ke-12 ini ia-lah untuk di-kenakan bagi negeri Sarawak, tetapi dalam usul yang ka-10 telah di-terangkan tadi dengan jelas dalam ucapan saya tatakala mengemukakan usul yang ka-10 itu.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 3, Undang<sup>2</sup> Eksais Sarawak (Bab 27) Perintah Chukai Eksais (Pindaan) (No. 2) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 69 tahun 1968, di-sahkan.

## UNDANG<sup>2</sup> KASTAM, 1967

Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 3), 1968

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan,

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam sekshen 11, Undang<sup>2</sup> Kastam 1967, Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 3), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 70 tahun 1968, di-sahkan.

Perintah yang ada di-hadapan Dewan ini meminda chara mengutip chukai impot di-atas minyak pekat (fuel oil) daripada 7 sen satu gelen kapada \$17 satu tan. Sebab<sup>2</sup> chara mengutip chukai impot di-tukarkan ada-lah saperti yang di-terangkan dahulu apabila membuat usul bagi Perintah

Chukai *Eksais* (Pindaan) (No. 2), 1968 yang telah pun di-sahkan oleh Majlis ini. Penukaran chara mengutip chukai itu ada-lah di-kenakan di-seluruh Malaysia melainkan Pulau Pinang dan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 11, Undang<sup>2</sup> Kastam 1967, Perintah Chukai Kastam (Pindaan) (No. 3), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 70 tahun 1968, di-sahkan.

## UNDANG<sup>2</sup> KASTAM, 1967

**Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1968**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 147, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 71 tahun 1968, di-sahkan.

Sayor<sup>2</sup> jerok yang di-simpan dalam takar<sup>2</sup> bertutup (Tarif Kod No. 055 522) dahulu tidak di-kenakan chukai di-Pulau Pinang tetapi di-kenakan chukai sa-banyak 25% apabila di-impot ka-dalam Kawasan Utama Kastam. Sayor<sup>2</sup> ini yang kebanyakan-nya datang daripada Negeri China ada-lah di-simpan dalam takar<sup>2</sup> tembikar yang bertutup. Baharu<sup>2</sup> ini pengimpot<sup>2</sup> sayor itu telah di-dapati mengelakkan bayaran chukai sa-banyak 25% itu dengan menebok lubang dalam tutup<sup>2</sup> takar itu dan ada juga yang mengeluarkan sayor<sup>2</sup> itu daripada takar<sup>2</sup>-nya supaya mereka dapat membuat ikrar kastam di-bawah Tarif Kod No. 055 529 dan membayar chukai yang lebih rendah ia-itu \$10 satu tan. Perbuatan

mengeluarkan barang<sup>2</sup> makanan yang sudah pun di-muatkan dalam takar<sup>2</sup> bertutup bukan sahaja mengakibatkan kerugian hasil kapada Kerajaan tetapi juga sangat-lah merbahaya dari segi kesihatan orang ramai. Tujuan Perintah yang ada di-hadapan Dewan ini ada-lah melanjutkan chukai impot di-atas sayor<sup>2</sup> jerok kapada Pulau Pinang supaya masalah seperti tersebut di-atas tidak lagi timbul.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, dalam turut berchakap atas *motion* ini, saya menunggu daripada pihak Kerajaan mencheritakan sa-kurang<sup>2</sup>-nya sudah berapa banyak perkara<sup>2</sup> ini berlaku dan menyebabkan kerugian kapada Kerajaan. Ada pun alasan hendak mengatakan bahawa sayor<sup>2</sup> ini telah di-buka oleh para pengimpot-nya untuk menurunkan chukai sa-bagai satu jalan atau helah tidak mahu membayar chukai dengan sa-penoh-nya tetapi hanya \$10 pada satu tan. Dari segi kesihatan, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah dengar pun Menteri Kesihatan mencheritakan perkara ini kapada masyarakat atau pun ada satu<sup>2</sup> kejadian orang<sup>2</sup> di-Pulau Pinang atau Tanah Besar di-Malaysia ini memakan barang<sup>2</sup> itu di-bawa masuk ka-dalam hospital; sa-kurang<sup>2</sup>-nya Menteri Perdagangan dan Perusahaan yang juga mempunyai pengalaman dalam perubatan sa-patut-nya mencheritakan sa-bagai satu hakikat untuk keperchayaan masyarakat bahawa sayor<sup>2</sup> yang samacham ini merbahaya kapada kesihatan. Ini kesemua tidak berlaku. Jadi apa yang ada, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah takut negara kita ini tidak dapat chukai banyak, itu yang sa-benar-nya. Apa pun masalah orang<sup>2</sup> sakit, makanan sayor umpamanya, kalau begitu perasaan Kerajaan kita, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa negeri kita ini tidak susah bagini, tetapi Kerajaan ini tidak ada memikirkan kapada rakyat, yang ada memikirkan kurang hendak dapat wang.



Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menchabar, tetapi saya suka hendak memberi tahu kepada Kerajaan kita, ia-itu sayor ada-lah barang makanan, makanan itu bukan tahan sampai bertahun<sup>2</sup> sebab itu di-namakan sayor, tinggi<sup>2</sup> di-letakkan di-dalam tembikar atau apa-kah. Di-sini di-sebut vegetables—sayor<sup>2</sup>an. Jadi, kita hendak mengenakan chukai kepada barang<sup>2</sup> makanan, pada hal barang makanan ini termasuk dalam perkara yang kita habiskan hari<sup>2</sup> bukan barang<sup>2</sup> yang mahal. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya lebih suka chukai<sup>2</sup> yang samacham ini tidak di-kenakan, sebab barang<sup>2</sup> makanan ini tidak-lah seperti barang<sup>2</sup> yang lain, tetapi kalau Kerajaan mempunyai alasan<sup>2</sup> yang lain, maka saya akan menerima. Kalau Kerajaan hanya memberi alasan<sup>2</sup> hendak mengambil chukai banyak daripada barang makanan sayor bererti-lah Kerajaan tumpang menghisap sama darah vitamin yang ra'ayat hendak makan itu dan ini akan di-tulis dalam sejarah bahawa Kerajaan Perikatan kita tumpang menghisap vitamin ra'ayat yang hendak makan di-negeri ini.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tadi kalau Ahli Yang Berhormat itu mengikuti dengan teliti ucapan saya, sebab yang pertama yang di-berikan tadi ia-lah kerana hendak mengelakkan kerugian hasil kepada Kerajaan dan sebab yang kedua ia-lah sebab kesihatan. Jadi, saya rasa kalau Ahli Yang Berhormat itu fahamkan chakap Melayu atau bahasa kebangsaan betul<sup>2</sup>, tidak payah dia menimbulkan soal itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kata tadi vitamin, jawab-lah (*Ketawa*).

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Jadi, soal kesihatan ia-lah sebab yang menjadi tambahan kepada sebab kerugian hasil bagi Kerajaan.

Point yang kedua yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu ia-lah soal mengenakan chukai kepada sayoran<sup>2</sup> yang hendak di-jadikan bahan makanan dan untuk vitamin kepada orang ramai. Patut-lah Ahli Yang Berhormat itu sa-kali lagi mendengar ucapan saya dengan teliti.

Yang hendak kita kenakan chukai dengan perintah chukai ini ia-lah sayoran<sup>2</sup> yang di-impot daripada luar negeri. Munasabah-lah kita kenakan chukai kepada barang<sup>2</sup> yang di-impot daripada luar negeri dengan tujuan supaya hasil sayoran<sup>2</sup> yang di-terbitkan di-dalam negeri ini lebih di-utamakan oleh ra'ayat negeri ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, kalau itu sudah menjadi satu tariff, saya pun bersetuju. Tetapi alasan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penerangan atas apa?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Minta penerangan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Atas apa?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Atas satu benda yang dia tidak cheritakan alasan di-sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebutkan benda itu.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Alasan-nya di-kechualikan barang<sup>2</sup> yang budak<sup>2</sup> hendak makan, infant food. Jadi kalau sayor dia tidak peduli budak tidak budak, jadi alasan itu berlainan daripada yang bertulis di-aalam kertas yang di-beri oleh Setiausaha Parlimen—yang di-chetak berlainan, yang di-chakapkan berlainan, mana satu yang hendak pakai.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya chakap ini tidak lain, tetapi pemahaman Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu-lah yang lain daripada crti yang sa-benar.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 147, Undang<sup>2</sup> Kastam, 1967, Perintah Chukai Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1968, yang telah dibentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 71 tahun 1968, di-sahkan.



## UNDANG<sup>2</sup> KASTAM (TARIF BERSAMA MALAYSIA), 1966

Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 5), 1968

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kechil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 5), 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 72 tahun 1968, di-sahkan.

Perintah yang ada di-hadapan Dewan ini memberi perlindungan tarif kapada pembuat<sup>2</sup> barang<sup>2</sup> untok per-jalanan (Travel goods), perkakas<sup>2</sup> tandas, dawai aluminium dan dawai tembaga tempatan. Barang<sup>2</sup> untok perjalanan yang di-perjeniskan di-bawah Tarif Kod No. 831 001 hingga 831 006 yang dahulu-nya di-kenakan chukai impot di-antara 15% dengan 25% sekarang di-kenakan chukai sa-banyak 25% bagi seluruh Malaysia termasuk Pulau Pinang. Perlindungan tarif ini ada-lah mustahak kerana pada masa ini pembuat<sup>2</sup> tempatan tidak dapat bertanding dengan pembuat<sup>2</sup> negeri asing yang mendapat bahan<sup>2</sup> mentah sa-chara murah.

Perkakas<sup>2</sup> tandas yang di-perjeniskan di-bawah Tarif Kod No. 812 200 yang dahulu di-kenakan chukai sa-banyak \$5 tiap<sup>2</sup> satu perkakas (chukai penoh dan chukai istimewa) sekarang di-kenakan chukai sa-banyak \$8 bagi seluruh Malaysia. Kenaikan chukai itu boleh menolong pembuat<sup>2</sup> tempatan bertanding dengan pembuat<sup>2</sup> asing yang dahulu selalu menjual barang<sup>2</sup> mereka dengan harga terlebih murah daripada harga<sup>2</sup> tempatan. Untok menghalang pembuat<sup>2</sup> mengambil ke-sempatan daripada perlindungan tarif itu mereka telah di-minta memberi Kerajaan akuan bertulis supaya tidak menaikkan harga lebih daripada harga yang ada sekarang.

Perintah ini juga menaikkan chukai bagi dawai tembaga kechuali "brass wire or copper alloys" (Tarif Kod No. 682 211) kapada 20%. Ini akan mem-bolehkan pembuat<sup>2</sup> tempatan ber-tanding dengan pembuat<sup>2</sup> asing yang

dahulu mendapat galakan eksepot daripada Kerajaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi, saya hendak mengemukakan kapada Kerajaan tentang dasar menaikkan chukai. Di-sini nyata kapada saya bahawa chukai ini ia-lah chukai hendak melindungi pembuat ba-rang<sup>2</sup> ini di-negeri kita supaya pem-buat<sup>2</sup> ini dapat bersaing dengan pem-buat<sup>2</sup> di-luar negeri yang daripada mereka itu di-bawa masok barang<sup>2</sup> yang sama dengan barang<sup>2</sup> ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak di-mana dudok-nya kebaikan kita memberi perlindungan kapada pembuat<sup>2</sup> tempatan, kalau sa-kira-nya barang<sup>2</sup> yang di-importkan itu lebih murah sampai sa-kali ganda chukai-nya atau pun sa-kurang<sup>2</sup> nya dahulu di-antara 15% dengan 25% sekarang kita kenakan 25% chukai-nya. Sebab yang kita mahu ini ia-lah barang<sup>2</sup> murah yang boleh di-gunakan oleh ra'ayat kita di-sini. Kita tidak peduli daripada mana barang<sup>2</sup> itu datang. Ada pun alasan kita hendak mengata-kan hendak bagi pembuat<sup>2</sup> kita ini dapat bertanding, saya tidak fikir dengan alasan itu barang itu boleh turun murah, ia-itu nyata kapada kita baharu<sup>2</sup> ini pehak Kerajaan mengata-kan pembuat<sup>2</sup> itu hendak-lah memberi surat mengaku kapada Kerajaan bahawa mereka itu tidak akan menaik-kan harga barang<sup>2</sup> ini mahal apabila di-adakan chukai yang menolong mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir surat<sup>2</sup> itu valid dari segi pernia-gaan, sebab kalau sa-kira-nya demand itu sudah banyak, supply-nya kurang, dengan sendiri-nya, Tuan Yang di-Pertua, barang itu naik dan surat itu nanti di-simpan sahaja di-belakang-nya; saya tidak fikir Menteri Kewangan sendiri akan menahan satu<sup>2</sup> barang itu daripada naik harga kalau demand-nya terlampau banyak dan supply-nya kurang; itu sudah berlawanan

dengan kebebasan perniagaan pada negeri ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, boleh juga orang<sup>2</sup> dapat faham di-dalam Dewan ini bahawa Kerajaan ini tiap<sup>2</sup> kali mengadakan chukai perlindungan ini dia hendak menolong capitalist<sup>2</sup> yang membuat barang<sup>2</sup> ini supaya dia tidak ada competition dengan orang lain supaya dia boleh jual dengan mahal dan boleh hidup dengan lama dan di-khuatir, Tuan Yang di-Pertua saya tidak menudoh, di-khuatir, barangkali pembuat<sup>2</sup> ini ada kena mengena dengan Kerajaan, maka di-berikan perlindungan yang samacham ini, boleh orang menudoh macham itu—saya tidak menudoh—tetapi tendency itu, sense itu—boleh di-fikirkan bagitu.

Jadi, saya tidak fikir, Tuan Yang di-Pertua, perkara<sup>2</sup> presumption yang sa-macham ini, bukan-lah tiap<sup>2</sup> satu rumah hendak beli tandas sampai 20 sa-orang. Jadi barang<sup>2</sup> yang di-gunakan pada tiap<sup>2</sup> hari bagini kita mengadakan chukai<sup>2</sup> perlindungan, padahal bila di-adakan harga barang<sup>2</sup> buatan tempatan ini sudah tentu tidak turun sa-bagaimana yang di-harapkan oleh Kerajaan. Jikalau tidak, saya minta-lah kapada Kerajaan menunjukkan bahawa chontoh di-mana<sup>2</sup> barang yang presumption yang sa-macham ini bila di-kenakan chukai perlindungan, pembuat<sup>2</sup> kita itu memberi keuntungan kapada negara kita, saya minta tunjukkan satu chontoh supaya saya dapat menerima dengan mudah.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, this has been a perpetual question: "Why should we give protection for local industries?" It is a question we have to face. Do we want more employment in this country through industrialisation; (ii) do we want savings in foreign exchange through import substitution; and (iii) do we want foreign exchange as a result of exports of our manufactured goods? Unless factories are given protection nobody would want to invest or rather it would be very difficult to attract investments in manufacture. Every country in the world, be it of whatever ideology, has protection for its own factories.

We have started industrialisation very late and, as a result, we have been a market for foreign competition, so much so, as a result of competition by foreign imports, the prices have been relatively low—sometimes the prices of imported goods are even lower than the cost of production. So, if we want industrialisation and if we do not give protection to these factories, then there never will be any factory set up in this country, which means that we will have to continue to spend foreign exchange, which is getting very short, to import manufactured goods and at the same time do not create new employment, whereas every year, as you know, about 90,000 school children leave school and we have got to create new employment.

Sir, whilst we are prepared to give protection, we do not give protection where it does not deserve. That is why every case seeking protection appears before the Tariff Advisory Board. This Tariff Advisory Board has a permanent Chairman and members of the Board are drawn from all sectors of the community, including Members of the Opposition, and Dr Tan Chee Khoo, an Honourable Member of this House, is a Member on the Tariff Advisory Board. This Tariff Advisory Board examines every case carefully to see whether the quality of the goods produced is up to standard, to see whether the quantity produced is sufficient so as not to create a shortage, and whether or not the cost of production is reasonable. After all these factors have been gone into, they make a recommendation to the Minister of Finance as to the degree or level of protection, and more often than not, a rider is put on, and that is that the factories given protection will not exceed a ceiling price without the written consent of the Minister of Commerce and Industry. We have found in practice that these factories have honoured this undertaking. Where they do not honour the undertaking, the Minister of Finance has the power and has exercised that power by reducing the import duty as has happened in the case of cement. So, there are safeguards and checks to look after the interest of the people. That is why, unless there is adequate protection,

we will not get industrialisation in this country.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita terima-lah elok apa yang di-katakan oleh Menteri dari segi competition diantara barang buatan dalam negeri ini dengan barang<sup>2</sup> dari luar, maka kita kenakan cukai yang sa-macam ini, apa-kah faktri<sup>2</sup> kita itu tidak membeli barang<sup>2</sup> mentah, ia-itu raw material yang kita hendak proseskan jadi barang ini daripada luar negeri yang barang<sup>2</sup> mentah itu pula di-kenakan harga lebih mahal lagi, ia-itu untuk hendak menutup kerugian yang mereka itu hilang dari segi barang<sup>2</sup> buatan?

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun:** Sir, the factories use as much as possible local raw materials, but inevitably not 100% of the raw materials are available in this country. So, these raw materials have to be imported from abroad and the prices paid sometimes may be higher than used by a foreign factory where it is produced in that country. To help these manufacturers, the Minister of Finance has on occasions given exemption of import duty on certain of the raw materials.

**Tuan Geh Chong Keat (dengan izin):** Mr Speaker, Sir, it is quite interesting to hear the reasons given by the Honourable Mover for the protection of the listed items, and also it is very interesting to hear the Honourable Minister of Commerce and Industry explain the reasons for attracting foreign investors. However, I would like to request the Honourable Minister of Commerce and Industry to bear in mind this: the people of Malaysia will make sacrifice and they will buy Malaysian-made goods, in order to make our industry go. However, we must also ask from the Minister to be fair to the public in return for the sacrifice. People are aware that factories have been established, and they have applied for pioneer status, which is just like striking a lottery; the cost of production, the running of the machinery, the yearly renewal and extensions, and, of course, the trading system—all of these lead to monopoly.

Now, Sir, the people also expect that the goods produced must be of good quality, or suitable quality, that can last, which will make them worth the money spent in purchasing them. On the other hand, the only way to make a factory to produce a higher quality product at a lower price would be to set up competition. It is normally known that if you have a factory, there is always monopoly, if we have two, they have a racket, or they gang up; if you have three, they find a way to knock each other down, or to compete. But, the Minister always has the fear that if you have too many, they will knock each other down, and then the machinery will stop and the country will be at a loss. However, we feel that if you have two, or three, or more—and as “necessity is the mother of invention”—in order to survive, these factories, these investors must think of ways and means to cut down costs and produce higher quality finished products.

Sir, take the case of motor car tyres. If you allow the public to choose, if they want a higher quality, they will have to pay a little more; if they want to support a local factory, a local product, they pay this price. The Minister will be surprised to know that many people would prefer to pay a higher price for the foreign, imported, tyres. Why? Because they last longer.

What has happened to the tyre factories? When they first started they said, Well, to start off it is very good, we have reconditioned machineries from India”. People started with seven-ply tyres, but they had only five plies; and today even in respect of the five plies, the other countries are producing nylon layers. In order to compete, our local factories must also find ways and means to improve even to the extent of putting nylon plies or reinforcing the structure of the tyres in order to compete. If they could manage to do that, then the public will say, “Well, it is worth the money to buy this product to support local industry, because even if I do not get the full span of the mileage, at least if I get three-quarters, or 80%. I am quite satisfied

because I am loyal and am supporting my country's product." But, as it is, sometimes we do not have the chance. If you use a tyre and it cracks, they want to know why and how you used it, and so on, before arriving at the figure of rebate! Because of all this this inconvenience, people say, "Let us buy foreign tyres and pay a little more." Therefore, we see that those who can afford buy foreign tyres. It is not because they are not loyal, but because they say they want to be safe. They do not want to have a blow-out in the middle of the night somewhere in a long stretch of road along the jungle, when they have a long journey to do. So, for safety they prefer to pay a little more. So, we say, "To support local products, we do not mind paying but give us better and higher quality products".

Sir, I would also like to ask the Minister to bear in mind the feelings of the people. The feelings of the people are that they do not mind making sacrifices; they will keep on supporting and giving protection; but what they do mind is this: the Government must be aware of what goes on inside the factories. What is the manipulation? How do you account for the cost of production? Is it the straightforward buying of the raw materials, or is it through another agent—a factory down here setting up an agency in Hongkong or in Japan and then purchasing the materials from Australia or from the other free world markets, shipping the goods direct to Malaysia and sending the bills across from Hongkong or Japan over to Malaysia, thus adding to the cost by way of handling charges, agency charges and everything else? The result of all these is that the cost of production will go up. When you ask them to give a break-down of the cost, all these things will come out and they will say that this is natural, it is business—and that is how they survive and that is how the bigger fish eat the smaller fish. Therefore, Japan, even if they have 49% share, their dividend is more than 49%, it is somewhere around 80% interest, and that is how they soak up our foreign exchange. The Minister may say, "No", but that is how our foreign exchange has been drained.

They supply the machinery, they add other charges, they add their agency costs.

What happens, Sir, to some of the raw materials which are supposed to be imported into this country? They buy a certain size of iron rods—for example, iron rods of 1" or  $\frac{3}{4}$ "; and if the country does not have 1/8" or 3/16" rods, they start drawing from the 1" rods. You call that raw materials? They are finished products coming here to be softened, and re-drawn. Those are not locally smelted iron rods.

What I would say is this. If they had imported directly to the factory the cost would be at a certain amount, namely, the imported price would be comparable to that in India and other countries, but by 1" or  $\frac{3}{4}$ " rods being imported into the country through the mill to be re-drawn the price is boosted up. Instead of \$245 per ton, the cost will be somewhere around \$400. Therefore, it is cheaper for the factory to buy finished products re-drawn and get a higher price than the market price, because there is a short supply to meet demand and the Government says that it must be bought from the steel mill. Therefore, the cost of things, the cost of building products and other materials, have gone up. Why? Because the Government has clamped it down and says, "Only from the local factory".

Sir, at one time, if I am not mistaken, in this House, it was stated that instead of buying rock sugar for refining, sugar came in for repacking. That was the talk everywhere—it was not a talk in this House; it was an echo of the voices of the public. Therefore, in view of this, I request the Minister to have a look at this, and let us have a break-down of these, let us study the cost of production, let us find out the actual cost, in order to see if we can really knock down the marketable price in order to protect the public. There are too many agencies, too many distributors, to handle the products, which usually emerge from the same Board, or are part interests of members of the Board. You can say that the local investors have their fingers in too many pies, and if they do elect their own

local distributors, they also soak the public and the consumers. In view of this, I would request the Minister to please study the whole thing, in order to bring down the price. I am sure, and the public is also sure, that if the Minister will knock hard, study hard, the prices of all these commodities will come down, especially the primary products which must be looked into. Thank you, Sir.

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I am surprised that the Honourable Member for Pulau Pinang Utara, who is himself a businessman, should make such wild statements. He complains that there is manipulation by the manufacturers to put up their costs, so that they can have bigger profits, particularly the foreigners. Sir, may I point out to him that even without any manufacture in this country, imported goods also go through many hands, go through many distributors, who can also manipulate the market. The people who are complaining about industrialisation are not the consumers. The consumers have been always exploited, even by the importers; but because we have local manufacture and because there is protection and because there is continued distribution, the people who have been in the distribution trade, who cannot get the agencies for distributing the local products, they are the people who complain. Sir, I said that protection is necessary, as otherwise there will be no investment. I did not say, "investment by foreign companies only". Industrialisation has been carried out with local and foreign capital. Some of the factories are 100 per cent owned locally, and protection is given not only to factories with pioneer status but to all factories whether they are pioneer or non-pioneer, even including vegetable gardeners. If they produce sufficient vegetables and fruits, we will give protection to them and they have been given protection, the idea being to use more of locally produced goods. Unless we diversify our economy, we would be in serious trouble as the price of rubber and tin has been steadily going down, and we cannot depend on rubber and tin

forever for our export earnings. Therefore, we must diversify.

Sir, I am shocked that the Honourable Member should charge that to get pioneer status is like striking a lottery. May I enlighten him and all Honourable Members of this House that anybody can apply for pioneer status. There are rules and regulations. If they apply according to Section 4 with all the forms, the application is received by my Ministry, and it is processed by FIDA. All applications appear before a Committee called the Action Committee on Tariff and Industrial Development under the chairmanship of Tuan Haji Sujak, the Chairman of the Advisory Board. On that Committee sits representatives from the Treasury, my Ministry, the Ministry of Labour and any other Ministry concerned. These people go through the applications and decide whether or not they deserve pioneer status. So how can it be like striking a Lottery?

The tragic part, however, is that we do not encourage monopoly in this country, but it has been perversely accused that there is monopoly in this country, and the famous case cited again and again in this House, despite many explanations, is the Dunlop Tyre Factory.

Sir, in industrialisation we must look at the market available. Nobody is going to put up a factory if it is not profitable, not even the Honourable Member for Pulau Pinang Utara. He would not put up a bank, if it is not profitable. As profit is the only motive . . . . .

**Tuan Geh Chong Keat**: Tuan Yang di-Pertua, minta ma'af. Untuk penjelasan. Saya ingat Menteri kita ada sedikit panas. Dia sudah lupa kawan di-sini. Saya ia-lah Ahli dari Pulau Pinang Utara—bukan Ahli dari Tanjong. Ahli dari Tanjong, Parti Pembangkang, ada di-sana. (*Ketawa*).

**Tan Sri Dr Lim Swee Aun**: The Honourable Member for Pulau Pinang Utara realises and admits that nobody is going to put money into any venture, if there is no profit. Now, before anybody puts any money into

any venture he does a feasibility survey to find out whether he can or cannot make a profit—nobody does it out of charity.

Now, if the market in the country is limited, as we do know from our import and export figures, from our trade figures, from our population basis and all these statistics, then it would be foolish to put in excess capacity, or put in three or four factories producing the same things if we cannot export those products. If one factory can produce all the goods and more for the market at home without easy access to export market, nobody would put up two factories to do the same amount of work. That is why there is a market survey, and this market survey is one of the important things considered by the Action Committee on Tariff and Industrial Development to decide whether or not there should be one or more factories given pioneer status.

Whilst we want to encourage free competition, there are certain cases like the tyre factory where there is not sufficient market to have more than one factory. If we have small factories to manufacture tyres, the cost of production would be higher than the present one because of the small volume involved. In trying to bring down the cost of production, there must be an adequate volume.

Sir, we all accept that the quality of the product must be up to standard. That is why we have set up the standard Institute of Malaysia to see that the standards of the local products are up to standard. But to make the wild allegations that if you use the local tyre it will explode and kill you at night is a bit unfair. Most cars have been using locally-made tyres. There may be one or two cases of not being up to standard, but every factory in the whole world that produces tyres has also produced some tyres which are not up to standard. You cannot be 100 per cent perfect; and from our records we find that the Dunlop Tyre Factory in Kuala Lumpur has a defective rate which is comparable and more favourable than other factories in the whole world.

On the other question of wire rods being imported to be drawn, Sir, there are types and types of factories. The Steel Mill in Prai converts iron ore into steel and rolls it into rods, but there are other factories who buy steel wire and draw it into smaller size wire, but that is nothing wrong. What is wrong with that? If the local production is not sufficient to produce a certain sufficient quantity, then we allow import of other sizes for drawing down. Same like copper. We do not smelt, but we allow our factories to import copper wire to be drawn into finer wire to make electrical cables, because we have not reached the stage of our industrialisation, where we can smelt copper to make copper wire. The same is the case with aluminium wire. We have import to thick aluminium wire to be drawn into smaller wire to be made into cables. That is a stage in the process of manufacturing, although it is not 100 per cent manufacture. So, I hope Honourable Members will appreciate the difficulties that the Government is facing. Our problem is not only to try and diversify our economy but also to attract investment—not only foreign but also local investment—to go into new industries that will create new employment to help solve the problem of the 80,000 to 90,000 school children who leave school every year. If we do not industrialise and keep on importing and importing, then they will say, "What is the Government doing about employment? Where are you creating new employment?"

**Tuan Geh Chong Keat:** Sir, the Minister asked, "That is wrong with importing rods?"

**Tuan Yang di-Pertua:** Is it on a point of clarification, or are you going to make another speech?

**Tuan Geh Chong Keat:** No, Sir. It is just a *penjelasan*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Are you going to ask for clarification?

**Tuan Geh Chong Keat:** Yes, Sir.

**Tuan Yang di-Pertua:** On what?

**Tuan Geh Chong Keat:** On what the Minister said about the importing of steel wire—he asks what is wrong. Mr Speaker, Sir, he has asked, “What is wrong with importing bigger size iron rods to draw into smaller size?” Therefore I ask . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** That is not clarification. I cannot allow that. You understood that quite well.

**Tuan Geh Chong Keat:** Sir, I am asking him to clarify on this question.

**Tuan Yang di-Pertua:** I do not wish to enter into debate with you.

**Tuan Geh Chong Keat:** Thank you, Sir. (*Ketawa*).

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kecil (4) dalam sekshen 2, Undang<sup>2</sup> Kastam (Tarif Bersama Malaysia) 1966, Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 5) 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undangan No. 72 tahun 1968, di-sahkan.

*Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.*

## HUJONGAN KHAS KAPADA TITAH UCHAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG DALAM MAJLIS PEMBUKAAN PARLIMEN PADA HARI KHAMIS, 6 HARIBULAN JUN, 1968

---

*Kertas ini ia-lah Hujongan Khas kapada Titah Uchapan yang di-lafadzkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Majlis Pembukaan Parlimen pada hari Khamis, 6 haribulan Jun, 1968 yang mengandungi lain<sup>2</sup> penerangan yang lengkap*

---

### JABATAN PERDANA MENTERI

#### KEADAAN EKONOMI SA-CHARA UMUM DALAM TAHUN 1967 DAN KEMUNGKINAN BAGI 1968

Tahun 1967 merupakan satu tahun lagi perkembangan ekonomi Malaysia, walau pun kadar keluaran bertambah dalam tahun kedua Rancangan Malaysia Pertama ini kurang dari kadar tahun 1966, di-sebabkan terutama-nya oleh faktor<sup>2</sup> yang tidak dapat di-kawal.

2. Keluaran Negara Kasar (KNK) mengikut harga pasaran telah bertambah sa-banyak 2.8%, dari \$9,243 juta dalam tahun 1966 kepada \$9,502 juta dalam tahun 1967. Keluaran sa-chara benda (physical output) ada-lah di-anggarkan bertambah sa-banyak 5.8% dalam tahun 1967 berbanding dengan 6.4% dalam tahun 1966; ini hanya menunjukkan kadar tambahan yang kurang sedikit sahaja.

3. Ekonomi negara telah terpaksa menampong kesan harga<sup>2</sup> dunia yang lebeh rendah bagi barang<sup>2</sup> eksport-nya yang utama—getah asli, timah dan kelapa sawit— dan ini telah mengurangkan hasil dari eksport. Tambahan lagi, kesan<sup>2</sup> permulaan dari pengundoran tentera British dan keadaan yang tidak tenteram di-Tenggara Asia ini telah juga memberi kesan atas kemasokan modal per-sendirian dari luar. Pembentukan modal kasar telah berkurangan dari 18.5% dari jumlah keluaran negara kepada 17.6% dalam tahun 1967 dan tabongan kasar dalam negeri (gross domestic savings) juga telah berkurangan dari 19% dari jumlah keluaran negara kasar kepada 17% dalam tahun 1967. Kedua<sup>2</sup> penggunaan dan penanaman modal di-bahagian 'awam telah terus bertambah.

4. Walau pun ada aliran ekonomi yang meleset, usaha<sup>2</sup> untuk mendapatkan chukai dari punch<sup>2</sup> dalam negeri untuk pembangunan telah pun dapat di-kekalkan dan ini merupakan satu bukti kepada negara<sup>2</sup> luar yang Malaysia tidak berkechuali untuk giat menolong diri sendiri.



5. Tahun 1967 merupakan satu tahun untuk menyesuaikan dengan faktor<sup>2</sup> luar yang tidak sehat. Dengan ada-nya kegiatan<sup>2</sup> ekonomi yang terus maju di-negeri<sup>2</sup> perusahaan terbesar di-dunia, harga<sup>2</sup> barang<sup>2</sup> eksport yang utama di-negeri ini akan menjadi lebih baik dan dengan pengeluaran yang di-jangka bertambah serta kedudukan ekonomi, sosial dan siasah yang setabil, maka kedudukan ekonomi akan datang berupa baik juga.

6. Negara ini di-samping mempunyai banyak tanah subur yang masih belum di-buka ada juga mempunyai masa'alah<sup>2</sup> penganggoran dan tenaga buroh yang tidak di-gunakan sa-penoh-nya. Tahun ini sa-patut-nya dapat menghasilkan faedah<sup>2</sup> besar dengan menggunakan kedua<sup>2</sup> tanah dan tenaga buroh sa-telah di-jalankan dasar<sup>2</sup> pembahagian tanah yang lebih sesuai untuk kemajuan pertanian.

7. Malaysia ada-lah bernasib baik kerana mempunyai bahan<sup>2</sup> untuk menjayakan pembangunan ekonomi yang realistik. Dalam Kajian Pertengahan Rancangan Malaysia Pertama yang di-jalankan dalam tahun 1968 ini, semua faktor<sup>2</sup> yang memberi kesan ka-atas kemajuan ekonomi akan di-timbangkan.

#### KEMAJUAN TANAH

8. Penting-nya kemajuan tanah untuk meneruskan kemewahan ekonomi yang ada sekarang tidak-lah payah di-jelaskan. Untuk membiayai rancangan<sup>2</sup> yang besar ini, maka sangat-lah mustahak bagi Kerajaan meminta bahagian persendirian juga bersama<sup>2</sup> memikul beban pembangunan.

9. Keputusan<sup>2</sup> dari Rancangan Pemetaan Tanah sekarang amat-lah berguna bagi merancang pembangunan negara. Banyak projek<sup>2</sup> pembangunan meliputi kawasan<sup>2</sup> tertentu sekarang ini sedang di-ranchangkan di-kawasan<sup>2</sup> yang sangat sesuai bagi pertanian dan perkampungan. Kawasan<sup>2</sup> yang terbesar ada-lah di-dapati di-Tenggara Negeri Pahang, di-mana lebih kurang 1.1 juta ekar tanah ada-lah di-perchayai sesuai untuk pertanian, berserta dengan beratus<sup>2</sup> ribu ekar kawasan perhutanan kekal yang perodaktif. Kawasan ini sangat-lah sesuai untuk pembangunan sa-chara besar-besaran kerana, pada umum-nya, kawasan ini ada banyak hasil asli yang tinggi mutu-nya dan berdekatan dengan kawasan<sup>2</sup> pembangunan. Kerana penting-nya kawasan ini dari segi setrategi, maka pembangunan-nya mungkin akan memberi kesan penggerak kepada ekonomi yang akan menembusi batasan pembangunan sa-benar, di-mana lebih kurang sa-juta orang akan dapat tinggal.

10. Dua kawasan lagi telah di-pilih untuk di-tumpukan usaha<sup>2</sup> pembangunan. Kawasan<sup>2</sup> ini yang mempunyai kemungkinan pertanian sa-banyak 350,000 ekar ada-lah terletak di-Negeri Johor dan kedua<sup>2</sup> kawasan ini ada-lah sama besar-nya atau mempunyai peluang yang sama dengan kawasan Tiga Segi Jengka yang sekarang ini sedang di-buka dengan pesat-nya.

#### PERTANIAN ANEKA-JENIS

11. Kerajaan telah berusaha untuk mempelbagaikan ekonomi Malaysia dengan menegaskan khas kepada bahagian pertanian sebagai bahagian yang di-utamakan. Satu permohonan untuk mendapat bantuan daripada Rancangan

Pembangunan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu (UNDP) untuk ranchangan<sup>2</sup> penyelidikan pertanian akan di-kemukakan tidak lama lagi.

12. Satu kemajuan lagi ia-lah keputusan Kerajaan baharu<sup>2</sup> ini hendak menubuhkan Pusat Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia atau "Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI)" yang bertugas untuk menyelidik semua tanaman (kechuali getah dan nenas) dan ternakan termasuk ayam itek. Ranchangan<sup>2</sup> lanjutan yang di-kehendaki bagi menyebarkan hasil<sup>2</sup> penyelidikan kepada pekebun<sup>2</sup> kecil, ladang<sup>2</sup> dan perusahaan<sup>2</sup> akan juga di-selenggarakan. Kerajaan akan menubuhkan MARDI dengan seberapa segera dengan pertolongan pihak antarabangsa. Kemajuan telah juga di-chapai untuk menentukan pengeluaran<sup>2</sup> yang patut di-besarkan lagi, seperti ubi kayu, jagong, pisang dan cocoa.

#### PEMBANGUNAN PERUSAHAAN

13. Di-dalam perkara kemajuan perusahaan, satu lapangan yang memberi harapan untuk perkembangan pembangunan perusahaan ia-lah perusahaan<sup>2</sup> yang menggunakan kayu. Malaysia sekarang ini ia-lah pengeluar utama bahan<sup>2</sup> kayu keras dan kayu balak mungkin akan bertambah dalam beberapa tahun di-hadapan. Peluang<sup>2</sup> lain untuk berkembang termasuk-lah kemajuan perusahaan plywood dan veneer. Dengan pertolongan Ranchangan Pembangunan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu (U.N.D.P.), satu perjanjian telah tercapai supaya satu perojek pembangunan perusahaan hutan di-laksanakan di-Malaysia selama lima tahun.

#### RANCHANGAN TENAGA RA'AYAT DAN PELAJARAN

14. Kerajaan sedar peri mustahak-nya menyelaraskan sa-berapa boleh keluaran daripada sistem pelajaran dengan keperluan<sup>2</sup> ekonomi, supaya dapat mengurangkan masaelah<sup>2</sup> pengangguran yang bertambah tiap<sup>2</sup> tahun dengan ada-nya lepasan<sup>2</sup> sekolah. Sangat-lah mustahak perubahan mata pelajaran 'am kepada jurusan<sup>2</sup> teknikal dan vokeshen di-perbanyakkan. Bank Dunia telah bersetuju memberi pertolongan kepada Kerajaan untuk menubuhkan banyak lagi sekolah<sup>2</sup> vokeshen dan sekolah<sup>2</sup> menengah pertanian di-Malaysia Barat. Di-Malaysia Timor, bantuan<sup>2</sup> akan di-beri untuk menubuhkan sekolah<sup>2</sup> semacham ini juga dan maktab<sup>2</sup> latihan guru.

#### PENGANGKUTAN

15. Satu kajian pengangkutan sa-chara meluas sedang di-jalankan oleh satu pasukan penasihat yang di-bentuk oleh Bank Dunia dan Kerajaan. Kajian<sup>2</sup> ini akan membuat satu ranchangan yang lengkap mengenai penanaman modal di-bahagian pengangkutan bagi tahun 1969-75, dengan berasaskan keutamaan<sup>2</sup> dari segi ekonomi bagi perojek<sup>2</sup> yang tertentu, dan juga ranchangan jangka panjang bagi jangka masa 1967-85. Chadangan<sup>2</sup> dalam kajian itu termasuk juga perkara memperbaiki lagi perjalanan, kerja<sup>2</sup> merancang, susunan, pentadbiran dan pengurusan tiap<sup>2</sup> jenis pengangkutan, memperbaiki dasar<sup>2</sup> pengangkutan Kerajaan serta melatih orang<sup>2</sup> Malaysia dalam bidang merancang pengangkutan.

16. Malaysia telah juga mengambil daya utama menganjorkan Persidangan Pegawai<sup>2</sup> Tenggara Asia mengenai Pengangkutan dan Perhubungan kerana memandangkan kepada perlu-nya pengangkutan dan perhubungan kepada pembangunan kawasan Tenggara Asia ini. Dengan shor daripada Persidangan tersebut, Kerajaan Malaysia telah meminta Bank Pembangunan Asia supaya menjalankan satu kajian pengangkutan meliputi Negeri<sup>2</sup> Tenggara Asia dan kajian sedang berjalan. Kerajaan telah menubuhkan satu Jabatan Setia-usaha Sementara untuk menjalankan perkara<sup>2</sup> berkaitan dengan hal ini.

#### BANTUAN<sup>2</sup> PEMBANGUNAN LUAR NEGERI

17. Dengan usaha mendapat dan menggunakan bantuan luar, Kerajaan telah menerima daripada beberapa buah negeri dalam Kumpulan Kelab Membantu Malaysia tawaran yang konkerit mengenai bantuan wang dan teknik; dan peratoran undang<sup>2</sup> untuk menggunakan tawaran daripada luar ini sedang di-siapkan. Bagaimana pun, oleh sebab ekonomi Malaysia ada-lah berasaskan kepada pertanian dan perojek<sup>2</sup> yang di-jalankan kechil<sup>2</sup> belaka serta tiada sa-tempat dan tiada banyak pula berkehendakkan bahan<sup>2</sup> impot, maka perojek<sup>2</sup> itu tidak-lah dapat di-biaya<sup>2</sup> dengan pinjaman yang di-tawarkan mengikut sharat<sup>2</sup> yang ada sekarang. Oleh itu, Bank Dunia telah menjadi puncha besar untuk mendapat pinjaman. Perengkat pertama perojek Tiga Segi Jengka yang meliputi kawasan 34,000 ekar telah mendapat pinjaman AS\$14 juta ringgit daripada Bank Dunia. Bank Dunia telah pun menolong untuk kemajuan sistem talikom, pembekalan ayer bagi kawasan Kuala Lumpur dan mengembangkan ranchangan sekolah teknik, vokeshen dan pertanian dalam bahagian pelajaran.

18. Satu puncha pinjaman wang lagi ia-lah Bank Pembangunan Asia yang mengutamakan pembangunan pertanian. Di-antara perojek<sup>2</sup> yang di-kemukakan kepada Bank Pembangunan Asia untuk di-tanggung perbelanjaan-nya ia-lah ranchangan kilang<sup>2</sup> memperoses kelapa sawit yang di-laksanakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan juga pembekalan ayer di-Pulau Pinang dan Seberang Perai.

19. Lain<sup>2</sup> perojek yang berkehendakkan bantuan dari luar negeri ia-lah untuk membesarkan alat memanaskan ayer (thermal units) di-pusat<sup>2</sup> letrik di-Prai dan di-Port Dickson, dan juga menajok bentok jurutera yang lengkap di-pembangunan perojek letrik haidro di-Perak Utara, serta juga satu kajian ranchangan tanah yang luas di-sabelah selatan Pahang. Kerajaan British telah pun menawarkan bantuan untuk mengatasi masaelah<sup>2</sup> yang akan timbul di-sebabkan oleh penarekan tentera<sup>2</sup>-nya dari kawasan ini.

#### TUGAS MENYATU-PADUKAN BANGSA

20. Meshuarat antara Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dan Kerajaan Pusat di-beberapa perengkat dari satu masa ka-satu masa telah pun menolong mengatasi masaelah<sup>2</sup> menyatu-padukan negeri<sup>2</sup> di-Malaysia ini. Menteri<sup>2</sup> dan pegawai<sup>2</sup> Kerajaan Persekutuan, termasuk juga Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, telah kerap kali membuat lawatan yang berguna ka-Malaysia Timor dan begitu juga Menteri<sup>2</sup> dan pegawai<sup>2</sup> daripada Sabah dan Sarawak telah datang ka-Kuala

Lumpur untuk merundingkan beberapa perkara bersangkutan dengan negeri<sup>2</sup> mereka. Sementara itu, seminar<sup>2</sup> pentadbiran dan pentadbiran negara yang telah di-adakan pada tahun yang lepas bukan sahaja makin bertambah tetapi juga di-hadzi<sup>2</sup> oleh pegawai<sup>2</sup> dari Malaysia Barat dan Malaysia Timor. Lawatan<sup>2</sup> dan seminar<sup>2</sup> serta juga pertukaran pegawai<sup>2</sup> antara Malaysia Timor dan Malaysia Barat sangat-lah mengelokkan lagi perhubungan antara Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dan Kerajaan Pusat dan dapat menentukan bahawa perojek<sup>2</sup> pembangunan negara di-negeri<sup>2</sup>, terutama-nya di-negeri<sup>2</sup> Malaysia Timor, dapat berjalan dengan lancar.

#### LAWATAN SAMBIL BELAJAR

21. Kerajaan telah meneruskan rancangan Lawatan Sambil Belajar dan lawatan<sup>2</sup>-nya telah di-uruskan dan sumbangan<sup>2</sup> sa-chara langsung dan tiada langsung telah di-beri kepada pertubohan<sup>2</sup> sokan dan seni yang membuat lawatan<sup>2</sup> ka-negeri<sup>2</sup> Asia Tenggara. Achara<sup>2</sup> lawatan dalam negeri termasuk lawatan<sup>2</sup> dari Malaysia Timor ka-Malaysia Barat dan sa-balek-nya.

22. Dengan tujuan untuk berjimat chermat, Kerajaan telah mengurangkan peruntukan Lawatan Sambil Belajar bagi tahun 1968 kepada \$286,000 sahaja berbanding dengan \$400,000 pada tahun 1967.

#### TUGU PERINGATAN

23. Di-Tugu Peringatan Negara dalam bulan November 1967, Perdana Menteri telah mengishtiharkan pemasangan lambang<sup>2</sup> dan lenchana<sup>2</sup> pasokan keselamatan Komenwel yang mengambil bahagian dalam masa Dharurat dahulu. Kerajaan sedang meranchangkan hendak menambah pula lambang<sup>2</sup> dan lenchana<sup>2</sup> Pasokan Keselamatan Malaysia.

#### MEMBAIKI PERKHIDMATAN 'AWAM

24. Semenjak tahun 1967, Bahagian Kemajuan Pentadbiran melalui empat chawangan-nya, ia-itu Chawangan Pentadbiran Kakitangan dan Latehan, Chawangan Belanjawan dan Pentadbiran Kewangan, Chawangan Perkhidmatan Pengurusan (Management Services) dan Chawangan Pentadbiran Negeri dan Tempatan, telah dapat mengatorkan rancangan latehan dan chara<sup>2</sup> meninggi-kan mutu pentadbiran di-dalam perkhidmatan 'awam di-Malaysia Barat supaya memperelokkan lagi kecekapan perkhidmatan 'awam dalam menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya sebagai alat pembangunan negara.

25. Satu laporan mengenai rancangan<sup>2</sup> latehan yang meliputi seluroh Jabatan Kerajaan di-Malaysia Barat sedang di-kaji oleh satu Jawatan-kuasa Kebangsaan bagi Kemajuan Pentadbiran. Penubohan Rekod Kakitangan Kerajaan (Central Staff Record) yang mustahak bagi peranchang (planning) dan belanjawan (budgeting) sedang di-atorkan dengan pertolongan satu komputer; ma'alumat<sup>2</sup> yang di-keluarkan daripada rekod ini akan menjadi pertolongan besar kepada Perbendaharaan, Pejabat Perjawatan, Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup> yang berkehendakkan ma'alumat<sup>2</sup> itu dengan segera.

26. Dengan pertolongan sa-orang pakar dari luar negeri, satu sistem baharu mengenai "programme and performance budgeting" sedang di-dalam penyiasatan. Sistem ini akan membolehkan Kerajaan mengawal dengan lebeh berkesan segala perbelanjaan sama ada untuk urusan sa-hari<sup>2</sup> atau pun untuk ranchangan<sup>2</sup> kemajuan dan pembangunan. Penyiasatan sedang di-jalankan di-dalam enam buah Jabatan sebagai permulaan.

27. Sunggoh pun Bahagian Kemajuan Pentadbiran ini telah dapat mengeluarkan satu Buku Susunan Kerajaan (Handbook of Government Organisation) yang sangat berguna, terutama-nya kepada orang<sup>2</sup> 'awam, di-dalam menentukan serta mengetahui tanggung-jawab tiap<sup>2</sup> Kementerian, Jabatan dan pegawai<sup>2</sup> Kerajaan, tetapi kecekapan<sup>2</sup> Kementerian<sup>2</sup> dan pejabat<sup>2</sup> mesti-lah di-perbaiki supaya pentadbiran sa-hari<sup>2</sup> dapat berjalan dengan lebeh lichin dan segera. Satu kursus latehan yang intensib untuk pegawai<sup>2</sup> pentadbiran dan pegawai<sup>2</sup> iktisas (professional) sedang di-atorkan supaya dapat mereka kemudian-nya di-hantar ka-Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup> untuk menjadi yunit<sup>2</sup> analisa pengurusan (management analysis units) di-Kementerian<sup>2</sup>, yang boleh membantu Kementerian<sup>2</sup> serta Jabatan<sup>2</sup> menyelaraskan dan melichinkan sistem pentadbiran sa-hari<sup>2</sup>.

28. Di-dalam perkara pentadbiran tanah, Bahagian Kemajuan Pentadbiran ini telah pun mengadakan berbagai<sup>2</sup> projek untuk memperkemarkan sistem pentadbiran tanah dan juga peratoran<sup>2</sup> di-pejabat tanah mengikut teknik yang moden supaya dapat pejabat<sup>2</sup> tanah memberi perkhidmatan yang lebeh chepat dan lebeh memuaskan kepada orang ramai, dan juga mempercepatkan pelaksanaan ranchangan pembangunan luar bandar. Di-antara projek<sup>2</sup> yang sunggoh pun kechil tetapi mustahak kepada Kerajaan, boleh-lah di-sebutkan anjoran<sup>2</sup> seminar<sup>2</sup> untuk Setia-usaha<sup>2</sup> Tetap dan Setia-usaha<sup>2</sup> Kementerian serta Ketua<sup>2</sup> Jabatan, satu ranchangan permulaan untuk memperbaiki dan memperlichinkan lagi pentadbiran sa-hari<sup>2</sup> di-Kementerian<sup>2</sup> dan di-Jabatan<sup>2</sup>, satu sistem baharu mengenai tawaran untuk membeli alat<sup>2</sup> pejabat yang mahal yang boleh menjimatkan wang, dan juga menyediakan satu sistem baharu yang kemas dan terator bagi memungut hasil<sup>2</sup> tanah di-pejabat<sup>2</sup> tanah.

#### BAHASA KEBANGSAAN

29. Dengan berkuat-kuasa-nya Act Bahasa Kebangsaan mulaï daripada 1hb September, 1967, yang berkehendakkan semua urusan resmi di-dalam Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan di-selenggarakan dalam Bahasa Kebangsaan, maka kursus yang intensib bagi pegawai<sup>2</sup> yang bukan Melayu telah pun di-atorkan oleh Pejabat Perjawatan Malaysia dengan mendapat sambutan yang menggalakkan.

#### LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT

30. Lembaga<sup>2</sup> Kenaikan Pangkat telah di-tubuhkan di-bawah "Public Services Promotion Board Regulations 1967". Lembaga<sup>2</sup> ini yang mempunyai kuasa menaikkan pangkat pegawai<sup>2</sup> dalam perkhidmatan Persekutuan telah pun berjalan dengan tiada menghadapi kesulitan<sup>2</sup> yang besar. Perkara mengulangkaji Perintah<sup>2</sup> 'Am belum lagi di-siapkan kerana perkara itu ada berkaitan dengan

Laporan Surohanjaya Gaji Khas Suffian yang sedang di-dalam timbangan Kerajaan. Bagaimana pun, kajian ada di-jalankan mengenai perkara<sup>2</sup> yang tiada di-sentuh oleh Laporan Surohanjaya itu.

#### LATEHAN PEGAWAI<sup>2</sup> MALAYSIA TIMOR

31. Dengan melaksanakan rancangan pertukaran pegawai<sup>2</sup> di-antara Malaysia Barat dan Malaysia Timor, Pengarah Perjawatan dapat-lah memberi latehan kepada pegawai<sup>2</sup> anak negeri Malaysia Timor supaya dapat mereka bersedia untuk mengambil alih jawatan<sup>2</sup> yang penting yang di-kosongkan oleh pegawai<sup>2</sup> dagang di-negeri mereka.

#### BIASISWA DAN LATEHAN

32. Di-dalam perkara biasiswa dan latehan bagi tahun 1967, Kerajaan telah pun membelanjakan lebih kurang \$3.4 juta untuk biasiswa, dermasiswa dan hadiah<sup>2</sup> latehan termasuk peruntukan bagi negeri<sup>2</sup> Malaysia Timor, untuk berbagai<sup>2</sup> kursus dan mata pelajaran sama ada di-Universiti Malaya atau pun di-seberang laut. Bagi tahun 1968, Kerajaan akan menambah lagi perbelanjaan bagi biasiswa dan dermasiswa, termasuk juga peruntukan yang lebih bagi negeri<sup>2</sup> Sabah dan Sarawak supaya dapat pegawai<sup>2</sup> Malaysia mengikuti berbagai<sup>2</sup> kursus di-seberang laut termasuk kursus "post graduate".

#### KURSUS DI-DEWAN LATEHAN, PETALING JAYA

33. Dewan Latehan Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan sedang membentok dan mengatorkan berbagai<sup>2</sup> kursus bagi pegawai<sup>2</sup> pentadbir dan pegawai<sup>2</sup> iktisas sa-telah berhubong rapat dengan Kementerian<sup>2</sup> dan badan<sup>2</sup> berkanun. Dewan Latehan itu juga akan membena bangunan<sup>2</sup> tambahan untuk memperluaskan lagi bidang latehan pegawai<sup>2</sup> di-semua peringkat Kerajaan. Supaya pegawai<sup>2</sup> yang baharu masuk dalam Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri pada masa yang akan datang, dan juga pegawai<sup>2</sup> yang sedang berkhidmat di-dalam perkhidmatan itu dapat di-lengkapkan dengan pengetahuan dan pengalaman yang melayakkan mereka di-tempatkan dalam bidang keahlian dan sa-terus-nya dalam lapangan yang tertentu, satu sistem penempatan pegawai<sup>2</sup> yang teratur dan berancang dengan di-sulami oleh latehan<sup>2</sup> yang lengkap sedang di-kaji.

#### SUROHANJAYA PILEHANRAYA

34. Dalam tahun 1967 dari bulan September hingga bulan Oktober, daftar<sup>2</sup> pemilih Malaysia Barat dan Sabah telah di-semak, dan hasil-nya sa-ramai 138,593 pemilih<sup>2</sup> baru telah di-daftarkan. Jumlah bilangan pemilih<sup>2</sup> berdaftar kini meningkat pada 3,325,264.

35. Enam pilehanraya<sup>2</sup> kecil telah di-adakan di-Malaysia Barat berikutan dengan kematian enam orang wakil ra'ayat. Bahagian<sup>2</sup> pilehanraya itu ia-lah Raub di-Negeri Pahang, dan Pasir Mas Hulu dan Kelantan Hilir di-Negeri Kelantan bagi Parlimen, dan bagi Negeri ia-lah Kampong Bahru di-Selangor, Tampoi di-Johor dan Chukai di-Trengganu.

36. Pengundian dalam Pilehanraya Dewan Negeri Sabah yang pertama kali di-adakan sechara terus telah berjaya di-adakan daripada 8hb April, hingga 23hb April, 1967.

37. Penyata mengenai persempadanan Bahagian<sup>2</sup> Pilehanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Sarawak telah di-serah kepada Perdana Menteri dalam bulan Ogos, 1967 mengikut kehendak<sup>2</sup> Sekshen 96 Act Malaysia. Beberapa undang<sup>2</sup> pilehanraya telah di-perluaskan ka-Sarawak.

38. Kerja<sup>2</sup> awal untuk mengkaji semula Bahagian<sup>2</sup> Pilehanraya di-Malaysia Barat telah di-mulakan oleh Surohanjaya Pilehanraya dalam bulan Mei, 1967 dan kerja<sup>2</sup> itu hampir<sup>2</sup> siap pada akhir tahun itu. Surohanjaya berharap kerja ini dapat di-siapkan kira<sup>2</sup> pertengahan tahun 1968 dan menyampaikan penyata-nya kepada Perdana Menteri sa-belum akhir tahun 1968.

39. Surohanjaya ini berharap dapat mengemukakan kepada Kerajaan suatu penyata mengandongi pengeshoran<sup>2</sup>-nya mengenai pendaftaran pengundi<sup>2</sup> sechารา terus menerus tidak berapa lama lagi. Sistem baru mendaftar pemilih<sup>2</sup> ini ada-lah sa-bagai memperbaiki sistem yang berjalan pada masa ini.

40. Sa-panjang tahun 1968, Surohanjaya akan membuat persediaan<sup>2</sup> untuk menjalankan Pilehanraya Umum yang akan datang dengan giat-nya.

#### RANCHANGAN KELUARGA

41. Sa-bagai sa-bahagian daripada ranchangan pembangunan ekonomi dan sosial, tujuan ranchangan keluarga, Lembaga Peranchang Keluarga, ia-lah untuk menolong memperbaiki kesihatan ibu<sup>2</sup> dan kanak<sup>2</sup> dan juga menimbulkan suasana rumah tangga yang aman dan sejahtera. Lembaga itu telah menjalankan ranchangan-nya dengan lancar-nya dalam tahun yang lepas. Dari segi ekonomi, peranchang keluarga juga akan menolong mengurangkan kadar penambahan jumlah penduduk. Tujuan Lembaga Peranchang Keluarga ini ia-lah untuk membentok dan melaksanakan ranchangan bagi mengurangkan kadar penambahan jumlah penduduk negara ini yang pada masa ini sangat tinggi, ia-itu daripada 3% sa-tahun kepada 2%. Jika penambahan jumlah ini dapat di-kurangkan satu taraf hidup yang lumayan bagi ra'ayat di-negara ini akan dapat di-jaminkan.

42. Mulai daripada bulan Mei tahun yang lalu, Lembaga ini telah mengadakan pada kali pertama-nya dalam sejarah negara ini perkhidmatan peranchang keluarga untuk orang ramai di-klinik<sup>2</sup> yang bertempat di-hospital<sup>2</sup> di-bandar<sup>2</sup> besar di-Malaysia Barat. Ranchangan ini mendapat sokongan yang baik daripada semua lapisan penduduk dan telah pun menarek lebih kurang 90% daripada ibu<sup>2</sup> untuk ranchangan peringkat pertama ini. Ini ada-lah menunjukkan bahawa peranchang keluarga ada-lah di-terima dengan mudah-nya oleh masyarakat kita. Ranchangan<sup>2</sup> ini kemudian akan di-jalankan di-bandar<sup>2</sup> yang kecil dan akhir-nya sa-belum 1969 kepada kawasan<sup>2</sup> yang lain di-seluruh Malaysia.

#### ARKIB NEGARA

43. Dalam tahun 1967 kerja<sup>2</sup> Arkib Negara telah banyak bertambah akibat penglaksanaan Undang<sup>2</sup> Arkib Negara dan Undang<sup>2</sup> Pemeliharaan Buku<sup>2</sup> yang kedua<sup>2</sup>-nya telah di-kuatkuasakan dalam tahun 1966. Bahan<sup>2</sup> yang di-terima

telah meningkat jumlah-nya menyebabkan kesukaran menyelenggarakan-nya oleh kerana jumlah kakitangan kecil sahaja. Di-samping itu jumlah penerbitan<sup>2</sup> yang makin banyak telah di-terima untuk simpanan mengikut undang<sup>2</sup>.

44. Arkib Negara dalam usaha-nya untuk mendapatkan rekod<sup>2</sup> persendirian yang mempunyai mutu kebangsaan atau sejarah telah menerima satu kumpulan besar rekod<sup>2</sup> persendirian mendiang Tun Tan Cheng Lock, sa-orang jagoh politik yang terkenal. Pilehan daripada kumpulan ini telah di-pamerkan dalam satu pameran khas yang pertama kali di-adakan, dalam bulan November, 1967, dan telah di-buka dengan resmi-nya oleh Timbalan Perdana Menteri.

45. 290 penyelidek<sup>2</sup> dari negeri ini dan juga dari seberang laut telah menggunakan arkib<sup>2</sup> di-pejabat ini dan juga perkhidmatan menyalin dokumen dengan sa-penoh-nya, dan lawatan hari<sup>2</sup> ada-lah lebih kurang 1,265. Bagi pertama kali-nya, dua kursus kediaman pendek telah di-adakan untuk beberapa orang pegawai<sup>2</sup> rekod di-Dewan Latehan Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan supaya pegawai<sup>2</sup> itu dapat mentadbirkan rekod<sup>2</sup> dalam Jabatan masing<sup>2</sup> dengan chara yang terator.

46. Di-peringkat antara bangsa, kemajuan telah di-chapai untuk menubuhkan satu Chawangan Majlis Arkib Antara Bangsa bagi Asia Tenggara dengan sokongan daripada negara<sup>2</sup> ASA. UNESCO telah berjanji akan memberi bantuan untuk membiayai persidangan penubuhan-nya yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur dalam tahun ini.

47. Mengenai perkara Perpustakaan Negara, teras perpustakaan itu di-Arkib Negara akan di-perkuatkan lagi pada tahun ini dengan di-tambahkan pegawai<sup>2</sup>-nya.

## KEMENTERIAN BUROH

48. Kerajaan telah meneruskan dasar-nya di-dalam hal meninggikan kebajikan dan kesejahteraan pekerja<sup>2</sup> pada 'am-nya dan menyatukan dengan lebih baik lagi peranan mereka dalam proses pembangunan negara. Dalam tahun yang sudah, langkah<sup>2</sup> yang lanjut telah di-buat dalam melaksanakan tujuan utama dasar perburohan ini.

### UNDANG<sup>2</sup> PERBUROHAN

49. Usaha<sup>2</sup> untuk mengkaji semula dan melengkapi semua undang<sup>2</sup> perburohan di-negara ini maseh di-teruskan. Pindaan<sup>2</sup> yang mustahak telah di-buat kepada Ordinance Penggajian, 1955, untuk memperluaskan bidang lingkungan-nya kepada semua jenis pekerja<sup>2</sup> yang bergaji tidak lebih daripada \$500 sa-bulan. Ordinance tersebut dahulu-nya hanya di-hadkan kepada orang<sup>2</sup> yang bekerja sebagai buroh kasar. Dengan pindaan itu, kemudahan<sup>2</sup> dan perlindungan yang di-wujudkan oleh perbekalanan<sup>2</sup>-nya sekarang ini ada-lah di-rasai juga oleh sa-bilangan besar orang<sup>2</sup> yang makan gaji di-negeri ini dan orang<sup>2</sup> gaji di-rumah<sup>2</sup> boleh-lah, jika mereka mahu, mendakwa kenaikan gaji dan lain<sup>2</sup> perkara yang berkaitan dengan pekerjaan mereka dalam Mahkamah Buroh.

50. Ordinance Majlis Penetapan Gaji, 1947, telah juga di-pinda dalam bulan Mach tahun ini untuk melichinkan perbekalan<sup>2</sup>-nya dan untuk membolehkan ia-nya di-kuatkuasakan dengan mudah-nya.



51. Ordinance Chuti Mingguan, 1950 telah juga di-ulangkaji dan kedai<sup>2</sup> yang menjual alat<sup>2</sup> perkakas kereta motor, bunga<sup>2</sup>, tanaman<sup>2</sup> dan binatang<sup>2</sup> permainan juga termasuk di-dalam Jadual kepada Ordinance itu; dengan itu tidak-lah mustahak lagi kedai<sup>2</sup> tersebut di-tutup sa-hari dalam seminggu. Pekerja<sup>2</sup> dalam kedai<sup>2</sup> tersebut, walau bagaimana pun, ada-lah di-kehendaki di-berikan sa-hari chuti dalam seminggu.

52. Usaha<sup>2</sup> menyatukan undang<sup>2</sup> buroh di-seluruh Malaysia di-teruskan dalam tahun yang sudah dan ini di-harap akan selesai dengan segera-nya.

#### PERKHIDMATAN PEKERJAAN

53. Tindakan telah di-ambil dalam tahun sudah untuk mengkaji semula dan menyamakan tugas Perkhidmatan Pekerjaan yang di-jalankan oleh Kementerian ini. Dengan pertolongan Penasihat dari Pertubohan Buroh Antarabangsa, chara<sup>2</sup> pendaftaran, temuduga dan penempatan penchari<sup>2</sup> kerja sechara yang baharu telah di-buat dan perkara menempatkan berbagai Pejabat<sup>2</sup> Pekerjaan di-kaji. Pejabat<sup>2</sup> Pekerjaan di-Petaling Jaya, Butterworth dan Johor Bharu telah pun bergerak dengan chara<sup>2</sup> yang baharu ini dan hasil-nya telah pun di-rasai dengan penggunaan yang lebeh ka-atas Pejabat<sup>2</sup> tersebut oleh majikan<sup>2</sup> dan penchari<sup>2</sup> kerja. Penempatan semula Pejabat<sup>2</sup> Pekerjaan telah di-buat untuk menumpukan usaha<sup>2</sup> dengan lebeh giat lagi di-daerah<sup>2</sup> yang mempunyai aktiviti<sup>2</sup> ekonomi yang pesat dan untuk memberikan perkhidmatan yang chekap kepada penchari<sup>2</sup> kerja dan majikan<sup>2</sup> di-seluruh negara ini. Dengan lebeh banyak lagi pegawai<sup>2</sup> yang terlatah dalam chara<sup>2</sup> dan atoran<sup>2</sup> yang baharu ini, maka lebeh banyak lagi di-antara 26 buah Pejabat<sup>2</sup> Pekerjaan di-Malaysia Barat dan juga Pejabat<sup>2</sup> di-Malaysia Timor yang akan di-susun mengikut chara<sup>2</sup> yang baharu ini.

#### PENYELIDEKAN TUGAS<sup>2</sup>

54. Kementerian ini telah menubuhkan satu Bahagian Penyelidikan Tugas<sup>2</sup> dan dengan pertolongan sa-orang pakar Pertubohan Buroh Antarabangsa, satu sistem Penjenisan Tugas<sup>2</sup> di-Malaysia telah di-wujudkan. Persediaan<sup>2</sup> sedang di-buat untuk menchetak sistem yang baharu ini. Penchetakan ini, yang meng-andongi sebagai permulaan ta'arif lebeh daripada 1,000 tugas<sup>2</sup> yang lazim terdapat di-negara ini, akan membolehkan pengertian tajok<sup>2</sup> tugas<sup>2</sup> yang sama yang lazim di-gunakan dalam menyediakan ranchangan<sup>2</sup> pembangunan, peranchangan dan pelaksanaan kursus<sup>2</sup> latehan perusahaan, penganalisaan tenagamanusia dan pimpinan bakatkerja dan juga kerja<sup>2</sup> perkhidmatan pusat pekerjaan. Sistem Penjenisan ini akan di-ulangkaji mengikut perusahaan<sup>2</sup> dan peluang<sup>2</sup> pekerjaan yang baharu yang terdapat berikutan dengan kemajuan ekonomi Malaysia. Sejumlah pegawai<sup>2</sup> telah pun di-latah untuk pekerjaan yang khusus ini.

#### MAJLIS<sup>2</sup> PENETAPAN GAJI

55. Ada beberapa kegiatan<sup>2</sup> dalam lapangan Majlis Penetapan Gaji dalam tahun sudah. Majlis<sup>2</sup> Penetapan Gaji bagi kedai<sup>2</sup>, dengan bidang-kuasa ka-atas 26 buah bandar<sup>2</sup> besar di-Malaysia Barat, telah merangkakan chadangan Per-atoran Gaji yang baharu untuk memperbaiki sharat<sup>2</sup> minima Perintah Peratoran Gaji tahun 1964 dahulu. Chadangan yang baharu ini juga telah menghapuskan

beberapa kekurangan yang terdapat di-dalam menguatkuasakan Perintah yang dahulu. Penguatkuasaan Perintah tahun 1964, meliputi lebih 11,000 kedai<sup>2</sup> dalam 9 buah Ibu<sup>2</sup> Negeri, ada-lah memuaskan dan hampir kesemua kedai<sup>2</sup> yang di-kenakan oleh Perintah tersebut telah di-lawati. Chadangan yang baharu ini ada-lah di-jangka akan di-kemukakan untuk persetujuan Menteri tidak lama lagi. Majlis Penetapan Gaji bagi Perhidangan Makanan dan Hotel telah mengemukakan chadangan-nya bagi satu Perintah Peratoran Gaji, meliputi 9 buah Ibu<sup>2</sup> Negeri dan lebih 2,000 pertubohan<sup>2</sup>, tahun sudah. Satu Perintah Peratoran Gaji telah di-buat oleh Menteri pada 1hb Julai, 1967 dan sejak itu lebih 60% pertubohan<sup>2</sup> yang di-liputi telah pun di-lawati. Satu Majlis Penetapan Gaji telah juga di-tubuhkan bagi perusahaan wayang gambar dalam bulan Mei, 1967 dan kemajuan yang agak besar telah pun di-chapai oleh Majlis ini dalam menyediakan chadangan<sup>2</sup> bagi satu Perintah Peratoran Gaji. Sa-buah Majlis Penetapan Gaji yang baharu untuk meliputi pembantu<sup>2</sup> kedai di-Sarawak telah juga di-tubuhkan tahun sudah dan Majlis ini telah pun mengadakan beberapa meshuarat. Sementara itu, Majlis Penetapan Gaji bagi Pelabohan Pulau Pinang meneruskan tugas<sup>2</sup>-nya dan satu pindaan telah di-buat kepada Perintah Peratoran Gaji 1966 yang meliputi pekerja<sup>2</sup> pelabohan mengenai masa bekerja bagi pekerja<sup>2</sup> punggah memungkah dan pengandali<sup>2</sup> muatan.

#### KESELAMATAN, KESIHATAN DAN KEBAJIKAN PEKERJA<sup>2</sup>

56. Act Kilang dan Kejenteraan yang baharu telah di-luluskan oleh Parlimen tahun sudah bagi memperbaiki dan mengadakan perbekalan<sup>2</sup> yang lebih berkesan mengenai keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja<sup>2</sup>, bukan sahaja di-tempat<sup>2</sup> di-mana jentera<sup>2</sup> yang menggunakan kuasa enjin jentera ada digunakan tetapi juga di-lain<sup>2</sup> tempat pekerjaan yang besar. Peratoran<sup>2</sup> yang mustahak bagi membuat perbekalan<sup>2</sup> yang lebih lanjut lagi bagi piawaian<sup>2</sup> adalah sedang di-rangkakan dan Act ini di-jangkakan akan di-kuatkuasakan dalam dua atau tiga bulan lagi. Satu Unit Kesihatan Perusahaan telah juga di-tubuhkan di-Kementerian ini di-awal tahun ini. Perkhidmatan sa-orang doktor telah pun di-perolehi bagi mengetuai Bahagian ini dan kakitangan<sup>2</sup> lain-nya yang diperlukan ada-lah sedang di-ambil sekarang. Bahagian ini telah pun mula bertugas; perhatian-nya sekarang ini bertumpu kepada kajian 'am ka-atas soal<sup>2</sup> kesihatan dalam perusahaan, pertanian dan perlombongan dan penyiapan kehendak<sup>2</sup> kesihatan dan kebajikan di-bawah Act Kilang dan Kejenteraan.

#### LEMBAGA KUMPULAN WANG PERPINDAHAN MALAYSIA

57. Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia yang di-tubuhkan dalam bulan September, 1966 telah menunjukkan usaha<sup>2</sup> yang berjaya. Dalam tahun 1967, sa-jumlah 1,069 pekerja<sup>2</sup> dan 1,217 orang tanggungan<sup>2</sup> mereka telah di-hantar untuk bekerja dalam ladang<sup>2</sup> di-Sabah di-bawah perlindungan Lembaga itu. Dalam tempoh 4 bulan pertama tahun 1968, seramai 295 pekerja<sup>2</sup> lagi dan 307 orang tanggungan<sup>2</sup> mereka telah pun di-hantar. Lembaga ini berchadang hendak menghantar 1,800 keluarga<sup>2</sup> ka-Sabah bagi tahun 1968 tetapi ini akan bergantung kepada permintaan majikan<sup>2</sup> yang sa-benar-nya. Soal<sup>2</sup> permulaan yang di-hadapi oleh Lembaga ini, saperti suasana keliling semulajadi yang di-hadapi oleh pekerja<sup>2</sup> di-tempat<sup>2</sup> baharu, nampak-nya dapat di-atasi dan Lembaga

ini sekarang ini mengambil bahagian yang mempunyai harapan dalam kemajuan ekonomi Sabah. Berikutan dengan pemberhentian kemasokan buroh Filipina ka-Sabah, ada-lah di-jangkakan bahawa perusahaan kayu balak dan perladangan di-Sabah akan mengalami lebeh terok sedikit kekurangan tenaga buroh dan Lembaga ini telah pun membuat penyiasaan<sup>2</sup> yang perlu mengenai kedudukan permintaan yang terpendam itu dan sharat<sup>2</sup> serta keadaan pekerjaan dalam perusahaan kayu balak, dalam usaha persediaan menghadapi permintaan tersebut.

#### KESATUAN SEKERJA

58. Jumlah Kesatuan<sup>2</sup> pekerja<sup>2</sup> di-Malaysia Barat di-akhir tahun 1967 ia-lah 258 dengan keahlian yang berjumlah 307,000. Ini di-bandingkan dengan 277 kesatuan<sup>2</sup> sekerja dengan 315,000 ahli<sup>2</sup> di-akhir tahun 1966. Keahlian<sup>2</sup> di-dalam daftar berbagai<sup>2</sup> kesatuan sekerja, walau bagaimana pun, menunjukkan tambahan lebeh kurang 22,000 daripada jumlah 348,000 bagi tahun 1966. Angka<sup>2</sup> ini jelas menunjukkan bahawa proses penyatuan pergerakan Kesatuan Sekerja berjalan dengan maju-nya walau pun bentok kesatuan sekerja seluroh-nya menunjukkan banyak kesatuan<sup>2</sup> sekerja yang mempunyai ahli<sup>2</sup> yang sedikit. Kira<sup>2</sup> 226 buah kesatuan<sup>2</sup> sekerja daripada jumlah 258 kesatuan<sup>2</sup> pekerja mengandongi hanya 18% daripada jumlah keahlian kesatuan<sup>2</sup> sekerja sementara 51% daripada jumlah keahlian ada-lah terdapat pada 9 buah kesatuan sekerja yang lebeh besar lagi. Tahun 1968 telah memperlihatkan tanda<sup>2</sup> penyatuan kesatuan sekerja yang lebeh dan di-akhir bulan Mach, 1968, proses pergabungan dan pemansohan telah mengurangkan jumlah kesatuan pekerja<sup>2</sup> kepada 249 kesatuan.

#### PERHUBONGAN PERUSAHAAN

59. Kemajuan yang penting dalam tahun 1967 dalam lapangan perhubungan<sup>2</sup> perusahaan ia-lah penerimaan Act Perhubungan Perusahaan yang berkuatkuasa pada 7hb Ogos, 1967. Act ini memansuhkan Essential Regulations yang telah di-siarkan dalam tahun 1965 dan menyatukan semua perundangan<sup>2</sup> yang ada mengenai perhubungan perusahaan di-seluroh Malaysia. Pada keselurohan-nya perbekalan<sup>2</sup> Act tersebut telah memenohi kehendak<sup>2</sup> yang di-harapkan dan telah pun di-laksanakan dalam chara yang pada 'am-nya memuaskan semua pihak yang berkenaan. Walau bagaimana pun, pengawasan ada-lah di-buat atas kesulitan<sup>2</sup> dan hal<sup>2</sup> yang timbul daripada penguatkuasaan Act tersebut untuk membuat apa<sup>2</sup> pindaan kepada-nya, jika ini di-rasakan perlu.

60. Act ini mempunyai pengaruh yang menstabilkan dalam bidang aktiviti perhubungan<sup>2</sup> perusahaan. Perbekalan<sup>2</sup> baharu yang terdapat dalam-nya bagi tujuan soal<sup>2</sup> seperti pengiktirafan kesatuan sekerja dan tuduhan<sup>2</sup> penindasan pegawai<sup>2</sup> kesatuan sekerja dan ahli<sup>2</sup>-nya ada-lah di-dapati berguna bukan sahaja bagi menyelesaikan beberapa soal<sup>2</sup> yang telah timbul dalam hal ini tetapi juga, dengan chara yang meluas, untuk menghalang soal<sup>2</sup> itu timbul hasil dari pengetahuan yang luas mengenai prinsip<sup>2</sup> yang terkandung dalam Act ini. Perbekalan<sup>2</sup> mengenai rujukan pertikaian<sup>2</sup> kepada Mahkamah Perusahaan di-dapati sangat<sup>2</sup> di-terima baik dalam bahagian ekonomi di-mana pertubohan kesatuan sekerja tidak begitu berkesan dan dalam hal<sup>2</sup> di-mana perkara<sup>2</sup> yang berkenaan itu tidak sesuai bagi penyelesaian menerusi saluran yang biasa, ia-itu perundingan bersama dan perdamaian.

61. Di-sepanjang tahun 1967, sejumlah 161 pertikaian<sup>2</sup> perusahaan telah timbul dan dengan 34 kes yang di-bawa kehadapan dari tahun sudah, jumlah pertikaian ia-lah 195. 162 daripada pertikaian<sup>2</sup> tersebut telah di-selesaikan, lebeh 100 daripada-nya dengan pertolongan Kementerian Buroh. 42 daripada pertikaian<sup>2</sup> itu telah di-rujokkan ka-Mahkamah Perusahaan untuk penyelesaian, 7 daripada-nya ada-lah di-atas permintaan pehak<sup>2</sup> yang bertikai itu sendiri.

62. Kesemua-nya, 38 perjanjian<sup>2</sup> bersama telah di-chapai di-antara majikan<sup>2</sup> dan kesatuan<sup>2</sup> sekerja, 28 daripada perjanjian<sup>2</sup> ini telah di-buat selepas penguat-kuasaan Act Perhubungan Perusahaan. Perjanjian<sup>2</sup> ini telah di-perchayai meng-untongkan lebeh daripada 20,000 pekerja<sup>2</sup>, dengan kenaikan<sup>2</sup> gaji di-antara 4% hingga 6% dan mengadakan juga kemajuan<sup>2</sup> yang lain dalam hal syarat<sup>2</sup> dan keadaan pekerjaan.

63. 45 pemogokan berlaku dalam tahun 1967, melibatkan 9,452 pekerja<sup>2</sup> dan mengakibatkan jumlah kerugian 157,980 hari bekerja bagi pekerja<sup>2</sup>. Lebeh dari-pada 100,000 hari bekerja bagi pekerja<sup>2</sup> yang rugi itu ada-lah akibat dari 7 pemogokan<sup>2</sup> yang berlangsung lebeh satu bulan. 15 daripada 44 pemogokan<sup>2</sup> itu hanya berumur 1 hari sahaja.

64. Bagi tahun ini, sebanyak 47 pertikaian<sup>2</sup> perusahaan telah di-ambil tindakan dan 42 daripada-nya telah di-selesaikan. 19 daripada pertikaian<sup>2</sup> ini membawa kapada pemogokan yang melibatkan 5,148 pekerja<sup>2</sup> dan kerugian 22,681 hari bekerja bagi pekerja<sup>2</sup>. Hanya satu pemogokan menunggu penyelesaian di-akhir bulan Mach. Sehingga akhir bulan April, 8 perjanjian<sup>2</sup> bersama telah di-rujokkan ka-Mahkamah Perusahaan, sementara 5 kes telah di-rujokkan kapada Mahkamah tersebut oleh Menteri untuk penyelesaian, 3 daripada-nya ada-lah di-atas permintaan bersama pehak<sup>2</sup> yang berkenaan itu.

65. Angka<sup>2</sup> di-atas itu telah menunjukkan dengan tidak ada waswas lagi bahawa Act Perhubungan Perusahaan tidak-lah, dalam apa chara pun, menjadi satu faktor yang mengechewakan; tegas-nya walau pun terdapat banyak kechaman<sup>2</sup> bahawa ia-nya akan menghapuskan perundingan bersama sechra bebas, pehak<sup>2</sup> yang berkenaan telah mendapati yang di-sebalek-nya telah timbul.

#### LATEHAN PERUSAHAAN DAN PEKERJAAN

66. Dalam tahun 1967, Jabatan Pekerjaan dan Latehan yang baharu di-tuboh-kan itu telah berusaha dengan giat-nya menyediakan bagi perkembangan kemudahan<sup>2</sup> latehan perusahaan dan mengatorkan ranchangan<sup>2</sup> yang khas untuk latehan yang di-perchepatkan yang akan di-mulakan bagi julong<sup>2</sup> kali-nya itu dalam tahun ini. Kerja pembinaan bagi asrama<sup>2</sup> dan wokshop<sup>2</sup> baharu untuk menambah kemudahan<sup>2</sup> yang telah sedia ada di-Pusat Latehan Perusahaan di-Kuala Lumpur telah di-mulakan dalam bulan Disember, 1967 dan di-jangka akan siap tidak berapa lama lagi.

67. Untuk mengatasi masalaah kekurangan jurulateh di-Pusat itu, maka permohonan telah pun di-kemukakan kapada Bantuan Tabong Khas Ran-changan Pembangunan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu bagi menubuhkan Ranchangan Latehan Jurulateh bukan sahaja untuk memenohi kehendak<sup>2</sup> Kementerian ini bahkan juga kehendak<sup>2</sup> Kementerian<sup>2</sup> yang lain serta berbagai-bagai badan<sup>2</sup> berkanun

yang menjalankan Ranchangan<sup>2</sup> Latehan mereka masing<sup>2</sup>. Rundingan<sup>2</sup> sedang juga berjalan dengan beberapa Kerajaan dengan tujuan mendapatkan jurulatih<sup>2</sup> asing bagi memenuhi kekosongan yang ada sekarang ini supaya ranchangan bagi latehan perusahaan yang di-percepatkan itu boleh di-mulakan dengan tiada lengah<sup>2</sup> lagi.

68. Ranchangan bagi pembinaan sa-buah Pusat Latehan Perusahaan yang kedua di-Butterworth telah juga berjalan dengan memuaskan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bermurah hati memperuntukkan sa-buah tapak sa-luas 27 ekar di-kompleks perusahaan di-dalam kawasan itu dan rundingan<sup>2</sup> sekarang ini sedang berjalan dengan Negeri<sup>2</sup> yang bersahabat bagi bantuan teknik yang berupa alat<sup>2</sup> dan ahli<sup>2</sup> pakar untuk memulakan perprojek ini sa-belum akhir tempoh Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Kemajuan dalam rundingan<sup>2</sup> ini ada-lah sangat<sup>2</sup> memuaskan dan di-jangka bahawa Kerajaan<sup>2</sup> ini akan memberikan keputusan<sup>2</sup> yang tegas tidak berapa lama lagi.

69. Sementara itu Pusat Latehan Perusahaan di-Kuala Lumpur meneruskan ranchangan-nya bagi Latehan Perintisan. Enam buah kursus sa-penoh-masa telah di-jalankan dalam tahun ini bersama<sup>2</sup> dengan beberapa buah kursus sambilan. Sa-jumlah 1,003 orang pelatih<sup>2</sup> dari semua bahagian Malaysia Barat telah mengambil bahagian dalam kursus<sup>2</sup> latehan ini dalam tahun yang lalu.

70. Ranchangan latehan yang di-percepatkan yang akan di-mulakan tidak berapa lama itu akan melateh pada 'am-nya pelajar<sup>2</sup> yang keluar sekolah di-perengkat Sijil Rendah Pelajaran dalam berbagai<sup>2</sup> pekerjaan. Ada-lah di-ranchangkan bahawa ranchangan latehan itu akan di-jalankan untuk tempoh sa-lama lebih kurang enam bulan, tempoh kursus itu yang sa-benar ada-lah berubah<sup>2</sup> mengikut jenis pekerjaan itu. Walau bagaimana pun, kemungkinan bagi mengadakan ranchangan latehan pendek-masa seperti itu bagi mereka yang di-dapati sesuai daripada di-antara pekerja<sup>2</sup> yang akan di-berhentikan kerja akibat pengundoran Tentera British dari Malaysia sedang juga di-kaji.

#### RANCHANGAN PERLINDONGAN KELUARGA PEKERJA

71. Laporan Pakar Ranchangan Kolombo, Enche' A. N. Ambo, mengenai Ranchangan<sup>2</sup> Perlindungan Keluarga Pekerja meliputi kemalangan<sup>2</sup> ketidak-upayaan yang kekal dan kechederaan pekerjaan telah pun di-terima dan di-binchangkan dengan kumpulan<sup>2</sup> majikan dan pekerja<sup>2</sup> dalam Majlis Penasihat Bersama Buroh Kebangsaan. Kedua-dua kumpulan itu dan juga Kerajaan telah menerima dengan sa-bulat suara perakuan<sup>2</sup> yang terkandung dalam Laporan itu.

72. Telah pun di-persetujui bahawa ranchangan mengenai ketidakupayaan yang kekal itu hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia Barat bagi permulaannya, sementara ranchangan yang berperengkat-perengkat akan di-mulakan meliputi kechederaan pekerjaan, bagi mula<sup>2</sup>-nya meliputi bandar raya Georgetown, Ipoh, Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Johor Baharu sahaja. Sa-lepas itu ranchangan itu sedikit demi sedikit akan di-lanjutkan ka-seluruh negeri.

73. Telah juga di-persetujui bahawa sumbangan sa-banyak 1% daripada gaji<sup>2</sup> pekerja, yang di-beri dengan sama banyak oleh majikan<sup>2</sup> dan pekerja<sup>2</sup> hendak-lah di-kenakan bagi ranchangan ketidakupayaan yang kekal, sementara

majikan hendak-lah memberi sumbangan kira<sup>2</sup> 1% daripada gaji itu bagi rancangan kechederaan pekerjaan.

74. Rang Undang<sup>2</sup> bagi sekim ini akan di-kemukakan kepada Parlimen tidak lama lagi untuk sekim tersebut di-mulakan dalam tahun ini juga.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

### FAHAMAN KOMUNIS DAN GERAKAN<sup>2</sup> SABERSIF

75. Kedua<sup>2</sup> chorak anchaman komunis, ia-itu keganasan dan gerakan<sup>2</sup> sabersif, maseh menjadi masa'elah keselamatan yang besar yang memerlukan tentangan yang kuat dan berpanjangan untuk mencheegah-nya.

76. Di-Malaysia Timor, Pertubohan Komunis Sarawak maseh lagi meneruskan dasar persediaan<sup>2</sup>-nya yang chergas bagi perjuangan gerila dan, dalam pada itu, berusaha mengukuhkan sokongan ramai terhadap gerakan-nya melalui ranchangan sabersif yang lengkap. Walau bagaimana pun, dengan bertambah-nya gerakan Angkatan<sup>2</sup> Keselamatan Indonesia ka-atas gerila<sup>2</sup> yang bersembunyi di-hutan<sup>2</sup> Kalimantan Barat, dan dengan kejayaan<sup>2</sup> Angkatan Keselamatan Malaysia bagi memechahkan pertubohan Komunis di-bawah tanah di-Sarawak, maka usaha pertubohan itu telah terkandas dan semangat ahli<sup>2</sup>-nya telah lemah. Walau pun demikian hal-nya, Pertubohan ini amat-lah sukar di-hapuskan dan penganjor<sup>2</sup>-nya ada-lah orang<sup>2</sup> yang keras hati. Pada ketika ini, satu anchaman baharu telah munchul, ia-itu kemungkinan gerila<sup>2</sup> komunis yang bersenjata kembali sa-mula ka-Sarawak kerana melarikan diri daripada Angkatan Tentera Indonesia.

77. Walau pun gerakan<sup>2</sup> bersama di-antara Angkatan<sup>2</sup> Keselamatan Malaysia/Thai maseh terus di-jalankan di-Malaysia Barat terhadap Pertubohan<sup>2</sup> Pengganas Komunis di-daerah<sup>2</sup> sempadan, tetapi mereka telah berjaya mengelakkan diri daripada tertawan dan maseh menjadi anchaman besar kepada keselamatan negeri ini. Keadaan ini ada-lah jelas dengan bertambah-nya perbuatan<sup>2</sup> keganasan yang telah di-lakukan oleh Pertubohan ini melalui kegiatan<sup>2</sup> dan di'ayah mereka. Dalam lapangan sabersif, Barisan Bersatu Komunis maseh meneruskan dasar hendak menchapai chita<sup>2</sup> dengan kekerasan senjata. Dasar ini terbukti daripada kekachauan<sup>2</sup> pada akhir tahun lepas.

78. Kerajaan ada-lah berjaga<sup>2</sup> terhadap kegiatan<sup>2</sup> tenaga sabersif yang menchari jalan merosakkan keselamatan negara dan Kerajaan berazam hendak menjalankan tanggong-jawab yang di-beri oleh ra'ayat untuk mengekalkan keselamatan dan ketenteraman dalam negeri ini.

### PASOKAN POLIS DI-RAJA MALAYSIA

79. Pasokan Polis Di-Raja Malaysia yang telah di-ganti seluroh-nya dengan pegawai<sup>2</sup> anak negeri di-Malaysia Barat, ada-lah bertugas bagi memelihara undang<sup>2</sup> dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Persekutuan, mencheegah dan mengesan jenayah, menangkap serta menda'awa orang yang bersalah di-sisi undang<sup>2</sup> dan mengumpul keterangan<sup>2</sup> perisekan. Ia

telah menjalankan tugas<sup>2</sup> yang sukar ini dengan chemerlang-nya walau pun Pasokan Polis terpaksa menghadapi desakan<sup>2</sup> berikutan dengan keadaan ketenteraman awam yang di-lakukan oleh anasir<sup>2</sup> sabersif dan gulungan<sup>2</sup> yang menentang masyarakat.

80. Tidak-lah perlu di-huraikan dengan lanjut tentang berbagai<sup>2</sup> masa'elah yang di-hadapi oleh pihak Polis. Amat-lah menggembirakan bahawa perasaan keyakinan orang ramai serta kerjasama yang di-beri kepada pihak Polis makin sa-hari makin bertambah dan dengan tiada-nya ini sudah tentu tidak akan terchapai kejayaan yang chemerlang saperti yang telah terbukti. Demi kepentingan keselamatan dan keamanan serta persefahaman di-antara masyarakat yang berbilang bangsa di-Malaysia, ada-lah mustahak orang ramai akan terus memberikan kerjasama kepada pihak polis.

81. Pasokan Polis Di-Raja Malaysia telah menseragamkan tugas<sup>2</sup>-nya di-segala lapisan dengan tujuan hendak mengadakan perkhidmatan yang lebih sempurna. Pegawai<sup>2</sup> yang berpengalaman di-hantar untuk bertugas di-merata<sup>2</sup> tempat. Kaedah<sup>2</sup> baharu ada-lah di-laksanakan dengan tujuan menyatu padukan anggota<sup>2</sup> Polis dengan pihak masyarakat.

82. Pada 1hb Januari, 1968, Pasokan Senoi Pra'aq yang dahulu-nya menjadi satu badan yang berasing, telah di-satukan dengan Polis Di-Raja Malaysia dan di-letakkan di-bawah kawalan dan perintah Ketua Polis Negara. Sa-lain daripada menyamakan segala gerakan<sup>2</sup>-nya dengan Pasokan Polis Hutan, tujuan utama menyatukan pasokan ini ia-lah bagi menyerapkan orang<sup>2</sup> asli dengan ahli<sup>2</sup> masyarakat yang lain demi kepentingan masa hadapan mereka.

83. Kerajaan tentu tidak akan memperolehi satu Pasokan Polis yang sempurna dan bermutu tinggi jika sa-kira-nya kebanyakan anggota<sup>2</sup>-nya, terutama sa-kali ahli<sup>2</sup> Polis biasa, tidak di-beri tempat<sup>2</sup> tinggal yang sesuai. Dengan itu, Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada masa'elah perumahan untuk pegawai<sup>2</sup> pangkat rendah.

84. Semenjak Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Pertama dan Ke-dua di-lancarkan, 3,224 yunit rumah bagi ahli<sup>2</sup> Polis biasa telah di-bena di-seluruh Malaysia. Di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama (1966-1970) sa-banyak 2,784 yunit lagi telah di-bena dalam tahun<sup>2</sup> 1966 dan 1967 menjadikan jumlah-nya 6,008 yunit. Pembinaan 1,533 yunit lagi sedang di-jalankan.

#### JABATAN IMIGERESEN

85. Jawatan-kuasa Tetap Pegawai<sup>2</sup> untuk menggantikan pegawai<sup>2</sup> dagang dengan pegawai<sup>2</sup> anak negeri dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, terus menjalankan dasar Kerajaan berkenaan perkara menggantikan pegawai<sup>2</sup> dagang dengan pegawai<sup>2</sup> anak negeri dalam lapangan perdagangan dan perusahaan sa-bagaimana yang di-tentukan oleh Jawatan-kuasa Juma'ah Menteri mengenai soal ini. Dalam tahun 1967, Jawatan-kuasa tersebut telah mengkaji kedudukan jawatan<sup>2</sup> di-dalam 485 buah sharikat<sup>2</sup> bersendirian yang mempunyai 4,004 orang pegawai<sup>2</sup> dagang. Pada akhir tahun itu, 225 jawatan pegawai<sup>2</sup> dagang telah di-ganti dengan pegawai<sup>2</sup> anak negeri. Satu persetujuan telah terchapai di-antara

Kerajaan dengan Persatuan Penanam<sup>2</sup> Getah ia-itu persatuan tersebut telah berjanji hendak menggantikan 7% jawatan<sup>2</sup> yang di-pegang oleh pegawai<sup>2</sup> dagang dengan pegawai<sup>2</sup> anak negeri pada tiap<sup>2</sup> tahun.

86. Dasar Kerajaan bagi mengenakan kawalan imigresen di-Tambak Johor telah di-jalankan dengan baik.

87. Perjanjian Menchegeh Penyeludupan yang telah di-tandatangani di-antara Filipina dengan Malaysia pada 1hb Disember, 1967, telah memberatkan lagi tanggung-jawab Jabatan ini dan kakitangan baharu kena di-ambil di-Sabah bagi menjalankan tugas<sup>2</sup> mengeluarkan pas<sup>2</sup> sempadan dan mengawal warga-negara Filipina yang keluar dan masuk ka-negeri ini.

#### JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

##### PENDAFTARAN NEGARA

88. Dalam tempoh kajian ini, 221,638 kad<sup>2</sup> pengenalan baharu berbagai jenis telah di-keluarkan di-Malaysia Barat. Dengan ini, kad<sup>2</sup> plastik yang di-keluarkan semenjak bulan Ogos tahun 1960, ia-lah sa-banyak 5,628,312. Sa-lain daripada itu, sa-banyak 71,990 kad<sup>2</sup> baharu telah di-keluarkan dalam tahun 1967 menggantikan kad<sup>2</sup> lama.

89. Kad<sup>2</sup> pengenalan yang di-terima dari Sarawak, Sabah dan Brunei untuk di-salutkan dengan plastik ia-lah seperti berikut :

Sarawak	...	...	...	...	265,104
Sabah	...	...	...	...	14,052
Brunei	...	...	...	...	7,233

##### PENDAFTARAN WARGANEGARA

90. Sa-banyak 5,655 permohonan di-terima dari Malaysia Timor dalam tahun 1967. Jumlah Sijil yang di-keluarkan ia-lah 5,359—(Sarawak—3,102 dan Sabah—2,259).

91. Di-Malaysia Barat, sa-banyak 56,589 sijil telah di-keluarkan dalam tahun itu.

#### JABATAN PENCHEGAH RASUAH

92. Kerajaan telah menyusun sa-mula Badan Penchegeh Rasuah dengan tujuan hendak menghapuskan sama sa-kali perbuatan rasuah di-dalam Perkhidmatan 'Awam. Badan tersebut telah di-beri kuasa menyiasat dan menda'awa serta juga di-lengkapkan dengan kakitangan<sup>2</sup> yang chukup bagi melaksanakan tugas<sup>2</sup> tersebut. Badan tersebut telah mula bertugas di-bawah susunan baharu itu pada 1hb Oktober, 1967.

93. Dengan ada-nya susunan baharu itu, maka Badan tersebut mempunyai suatu bentok baharu. Orang ramai mula bertambah yakin tentang faedah-nya dan ini terbukti dengan bertambah-nya ma'alumat<sup>2</sup> yang telah di-terima. Adalah di-harap ia sentiasa mendapat kerjasama orang ramai bagi menghapuskan rasuah.



## KEMENTERIAN HAL EHWAL TANAH DAN GALIAN

## JABATAN GALIAN

## BIJEH TIMAH

94. Bijeh timah, hasil logam Malaysia yang terutama, maseh lagi menjadi satu daripada pasak<sup>2</sup> utama ekonomi negara ini dan terus memberi sumbangan yang besar kepada hasil negara dan mendapatkan tukaran mata wang asing. Malaysia telah menjadi negara yang banyak sekali mengeluarkan dan mengeksepot bijeh timah di-dunia selama lebih daripada 80 tahun. Pengeluaran bijeh timah bagi tahun 1967 telah menchapai rekod yang tertinggi sekali sejak tahun 1941 ia-itu 72,119 tan dan menunjukkan tambahan sebanyak 3,235 tan atau pun 4.7% jika di-bandingkan dengan pengeluaran tahun lepas. Jika di-bandingkan dengan jumlah pengeluaran dunia pula, pengeluaran negeri ini ia-lah lebih kurang 43%. Tambahan pengeluaran yang banyak ini, sunggoh pun tidak di-sangka<sup>2</sup> sangatlah menggalakkan oleh kerana harga timah mengikut hetong panjang pada tahun 1967 telah pun kurang sebanyak \$45 sa-pikul berbanding dengan harga tahun 1966 dan banyak-nya lombong yang bekerja telah kurang sebanyak 65.

95. Logam timah yang di-eksepot di-dalam tahun 1967 berjumlah 73,525 tan dan bernilai \$743.8 juta dan angka ini ia-lah 25% daripada jumlah nilai eksepot Malaysia pada tahun itu. Kutipan hasil daripada eksepot logam timah berjumlah \$114.4 juta dan ini ia-lah 60.49% daripada jumlah kutipan hasil eksepot pada tahun itu.

96. Ada-lah di-jangka aliran pengeluaran untuk tahun 1968 dan tahun<sup>2</sup> yang berikutan akan menurun. Sunggoh pun banyak penyiasatan telah di-jalankan dengan giat-nya, tetapi tiada kawasan<sup>2</sup> yang besar yang mengandongi bijeh timah telah di-jumpai pada tahun 1967. Walau bagaimana pun, penyiasatan<sup>2</sup> di-atas kawasan<sup>2</sup> yang baru di-buka di-Perak dan juga di-lain<sup>2</sup> negeri terus di-jalankan dan keputusan daripada sebahagian penyiasatan ini menggalakkan.

## BIJEH BESI

97. Pengeluaran bijeh besi bagi tahun 1967 telah merosot sebanyak 412,660 tan ia-itu daripada 5,762,440 tan dalam tahun 1966 bernilai sebanyak \$138,125,687 kepada 5,349,780 tan yang bernilai \$124,382,385. Kemerosotan pengeluaran ini ada-lah di-sebabkan merosot-nya simpanan bijeh besi. Sunggoh pun banyak pekerjaan charigali telah di-jalankan di-dalam tahun 1967, tetapi tidak ada kawasan yang ada bijeh besi yang agak besar di-jumpai.

98. Di-dalam tahun 1967, 25 lombong bijeh besi telah menjalankan pekerjaan berbanding dengan 31 pada tahun 1966. Daripada 25 lombong yang bekerja ini, chuma 2 sahaja yang boleh di-anggap sebagai lombong yang besar. Pengeluaran daripada 2 lombong ini berjumlah lebih kurang 70.9% daripada jumlah pengeluaran negara. Aliran pengeluaran bagi tahun<sup>2</sup> yang akan datang akan menurun di-sebabkan merosot-nya kawasan simpanan bijeh besi.

## BOKSAIT

99. Pengeluaran Boksait bagi tahun 1967 berjumlah 885,389 tan yang bernilai \$14,785,996. Pengeluaran ini menunjukkan kekurangan sebanyak 55,058 tan jika

di-bandingkan dengan tahun yang lepas. Ada-lah di-jangka bahawa pengeluaran bagi tahun 1968 akan sama aras-nya dengan pengeluaran tahun 1967.

#### MINYAK MENTAH

100. Pengeluaran minyak mentah daripada Padang Minyak Miri di-Sarawak telah merosot lagi. Dalam tahun 1967 pengeluaran-nya ia-lah 45,102 tan bersamaan dengan 328,334 U.S. barrel bernilai sebanyak \$1,844,486 yang menunjukkan kekurangan sebanyak 2,234 tan jika di-bandingkan dengan tahun yang lepas. Menggerok di-kawasan perayeran Sarawak di-jalankan oleh Sarawak Shell Oil Field Ltd dan satu simpanan minyak telah di-jumpai di-perayeran di-pantai Lutong. Kerja mengeluarkan minyak di-kawasan itu di-jadualkan bermula pada penghujung tahun ini.

101. Dalam tahun 1967, Chawangan Gerudi Menyiasat Galian telah menyambong pekerjaan penyiasatan kasar di-dalam kawasan Simpanan Melayu dalam negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Penyiasatan<sup>2</sup> ini akan di-lanjutkan hingga semua kawasan<sup>2</sup> Simpanan Melayu dalam negeri ini dapat di-siasat. Sa-hingga penghujung tahun 1967, 59 Kawasan Simpanan Melayu yang berjumlah 167,528 ekar telah di-siasat dan, daripada ini, 21 Kawasan Simpanan Melayu yang berjumlah 13,131 ekar di-anggap ada mengandungi bijeh timah. Shor<sup>2</sup> telah di-buat kepada Kerajaan<sup>2</sup> Negeri supaya menggalakkan permohonan<sup>2</sup> daripada orang<sup>2</sup> Melayu, Sharikat<sup>2</sup> dan Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama Melayu untuk melanjutkan penyiasatan di-kawasan<sup>2</sup> ini dengan bertujuan untuk membesarkan dan menchargaskan pengambilan bahagian orang<sup>2</sup> Melayu di-dalam perusahaan perlombongan. Kerajaan telah juga membekalkan satu Kumpulan Wang di-bawah "Pinjaman Kumpulan Wang Kira<sup>2</sup> Amanah untuk melombong dalam kawasan Simpanan Melayu" supaya dapat orang<sup>2</sup> Melayu meminjam wang untuk memulakan pekerjaan melombong di-dalam Kawasan Simpanan Melayu. Dua Sharikat lombong Melayu telah di-tubuhkan oleh tuan<sup>2</sup> punya tanah yang telah di-pilih di-dalam kawasan Simpanan Melayu Negeri Perak dengan tujuan untuk melombong tanah<sup>2</sup> mereka. Ada-lah di-jangka sharikat<sup>2</sup> lombong ini akan memulakan pekerjaan mereka pada awal tahun 1968.

102. Pertimbangan<sup>2</sup> yang teliti telah di-beri kapada semua permohonan<sup>2</sup> untuk mencharigali bijeh timah dan juga minyak di-kawasan perayeran Malaysia Barat. Undang<sup>2</sup> dan Peratoran berkaitan dengan pengeluaran surat<sup>2</sup> kebenaran mencharigali telah pun di-rumuskan dan satu perjanjian minyak (petroleum agreement) telah di-tandatangani di-antara Kerajaan dan dua buah sharikat minyak, ia-itu "Esso Exploration (Malaysia) Inc." dan "Continental Oil Company". Kawasan yang di-luluskan untuk mencharigali itu termasuk-lah kawasan "continental shelf" di-Pantai Timor Malaysia Barat.

103. Lesen mencharigali telah di-keluarkan kapada Sharikat Persatuan Perlombongan Jepun untuk menyiasat dan mencharigali Bijeh Tembaga di-Mamut (di-lereng Kinabalu), Sabah. Pekerjaan permulaan telah pun di-jalankan oleh Sharikat tersebut sa-belum menjalankan penyiasatan teliti. Keputusan penyiasatan ini akan dapat di-ketahui di-dalam dua atau tiga tahun lagi.

## PESUROHJAYA TANAH, NEGERI<sup>2</sup> TANAH MELAYU

### MELANJUTKAN UNDANG<sup>2</sup> PESUROHJAYA TANAH PERSEKUTUAN KA-MALAYSIA TIMOR

104. Ada pun tugas<sup>2</sup> besar bagi Pesurohjaya Tanah, Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu, ia-lah memberi nasehat kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dan juga kepada pehak<sup>2</sup> Berkuasa 'Awam (Public Authorities) mengenai hal ehwal tanah, serta memiliki tanah bagi pehak Kerajaan Persekutuan mengikut Kuasa<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> Pesurohjaya Tanah Persekutuan Tanah 1957. Hingga masa ini, kuasa memiliki tanah itu telah di-hadkan meliputi Malaysia Barat sahaja. Tetapi dalam bulan September, 1967, Undang<sup>2</sup> itu telah di-lanjutkan ka-Malaysia Timor oleh satu Perintah yang telah di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-bawah "Undang<sup>2</sup> Pindaan" (Pesurohjaya Tanah Persekutuan) (Melanjutkan Undang<sup>2</sup> ka-Negeri<sup>2</sup> Borneo) Tahun 1967.

105. Sebagai sa-orang penyatu dan perunding, Pesurohjaya Tanah telah mengadakan dua meshuarat Pesurohjaya<sup>2</sup> Tanah dan Galian dalam bulan Jun dan November, 1967. Di-dalam meshuarat<sup>2</sup> itu berbagai<sup>2</sup> masaelah bagi melaksanakan peruntukan<sup>2</sup> Kanun Tanah Negara telah di-binchangkan. Meshuarat<sup>2</sup> itu sangat berguna dan telah memberi satu chara yang sesuai bagi menyelesaikan masaelah<sup>2</sup> tanah.

106. Pesurohjaya Tanah dan Penolong<sup>2</sup>-nya telah memeriksa 14 buah Pejabat<sup>2</sup> Tanah dalam tempoh yang sedang di-kaji dan laporan<sup>2</sup> mengenai pemereksaan itu telah di-serahkan kepada Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dan Jabatan<sup>2</sup> yang berkenaan.

107. Kursus<sup>2</sup> Pentadbiran Tanah telah di-jalankan di-dalam tahun ini di-Dewan Latehan Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan, di-mana pegawai<sup>2</sup> tanah dan kaki-tangan<sup>2</sup> lain telah di-beri cheramah<sup>2</sup> berkenaan dengan hal ehwal tanah dan juga di-dalam perkara<sup>2</sup> yang lain yang berkaitan dengan-nya. Dua kursus untuk pegawai<sup>2</sup> tanah dan satu kursus untuk pegawai<sup>2</sup> pertempatan dan kerani<sup>2</sup> telah di-adakan dalam tahun 1967 di-mana tiap<sup>2</sup> kursus telah di-hadziri oleh 24 orang peserta.

108. Kemajuan Ranchangan Penyelesaian Tanah<sup>2</sup> di-Kelantan dan Perlis terus berjalan dengan memuaskan. Di-Kelantan, 16,266 keping tanah telah di-siasat di-dalam pejabat dan 16,438 keping tanah telah di-siasat di-luar, dan jumlah-nya, hingga masa ini menjadi 129,658 keping di-dalam pejabat dan 126,487 di-luar. Bilangan surat hakmilk yang telah di-keluarkan di-dalam tahun ini ia-lah 11,389. Jumlah bilangan hakmilk yang telah di-keluarkan semenjak ranchangan ini di-mulakan ia-lah 85,269.

109. Di-Perlis, 2,204 keping tanah telah di-siasat di-dalam pejabat dan 3,275 keping tanah telah di-siasat di-luar. Di-dalam tahun ini, 1,857 Surat Hakmilk telah di-keluarkan dan telah berjumlah 7,651 Surat Hakmilk di-keluarkan semenjak Ranchangan itu di-mulakan di-dalam Negeri ini.

### LEMBAGA PEMULEHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA

110. Pada tahun 1967, ia-itu tahun pertama Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara menjalankan tugas-nya, Lembaga ini telah dapat memulakan pemulehan 4 kawasan Ranchangan Tanah Pinggir, ia-itu, Ranchangan Tanah Pinggir Ayer Hitam, Ranchangan Tanah Pinggir Kampong Rasau "A" (Slim

River), Rancangan Tanah Pinggir Gong, Temerloh, dan Rancangan Tanah Pinggir Simpang Rengam, Kluang. Tiga daripada kawasan<sup>2</sup> itu, ia-itu Rancangan Ayer Hitam, Kampong Rasau "A" dan Simpang Rengam, ada-lah didalam tanaman pokok<sup>2</sup> getah berumur di-antara 3-5 tahun semasa rancangan<sup>2</sup> ini di-ambil alih oleh Lembaga itu, dan kerja<sup>2</sup> pemuliharaan di-kawasan<sup>2</sup> ini tertumpu kepada membersehhkan kawasan tanaman, menyulam, menchatas, membaja, membena jalan dalam kawasan dan sebagai-nya. Bagi Rancangan Gong, kawasan ini mula-nya kawasan hutan belukar (secondary jungle) sa-belum di-ambil alih oleh Lembaga itu. Walau pun, pada mula<sup>2</sup>-nya, rancangan ini di-chadangkan di-tanam dengan pokok<sup>2</sup> getah, tetapi, oleh sebab ada kemungkinan bagi kawasan ini di-tanam dengan kelapa sawit, persediaan telah di-buat untuk kawasan ini di-tanam dengan kelapa sawit.

111. Kemajuan dalam kerja<sup>2</sup> pemuliharaan dalam rancangan<sup>2</sup> ini ada-lah memuaskan.

112. Dalam tahun 1968, Lembaga ini akan terus memulihkan Rancangan<sup>2</sup> Tanah Kerajaan<sup>2</sup> Negeri seperti Rancangan Pemuliharaan Tanah Sri Wangi, Batu Pahat, Rancangan Pemuliharaan Tanah Temeris, Kuala Pilah, Rancangan Pemuliharaan Tanah Nasaruddin, Kuala Kangsar, dan Rancangan Pemuliharaan Tanah Berhala Gantang, Temerloh, Pahang.

113. Kesemua rancangan<sup>2</sup> ini ada-lah di-tanami dengan pokok<sup>2</sup> getah. Tetapi, jika ada kemungkinan untuk di-tanami dengan kelapa sawit, tanaman akan di-ubah kepada kelapa sawit. Kenyataan<sup>2</sup> tawaran tender bagi kerja<sup>2</sup> pemuliharaan telah di-keluarkan dan ada-lah di-jangka kerja<sup>2</sup> pemuliharaan akan di-mulakan dalam bulan April atau Mei, 1968.

114. Dasar<sup>2</sup> Lembaga dalam menjalankan usaha pemuliharaan ada-lah seperti di-bawah ini:

- (a) bahawa, sa-belum menerima chadangan atau pun permohonan memulihkan semula apa<sup>2</sup> rancangan tanah, kemampuan peserta<sup>2</sup> membayar balek wang pinjaman hendak-lah di-kaji;
- (b) bahawa perbelanjaan pentadbiran, sa-umpama perbelanjaan menguruskan sa-suatu rancangan, akan di-tanggung oleh Kerajaan Pusat manakala perbelanjaan pemuliharaan akan di-kira sebagai pinjaman kepada peserta<sup>2</sup> rancangan;
- (c) bahawa kerja<sup>2</sup> pemuliharaan di-buat melalui kontrak tetapi, untuk memberi peluang kepada peserta<sup>2</sup> mengambil bahagian, peruntukkan di-buat dalam surat perjanjian kontrak supaya, setakat mana yang boleh, peserta<sup>2</sup> di-ambil oleh kontraktor bekerja dengan-nya sa-bagai pekerja<sup>2</sup> kontrak;
- (d) bahawa Lembaga akan menjaga tanah yang di-pulih sa-mula sa-hingga ka-suatu masa yang di-fikirkan sesuai bagi menyerahkan balek tanah<sup>2</sup> itu kepada peserta<sup>2</sup>;
- (e) bahawa, untuk menjamin pungutan wang pinjaman daripada peserta<sup>2</sup>, Lembaga akan menguruskan kerja<sup>2</sup> memperoses, mengangkut dan

menjual getah atau lain<sup>2</sup> hasil serta memotong wang pinjaman dari hasil jualan; dan

- (f) bahawa, sa-masa menjalankan usaha<sup>2</sup> memuleh, galakan di-beri untuk memperbagaikan tanaman dan hasil terutama sa-kali dengan chara menanam pokok<sup>2</sup> hasilan sementara dan juga membela ternakan.

115. Lembaga ini belum lagi dapat menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya yang lain seperti menyatu dan memuleh sa-mula tanah<sup>2</sup> yang telah di-beri milek (alienated land). Penyiasatan<sup>2</sup> dan penyelidekan di-kehendaki di-buat untuk mengkaji serta menyusun chara<sup>2</sup>-nya Lembaga itu boleh menjalankan tuags<sup>2</sup>-nya dalam bidang ini. Dalam perkara ini, tindakan telah di-ambil untuk mendapatkan perkhidmatan pakar<sup>2</sup> luar negeri.

#### JABATAN HUTAN

116. Sa-bagaimana telah di-nyatakan dalam titah ucapan pada bulan Jun 1967, Jabatan Hutan Malaysia Barat akan menubuhkan ladang pemandu dari jenis umbor dengan tujuan mengkaji penubohan ladang dari semua segi, teknik dan ekonomi, untuk di-buat panduan bagi meluaskan lagi ladang perusahaan yang ada di-beberapa buah negeri<sup>2</sup> sekarang ini. Bantuan telah di-terima dari pertubohan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dan sa-ramai lapan orang pakar telah pun mulai bertugas. Sa-jumlah 11 orang pakar semua-nya akan di-perolehi bagi melaksanakan ranchangusaha ini. Enam orang lagi akan di-perolehi dari masa ka-samasa mengikut kemajuan susunan ranchangusaha.

117. Berkaitan dengan penubohan ladang jenis umbor ini, kajian telah di-buat bagi menubuhkan ladang yang luas-nya tidak kurang daripada 50,000 ekar untuk di-tanam dengan jenis "pine". Penyata kajian ini yang hampir siap di-susun akan di-kemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk di-timbangkan.

118. Di-dalam bidang Pemetaan Jenis Tanah yang di-anjorkan oleh Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Hutan ada-lah di-tugaskan bagi menyiasat serta membuat penyata berkait dengan sumber<sup>2</sup> hutan mengikut daerah<sup>2</sup> dalam negeri<sup>2</sup> dalam Malaysia Barat ini. Ini berma'ana sa-jumlah 40 penyata akan di-sediakan. Sa-hingga sekarang, 15 penyata telah di-sempurna dan di-terbitkan meliputi daerah<sup>2</sup> dalam negeri<sup>2</sup> Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Melaka. Kerja<sup>2</sup> menyiasat serta menyediakan penyata itu sedang terus di-usahakan dengan pesat dan penyata<sup>2</sup>-nya akan di-terbitkan dari masa ka-masa.

119. Chadangan Jabatan Hutan bagi menubuhkan sa-buah Pusat Penyelidekan Pengeluaran Hutan di-Malaysia Barat telah mendapat sambutan yang baik dari pihak Pertubohan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dan kelulusan telah di-beri dalam bidang Ranchangan Kemajuan Perusahaan Perhutanan bagi seluroh Malaysia. Ranchangan ini akan di-mulakan apabila sahaja pakar<sup>2</sup> dari pihak Pertubohan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu tiba. Mereka akan menguruskan ranchangan ini dengan kerjasama Jabatan ini. Mereka di-jangka akan datang dalam tahun 1968.

120. Pengeluaran kayu balak ada-lah di-dapati sa-makin bertambah dan menjadikan bertambah-nya hasil kepada negara. Dalam tahun 1967, sa-jumlah lebih kurang 3.0 juta tan kayu balak telah di-keluarkan dengan mendatangkan hasil

lebih kurang \$27 juta berbanding dengan keluaran bagi tahun 1966 yang berjumlah lebih kurang 2.7 juta tan yang mendatangkan hasil lebih kurang \$23.7 juta. Keluaran hutan, sa-lain daripada balak, telah mendatangkan hasil sa-banyak \$8.6 juta menjadikan jumlah besar hasil yang di-pungut oleh Jabatan Hutan Malaysia Barat sa-banyak \$35.5 juta.

121. Hingga masa ini, sa-jumlah 437 buah kilang papan, besar dan kechil, dan 13 buah kilang kayu lapis telah tertuboh sa-lain daripada 6 buah kilang<sup>2</sup> lain saperti kilang manchis, pensel, papan serpai dan papan "wood wool". Ada-lah di-anggarkan perusahaan ini dan perusahaan balak sedang memberi pekerjaan kapada sa-jumlah 25,000 orang sa-lain daripada pekerja<sup>2</sup> dalam bahagian pengangkutan yang berkaitan dengan perusahaan ini.

122. Perusahaan perhutanan ada-lah satu puncha bagi mendapatkan pertukaran wang asing. Dalam tahun 1967, sa-jumlah lebih dari 822,000 tan balak yang bernilai lebih kurang \$60 juta dan 408,000 tan kayu gergaji yang bernilai lebih kurang \$70 juta, telah di-jual ka-luar negeri. Nilaiian ekseptot sa-lain-nya berjumlah lebih kurang \$10 juta menjadikan nilaiian ekseptot tahun 1967 bagi Malaysia Barat bagi semua jenis keluaran hutan berjumlah lebih kurang \$140 juta berbanding dengan \$104 juta bagi tahun 1966.

123. Langkah<sup>2</sup> bagi menggalakkan penyertaan bumiputra dalam perusahaan hutan terus di-ambil. Bagi sa-tengah<sup>2</sup> negeri kejayaan yang penoh belum lagi terchapai. Tetapi, di-sa-balek-nya pula, bagi sa-tengah<sup>2</sup> negeri lain di-mana chatuan tahunan bagi kawasan Hutan Simpan maseh ada lagi dan kawasan<sup>2</sup> hutan tanah Kerajaan (State land) maseh ada yang belum di-buka, peruntokan kawasan kapada bumiputra ada-lah memuaskan.

124. Memandang kapada pesat-nya perkembangan yang berlaku akibat pembangunan yang sedang bergerak sekarang, bilangan kakitangan Jabatan maseh kekurangan. Langkah<sup>2</sup> telah pun di-ambil bagi mengkaji sa-mula susunan Perkhidmatan Perhutanan dalam Malaysia Barat ini bagi mensesuaikan dengan keadaan tersebut.

#### JABATAN UKOR

125. Pekerjaan memeta telah berjalan terus-menerus dengan giat-nya. Sa-jumlah 479,710 helai peta telah di-terbitkan dalam tahun ini. Ini termasuk-lah 98,650 peta baharu yang bersekil 1 inchi sa-batu, 241,870 helai chetak sa-mula dan 139,190 helai peta berbagai jenis. Dengan ini, pemetaan 1 inchi sa-batu bagi Malaysia Barat telah siap sa-banyak 74% dan bagi Malaysia Timor 36%. Kerjasama yang di-beri oleh dua anggota pemetaan British di-Malaysia Timor telah berjalan terus.

126. Bagi melaksanakan Perjanjian Penukaran Peta antara Malaysia dan Thailand untok menchapai kerjasama yang penoh di-kalangan mengukor untok pemetaan, suatu persetujuan telah terchapai di-antara Jabatanarah Pemetaan Negara, Malaysia, dan Jabatan Ukor Di-Raja Thai bagi menjalankan kerja<sup>2</sup> ukor bersama di-kawasan sempadan Malaysia/Thailand. Kerja<sup>2</sup> telah di-atorkan kapada dua peringkat, peringkat pertama terhad kapada mengukor jauh dengan menggunakan tellurometer, dan yang kedua, mengukor sudut<sup>2</sup> ufuk dengan menggunakan tiolodait jodesi. Kerja<sup>2</sup> ini telah dapat di-jalankan dengan ada-nya

kerjasama daripada Assistant Director of Survey, Far East Land Forces yang telah meminjamkan alat<sup>2</sup> ukor letronik dan kenderaan serta dengan latehan dan penyeliaan yang perlu.

127. Oleh sebab ada-nya gambar<sup>2</sup> udara yang elok, pekerjaan menyusun peta<sup>2</sup> rupabumi bagi Malaysia Barat sangat-lah memuaskan, dan pekerjaan ini telah pun siap sebanyak 90%.

128. Perpustakaan Pemetaan Negara telah terdiri dan mula menapak. Beribu<sup>2</sup> gambar udara chetak lekap dan juga chetak di-besarkan untuk membuat peta<sup>2</sup> ranchangan pembangunan telah di-keluarkan kepada Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan yang lain seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong, Jabatan Parit dan Taliayer, Lembaga Letrik Negara dan Universiti Malaya.

129. Di-dalam bahagian pembangunan negara dan luar bandar pula, 56,063 lot tanah telah di-ukor berbanding dengan 46,875 lot dalam tahun 1966. Ada pula beberapa ranchangan tanah yang besar yang telah di-ukor oleh Juru Ukor Berlesen.

130. Ada-lah menjadi dasar Kerajaan memberi keutamaan yang tinggi kepada kerja<sup>2</sup> mengukur dan memeta untuk pembangunan dan pertahanan. Jabatan ini berharap pertolongan yang sekarang di-beri oleh dua anggota pemetaan British, ia-itu Directorate of Overseas Survey, dan Directorate of Military Survey, akan di-langsungkan sekurang<sup>2</sup>-nya hingga pemetaan asas bagi Malaysia Timor telah siap.

131. Dalam Bahagian kerja<sup>2</sup> ukor kadastera pula, Jabatan ini telah dapat menjalankan semua kerjaluar yang di-kehendaki bagi semua permintaan yang datang menchurah<sup>2</sup> itu sunggoh pun kerja dalam pejabat telah beransor<sup>2</sup> menjadi bertimbun. Ranchangan telah di-buat untuk menggunakan Komputer Letronik untuk merengankan sedikit kerja ini. Perkhidmatan Juru<sup>2</sup> Ukor Berlesen mungkin di-kehendaki terutama-nya dalam Negeri Pahang di-mana kawasan<sup>2</sup> besar untuk kelapa sawit sedang di-buka.

#### PENYIASATAN KAJIBUMI—MALAYSIA BARAT

132. Sunggoh pun Jabatan Penyiasatan Kajibumi mengalami banyak kekurangan kakitangan<sup>2</sup>-nya, kejayaan<sup>2</sup> yang telah di-chapai-nya pada tahun yang lalu ada-lah memuaskan. Pemetaan kajibumi yang tersusun bagi seluruh negara sedang di-jalankan kerana ini ada-lah satu<sup>2</sup>-nya kerja yang sangat di-utamakan supaya dapat di-nilai kemungkinan puncha ekonomi bagi negara ini. Penyiasatan kajibumi dan penyiasatan kajipunchayerbumi di-kawasan Jengka Tigasegi bagi faedah pembangunan tanah, telah pun selesai di-jalankan dengan jaya-nya. Penyiasatan berkenaan dengan ranchangan bekalan ayer bagi Kuala Lumpur yang melibatkan lebih daripada 22 batu lubang dalam tanah yang hendak di-gali dari Jalan Kuala Kubu-Segenting Semangkok hingga ka-Ulu Klang, telah pun selesai dan satu Penyata berkenaan dengan-nya telah di-keluarkan. Nasehat<sup>2</sup> berkenaan dengan kemungkinan puncha ekonomi dari kawasan<sup>2</sup> perlombongan dan penggunaan kawasan<sup>2</sup> tanah-nya telah banyak di-perolehi kerana penyiasatan dan penentuan bijeh<sup>2</sup> telah bertambah dalam tahun<sup>2</sup> yang lalu di-sebabkan

banyak Sharikat<sup>2</sup> lombong bersendirian yang telah menjalankan penyiasatan dan mencharigali di-dalam negara ini. Hampir<sup>2</sup> sa-paroh daripada kawasan tanah sa-luas 35,000 batu persegi yang di-chadangkan untuk kawasan Pembangunan Tanah di-Selatan Negeri Pahang, dan di-Utara Negeri Johore itu telah siap di-siasat supaya dapat di-nilai kemungkinan galian di-dalam kawasan tersebut dan ini juga dapat membantu Rancangan Penyama Pemetaan Tanah. Dalam pada itu juga, membenarkan kawasan<sup>2</sup> tanah untuk di-lombong telah di-jalankan di-beberapa buah Negeri di-Malaysia Barat. Kajian dan Penyelidikan kepada batu<sup>2</sup> dalam tanah yang mengandongi galian dan lain<sup>2</sup> galian yang berfaedah kepada ekonomi sa-lain daripada bijeh timah, timah hitam, tembaga, zinc (timah sari), aluminium dan lain<sup>2</sup> galian, sedang di-jalankan mengikut dasar Jabatan ini, ia-itu menyiasat dan memajukan lain<sup>2</sup> galian yang berfaedah kepada ekonomi negara ini. Penyelidikan kepada satu chara baharu untuk menganalisa dan mengkaji galian<sup>2</sup> dengan menggunakan alat<sup>2</sup> yang paling moden seperti "Spectrophotometer" yang menggunakan penyerapan kuasa atom dan alat<sup>2</sup> "X-ray fluorescence and diffraction", telah dapat memesatkan lagi kerja<sup>2</sup> menganalisa galian<sup>2</sup> dengan lebih tepat lagi dan menentukan di-mana letak-nya galian<sup>2</sup> dalam negara ini.

133. Kerja Jabatan Penyiasatan Kajibumi ini mengikut berbagai<sup>2</sup> aliran yang berlainan dan yang di-utamakan ia-lah kerja<sup>2</sup> yang berkaitan dengan kemajuan ekonomi dan pembangunan masyarakat dalam negara ini. Ada-lah di-harapkan bahawa segala chatetan<sup>2</sup> kajibumi yang telah di-pungut itu dan di-laksanakan perusahaan-nya dengan berasaskan chatetan<sup>2</sup> tersebut itu, akan membawa kepada satu fahaman kajibumi yang teratur dan sistematik dan yang akan menambahkan lagi pengetahuan manusia dalam segi ilmu<sup>2</sup> sain tanah dan meninggikan lagi taraf hidup manusia di-dunia di-bahagian kita ini.

#### PENYIASATAN KAJIBUMI—MALAYSIA TIMOR

134. Dalam tahun 1967, Jabatan Penyiasatan Kajibumi, Malaysia Timor, telah mencapai kemajuan<sup>2</sup> yang baik di-dalam lapangan penyelidikan ekonomi, membuat peta<sup>2</sup> yang sistematik dan juga penyelidikan kajibumi dan bagi menerbitkan hasil<sup>2</sup> kegiatan<sup>2</sup> itu. Perhatian utama ada-lah di-tumpukan kepada "geochemical surveys" oleh kerana chara penyiasatan ini telah berjaya menjumpai satu kawasan tembaga yang penting di-Mamut, Sabah. Tiga penyiasatan yang serupa itu sedang di-jalankan dan satu daripada-nya menunjokkan hasil<sup>2</sup> yang menggalakkan.

135. Kejayaan yang chemerlang telah di-perolehi oleh Penyiasatan Kajibumi dengan kerjasama Jabatan Galian dalam usaha menchari "kaolinitic clay" di-Sarawak Barat. Semenjak Mach, 1967, 25 kawasan baharu yang mengandongi lebih 9 juta tan "kaolinitic clay" telah di-jumpai dan kerja penyiasatan itu sedang di-teruskan.

136. Laporan<sup>2</sup> dan peta<sup>2</sup> mengenai dua kawasan (Bidu-Bidu Hills dan Krokong) telah di-siapkan oleh dua orang ahli kajibumi yang berkenaan sa-belum tamat konterek mereka dalam pertengahan tahun 1967, dan telah pun di-terbitkan. Penyelidikan kawasan Silam yang di-mulakan dalam tahun 1966 telah di-sambong sa-mula dan di-jalankan sebagai sa-bahagian daripada pengajian



sa-mula penyiataan tinjauan kawasan Semam dan Darvel Bay, Sabah. Kawasan ini ia-lah satu daripada kawasan<sup>2</sup> yang pertama di-peta oleh Penyiataan Kajibumi ia-itu dalam tahun 1954. Semenjak itu kemajuan<sup>2</sup> dalam perhubungan, gambar-udara<sup>2</sup> yang baharu dan ma'alumat<sup>2</sup> baharu mengenai jalan raya memerlukan penyiataan yang baharu bagi kawasan itu. Pemetaan sechara lebeh luas lagi telah di-mulakan dalam dua kawasan (Kuap dan Sandakan) yang dahulu-nya di-buat sechara tinjauan sahaja. Kedua<sup>2</sup> kawasan Kuap yang berhampiran dengan Kuching itu dan kawasan Sandakan tiada mempunyai apa<sup>2</sup> kemungkinan galian, akan tetapi, oleh kerana kedudukan mereka berdekatan dengan kedua<sup>2</sup> bandar yang besar sekali di-Malaysia Timor, maka kawasan<sup>2</sup> tersebut akan di-jadikan kawasan<sup>2</sup> pembangunan umum. Penyusunan dan penerbitan chatetan<sup>2</sup> asas kajibumi akan menolong ranchangan dan ini akan membawa kapada faedah<sup>2</sup> ekonomi dalam perkara<sup>2</sup> saperti bekalan batu<sup>2</sup>, bekalan ayer dan lain<sup>2</sup> kajian kejuruteraan.

137. Sunggoh pun keluaran galian di-Malaysia Timor ada-lah sadikit pada masa ini, tetapi pehak Penyiataan Kajibumi ada harapan baik untuk masa hadapan dan ini ada-lah juga pendapat kebanyakan Sharikat<sup>2</sup> minyak dan galian yang sedang giat membuat penyelidikan. Lima buah Sharikat sedang menggunakan teknik moden untuk mencharigali minyak dengan belanja yang di-anggarkan lebeh daripada \$40 juta dalam tahun 1968 ini. Dua buah Sharikat sedang mencharigali bijeh tembaga dan banyak lagi Sharikat<sup>2</sup> yang chenderong hendak mengusahakan tanah liat puteh, dan pasir<sup>2</sup> kacha dan juga "nickel".

138. Jabatan Penyiataan Kajibumi dapat mengekalkan mutu khidmat-nya yang tinggi dan juga pengeluaran-nya, sunggoh pun jabatan ini telah banyak kehilangan kakitangan<sup>2</sup> dagang yang telah bersara atau pun telah habis tempoh konterek-nya. Dua orang siswazah anak<sup>2</sup> Malaysia Timor telah pulang dari seberang laut untuk memenohi jawatan<sup>2</sup> dalam tahun itu dan yang lain<sup>2</sup> lagi yang maseh belajar akan membolehkan Jabatan Penyiataan Kajibumi memenohi semua jawatan<sup>2</sup> dengan Anak<sup>2</sup> Malaysia Timor menjelang tahun 1970.

#### JABATAN MERGASTUA

139. Tugas utama Jabatan Mergastua ia-lah melindungi dan mengawal binatang<sup>2</sup> liar. Semenjak bulan September 1966 sa-orang Pakar Ranchangan Colombo yang bertugas di-Jabatan ini sedang menjalankan kerja<sup>2</sup> perengkat akhir terhadap penyelidikan dan penyiataan atas keadaan<sup>2</sup> di-sekeliling dan kehidupan binatang liar di-Malaysia Barat. Apabila penyelidikan dan penyiataan itu selesai, shor<sup>2</sup> akan di-buat untuk mengadakan satu kawasan Simpanan Binatang<sup>2</sup> Liar yang baharu dan mengelokkan lagi kawasan<sup>2</sup> Simpanan yang ada sekarang.

140. Pada tahun yang lalu, pembangunan Taman Negara di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama telah di-jalankan dengan jaya-nya. Dua chalet baharu, delapan yunit rumah<sup>2</sup> kakitangan, sa-buah surau dan satu janakuasa telah di-beli dan di-pasangkan. Taman Negara boleh-lah di-katakan sangat di-gemari jika di-pandang dari segi bertambah-nya pelanchong<sup>2</sup> yang melawati-nya. Wang sa-jumlah \$200,000.00 akan di-belanjakan untuk membena sa-buah yunit asrama yang mengadakan 24 buah tempat<sup>2</sup> tidor, sa-buah kolam perbekalan ayer dan 15 yunit rumah<sup>2</sup> untuk kakitangan<sup>2</sup>.

## JABATAN ORANG ASLI

141. Rancangan Pembangunan Luar Bandar bagi Orang Asli dalam tahun 1967 ada-lah berjaya. Semua-nya, sembilan buah rancangan perumahan telah siap dan telah memberi rumah<sup>2</sup> kepada lebih kurang 1,000 Orang Asli di-beberapa tempat. Selain daripada itu beberapa buah projek pertanian yang kecil telah juga di-jalankan. Ini termasuklah memberikan binatang<sup>2</sup> terenak, benih<sup>2</sup> tanaman dan juga pembenaan kolam<sup>2</sup> ikan.

142. Dua buah sekolah telah di-bena pada tahun yang lalu untuk kanak<sup>2</sup> Orang Asli yang tinggal jauh daripada lain<sup>2</sup> kaum. Sekarang ada 80 buah sekolah<sup>2</sup> khas seperti itu. Lebih daripada 5,000 orang kanak<sup>2</sup> pada masa ini sedang bersekolah di-sekolah<sup>2</sup> yang di-kelolakan oleh Jabatan ini atau sedang bersekolah<sup>2</sup> biasa. Kelas<sup>2</sup> pelajaran dewasa juga di-adakan di-Balai<sup>2</sup> Raya yang di-bena di-beberapa kawasan kediaman Orang<sup>2</sup> Asli dan lebih kurang 4,000 orang dewasa belajar di-kelas<sup>2</sup> dewasa itu.

143. Kemudahan<sup>2</sup> perubatan bagi Orang Asli ada-lah tersusun dengan rapi-nya. Pada akhir-nya yang lalu, sa-ramai 19,000 orang pesakit telah di-beri rawatan perubatan di-Pos<sup>2</sup> Perubatan di-dalam hutan. Sa-ramai 3,200 orang pesakit telah di-rawat di-dua buah Rumah Sakit Orang Asli. Jika di-hetong panjang, pesakit<sup>2</sup> luar yang di-rawat di-Rumah Sakit Gombak itu tiap<sup>2</sup> hari ada-lah sa-ramai 350 orang dan sa-ramai 1,730 telah di-X-ray. Usaha<sup>2</sup> Jabatan ini untuk memberi kemudahan<sup>2</sup> perubatan kepada Orang Asli ada-lah berjaya.

144. Kerajaan akan terus berusaha untuk mengelakkan lagi keadaan ekonomi dan kebajikan masyarakat Orang Asli menurusi rancangan pembangunan luar bandar, pelajaran dan kesihatan. Banyak lagi rancangan<sup>2</sup> tersebut ada-lah dimasukkan ka-dalam Rancangan Malaysia yang Pertama. Tiada-lah shak lagi bahawa kerja<sup>2</sup> pembangunan ini akan membantu meninggikan lagi taraf hidup Orang<sup>2</sup> Asli dan, dengan itu juga, akan dapat membawa masyarakat Orang<sup>2</sup> Asli ini untuk menyatukan mereka dengan golongan<sup>2</sup> lain di-Malaysia.

## KEMENTERIAN KE'ADILAN

## JABATAN PERUNDANGAN

145. Act Bahasa Kebangsaan, No. 7 tahun 1967, telah di-kuatkuasakan mulai daripada 1hb September, 1967, dan semua undang<sup>2</sup> baharu sekarang ini di-karang dalam dua bahasa ia-itu Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris. Ini menyebabkan Jabatan Perundangan menanggung beban yang berat. Beban ini yang di-jangka akan berterusan bagi beberapa lama akan beransor<sup>2</sup> kurang apabila siswa<sup>2</sup> yang di-hantar mengaji undang<sup>2</sup> di-luar negeri dalam tahun 1967 akan balek dalam tahun 1969.

146. Kerja untuk mengubah undang<sup>2</sup> persekutuan bagi Malaysia Timor untuk menyesuaikan-nya dengan Perlembagaan sa-bagaimana di-pinda oleh Act Malaysia telah di-selesaikan; akan tetapi kerja untuk memakai undang<sup>2</sup> Persekutuan Tanah Melayu yang dahulu di-Malaysia Timor maseh di-jalankan sa-bagai sa-bahagian daripada kerja menyatukan undang<sup>2</sup> mengenai perkara<sup>2</sup>

persekutuan di-seluruh Malaysia. Penyemakan undang<sup>2</sup> persekutuan, sama ada yang terkhas kepada Malaysia Barat atau yang di-pakai di-seluruh Malaysia, sedang di-jalankan dengan menerbitkan chetakan<sup>2</sup> sa-mula yang lengkap dengan memasukkan segala pindaan<sup>2</sup> dan ubahan<sup>2</sup>. Kerja ini sedang di-percepatkan.

147. Mula<sup>1</sup> dari bulan Ogos 1967, sa-orang pegawai kanan undang<sup>2</sup> telah di-pinjamkan kepada Badan Penchegah Rasuah untuk menjadi Pengarah-nya. Badan ini bertugas sa-bagai badan yang bebas tetapi bekerjasama dengan rapat-nya dengan Jabatan Peguam Negara oleh kerana Peguam Negara atas sifat-nya sa-bagai Penda'awa Raya mempunyai kuasa atas segala penda'awan jenayah dalam negeri ini.

#### JABATAN KEHAKIMAN

148. Dalam tempoh yang di-kaji, kemajuan Jabatan Kehakiman ada-lah saperti berikut:

- (a) Dua orang Hakim Mahkamah Tinggi telah di-naikkan taraf menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan, dan dua orang ra'ayat Malaysia daripada Perkhidmatan Perundangan Persekutuan telah di-lantek menjadi Hakim.
- (b) Tiga orang biasiswa kehakiman telah balek dari United Kingdom, dua orang dalam bulan Julai 1967 dan sa-orang lagi dalam bulan November 1967 sa-telah lulus Pepereksaan Bar Final mereka dan telah di-lantek ka-jawatan dalam Perkhidmatan Perundangan Persekutuan.
- (c) Bangunan Mahkamah baharu di-Kuala Selangor, suatu projek di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia Lima Tahun Yang Pertama (1966-1970), telah siap di-bena dan telah di-resmikan pembukaan-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 16hb Mach, 1968.
- (d) Pelan<sup>2</sup> untuk pembenaan bangunan<sup>2</sup> Mahkamah Baharu di-Kota Bharu, Kulim, Kajang, Pontian dan Butterworth sedang di-sediakan dan ada-lah di-jangka bahawa kerja<sup>2</sup> membena-nya akan di-mulakan dalam pertengahan tahun 1968.
- (e) Bangunan Mahkamah Tinggi baharu di-Kota Kinabalu telah hampir siap di-bena apabila siap kelak akan mengandongi sa-buah bilek Mahkamah Tinggi dan dua buah bilek Mahkamah Pengadil lengkap dengan kemudahan<sup>2</sup> bagi banduan dan saksi dan juga kemudahan yang chukup untuk orang ramai hadir. Sa-lain daripada itu, akan ada juga Bilek<sup>2</sup> bagi Hakim<sup>2</sup> tempatan dan Hakim<sup>2</sup> pelawat, dan juga tempat untuk Pengadil<sup>2</sup>, Peguam<sup>2</sup> dan kakitangan pentadbiran Mahkamah<sup>2</sup>.

#### JABATAN PEMEGANG AMANAH RAYA

149. Jabatan Pemegang Amanah Raya telah menubuhkan dua buah lagi chawangan Pejabat di-Malaysia Barat—satu di-Seremban dan satu lagi di-Kangar untuk berkhidmat bagi ra'ayat Negeri Sembilan dan Negeri Perlis. Dengan dua buah chawangan ini, Jabatan ini sekarang mempunyai satu chawangan Pejabat dalam tiap<sup>2</sup> tiga belas Negeri dalam Malaysia.

150. Jabatan Pemegang Amanah Raya ada-lah sekarang memegang tanggungjawab di-seluruh Malaysia. Trustee Ordinance, 1949, Trustee Investment Act, 1965 dan Public Trustee Ordinance, 1950, serta undang<sup>2</sup> tambahan yang telah di-perbuat di-bawah-nya, telah di-pakai di-Negeri Sabah dan Sarawak. Tindakan sedang di-ambil untuk memakai Undang<sup>2</sup> Wasiat dan Pentadbiran Harta Pesaka, 1959 di-Malaysia Timor dan apabila hal ini sudah di-sempurnakan, maka undang<sup>2</sup> mengenai pentadbiran amanah<sup>2</sup> dan pesaka<sup>2</sup> akan di-jalankan sama di-seluruh Malaysia.

151. Kerja<sup>2</sup> di-Jabatan Pemegang Amanah Raya ini ada-lah sa-makin bertambah tentang banyak-nya dan faedah-nya terutama sa-kali dalam hal<sup>2</sup> amanah. Pada masa sekarang ganti-rugi yang di-perentahkan oleh Mahkamah<sup>2</sup> di-bawah Undang<sup>2</sup> Civil supaya di-beri kepada budak<sup>2</sup> (minors) ada-lah di-bayar kepada Pemegang Amanah Raya untuk di-simpan sa-bagai amanah bagi mereka itu hingga mereka itu chukup umur. Dengan jalan ini, maka kepentingan dan kebajikan waris<sup>2</sup> itu ada-lah terpelihara dengan sempurna-nya dan lagi wang<sup>2</sup> amanah itu ada-lah di-perniagakan untuk mendapat faedah dan ada-lah di-jamin oleh Kerajaan. Pendek kata, wang<sup>2</sup> amanah yang di-pegang oleh Pemegang Amanah Raya itu bertambah<sup>2</sup> banyak-nya dari sa-tahun ka-satahun. Jabatan Pemegang Amanah Raya ini (termasok Pentadbir Pesaka), pada menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya ada-lah sa-benar-nya memberi pertolongan yang besar kepada orang<sup>2</sup> ramai dalam hal masharakat dan undang<sup>2</sup>. Pemegang Amanah Raya ada-lah sentiasa berusaha, untuk menchapai tujuan-nya hendak menjadikan kewajipan-nya sama saperti kewajipan<sup>2</sup> pemegang amanah ber-sendirian yang chekap, chermat lagi berperasaan belas kasehan.

152. Act Kemuflian yang baharu bagi Malaysia telah di-luluskan dan di-kuatkuasakan pada 30hb September, 1967. Kaedah<sup>2</sup> Kemuflian untuk menjalankan Act tersebut telah di-buat dan sekarang sedang di-terjemahkan ka-Bahasa Kebangsaan oleh Jabatan Peguam Negara dan di-harap akan dapat di-kuatkuasakan dalam beberapa bulan lagi.

153. Sa-buah Chawangan Pejabat Pegawai Muflis telah di-tubuhkan di-Kota Bharu pada 10hb Januari, 1968. Pejabat tersebut akan meyelenggarakan kes<sup>2</sup> kemuflian yang telah di-jatuhkan hukuman di-Mahkamah Tinggi Kota Bharu, Kuala Trengganu dan Kuantan.

154. Langkah<sup>2</sup> sedang di-ambil untuk menubuhkan Chawangan<sup>2</sup> Pejabat Pegawai Muflis di-Kota Kinabalu dan Kuching di-Malaysia Timor.

#### JABATAN PENJARA

155. Di-bawah Biasiswa<sup>2</sup> Latehan dan Hadiah Ranchangan Colombo. Pegawai<sup>2</sup> Penjara terus di-hantar tiap<sup>2</sup> tahun untuk menghadiri kursus<sup>2</sup> latehan "di-United Nations Asia and Far East Institute for the Prevention of Crime and Treatment of Offenders" di-Fuchu, Tokyo, Negeri Jepun. Dalam tahun 1967 sa-orang Pegawai Penjara telah menghadiri kursus latehan tersebut sa-lama 3 bulan dari 12hb September hingga 13hb Disember, 1967.

156. Mengikut dasar-nya hendak mengadakan satu latehan yang lengkap di semua perengkat dalam pentadbiran penjara, maka Sekolah Latehan Pegawai<sup>2</sup> Penjara di-Taiping selalu mengadakan kursus untuk kakitangan berpakaian seragam. Dalam tahun 1967 dua kursus telah di-adakan yang di-hadiri oleh 150 orang kakitangan berpakaian seragam termasuk tiga orang daripada Brunei.

157. Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, beberapa rumah tempat tinggal telah di-bena untuk kakitangan Penjara. Dalam tahun 1967 88 buah rumah telah di-bena di-Malaysia Barat. Di-samping itu, langkah<sup>2</sup> menjaga keselamatan telah di-tambah kepada tembok<sup>2</sup> Penjara Kuala Lumpur dan satu blok bilek kurungan terasing di-bena di-Penjara Kelantan.

158. Di-Sarawak, Penjara Limbang telah siap di-bena dalam tahun 1967 dengan tiga unit rumah untuk Wadar<sup>2</sup> berkelamin.

159. Di-Sabah, empat yunit rumah kelas II telah siap di-bena untuk kakitangan Penjara Kota Kinabalu.

160. Perojek<sup>2</sup> yang tersebut di-bawah ini telah siap atau akan di-jalankan di-bawah Ranchangan Pembangunan tahun 1968:

- (1) Binaan 2 unit blok<sup>2</sup> bilek tidor di-Penjara Alor Setar yang telah siap dalam bulan Mach 1968.
- (2) Memasang jerjak<sup>2</sup> besi kepada lubang<sup>2</sup> udara di-Penjara Kuala Lumpur.
- (3) Tambahan kepada Pejabat Perusahaan di-Penjara Johor Bahru.
- (4) Binaan 20 yunit tangsi wadar<sup>2</sup> berkelamin untuk Penjara Sibul.
- (5) Binaan 16 yunit rumah kelas IV untuk Penjara Kota Kinabalu.
- (6) Binaan 1 blok penjara yang boleh mengisi 40 orang di-Penjara Perempuan, Kota Kinabalu.

161. Akhir<sup>2</sup>-nya tanah telah di-perolehi di-Ayer Kroh, Melaka bagi menjalankan satu ranchangan mengadakan sa-buah ladang pertanian untuk mengajar dan melatih budak<sup>2</sup> yang sesuai di-Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka dalam 'ilmu pertanian. Ranchangan ini dan ranchangan membina 9 buah sekolah dan 30 yunit rumah kakitangan telah di-utamakan dalam peringkat pertama di-bawah Ranchangan Pembangunan tahun 1968.

162. Untuk merundingkan mas'elah<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> hal yang bersangkutan dengan pentadbiran penjara, satu meshuarat Penguasa<sup>2</sup> di-adakan tiap<sup>2</sup> tahun di-Ibu Pejabat Penjara, Malaysia, Taiping. Penguasa<sup>2</sup> dari semua penjara ada-lah di-kehendaki hadir dalam meshuarat itu dan meshuarat yang terakhir baharu sahaja di-adakan pada awal bulan Mach tahun ini.

#### JABATAN KIMIA

163. Jabatan Kimia ia-lah jabatan perkhidmatan yang menjalankan kerja cherakinan sains, penyiasatan dan nasihat bagi semua Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan lain yang tiada mempunyai kemudahan<sup>2</sup> ini. Ini termasuk-lah Kementerian Kesihatan, Polis di-Raja Malaysia, Kastam dan Eksais di-Raja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Penchetak, Pejabat Pos,

Perbendaharaan dan lain<sup>2</sup> badan separoh-kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Lembaga Letrik Negara, Keretapi Tanah Melayu dan MARA.

164. Kerja<sup>2</sup> utama Jabatan ini ia-lah :

- (1) Memberi bantuan<sup>2</sup> sains dan latehan kepada Polis di-Raja Malaysia dalam pemereksaan dan penjelasan bukti<sup>2</sup> phisikal yang di-dapati di-tempat<sup>2</sup> jenayah.
- (2) Membantu Jabatan Kastam dalam memungut dan menjaga hasil dengan memberi kerja<sup>2</sup> cherakinan dan nasihat teknikal di-atas barang<sup>2</sup> masok dan keluar supaya barang<sup>2</sup> itu di-perjeniskan dengan betul-nya dalam Perjenisan Perniagaan Malaysia dan Tarif Kastam.
- (3) Mencherakin—dari segi kimia dan bakteria—chontoh<sup>2</sup> ayer daripada semua bekalan<sup>2</sup> ayer negeri ini bagi menentukan bahawa ayer<sup>2</sup> itu boleh di-gunakan dan tidak membahayakan kesihatan orang ramai.
- (4) Menjalankan tugas sebagai pencherakin resmi di-bawah berbagai undang<sup>2</sup> berkanun seperti "Food and Drugs Ordinance, the Criminal Procedure Code, the Customs Ordinance, the Poisons Ordinance" dan lain<sup>2</sup>.
- (5) Menyiasat udara dalam kawasan loji perusahaan seperti gudang<sup>2</sup> simen, "quaries", gudang penapis minyak dan kerja<sup>2</sup> asid bagi kepentingan kesihatan orang ramai.
- (6) Mencherakin chontoh<sup>2</sup> tawaran makanan dan lain<sup>2</sup> bekalan (tidak termasuk alat<sup>2</sup> letupan dan senjata api) bagi Perbendaharaan, Angkatan Tentera dan Polis di-Raja Malaysia supaya mematohi penentuan, "shelf-life" dan jaminan.

165. Dasar Jabatan ini ia-lah untuk memecahkan kerja<sup>2</sup> mencherakin dengan mendirikan ma'amal<sup>2</sup> daerah. Di-bawah Ranchangan Malaysia yang Pertama, dua ma'amal chawangan di-jangka akan di-dirikan. Kerja telah pun di-mulakan bagi membena chawangan ma'amal di-Kuala Trengganu yang akan di-siapkan pada hujung tahun 1968. Satu lagi ma'amal chawangan yang di-chadangkan di-jangka akan di-dirikan di-Johor Bahru pada hujung tahun 1970. Ada-lah di-fikirkan bahawa ma'amal<sup>2</sup> daerah ini dan satu lagi di-Kuching akan membantu memberi kerja<sup>2</sup> mencherakin yang sesuai yang di-kehendaki oleh Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan lain di-seluruh Malaysia.

#### PEJABAT CHETAK, SARAWAK

166. Bangunan tambahan kepada Pejabat Chetak Kerajaan, Sarawak berharga \$175,000 di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia yang pertama telah siap di-bena. Bahagian<sup>2</sup> Pengator Huruf, Linotaip, Monotaip dan Bachaan Peruf telah di-tempatkan di-Bangunan baru itu. Dua bilek besar dalam bangunan lama yang di-kosongkan itu di-gunakan untuk menempatkan alat<sup>2</sup> tulis dan borang<sup>2</sup> Kerajaan. Dengan yang demikian kekurangan tempat untuk menyimpan barang<sup>2</sup> yang menjadi masaelah besar pejabat ini, telah pun dapat di-selesaikan.

## JABATAN PERANGKAAN

167. Satu penyiasatan sampel isi-rumah yang lengkap telah di-lancarkan dalam bulan Jun 1967 dengan kerjasama Kementerian Buroh untuk memperolehi data<sup>2</sup> pekerjaan, penganggoran dan guna-tenaga ta' penoh. Bidang penyiasatan ini termasuk satu pungutan data yang meliputi berbagai sifat<sup>2</sup> sosio-ekonomi penduduk Malaysia. Penyiasatan sepanjang tahun ini ada-lah terbahagi kepada tiga pechahan-pusingan, ia-itu empat bulan tiap<sup>2</sup> satu. Keputusan sementara daripada pechahan-pusingan pertama telah di-masokkan dalam ucapan Belanjawan Menteri Kewangan.

168. Pengajian perchubaaan berkenaan dengan penyiasatan Tanaman Negara, ia-itu satu penyiasatan yang bertujuan untuk memperolehi data luas-ekar yang tepat bagi berbagai tanaman<sup>2</sup> kebun-kecil, telah selesai bagi negeri<sup>2</sup> Melaka, Johor dan Pulau Pinang. Berikutan dengan pengajian perchubaaan ini, Penyiasatan Tanaman Negara telah di-perluaskan untuk meliputi semua negeri<sup>2</sup> Malaysia Barat dalam tempoh tahun 1968. Langkah<sup>2</sup> telah juga di-ambil untuk menyatukan Penyiasatan Tanaman Negara dengan Penyiasatan tahunan Menuai Padi. Ini akan menentukan bahawa anggaran<sup>2</sup> tepat bagi pengeluaran padi akan di-perolehi. Persiapan<sup>2</sup> untuk menjalankan Penyiasatan Belanjawan Isi-rumah di-Sabah dan Sarawak telah pun di-siapkan. Penyiasatan itu telah di-mulakan di-Sarawak pada penghujung tahun. Tujuan utama penyiasatan ini ia-lah untuk memperolehi ma'alumat pokok bagi mengira angka-tunjok harga jualan-runchit, yang akan membolehkan Jabatan ini mengkaji perubahan<sup>2</sup> harga jualan-runchit.

169. Masaelah<sup>2</sup> tenaga maanusia bagi Malaysia Timor yang ada kaitan penting dengan ranchangan kemajuan telah menerima perhatian yang sewajar-nya. Satu Penyiasatan Tenaga Maanusia yang bertujuan untuk mendapatkan gambaran terbaharu bagi tenaga maanusia yang mahir, dan kekurangan<sup>2</sup> dalam kumpulan<sup>2</sup> terpenting, telah pun di-selenggarakan di-kedua<sup>2</sup> negeri Sabah dan Sarawak. Manakala kerja luar telah di-siapkan dalam tempoh tahun itu, keputusan<sup>2</sup> mu'tamad akan hanya boleh di-perolehi dalam tempoh tahun 1968. Di-Malaysia Barat, Penyiasatan Peranchang Keluarga yang di-mulakan pada pertengahan yang kedua tahun 1966 telah selesai pada akhir tahun 1967. Keputusan<sup>2</sup> awal telah di-kemukakan kepada Lembaga Peranchang Keluarga Negara untuk membantu Lembaga ini dalam menguruskan dan menjalankan ranchangan-nya. Satu nilai mendalam bagi keputusan<sup>2</sup> itu telah pun di-selenggarakan di-Pusat Penyelidikan Penduduk, Universiti Michigan, di-Amerika Sharikat. Laporan yang penoh dan lengkap akan di-terbitkan dalam tempoh tahun 1968.

170. Untuk menemui permintaan<sup>2</sup> bagi memperoseskan sa-bahagian besar data dan membaiki chara<sup>2</sup> analisa, Jabatan Perangkaan telah membeli dan memasang sa-buah Elektronik Komputer berharga \$1 juta. Komputer itu, yang di-buka dengan resmi-nya oleh Perdana Menteri dalam bulan Februari, 1967, sedang di-gunakan dengan sa-penoh-nya. Bahagian<sup>2</sup> memperoses data, Jabatan ini memberi perkhidmatan bukan sahaja kepada Jabatan ini tetapi juga kepada

lain<sup>2</sup> Kementerian<sup>2</sup> Kerajaan/Jabatan<sup>2</sup>. Mithal-nya, komputer itu telah di-gunakan dalam Pengajian Pengangkutan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu yang di-selenggarakan dalam tahun 1967.

171. Banchi Perdagangan<sup>2</sup> Agehan, yang ulong sekali di-selenggarakan di-Malaysia, telah di-jalankan dalam tahun 1967. Pada akhir 1967, hampir semua kerja luar yang berkaitan dengan pengajian ini telah di-siapkan di-kawasan<sup>2</sup> bandar. Pekerjaan di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar ada-lah di-jadualkan siap dalam masa 6 bulan pertama, tahun 1968.

172. Memandangkan kapada keperluan untuk memperbaiki anggaran<sup>2</sup> Pengimbangan Kira<sup>2</sup> Bayar Membayar bagi negara, satu perojek terbesar telah di-lancharkan untuk memungut data kewangan dari perniagaan<sup>2</sup> yang di-jalankan di-Malaysia. Porojek ini yang telah di-selenggarakan dengan bantuan sa-orang pakar dari Kumpulan Wang Antarabangsa, telah di-lancharkan pada akhir tahun 1967. Keputusan<sup>2</sup> di-jangka akan di-perolehi pada tahun 1968.

173. Meski pun terdapat kekurangan pegawai<sup>2</sup> iktisas, Jabatan ini telah memperkukuhkan perjawatan-nya di-pejabat<sup>2</sup> chawangan di-Malaysia Timor. Tahun 1967 ia-lah juga tahun pelancharan ranchangan melateh pegawai<sup>2</sup> sechara besar<sup>2</sup>an. Tidak kurang daripada enam orang pegawai<sup>2</sup> kanan Jabatan ini telah di-hantar ka-luar negeri untuk mendapatkan latehan dalam berbagai<sup>2</sup> bidang dalam tempoh dari 1 hingga 18 bulan.

174. Satu perubahan besar yang telah berlaku pada permulaan tahun 1968 ia-lah pertukaran Jabatan Perangkaan dari portfolio Perdana Menteri kapada Kementerian Ke'adilan. Berkenaan dengan ranchangan kerja Jabatan ini, tugas<sup>2</sup> utama merupakan pelancharan Penyiasatan Belanjawan Isi-rumah di-Malaysia Barat. Penyiasatan tersebut yang terakhir sekali, telah di-selenggarakan dalam tahun 1957/58. Ada-lah di-fikirkan bahawa angka<sup>2</sup>-tunjuk harga jualan-runchit yang ada sekarang perlu di-semak. Penyemakan tersebut hanya boleh di-buat sa-lepas selesai-nya penyiasatan Belanjawan Isi-rumah yang di-chadangkan itu.

175. Jabatan ini ada-lah terlibat penoh dengan pengkajian sa-mula pertengahan-penggal bagi Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama. Tugas Jabatan ini ia-lah memberi kapada pehak<sup>2</sup> peranchang, data<sup>2</sup> yang lengkap bagi menaksirkan kedudukan ekonomi sekarang dan untuk menaksir sa-mula keutamaan negara.

176. Jabatan ini akan terus memperkukuhkan dan memperluaskan pungutan<sup>2</sup> perangkaan di-Malaysia Timor. Dengan tertuboh-nya Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, ia akan menchuba memberi ma'alumat perangkaan yang lebih luas bagi kegunaan mencheapatkan kemajuan perusahaan dalam negeri ini.

177. Dalam tahun 1970, Jabatan Perangkaan akan menyelenggarakan suatu tugas yang penting, ia-itu, Banchi Penduduk dan Perumahan. Persiapan<sup>2</sup> bagi menyelenggarakan banchi ini telah pun di-mulakan dan bagi maksud ini, perkhidmatan sa-orang Penasehat Ranchangan Colombo telah di-perolehi dari Kerajaan Australia. Banchi Penduduk akan menjadi satu tugas yang terbesar, jika tidak terbesar sekali, di-jalankan oleh Jabatan ini. Bagi tujuan ini, tambahan



berkaitan peralatan dan tenaga maanusia sedang di-perolehi. Persediaan<sup>2</sup> akan juga bermula di-akhir tahun 1968 bagi menjalankan satu tugas lain yang besar ia-itu, Banchi Pertanian yang di-jadualkan bagi tahun 1971.

178. Dasar Jabatan ini menghantar pegawai<sup>2</sup> kanan untuk mendapat latehan di-luar negeri akan di-turuti dengan giat-nya dalam tahun ini.

### KEMENTERIAN KEBAJIKAN 'AM

179. Kementerian Kebajikan 'Am bukan sahaja akan menumpukan perhatiannya kepada keperluan<sup>2</sup> sa-saorang dan kumpulan<sup>2</sup> khas dalam masharakat—gulungan<sup>2</sup> yang tiada bernasib baik—dengan tujuan supaya mereka dapat sa-mula hidup dalam masharakat dengan sempurna, tetapi juga kepada keperluan pembangunan seluruh negara termasuk ranchangan<sup>2</sup> besar<sup>2</sup>an yang di-reka untuk menimbulkan keadaan yang baik dalam masharakat orang ramai supaya mereka lebeh banyak bertenaga dalam masharakat dan supaya mereka tiada menjadi orang<sup>2</sup> yang merugikan masharakat. Bagi mencapai tujuan ini, Jabatan Kebajikan Masharakat telah menjalankan kajian<sup>2</sup> dan penyiasatan<sup>2</sup> untuk mengetahui di-kawasan<sup>2</sup> mana perojek<sup>2</sup> ranchangan pembangunan Kerajaan dapat di-jayakan dengan lebeh chepat jika di-bantu dengan kerja kemasharakatan. Sa-bagai langkah yang pertama, Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan mengendalikan penyiasatan untuk merangka satu ranchangan mengubah keadaan dalam masharakat di-kawasan Ranchangan Kuala Muda supaya boleh di-dapati orang<sup>2</sup> yang lebeh berkebolehan dalam usaha pembangunan antara petani<sup>2</sup> dan, dengan hal yang demikian, dapat-lah mereka meni<sup>2</sup>mati sa-penoh<sup>2</sup> faedah daripada ranchangan taliayer itu. Sambil menjalankan langkah<sup>2</sup> bagi menyempurnakan keperluan<sup>2</sup> yang munchul ini, Kementerian ini akan terus memperkukoh dan membesarkan perkhidmatan<sup>2</sup> masharakat yang biasa untuk faedah orang<sup>2</sup> yang kesusahan di-sebabkan oleh kemajuan ekonomi dan masharakat.

180. Kerja meranchang yang telah di-mula<sup>2</sup> pada tahun lepas bagi perkhidmatan<sup>2</sup> untuk orang<sup>2</sup> sakit yang melarat supaya rumah<sup>2</sup> sakit tiada penoh sesak sangat telah di-siapkan dan kerja membena sa-buah yayasan untuk menjaga dan mengubat mereka di-jadualkan bermula pada pertengahan tahun ini. Kerja meranchang sa-buah lagi Rumah untuk orang<sup>2</sup> itu di-Kuala Lumpur sedang di-selenggarakan.

181. Perkhidmatan<sup>2</sup> pemulehan bagi budak<sup>2</sup> nakal akan juga di-perbesarkan. Sa-buah Rumah Tahanan Sementara telah siap di-Pulau Pinang pada tahun lepas dan sa-buah lagi untuk budak<sup>2</sup> nakal di-Pantai Timor akan mula di-bena dalam tahun ini. Di-Sabah, kerja meranchang yayasan pemulehan untuk budak<sup>2</sup> nakal hampir akan siap dan kerja membena yayasan itu di-harap akan di-mulakan dalam tahun ini. Di-Sarawak, Rumah Budak<sup>2</sup> Sarawak yang ada sekarang sedang di-perbesarkan dan kerja meranchang sa-buah Sekolah Akhlak baharu sedang di-jalankan.

182. Perkhidmatan<sup>2</sup> bagi pengemis<sup>2</sup>, kuturayau dan orang<sup>2</sup> yang melarat akan juga di-perbesarkan. Kerja membena sa-buah Rumah baharu di-Johor sedang berjalan mengikut jadual, termasuk kerja membesarkan Rumah<sup>2</sup> yang ada sekarang bagi pengemis<sup>2</sup> dan kuturayau<sup>2</sup> yang kena di-ambil oleh kerana Act Kuturayau.

183. Satu Badan Pemasaran yang julong yang telah di-mulakan dalam tahun lepas bagi menyediakan kemudahan<sup>2</sup> mengeluarkan dan memasarkan barang<sup>2</sup> yang di-buat oleh orang<sup>2</sup> chachat, sekarang sudah pun berjalan dengan baik. Orang<sup>2</sup> chachat yang mengambil bahagian di-dalam ranchangan ini sekarang tiada lagi mengharapkan kapada bantuan orang dan dapat hidup bahagia dengan tiada bergantung kapada Kerajaan.

184. Perkhidmatan<sup>2</sup> bagi kanak<sup>2</sup> yang susah, ia-itu perkhidmatan mendidik dan memberi nasihat dan perkhidmatan<sup>2</sup> yang lain, sedang di-perkukoh dan di-perbesarkan. Kerja meranchang sa-buah Rumah Kanak<sup>2</sup> baharu di-Pulau Pinang bagi kanak<sup>2</sup> negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, yang telah di-mulakan dalam tahun lepas, telah pun siap dan kerja membena Rumah itu di-jadualkan akan di-mulakan dalam tahun ini.

185. Ranchangan latehan sambil bekerja akan di-kaji sa-mula bukan sahaja bagi memberi pelajaran mengenai kerja masyarakat kapada kakitangan<sup>2</sup> untuk menjalankan perkhidmatan<sup>2</sup> biasa, tetapi juga untuk melengkapi kakitangan dengan pengetahuan untuk menjalankan kerja masyarakat yang di-perlukan bagi membantu pembangunan negara.

186. Bantuan akan terus di-beri kapada sanak saudara orang<sup>2</sup> dalam tahanan.

---

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SOKAN

### UMUM

187. Dalam tahun 1967, Kementerian ini telah menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya dengan lebih berkesan lagi di-perengkat Negeri dan Daerah, kerana bertambah-nya kakitangan dan pegawai<sup>2</sup> Kementerian baik di-perengkat Negeri atau di-perengkat Daerah.

188. Kementerian ini telah menjalankan projek<sup>2</sup> pembangunan sambongan seperti Pusat Belia di-Kampung Pandan, Pusat Pimpinan Belia Kebangsaan, di-Kuala Kubu Bharu dan Muzium Negara. Ia telah juga melaksanakan dua projek baru di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama, ia-itu Penubohan Angkatan Belia Pelupor Negara dan Pembinaan Pusat<sup>2</sup> Pelbagai-guna Negeri.

189. Semenjak di-tubuhkan pada tahun 1966, Angkatan Belia Pelupor Negara ada seramai 462 orang belia yang sedang mengikuti kursus<sup>2</sup> latehan bagi mendapat kemahiran dalam perkara<sup>2</sup> pertanian, jahitan, pertukangan, pembinaan rumah, dan membaiki jentera<sup>2</sup>, talivishen dan radio. Daripada 462 orang peserta itu, 361 orang ada-lah sedang mengikuti kursus khas dan 101 orang sedang mengikuti kursus asas (kursus permulaan) yang memakan masa selama 2 bulan.

Dalam tahun 1968, seramai lebih kurang 800 orang belia akan di-ambil untuk mengikuti kursus<sup>2</sup> tersebut dan ada-lah di-harap bahawa pada penghujung tahun ini seramai lebih kurang 1,000 orang belia akan mengikuti kursus<sup>2</sup> tersebut.

190. Pada akhir tahun 1967, perancangan untuk pembenaan Pusat<sup>2</sup> Pelbagai-guna Negeri telah di-siapkan dan Pusat pertama yang akan di-benakan ia-lah Pusat Pelbagai-guna Negeri Perlis yang akan di-mulakan pembenaan-nya pada awal tahun 1968. Dengan ada-nya Pusat Pelbagai-guna ini, dapat-lah di-adakan ranchangan<sup>2</sup> latihan untuk tujuan memajukan kegiatan<sup>2</sup> kebudayaan, belia dan sokan.

#### KEBUDAYAAN

191. Dalam tahun 1967, Kementerian ini telah mengadakan pertunjukan<sup>2</sup> kebudayaan sama ada untuk meraikan perayaan<sup>2</sup> Negara atau pun mengadakan pertunjukan bagi orang ramai. Kementerian ini telah membantu menjayakan Pesta menyambut 10 Tahun Kemerdekaan Malaysia.

192. Kementerian ini terus juga mengadakan kursus<sup>2</sup> tarian, muzik dan seni lukis untuk orang ramai. Di-samping mengadakan kursus<sup>2</sup> tersebut, Kementerian ini juga menganjorkan pertandingan. Dalam tahun 1967, pertandingan tersebut hanya-lah di-tumpukan kepada kawasan Kuala Lumpur, tetapi pada tahun 1968, pertandingan tersebut akan meluas ka-semua Negeri<sup>2</sup> di-Malaysia.

193. Kementerian ini, dengan kerjasama pihak T. V. Malaysia, telah mengadakan ranchangan<sup>2</sup> talivishen yang merupakan ranchangan pertunjukan tarian<sup>2</sup> Malaysia. Kementerian ini terus menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya untuk memberi bantuan dan juga untuk menyatukan badan<sup>2</sup> kebudayaan dengan tujuan memajukan kebudayaan.

#### BELIA

194. Dalam tahun 1967, di-dapati banyak lagi kelab<sup>2</sup> belia di-tubuhkan.

195. Kementerian ini terus menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya untuk memberi latihan<sup>2</sup> kepada belia<sup>2</sup>. Latihan<sup>2</sup> pimpinan telah di-adakan dan jurulatih<sup>2</sup> gerakan telah di-adakan untuk menjalankan latihan<sup>2</sup> tersebut.

196. Dalam tahun 1967, sebanyak 49 kursus telah di-adakan di-Pusat Latihan Pimpinan Belia di-Kuala Kubu Bharu dan telah di-hadiri oleh seramai 801 pemimpin<sup>2</sup> belia. Ini termasuk-lah kursus jangka panjang bagi Urusan Rumah Tangga yang memakan masa selama 3 bulan. Untuk tahun 1968, kursus<sup>2</sup> ini di-ranchangkan lebih intensif lagi dengan mata-pelajaran<sup>2</sup> berdasarkan ka-arrah pembangunan.

197. Dalam tahun yang di-kaji, Kementerian ini, dengan kerjasama pihak Radio Malaysia, telah mengadakan ranchangan<sup>2</sup> radio "Belia Bergerak Maju" yang maseh di-siarkan. Kementerian ini sedang juga menjalankan ranchangan "Belia Bergerak Maju" ini di-T.V. Malaysia. Dalam tahun 1968, Kementerian ini berchadang hendak menjalankan perfileman berkenaan Khidmat<sup>2</sup> Belia di-Malaysia.

198. Kementerian ini terus menjalankan kerja<sup>2</sup> untuk menyatukan kelab<sup>2</sup> belia dan memberi bantuan<sup>2</sup> dan perkhidmatan<sup>2</sup> kepada belia.

#### SOKAN

199. Dalam tahun 1967, Kementerian ini terus memberi bantuan kepada Pertubuhan Sokan Kebangsaan dan lain<sup>2</sup> badan sokan untuk menjalankan ranchangan<sup>2</sup> masing<sup>2</sup>.

200. Dalam pertandingan sokan SEAP pasokan Malaysia di-dapati tidak mendapat kejayaan sebagaimana yang sudah<sup>2</sup>. Usaha<sup>2</sup> ada-lah sedang di-jalankan untuk memajukan sokan oleh Kementerian ini. Dalam tahun itu, di-Kementerian ini telah di-tubuhkan satu unit "Sports Medicine". Tujuan unit ini ada-lah untuk menyelideki lagi chara<sup>2</sup> memajukan sokan. Dengan ada-nya unit ini, Kementerian telah mengadakan perhubungan latehan di-parasan tinggi, ia-itu di-Cameron Highlands dengan tujuan mengujikan kebolehan serta menyesuaikan peserta<sup>2</sup> sokan kepada keadaan iklim yang berlainan dengan negeri ini.

201. Achara istimewa dalam tahun 1967 ada-lah tertumpu kepada kejayaan Malaysia memenangi pertandingan badminton bagi merebutkan Piala Thomas.

#### MUZIUM NEGARA

202. Dalam tahun 1967, di-dapati jumlah pelawat<sup>2</sup> ka-Muzium ini ada-lah seramai 1,220,404, ia-itu satu jumlah yang lebih tinggi daripada tahun<sup>2</sup> yang lalu.

203. Enam pameran besar telah di-adakan di-Muzium ini. Pameran yang istimewa sekali ada-lah pameran 10 Tahun Malaysia Merdeka berkenaan Sejarah dan Perlembagaan.

204. Bilek pameran di-tingkat kedua yang menunjokan Sejarah Alam (Natural History) telah pun di-buka dengan resmi-nya dalam bulan Februari, 1968. Kerja<sup>2</sup> persiapan telah di-jalankan di-sabuh bilek pameran di-tingkat yang sama. Bilek ini akan menunjokan perkara<sup>2</sup> berkenaan ekonomi dan teknologi Malaysia.

205. Hubungan rapat telah di-kekalkan dengan Universiti Malaya. Badan Penyelidikan Perubatan dan lain<sup>2</sup> institusi yang telah memperuntokan ahli<sup>2</sup>-nya untuk menjadi curator<sup>2</sup> kehormat di-Muzium ini. Hubungan dengan badan<sup>2</sup> luar negeri juga di-perkekalkan dan Muzium ini telah mengatorkan achara per-tukaran penerbitan dengan 99 buah institusi.

---

### KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

#### KERAJAAN TEMPATAN

206. Laporan Surohanjaya Penyiasat Di-Raja yang telah di-lantek pada akhir tahun 1965 bagi menyiasat perjalanan pehak<sup>2</sup> berkuasa tempatan, sedang di-tunggu<sup>2</sup> dengan penoh minat oleh pehak Kerajaan dan orang ramai. Ada-lah di-harap bahawa pendapat<sup>2</sup> serta shor<sup>2</sup> Surohanjaya tersebut, apabila di-terima

oleh Kerajaan, boleh menolong bukan sahaja mengelakkan lagi mutu dan kecekapan pentadbiran Kerajaan Tempatan bahkan juga membolehkan pehak<sup>2</sup> berkuasa ini memainkan peranan yang lebih penting dalam masyarakat demokrasi.

**PEMBANGUNAN DAN KERJA<sup>2</sup> KECIL DALAM KAWASAN PEHAK<sup>2</sup> BERKUASA TEMPATAN  
(TERMASOK KAWASAN<sup>2</sup> MAJLIS TEMPATAN)**

207. Kerajaan Persekutuan terus membantu usaha pembangunan kawasan<sup>2</sup> Pehak<sup>2</sup> Berkuasa Tempatan dengan menguntukkan wang bagi projek<sup>2</sup> pembangunan umum. Projek<sup>2</sup> ini ia-lah jalanraya<sup>2</sup> serta jambatan kecil, parit<sup>2</sup> dan kelubong<sup>2</sup>, memasang dan menyambung bekalan letrik, pasar<sup>2</sup> dan gerai<sup>2</sup>, mengelakkan lagi kemudahan<sup>2</sup> kesihatan 'awam, kemudahan<sup>2</sup> riadah, balai<sup>2</sup> raya dan pelbagai kerja yang lain.

208. Tidak ada projek<sup>2</sup> besar yang telah di-laksanakan dalam tempoh ini kerana kebanyakan daripada bantuan<sup>2</sup> itu ia-lah untuk kerja<sup>2</sup> yang tidak lebih daripada \$10,000 tetapi jumlah peruntukan yang di-keluarkan dalam tahun 1967 ia-lah \$640,242. Tanggong-jawab terhadap pembangunan pehak<sup>2</sup> berkuasa tempatan terletak kepada Kerajaan Negeri masing<sup>2</sup>, tetapi ada-lah di-harapkan bahawa peruntukan<sup>2</sup> daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah menjadi sumbangan yang agak besar juga terhadap pembangunan kawasan pehak<sup>2</sup> berkuasa tempatan.

**PERUMAHAN**

209. Kemajuan berhubung dengan ranchangan rumah murah dalam tahun kedua bagi Ranchangan Malaysia, ia-itu tahun 1967, ada-lah memuaskan. Dalam tempoh ini, sa-banyak 1,697 buah rumah telah siap di-bena dengan wang yang di-beri oleh Kerajaan Persekutuan. Dari segi wang yang telah di-belanjakan, hampir<sup>2</sup> \$10 juta telah di-gunakan daripada peruntukan sa-banyak \$17 juta. Hendak-lah di-nyatakan ia-itu tidak-lah dapat di-elakkan bahawa bilangan rumah dalam dua tahun yang mula<sup>2</sup> itu akan kurang dari bilangan dalam tiga tahun yang akhir bagi Ranchangan itu oleh kerana pengambilan masa antara membuat ranchangan melaksanakan dan menyiapkan-nya. Tambahan pula, kebanyakan ranchangan<sup>2</sup> rumah yang bertingkat<sup>2</sup> akan di-bena pada peringkat akhir Ranchangan Malaysia itu (1968-1970) dan sa-jumlah besar wang peruntukan yang di-sediakan bagi 5 tahun itu akan juga di-belanjakan dalam tempoh itu.

210. Sa-bagaimana yang telah di-nyatakan dalam titah ucapan tahun lalu, kebanyakan daripada ranchangan<sup>2</sup> rumah murah ini di-tumpukan di-bandar Kuala Lumpur dan di-bandar<sup>2</sup> besar. Di-Ibu Kota, dalam tahun 1967, telah di-siapkan sa-banyak 80 yunit rumah (Peringkat Pertama) dalam Ranchangan Perumahan Bukit Bungsar dan ranchangan<sup>2</sup> di-Jalan Shaw (808 yunit), Tun Tan Cheng Lok Mansion (Peringkat IV) (400 yunit), Jalan Pekeliling (3,009 yunit), Wardieburn Estate (Peringkat I) (1,130 yunit) dan di-Jalan Cheras (640 yunit), semua-nya dalam berbagai<sup>2</sup> peringkat pembinaan. Kerja perancangan telah juga di-jalankan dengan giat-nya bagi ranchangan yang berikut:

- (1) Cheras (Peringkat II, III dan IV—2,090 yunit).
- (2) Sentul (1,088 yunit).

- (3) Wardieburn Estate (Peringkat II—256 yunit).
- (4) Bungsar (960 yunit).
- (5) Jalan Peel (2,768 yunit).
- (6) Jalan San Peng (272 yunit).

Untuk menyempurnakan kehendak<sup>2</sup> masa hadapan, pihak Kementerian telah mengambil milek tanah sa-luas 806 ekar di-Ladang Getah Seaport berdekatan dengan bandar Kuala Lumpur. Pihak Ibu Kota telah juga melancarkan ranchangan perumahan-nya yang mengandongi 84 buah rumah kembar dan 120 buah rumah berderet di-Gombak untuk kakitangan-nya. Ranchangan ini telah pun siap di-bena dan rumah<sup>2</sup> itu akan di-jual kepada kakitangan-nya dengan mengenakan syarat<sup>2</sup> bayaran yang mudah. Seluruh ranchangan ini akan menyediakan rumah sa-banyak 419 yunit untuk kakitangan Perbandaran Ibu Kota.

211. Pulau Pinang juga mempunyai ranchangan rumah murah yang besar juga. Beberapa buah ranchangan yang telah di-luluskan bagi Negeri itu sedang di-jalankan, ia-itu Ranchangan Perumahan di-kawasan perusahaan di-Mak Mandin (Rumah<sup>2</sup> pangsa 4 tingkat mengandongi 672 yunit), di-Ayer Itam (Peringkat Ke-empat—sa-buah belok 16 tingkat mengandongi 448 yunit) dan di-Noordin Street Ghaut (satu belok 17 tingkat mengandongi 398 yunit). Lagi sa-buah ranchangan yang sedang dalam pembenaan ia-lah di-Jalan Rifle Range. Ranchangan ini ia-lah Ranchangan Perchubaaan yang kedua dengan menggunakan teknik pembangunan kilang yang akan menggunakan belanja lebeh \$20 juta. Semua ranchangan ini di-jadualkan akan siap pada awal tahun 1970. Ranchangan di-Mak Mandin dan Jalan Chain Ferry itu di-untokkan bagi pekerja<sup>2</sup> yang bekerja dalam kawasan perusahaan Mak Mandin dan juga setingan<sup>2</sup> yang terlibat dalam pembenaan jalan besar yang baru itu. Baki dari wang peruntokan ranchangan rumah murah itu akan di-bahagi<sup>2</sup>kan kepada pekan<sup>2</sup> kecil dan daerah<sup>2</sup> dalam negeri.

212. Untuk menambah lagi ranchangan<sup>2</sup> yang ada sekarang dalam negeri<sup>2</sup>, Kementerian ini telah melancarkan Ranchangan Perumahan Kilat yang mengandongi rumah<sup>2</sup> antara 32 hingga 50 yunit bagi satu<sup>2</sup> ranchangan di-tiap<sup>2</sup> bandar yang maseh belum ada lagi ranchangan rumah murah. Ini ada-lah suatu usaha yang berani jika di-fikirkan bahawa Kementerian ini terlalu kurang kakitangan-nya terutama sekali dalam peringkat teknik. Walau pun demikian, Kementerian ini akan berusaha dengan sa-daya upaya-nya melaksanakan Ranchangan Kilat ini dengan sa-berapa segera-nya. Ranchangan Kilat ini di-jangka akan dapat membena kira<sup>2</sup> 4,000 yunit rumah batu berderet dalam tahun 1968. Usaha ini ada-lah juga satu perchubaaan kerana boleh memberi maklumat yang berguna dalam menjalankan kerja peranchangan dan penubohan suatu Lembaga Perumahan dan Kemajuan Pusat pada masa hadapan.

213. Dalam titah ucapan yang lalu, telah di-nyatakan bahawa pihak Kementerian akan mengkaji chadangan hendak menubuhkan sa-buah Lembaga Perumahan dan Kemajuan Pusat untuk menyatukan perkara<sup>2</sup> yang membolehkan pihak perusahaan orang ramai memainkan peranan-nya bagi membiayai ranchangan perumahan 'awam dan kemajuan, khas-nya pembaharuan bandar.

Bagi maksud ini, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah pergi ka-Amerika untuk mengkaji sendiri bagaimana pehak perusahaan orang ramai dapat memainkan peranan dalam bidang ranchangan perumahan 'awam tersebut. Sa-bagai hasil dari lawatan itu, Kementerian ini telah meminta dua atau tiga orang pakar dalam bidang pembiayaan ranchangan rumah dengan tujuan hendak menjalankan kajian sama ada penubuhan "Savings and Loans Association" dan sa-bagai-nya berfaedah atau tidak sa-bagai langkah mengumpulkan modal tempatan bagi membiayai ranchangan perumahan dan kemajuan. Pakar<sup>2</sup> ini telah tiba di-negeri ini pada akhir bulan April untuk menjalankan kajian mereka dan penyata sedang di-kaji oleh Kerajaan.

#### JABATAN PERANCHANG BANDAR DAN KAMPONG

214. Kemajuan besar telah dan sedang di-chapai oleh Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong dalam berbagai<sup>2</sup> aspek kerja<sup>2</sup>-nya—membuat ranchangan pembangunan bandar dan luar bandar dan kemajuan kawasan<sup>2</sup> dalam negeri ini.

215. Tugas Jabatan ini yang sangat mustahak di-jalankan dengan segera ia-lah membantu dalam usaha hendak melaksanakan Ranchangan Kilat Rumah Murah di-seluruh negara bagi menchapai tujuan Kerajaan hendak mengadakan ranchangan rumah murah dalam tiap<sup>2</sup> bandar di-negeri ini. Kerja menyelidik dan memilih tapak<sup>2</sup> yang sesuai untuk ranchangan<sup>2</sup> ini dan meranchang supaya kemudahan<sup>2</sup> 'awam di-adakan menurut konsep ranchangan kawasan ada-lah amat rumit. Walau bagaimana pun, Jabatan ini telah pun berjaya menyelidik dan meranchang sa-jumlah 127 ranchangan di-seluruh negeri dalam tempoh tiga bulan sahaja.

216. Lain<sup>2</sup> perojek perumahan Kerajaan yang telah di-ranchangkan dengan teliti-nya oleh Jabatan ini ia-lah Ranchangan Perumahan Ladang<sup>2</sup> Seaport dan Wardieburn. Dalam Ranchangan Ladang Wardieburn, kerja dalam Peringkat Pertama-nya, ia-itu membena rumah pangsa mengandongi 1,130 yunit, rumah deret 260 yunit dan kawasan perusahaan, telah pun di-mulakan.

217. Dalam bidang pembangunan luar bandar pula, Jabatan ini telah meranchang perkampungan untuk tiga ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang besar beberapa bulan yang lepas, ia-itu di-Bukit Ramum, Johor dan di-Bukit Puchong dan Bukit Mendi, Pahang. Jabatan ini telah menggunakan kemahiran dan pengalaman-nya dengan bijak untuk memelihara kesempurnaan hidup penduduk<sup>2</sup> luar bandar dengan chara mengadakan kemudahan<sup>2</sup> dan kesenangan<sup>2</sup> hidup kepada masyarakat<sup>2</sup> luar bandar.

218. Ranchangan kawasan ia-lah satu aspek Peranchang Bandar yang paling penting. Tujuan-nya ia-lah menempatkan penduduk<sup>2</sup> supaya peluang yang baik boleh di-dapati untuk pekerjaan, peruntukan kemudahan yang berpatutan dengan kehendak tiap<sup>2</sup> kampung dan bandar dan mengelakkan orang<sup>2</sup> luar bandar daripada berpindah ka-bandar hingga di-bandar<sup>2</sup> itu menjadi sesak dan kekurangan kemudahan<sup>2</sup>. Di-sabalek-nya pula, kemudahan<sup>2</sup> dan peluang<sup>2</sup> pekerjaan di-kawasan luar bandar hendak-lah di-pelihara. Oleh yang demikian, ranchangan kawasan ada-lah usaha bagi meranchang kehidupan di-bandar dan luar bandar supaya sa-imbang. Jabatan ini terus memainkan peranan-nya yang

penting, memandu pembangunan di-kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang dan Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong Negeri Kelantan di-Kota Bharu pula telah menyiapkan satu pelan Chorak Penempatan Kawasan untuk Kelantan dan Trengganu dan pelan kawasan untuk Bandar Kota Bharu.

219. Dalam bidang peranchangan badar, Jabatan ini telah membantu Lembaga Penyiasat mendengar segala bantahan<sup>2</sup> terhadap Deraf Pelan Bandar Kuala Lumpur. Tidak shak lagi bahawa Lembaga itu akan mengambil ingatan tentang sikap orang<sup>2</sup> 'awam terhadap Pelan itu dan betapa mustahak-nya membuat ranchangan untuk masa hadapan supaya Ibu Kota kita akan menjadi salah satu daripada Kota yang termoden lagi terindah di-dalam dunia.

220. Jabatan ini terus memberi perkhidmatan<sup>2</sup> peranchang kepada Universiti Malaya. Baru<sup>2</sup> ini, Jabatan ini telah membantu menjalankan satu kajian lalu-lintas di-Kampus dan sekarang telah pun mengeluarkan satu laporan mengenai kajian itu. Laporan ini kelak akan menjadi sa-bahagian daripada bahan untuk meranchang Universiti itu.

221. Akhir-nya, tahun yang lepas ada-lah satu tahun yang chemerlang bagi Jabatan ini terutama sekali di-Negeri Pulau Pinang, Perak dan Johor di-mana Jabatan<sup>2</sup> Negeri di-negeri<sup>2</sup> itu telah mendapat perkhidmatan Penolong<sup>2</sup> Pegawai Peranchang Negeri dan, dengan yang demikian, menambahkan lagi banyak kerja<sup>2</sup> dan tanggung-jawab Jabatan<sup>2</sup> itu.

#### PERKHIDMATAN BOMBA

222. Jema'ah Pemereksa Perkhidmatan Bomba Persekutuan telah terus memberi nasehat kepada Pehak<sup>2</sup> Berkuasa Negeri dan lain<sup>2</sup> Pehak Berkuasa Bomba mengenai perkara<sup>2</sup> yang bersangkutan-paut dengan perkhidmatan bomba supaya dapat mengekalkan mutu perkhidmatan selaras dengan keperluan negara dan mengurangkan kerosakan akibat kebakaran sedapat<sup>2</sup>-nya. Suatu kajian lengkap tentang latehan bomba telah di-jalankan dan beberapa Pehak Berkuasa telah di-beri nasehat tentang langkah<sup>2</sup> yang patut di-ambil bagi mengelakkan lagi latehan<sup>2</sup> itu. Ada-lah di-jangka bahawa ini akan menimbulkan kerjasama yang lebeh baik dan tindakan yang lebeh berkesan dalam hal memadamkan kebakaran<sup>2</sup>.

223. Sekolah Pusat Latehan Bomba yang di-selenggarakan oleh Kerajaan Pusat telah juga memainkan peranan-nya menambahkan lagi kecekapan perkhidmatan bomba. Sa-banyak 11 Kursus telah di-adakan di-Sekolah itu dalam tahun 1967, dan sa-ramai 229 orang dari beberapa perkhidmatan bomba di-seluruh Malaysia telah menuntut-nya. Perkara yang di-ajar dalam kursus itu bukan sahaja mengenai chara<sup>2</sup> melawan kebakaran, bahkan juga chara mencheгах kebakaran.

224. Supaya semua bangunan<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> hartabenda Kerajaan Pusat chukup terpelihara daripada bahaya<sup>2</sup> kebakaran, Jema'ah Pemereksa Perkhidmatan Bomba telah membuat 911 pemereksaan mengenai mencheгах kebakaran dalam tahun 1967, dan telah menyelenggara dan memelihara lebeh daripada 13,000 alat pemadam api daripada berbagai<sup>2</sup> jenis. Jabatan ini juga telah membuat shor<sup>2</sup> untuk meranchangkan langkah mencheгах kebakaran bagi bangunan<sup>2</sup> baru.



## IBU KOTA KUALA LUMPUR

225. Banyak kemajuan telah di-chapai dalam bahagian Kerajaan dan persendirian menyebabkan bertambah-nya nilai tahunan bagi hartabenda dari \$72,282,305 pada 1hb Januari, 1967, menjadi \$81,919,442 pada 31hb Disember, 1967. Angka ini tidak-lah termasuk nilai tahunan harta<sup>2</sup> yang di-kechualikan di-bawah Perkara 156 dalam Perlembagaan Persekutuan yang berjumlah \$28,572,628.

226. Satu deraf Pelan Bandar sekarang ini sedang di-timbangkan dengan teliti. Pelan ini, apabila siap dan di-luluskan dengan rasmi-nya oleh Y.B. Menteri, akan menggantikan Pelan Bandar yang ada sekarang yang telah di-luluskan dan di-istiharkan dalam *Warta* Kerajaan dalam tahun 1939.

227. Dengan lulus-nya Act Kawalan Sewa No. 56 tahun 1966 yang di-kuatkuasa pada 1hb Januari, 1967, Pesuruhjaya Ibu Kota Kuala Lumpur telah di-berikan tugas menjalankan peruntukan<sup>2</sup> Act tersebut dalam lengkongan kawasan Ibu Kota bagi pehak Kementerian Kerjaan Tempatan dan Perumahan.

228. Perjalanan lalu-lintas baru—Sistem “Gelombang Hijau”—telah di-jalankan di-Kawasan Pusat Bandar dalam bulan Januari tahun ini. Sistem ini telah di-chipta untuk mengelokkan lagi perjalanan lalu-lintas di-jalan<sup>2</sup> yang terhad bilangan-nya di-Kawasan Pusat Bandar. Kini, Sistem ini sedang berjalan dengan memuaskan. Semua jalan<sup>2</sup> yang menghala keluar dari Kawasan Pusat Bandar telah di-lebarkan lagi dan, pada masa ini, kerja<sup>2</sup> maseh lagi di-jalankan untuk melebarkan jalan<sup>2</sup> berikut:

- (1) Jalan Pahang: untuk lalu-lintas ka-Pantai Timor,
- (2) Jalan Kelang, Jalan Bangsar dan Jalan Travers: bagi lalu-lintas ka-Petaling Jaya dan Port Swettenham,
- (3) Jalan Ampang.

229. Langkah<sup>2</sup> sedang di-ambil untuk membena sa-batang jalan baru dari Jalan Parlimen ka-Jalan Ipoh untuk mengurangkan lalu-lintas di-Jalan Tuanku Abdul Rahman.

230. Perbelanjaan untuk menyiapkan kerja<sup>2</sup> yang tersebut berjumlah lebih kurang \$3½ juta.

231. Usaha<sup>2</sup> sedang di-jalankan sekarang untuk membuat parit<sup>2</sup> yang sesuai untuk mengatasi masa'elah banjir di-Ibu Kota.

232. Kerja memasang paip<sup>2</sup> betongan di-Kawasan Pudu telah hampir<sup>2</sup> siap dan kerja sedang di-jalankan untuk menyambungkan tandas<sup>2</sup> di-situ kepada betongan 'awam. Apabila ranchangan ini siap kelak, kira<sup>2</sup> 200,000 orang penduduk kawasan itu dapat menggunakan tandas<sup>2</sup> pam.

233. Lampu<sup>2</sup> jalan raya di-Kawasan Pusat Bandar telah di-tambah dan di-elokkan lagi. Ini ada-lah selaras dengan dasar Pesuruhjaya untuk menambah dan mengelokkan lagi lampu jalan raya di-Kuala Lumpur untuk menjadikan Ibu Kota sa-buah bandar yang lebih menarek.

234. Satu perhubungan sedang di-jalankan sekarang di-Kuala Lumpur untuk menempatkan penjaja<sup>2</sup> dalam dua buah Emporium—sa-buah di-Jalan Raja Bot dan yang sa-buah lagi di-Jalan Sekolah. Belanja membena dua Emporium ini ia-lah \$1.3 juta.

235. Jika perhubungan ini berjaya, banyak lagi Emporium akan di-bena supaya masa'elah penjaja di-Ibu Kota ini dapat di-atasi.

236. Pesuruhjaya Ibu Kota terus memberi Perkhidmatan Bomba untuk memelihara keselamatan nyawa dan harta benda di-Kuala Lumpur.

---

### KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS DAN TALIKOM

237. Satu perubahan yang besar yang telah di-jalankan di-Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom pada akhir tahun 1967 ada-lah perkara menyusun sa-mula Jabatan Pos dan Talikom, Wilayah Borneo. Sa-belum daripada 1hb Januari, 1968, perkara Pos dan Talikom ada-lah di-tadbirkan oleh satu Jabatan. Oleh kerana Jabatan itu telah menjadi besar dan kerja<sup>2</sup>-nya sa-makin rumit, maka telah di-putuskan bahawa pegawai<sup>2</sup> Jabatan itu hendak-lah menumpukan usaha mereka kepada satu<sup>2</sup> perkara dan oleh hal yang demikian hendak-lah di-adakan Jabatan<sup>2</sup> Pos dan Talikom yang berasingan di-Sabah dan Sarawak. Perkara menyusun sa-mula ini telah pun di-laksanakan dan tiap<sup>2</sup> Ketua Jabatan Pos dan Jabatan Talikom bertanggung-jawab terus kepada Ketua<sup>2</sup> Jabatan yang berkenaan di-Kuala Lumpur, ia-itu Pengarah Talikom Negara dan Ketua Pos Negara.

238. Pada masa ini, di-Sabah tidak ada kemudahan<sup>2</sup> bank simpanan pejabat pos. Keputusan telah di-ambil untuk mengadakan perkhidmatan ini dan pegawai<sup>2</sup> di-Sabah sedang di-lateh untuk membuat kerja ini. Sa-lain daripada itu, satu kajian sistem kiriman<sup>2</sup> pos sedang di-buat di-Sabah dan Sarawak. Pada masa ini, kiriman<sup>2</sup> pos ada-lah di-hadkan kepada kawasan<sup>2</sup> pekan sahaja.

239. Pada penghujung tahun 1967, tiga Act baru, ia-itu Act Akitek<sup>2</sup>, Act Jurutera<sup>2</sup> dan Act Juru<sup>2</sup> Ukor, telah di-kanunkan supaya membolehkan Lembaga Jurutera<sup>2</sup>, Lembaga Akitek<sup>2</sup> dan Lembaga Juru<sup>2</sup> Ukor di-tubuhkan untuk menetapkan kod (code) tingkah-laku pada masa Jurutera<sup>2</sup>, Akitek<sup>2</sup> dan Juru<sup>2</sup> Ukor menjalankan pekerjaan mereka dan juga chara pembayaran (scale of fees) yang boleh mereka kenakan. Pada masa<sup>2</sup> yang sudah, chuma Undang<sup>2</sup> Akitek sahaja yang ada dan Jurutera<sup>2</sup> dan juga Juru<sup>2</sup> Ukor yang ingin menjalankan perusahaan sendiri terpaksa mendaftarkan nama<sup>2</sup> mereka di-bawah peruntukan<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> Akitek. Chara ini tidak adil kepada Jurutera<sup>2</sup> dan Juru<sup>2</sup> Ukor dan Act<sup>2</sup> yang di-sebutkan di-atas telah di-kanunkan untuk memperbaiki keadaan itu.

240. Satu langkah yang baharu ia-lah mengenai penggunaan jalan<sup>2</sup> raya, yang di-hadkan kepada kenderaan<sup>2</sup> yang ringan, oleh lori<sup>2</sup> yang berat, khas-nya, lori<sup>2</sup> yang mengangkut kayu<sup>2</sup> balak dan batu besi. Sekarang, ada-lah dasar Kerajaan membenarkan jalan<sup>2</sup> itu di-gunakan oleh kenderaan yang berat dengan syarat pengguna<sup>2</sup> sanggup membayar wang untuk penyelenggaraan luar biasa (abnormal maintenance) jalan<sup>2</sup> raya itu.

## KERJA RAYA

241. Dalam bulan September 1967, Kajian Pengangkutan Kebangsaan (National Transport Study) telah di-mulakan. Dalam kajian itu Yunit Peranchang Jalan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya ada-lah mengambil peranan yang penting. Kajian tersebut di-jangka selesai pada pertengahan tahun ini.

242. Jambatan<sup>2</sup> Muar dan Batu Pahat telah siap dan di-buka dengan resminya di-dalam tahun 1967. Dengan itu, perkhidmatan feri untuk menyeberang kedua<sup>2</sup> sungai Muar dan Batu Pahat tidak-lah di-jalankan lagi. Kereta<sup>2</sup> yang menggunakan jambatan<sup>2</sup> itu ada-lah di-kehendaki membayar tol.

243. Pada akhir tahun 1967 kerja membena suatu jambatan jalan raya di-atas jalan keretapi telah di-mulakan di-Bukit Tengah, Seberang Perai. Perojek itu termasuk pembenaan sa-buah bulatan yang besar untuk menggantikan simpang empat yang ada di-pekatan Bukit Tengah. Apabila jambatan itu siap, maka lalu lintas yang menggunakan jalan raya itu tiada-lah terpaksa lagi berhenti apabila keretapi lalu di-situ. Dan lagi, ada-lah di-jangkakan ia-itu dengan siap-nya bulatan di-pekatan Bukit Tengah itu, lalu lintas boleh-lah bergerak dengan lancar dan selamat.

244. Kerja memperbaiki Jalan Kuantan-Marang di-antara batu 36 ka-batu 48 telah siap pada tahun 1967. Pada tahun ini, sa-bahagian jalan di-antara batu 41½ ka-batu 48 pula akan di-perbaiki. Sa-lain dari itu, sa-bahagian jalan di-antara batu 64 ka-batu 66, Jalan Temerloh-Marang akan di-perbaiki juga.

245. Dalam tahun 1967, hampir<sup>2</sup> \$26 juta telah di-belanjakan untuk kerja<sup>2</sup> pembangunan jalan raya di-Malaysia Barat. Bagi penyenggaraan pula, lebih daripada \$14 juta telah di-belanjakan.

246. Di-Negeri Sarawak, beberapa kemajuan telah di-chapai di-dalam pembenaan dan memperbaiki lagi jalan<sup>2</sup> raya menyambongi Bahagian<sup>2</sup> Yang Pertama, Yang Kedua dan Yang Ketiga. Pada masa ini, ada jalan raya terus daripada Sematan di-Bahagian Yang Pertama ka-Sibu di-Bahagian Ketiga kechuali sa-bahagian yang kecil di-Bahagian Yang Pertama yang akan di-buka kepada lalu lintas tidak lama lagi. Pembenaan jalan raya di-antara Bintulu dan Miri di-Bahagian Yang Keempat akan terus di-jalankan dan ada juga peruntukan untuk membena satu jalan yang sesuai di-antara Miri dan sempadan Negeri Brunei.

247. Dengan ada-nya jalan<sup>2</sup> raya di-Sarawak, maka kawasan<sup>2</sup> tanah yang besar di-Bahagian Yang Keempat akan dapat di-buka untuk perusahaan kayu<sup>2</sup> balak dan untuk pertanian.

248. Di-Sabah, kerja mengadakan Jalan Timor-Barat (East-West Road) menyambungkan Ranau di-Barat ka-Sandakan di-Timor akan terus di-jalankan. Pembenaan sa-bahagian jalan ini akan di-jalankan dengan bantuan Kerajaan Australia. Jalan ini akan mengadakan jalan masuk ka-kawasan pedalaman Negeri itu dan akan menyambungkan jalan raya di-antara Timor dan Barat Negeri Sabah. Kerja<sup>2</sup> untuk memperbaiki jalan<sup>2</sup> di-Sabah akan terus di-jalankan.

249. Usaha telah di-jalankan, pada tahun yang lepas, untuk mengadakan bekalan ayer yang bersekh bagi seberapa banyak ra'ayat yang boleh mengikut kebolehan Kerajaan dari segi kewangan.

250. Bekalan<sup>2</sup> baharu telah di-adakan di-Pantai Remis dan Dindings, di-Negeri Perak, di-Jerantut, Pahang, di-Ayer Kroh, Melaka dan di-Muar, Johor.

251. Tiga ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah di-beri bekalan ayer yang bersekh dan 16 lagi telah di-beri bekalan ayer sementara sehingga ranchangan<sup>2</sup> bekalan ayer yang tetap siap.

252. Sambongan<sup>2</sup> paip ayer terus di-adakan daripada bekalan<sup>2</sup> yang ada sekarang di-seluruh negeri ini ka-tempat<sup>2</sup> di-luar bandar di-Kuala Ketil, Merbau Pulas dan Titi Karang di-Kedah, Tanjong Tualang di-Perak, Gambang dan Gali di-Pahang, Kampong Ladang, Kampong Kuala, Tanjong Bidara, Kampong Solok, Pengkalang Balak, Kuala Tinggi dan Telok Berembang di-Melaka; Kampong Gombang, Kampong Bharu Melayu Lenga, Kampong Sentosa dan Sri Gading di-Johor, dan Kampong Kerjasama, Kampong Pasir Semenyik dan Kampong Batu Tiga di-Selangor.

253. Ada-lah di-anggarkan sa-ramai 280,000 orang lagi telah di-beri kemudahan bekalan ayer daripada ranchangan<sup>2</sup> bekalan Ayer Kerajaan pada tahun ini. Untuk menyenangkan lagi orang<sup>2</sup> ramai mendapat ayer, Kerajaan<sup>2</sup> Negeri Kedah dan Pahang telah pun memberi kemudahan supaya penduduk<sup>2</sup> luar bandar boleh membayar harga memasang paip ka-rumah<sup>2</sup> mereka beransor<sup>2</sup> tiap<sup>2</sup> bulan. Kerajaan Negeri Selangor pula terus mengadakan paip<sup>2</sup> ayer di-tepi<sup>2</sup> jalan di-kawasan<sup>2</sup> yang penduduk<sup>2</sup>-nya tidak mampu memasang paip<sup>2</sup> ayer sendiri.

254. Dalam tahun 1967, Chawangan Jentera Jabatan Kerja Raya di-Malaysia Barat terus mengadakan perkhidmatan<sup>2</sup>-nya untuk menyelenggara dan memperbaiki semua alat<sup>2</sup> dan loji<sup>2</sup> jentera (mechanical plant and equipment) yang digunakan oleh Jabatan Kerja Raya dan sa-bahagian daripada badan<sup>2</sup> yang berkanun. Sa-lain daripada kerja<sup>2</sup> itu, chawangan itu telah juga di-minta, dalam tahun itu, supaya memberi nasihat kejuruteraan kapada beberapa Jabatan Kerajaan dan juga mengusahakan rekaan untuk memasang alat<sup>2</sup> hawa dingin, memasang lip<sup>2</sup>, pam<sup>2</sup> dan alat<sup>2</sup> yang lain di-bangunan<sup>2</sup> Kerajaan dan bangunan<sup>2</sup> badan<sup>2</sup> berkanun yang peruntukan wang-nya telah di-adakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri<sup>2</sup>. Sa-lain daripada itu, chawangan ini telah menyediakan penetapan<sup>2</sup> (specifications) dan dokumen<sup>2</sup> tender untuk membeli kereta<sup>2</sup> dan alat<sup>2</sup> jentera di-bawah Anggaran Lain<sup>2</sup> Perbelanjaan Khas sa-bagaimana yang telah di-arahkan oleh Perbendaharaan. Bagi yang pertama-nya, chawangan ini telah di-tugaskan oleh Perbendaharaan untuk menyediakan penetapan<sup>2</sup> dan dokumen tender yang sesuai untuk mempelawa tender antarabangsa mengikut perjanjian pinjaman wang Luar Negeri untuk mendapatkan jentera kerja-tanah yang berat dan kereta<sup>2</sup> yang di-kehendaki oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Tali Ayer dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan untuk

melaksanakan Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Sa-bagaimana tahun<sup>2</sup> yang lepas, chawangan ini telah di-beri tanggung-jawab untok menyediakan, mengerjakan dan mentadbirkan konterek<sup>2</sup> ulang tahunan untok membekalkan petrol, minyak dan minyak pelinchir, barang<sup>2</sup> ganti jentera dan menyelenggara alat<sup>2</sup> hawa dingin.

255. Kerja<sup>2</sup> yang telah di-jalankan di-semua Wokshop Jentera Jabatan Kerja Raya dalam tahun itu ada-lah berjumlah lebeh kurang \$19 juta.

256. Oleh kerana ada-nya kemudahan<sup>2</sup> yang lebeh baik di-Wokshop<sup>2</sup> Persekutuan di-Kuala Lumpur dan juga achara<sup>2</sup> latehan yang lebeh terator, maka kursus latehan telah di-adakan dalam tahun itu untok memberi faedah kepada pelateh<sup>2</sup> daripada beberapa Jabatan Kerajaan, badan<sup>2</sup> yang berkanun dan ahli<sup>2</sup> tentera. Sa-bagaimana tahun yang lepas, kursus<sup>2</sup> latehan praktik untok mahasiswa<sup>2</sup> Universiti Malaya dan Maktab Teknik telah juga di-adakan di-beberapa Wokshop.

257. Chawangan Jentera terus membekalkan permintaan yang semakin bertambah untok batu<sup>2</sup> daripada kuari bagi penyelenggaraan jalan<sup>2</sup> raya yang ada sekarang dan untok membena jalan<sup>2</sup> raya baharu. Keluaran batu<sup>2</sup> daripada kuari<sup>2</sup> pusat ada-lah lebeh daripada keluaran dalam tahun 1966 dan ini ada-lah di-sebabkan kuari<sup>2</sup> itu telah di-perluaskan dan di-perbaiki lagi dan chara<sup>2</sup> susunan dan perkhidmatan telah bertambah baik. Keluaran batu<sup>2</sup> dalam tahun 1967 berjumlah 1,586,371 tan. Kerja<sup>2</sup> bagi perengkat yang pertama di-Pusat Kuari Bukit Jong di-Trengganu telah pun siap dan kerja<sup>2</sup> bagi perengkat yang kedua akan di-mulakan tidak berapa lama lagi. Ranchangan untok memperluaskan kuari<sup>2</sup> di-tempat<sup>2</sup> yang lain telah juga di-buat dan kerja<sup>2</sup> rekaan di-jangka akan di-mulakan pada tahun 1968.

#### PERKHIDMATAN POS

258. Pada tahun 1967, enam buah pejabat pos baharu telah siap di-dirikan dan di-buka untok menjalankan urusan pos, ia-itu, di-Kuala Trengganu, Kuala Perlis, Kapar, Kelang Utara, Ulu Tiram, dan Sungei Petani. Kerja<sup>2</sup> membena dua lagi Pejabat Pos di-Jinjang, Selangor, dan Polis Cantonment di-Tanjong Rambutan, Perak, sedang di-jalankan.

259. Sa-banyak 28 Perwakilan Pos telah juga di-adakan di-merata<sup>2</sup> tempat di-negeri ini dalam tahun 1967 dan dua Pejabat Pos Bergerak telah di-mulakan. Sa-banyak 59 peti<sup>2</sup> pos di-tepi jalan telah juga di-adakan di-dalam tahun lalu. Kemudahan<sup>2</sup> ini di-adakan terutama-nya untok kawasan<sup>2</sup> luar bandar.

260. Untok tahun 1968, Jabatan Perkhidmatan Pos telah membuat ranchangan untok memulakan kerja<sup>2</sup> membena Pejabat<sup>2</sup> Pos baharu di-Lanchang, Pahang, Yan, Kedah, Tumpat dan Temangan, Kelantan, Chaah dan Kota Tinggi, Johor, Mak Mandin di-Butterworth, Pulau Pinang, Salak South, Batu Arang, Sentul dan Jalan Pantai Bharu, Kuala Lumpur, Selangor dan Seremban dan Port Dickson di-Negeri Sembilan. Selain daripada itu, suatu pejabat iseh mel akan di-bena di-Butterworth.

261. Sa-banyak 30 buah Perwakilan Pos akan di-buka di-beberapa tempat di-Negeri ini dan empat Pejabat Pos Bergerak akan berkhidmat untuk kawasan<sup>2</sup> luar bandar.

262. Kemajuan telah juga di-chapai di-dalam Perkhidmatan Pos di-Negeri<sup>2</sup> Sabah dan Sarawak, seperti berikut:

(i) Di-Negeri Sabah—

- (a) Pembinaan suatu Pejabat Pos baharu di-Ranau yang bermula dalam bulan Oktober 1967 di-jangka akan siap pada awal tahun 1968.
- (b) Sa-banyak 8 Perwakilan Pos telah di-tubuhkan dalam tahun 1967.
- (c) Sa-banyak 70 Peti<sup>2</sup> Surat Sewa (private letter boxes) dan Peti<sup>2</sup> Pos di-adakan di-kawasan<sup>2</sup> yang terpilih untuk memberi kemudahan kepada orang ramai.
- (d) Perkhidmatan menghantar kiriman oleh posmen telah di-perbaiki lagi. Perkhidmatan menghantar surat dari rumah ka-rumah telah di-mulakan dalam enam buah bandar. Perkhidmatan menghantar segera telah di-tubuhkan di-semua Pejabat<sup>2</sup> Pos yang besar. Menghantar bungkusan<sup>2</sup> yang tidak di-kenakan cukai dari rumah ka-rumah telah di-lakukan di-Kota Kinabalu. Kiriman terus mel udara dan mel biasa telah di-mulakan di-antara Kota Kinabalu dan beberapa tempat di-luar negeri dan Kiriman Wang Taligerap dengan Malaysia Barat dan Singapura telah di-adakan.

(ii) Di-Negeri Sarawak—

- (a) Bangunan<sup>2</sup> Pejabat Pos baharu di-Lundu dan Lawas telah di-dirikan dan perkhidmatan telah di-mulakan dalam tahun 1967.
- (b) Empat Perwakilan Pos telah di-tubuhkan—dua di-Bahagian Pertama dan satu di-Bahagian Tiga dan satu lagi di-Bahagian Empat.
- (c) Ranchangan<sup>2</sup> sedang di-buat untuk mendirikan tiga buah Pejabat Pos dalam tahun 1968 di-Saratok di-Bahagian Dua, Dulat di-Bahagian Tiga dan Bekenu (Sibuti) di-Bahagian Empat.

TALIKOM

263. Tiap<sup>2</sup> tahun perkhidmatan talipon baharu yang di-kehendaki oleh orang ramai sa-makin bertambah. Perkembangan ekonomi yang pesat, khas-nya dalam lapangan kemajuan perusahaan dan perumahan, telah menyebabkan bertambah-nya keperluan perkhidmatan talipon di-seluruh Negara ini. Keperluan yang berlebeh<sup>2</sup>an ini ada-lah sedang di-atasi dengan seberapa yang dapat mengikut keadaan kewangan. Dalam tahun 1967, tidak kurang daripada \$5.5 juta telah di-belanjakan oleh Kerajaan untuk alat<sup>2</sup> talipon baharu bagi mengatasi keperluan<sup>2</sup> tersebut.

264. Bersaingan dengan perkembangan ini, langkah<sup>2</sup> sedang di-jalankan untuk memudahkan dan memperbaiki lagi perkhidmatan<sup>2</sup> talikom di-kawasan<sup>2</sup> yang

di-dapati perkhidmatan-nya tidak memuaskan. Pekerjaan<sup>2</sup> sedang di-laksanakan untuk meninggikan lagi mutu alat<sup>2</sup> ibusawat dan juga rangkaian talipon dan taligerap.

265. Di-bawah Rancangan Malaysia Yang Pertama, perkara menambah perkhidmatan<sup>2</sup> talikom di-Negeri<sup>2</sup> Pantai Timor Malaysia Barat ada-lah di-utamakan. Kerja<sup>2</sup> telah di-mulakan bagi mengadakan gelombang-mikero yang mengandungi saluran yang banyak dari Kuala Lumpur ka-Kota Bharu untuk talipon dan juga talivishen. Di-samping itu juga, seluruh ibusawat<sup>2</sup> yang besar di-Pantai Timor sedang di-tukarkan daripada ibusawat beroperasi kepada ibusawat otomatik dengan menggunakan alat<sup>2</sup> "ibusawat crossbar" yang moden. Perojek ini di-jangka akan siap sa-belum tahun 1970 apabila kemudahan<sup>2</sup> dan taraf rangkaian talikom di-Pantai Timor akan sa-imbang dengan yang ada sekarang di-Pantai Barat Malaysia.

266. Berkenaan dengan perkhidmatan<sup>2</sup> talikom di-Malaysia Timor pula, suatu sistem "troposcatter gelombang mikero" di-antara Kuching di-Malaysia Timor dan Kuala Lumpur di-Malaysia Barat telah di-ranchangkan. Kerja<sup>2</sup> telah di-mulakan dan keseluruhan projek ini di-jangka akan siap dalam tahun 1969. Apabila siap projek ini kelak, perhubungan di-antara Malaysia Barat dan Sarawak akan lebih baik lagi. Dengan sistem ini juga, Sarawak akan mendapat perkhidmatan talikom yang baik dengan Sabah melalui troposcatter ka-Malaysia Barat dan kemudian ka-Sabah melalui kebel SEACOM. Selain daripada itu, perhubungan gelombang mikero untuk menyambungkan Sarawak dan Sabah juga sedang di-ranchangkan.

267. Suatu pesanan bagi 5,000-talian ibusawat talipon telah di-uruskan untuk Kota Kinabalu dengan menggunakan alat<sup>2</sup> "crossbar" yang terbaharu. Sa-banyak 3,000-talian ibusawat dengan menggunakan alat serupa telah juga di-pesan untuk Sib. Sa-jumlah 18 ibusawat<sup>2</sup> otomatik yang kecil telah juga di-pesan dengan mengandungi 1,420-talian. Ada-lah di-jangka bahawa Kerajaan akan membelanjakan sa-banyak lebih kurang \$15 juta dalam tahun 1968 bagi memperluaskan lagi perkhidmatan<sup>2</sup> talikom di-seluruh Malaysia Timor.

268. Pada tahun yang sudah, perkhidmatan<sup>2</sup> talikom seberang-laut Malaysia telah mencapai dua kemajuan yang penting. Satu daripada-nya ia-lah siap-nya suatu Pusat Suis Talipon Otomatik Antarabangsa yang julong<sup>2</sup> kali di-bena di-Tenggara Asia (First Intercontinental Automatic Telephone Switching Centre). Pusat suis ini ada-lah mengikut rancangan dunia di-dalam rangkaian talipon otomatik. Menerusi pusat ini, opereter<sup>2</sup> talipon di-Malaysia boleh memusing terus kepada pelanggan<sup>2</sup> di-Eropah, Amerika Utara, Jepun dan Hongkong. Langkah yang akan datang ia-lah bagi membolehkan pelanggan<sup>2</sup> di-Malaysia memanggil terus pelanggan<sup>2</sup> di-mana<sup>2</sup> tempat di-dunia ini.

269. Kemajuan yang kedua tercapai ia-lah apabila Pusat Geganti Taligerap Separoh-Otomatik Antarabangsa (International Semi-Automatic Telegraph Relay Centre) di-buka di-Kuala Lumpur pada bulan November, 1967. Dengan ada-nya Pusat Geganti (Relay Centre) ini, maka utusan<sup>2</sup> taligerap antarabangsa dapat di-percepatkan lagi dari pusat<sup>2</sup> taligerap, seperti di-Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Kuching dan Kota Kinabalu.

## KEMENTERIAN KESIHATAN

270. Kemajuan yang tetap telah di-chapai dalam perkara menchegeh dan mengubat penyakit dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

271. Pada keseluroh-nya, kesihatan penduduk<sup>2</sup> terus menerus bertambah baik dengan bertambah dan berkembang-nya perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Kerajaan bukan sahaja mengambil berat terhadap perkara mengurangkan bilangan kematian dan berlaku-nya kejadian penyakit, tetapi juga untuk men-chapai dan memelihara taraf kesihatan yang tinggi bagi penduduk<sup>2</sup> negeri ini.

272. Malaysia ada-lah bebas dari bahaya penyakit<sup>2</sup> berjangkit dalam tahun 1967. Angka kematian telah kurang dari 7.9 dalam tahun 1965 kepada 7.6 dalam tahun 1966 bagi tiap<sup>2</sup> 1,000 orang penduduk berbanding dengan 12.4 dalam tahun 1957. Angka kematian kanak<sup>2</sup> telah kurang dari 78 bagi tiap<sup>2</sup> 1,000 kanak<sup>2</sup> yang di-lahirkan hidup bagi tahun 1957 kepada 50 bagi tiap<sup>2</sup> 1,000 dalam tahun 1965.

## KESIHATAN LUAR BANDAR

273. Dasar Kerajaan ada-lah terus menerus menitekberatkan tumpuan kepada menambah dan mengembangkan perkhidmatan kesihatan bagi penduduk<sup>2</sup> di-luar bandar dengan tujuan meninggikan lagi taraf kesihatan mereka dan, dengan jalan demikian, menchapai kedudukan sosial dan ekonomi yang lebeh tinggi. Pada penghujung tahun 1967, 39 buah pusat kesihatan besar, 139 buah pusat kesihatan kechil dan 703 buah kelinik bidan ada memberi perkhidmatan. Sa-lain dari itu, ada lagi 338 buah dispensari tetap dan 192 buah dispensari pelawat mengikut jalan raya dan sungai bagi mengadakan perkhidmatan<sup>2</sup> kepada kawasan yang terpenchil. Lagi 18 buah pusat kesihatan kechil akan di-siapkan dalam tahun 1968 dan pembenaan sa-banyak 18 buah lagi akan di-mulakan dalam tahun itu juga. Tujuh puluh tujuh buah kelinik bidan akan siap dalam tahun 1968 dan pembenaan sa-banyak 105 buah lagi akan di-mulakan dalam tahun itu.

274. Di-Pusat<sup>2</sup> kesihatan luar bandar ini boleh di-dapati ubat<sup>2</sup> menyembuhkan penyakit dan juga kemudahan<sup>2</sup> untuk menchegeh penyakit<sup>2</sup> saperti layanan per-gigian, layanan kesihatan bagi kanak<sup>2</sup> dan ibu<sup>2</sup>, suntekan untuk menchegeh penyakit<sup>2</sup>, pelajaran kesihatan dan ranchangan makanan dan juga langkah<sup>2</sup> untuk memperbaiki kesihatan kawasan.

275. Di-Sabah dan Sarawak, Ranchangan Meninggikan Kesihatan di-Luar Bandar telah pun di-perluaskan selaras dengan dasar memperhebatkan lagi langkah<sup>2</sup> menchegeh penyakit<sup>2</sup> di-kawasan luar bandar melalui ranchangan<sup>2</sup> yang serupa dengan yang di-jalankan di-Malaysia Barat.

276. Sambutan daripada ra'ayat ada-lah menggalakkan sa-bagaimana yang ternyata dengan tambahan bilangan ibu<sup>2</sup> yang bersalin dengan pertolongan bidan<sup>2</sup> yang terlatelye daripada sa-ramai 48,083 orang dalam tahun 1960 kepada sa-ramai 68,105 orang dalam tahun 1966. Bagitu juga bilangan orang yang menggunakan kemudahan<sup>2</sup> kesihatan dan perubatan dalam rumah<sup>2</sup> sakit dan pusat<sup>2</sup> kesihatan yang telah bertambah dari 2,249,816 orang bagi tahun 1963 kepada 2,432,261 orang dalam tahun 1966.



### KESIHATAN SEKOLAH

277. Kesihatan murid<sup>2</sup> sekolah ada-lah suatu perkara yang sangat mustahak dan satu Jawatan Kesihatan Sekolah bersama telah di-tubuhkan dalam tahun 1967 dengan Kementerian Pelajaran untuk mengkaji rancangan kesihatan sekolah yang ada dalam negeri ini dari semua segi seperti mencegah penyakit dan kemalangan, layanan perubatan dan perkhidmatan selanjut-nya, pelajaran kesihatan dan kebersihan kawasan bagi kanak<sup>2</sup> sekolah. Jawatan-kuasa ini akan mengkaji perojek<sup>2</sup> yang telah di-laksanakan sa-takat ini untuk membaiki taraf makanan kanak<sup>2</sup>. Kerja<sup>2</sup> berbagai badan<sup>2</sup> seperti Kesatuan<sup>2</sup> Perubatan, Kemasyarakatan dan Kebajikan yang berkaitan dengan usaha<sup>2</sup> untuk meninggikan taraf kesihatan kanak<sup>2</sup> sekolah, akan juga di-satukan. Pada akhir-nya, ada-lah di-jangkakan satu perkhidmatan kesihatan sekolah yang berkesan akan tertuboh.

### PELAJARAN KESIHATAN

278. Rancangan pelajaran kesihatan sedang berjalan dengan baik-nya bukan sahaja melalui saluran<sup>2</sup> yang di-i'tiraf, tetapi juga melalui kursus<sup>2</sup> dan seminar<sup>2</sup> yang bertujuan menyesuaikan semua kakitangan perubatan dan kesihatan dengan gerakan<sup>2</sup> pelajaran kesihatan dalam tugas<sup>2</sup> mereka hari<sup>2</sup>. Sa-telah di-dapati banyak lagi pegawai<sup>2</sup> penyelia bagi pelajaran kesihatan, rancangan ini akan di-perbesarkan terutama-nya di-kalangan ra'ayat luar bandar. Pelajaran kesihatan dalam Rancangan Membasmi Malaria ada-lah di-utamakan supaya ra'ayat akan bersedia menerima rancangan ini dan mengetahui peranan mereka dalam rancangan ini.

### MALARIA

279. Malaysia Barat telah melangkah ka-rancangan menghapuskan malaria seluruh Negara pada hujung tahun 1967. Rancangan ini telah di-rancangan untuk meliputi tempoh sa-kurang<sup>2</sup>-nya 10 tahun dengan perbelanjaan di-anggarkan lebeh kurang \$85 juta. Dalam melaksanakan rancangan ini, ada-lah di-chadangkan bahawa kakitangan<sup>2</sup> perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan mengawal malaria yang ada sekarang akan di-gunakan dengan tujuan menyatukan rancangan menghapuskan malaria dengan perkhidmatan kesihatan dari mula-nya, supaya kakitangan yang terlatah dan sesuai akan di-dapati di-semua peringkat rancangan ini. Wang yang di-untukkan kapada kerja<sup>2</sup> mengawal malaria akan di-gunakan bersama<sup>2</sup> dengan wang yang di-untukkan kapada kerja<sup>2</sup> menghapuskan malaria dan dengan beransor<sup>2</sup> akan di-gunakan semua-nya kapada rancangan menghapuskan malaria sa-telah rancangan ini di-perhebatkan. Bantuan daripada beberapa jabatan<sup>2</sup> Kerajaan serta kerjasama dari pehak ra'ayat sangat-lah di-perlukan untuk menjayakan rancangan ini.

280. Kawasan permulaan gerakan ini ia-lah di-negeri<sup>2</sup> sa-belah utara Malaysia Barat dan kerja<sup>2</sup> persediaan telah pun di-mulakan di-Perlis, di-Daerah<sup>2</sup> Kubang Pasu dan Langkawi dalam Negeri Kedah dan di-Pulau Pinang, meliputi sa-ramai 400,000 orang penduduk. Tempat<sup>2</sup> ini akan mendapat layanan semboran ubat yang sempurna dan chukup dalam tahun ini, dan sa-telah itu satu lagi kawasan tertentu akan di-masokkan ka-peringkat persediaan. Proses ini akan berjalan

dengan beransor<sup>2</sup> hingga semua kawasan di-Malaysia Barat selesai di-beri layanan. Ada-lah di-jangka apabila tiba tahun 1978 peringkat menghapuskan akan terchapai dan malaria akan di-chegah daripada menjadi lagi.

281. Di-Sarawak, sa-telah tamat-nya konfrantasi, gerakan<sup>2</sup> membasmi telah pun di-perhebatkan di-seluruh kawasan sempadan antara Sarawak dengan Kalimantan Indonesia dan menjadikan penyakit malaria di-kawasan ini banyak berkurangan. Dalam tahun 1968 ada-lah di-chadangkan beberapa kawasan lagi akan mendapat semboran ubat, terutama-nya di-kawasan sempadan, supaya usaha<sup>2</sup> membasmi penyakit itu dapat di-lakukan dengan segera. Kerja<sup>2</sup> membasmi malaria di-Sarawak dalam tahun 1968 di-jangka akan menelan belanja sa-banyak \$810,000.

#### PENYAKIT TIBI

282. Rancangan Kawalan Tibi Negara yang telah di-lancharkan dalam tahun 1961 untuk menghapuskan tibi sa-bagai satu masaelah kesihatan umum sekarang sedang berjalan dengan sa-penoh-nya dan kemajuan<sup>2</sup> tertentu terus di-chapai. Semenjak permulaan kempen ini seramai 1,500 kakitangan<sup>2</sup> perubatan dan kesihatan telah di-lateh di-dalam berbagai<sup>2</sup> rancangan mengawal itu. Hingga masa ini, lebeh dari 1.6 juta orang kanak<sup>2</sup> telah di-beri suntekan B.C.G. dan dari bilangan ini lebeh dari 600,000 orang ia-lah kanak<sup>2</sup> yang baharu di-lahirkan. Di-dalam gerakan mengesan penyakit ini 1.7 juta orang dewasa telah di-Xray, dan 70,000 orang daripada-nya ada-lah di-shakki mengidap penyakit tibi dan meng-hendaki peperiksaan yang lebeh lanjut. Di-antara mereka<sup>2</sup> yang datang apabila di-panggil balek kira<sup>2</sup> sa-suku tidak menyelesaikan peperiksaan penoh.

283. Di-Sarawak, projek mengawal tibi telah beraleh ka-kawasan luar bandar dari kawasan dalam bandar. Latehan kakitangan telah di-jalankan dalam tahun 1967 kerana chara<sup>2</sup> yang di-gunakan di-kawasan dalam bandar perlu di-sesuaikan dengan keadaan di-luar bandar.

#### PENYAKIT KUSTA

284. Dalam mengawal penyakit kusta, usaha<sup>2</sup> di-tumpukan kapada memberi peperiksaan dan rawatan awal kapada penyakit ini yang belum berjangkit dan dengan chara ini tiada ramai orang<sup>2</sup> yang mengidap penyakit ini di-masokkan ka-rumah sakit. Kelinik<sup>2</sup> kulit ada-lah sedang di-dirikan untuk memberi rawatan luar sa-lanjut-nya kapada orang<sup>2</sup> yang mengidap penyakit ini yang belum menjangkit. Untuk menchapai tujuan ini, 150 pegawai perubatan dan pegawai perubatan kesihatan telah pun di-beri latehan yang mendalam kerja<sup>2</sup> memereksa penyakit kusta. Apabila Rancangan Mengawal Kusta ini mula di-jalankan dengan berkesan, jumlah bilangan orang<sup>2</sup> sakit akan beransor kurang dari sa-tahun ka-sa-tahun dan dengan ini dapat-lah mengurangkan perbelanjaan. Dalam pada itu juga, orang<sup>2</sup> sakit ini tidak akan menjadi mangsa kebencian masyarakat saperti terkena kapada orang<sup>2</sup> yang mengidap penyakit itu yang telah di-masokkan ka-rumah sakit.

#### LAIN<sup>2</sup> PENYAKIT YANG BERJANGKIT

285. Kawalan penyakit untut di-Negeri<sup>2</sup> Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang dan Johor sedang berjalan dengan memuaskan. Tujoh pasokan sedang bertugas

di-negeri<sup>2</sup> ini. Kerjasama dari penduduk<sup>2</sup>, terutama sa-kali mengambil rawatan dengan sa-penoh-nya, ada-lah mustahak jika penyakit ini hendak di-kurangkan lagi.

286. Penyakit puru telah dapat di-hapuskan daripada hampir<sup>2</sup> semua negeri dan sekarang chuma di-dapati di-kawasan<sup>2</sup> sempadan di-mana penyakit ini kadang<sup>2</sup> berlaku.

287. Penyakit kepala sudah berkurangan semenjak tahun 1965 apabila 15.10 sahaja di-dapati mengidap penyakit itu pada tiap<sup>2</sup> 100,000 orang penduduk. Dalam tahun 1966 di-dapati 11.4 dari tiap<sup>2</sup> 100,000 orang penduduk. Dengan berjalan-nya kerja<sup>2</sup> menchegeh di-semua kawasan, terutama-nya di-kawasan yang telah terkena banjir, maka penyakit ini telah kurang. Sa-jumlah besar daripada penyakit ini maseh lagi di-dapati di-kawasan luar bandar di-mana tiada menchukopi bekalan ayer yang selamat.

288. Penyakit kerongkong telah kurang dari 18.4 tiap<sup>2</sup> 100,000 orang penduduk dalam tahun 1965 kapada 11.7 tiap<sup>2</sup> 100,000 orang penduduk dalam tahun 1966. Ini ada-lah di-sebabkan oleh gerakan menchegeh yang di-jalankan dengan menggunakan "triple antigen" kapada semua kanak<sup>2</sup> yang menghadziri kelinik<sup>2</sup> dan pusat<sup>2</sup> kesihatan.

289. Penyakit lumpoh tiada-lah menjadi satu masaaalah kesihatan umum dalam negeri ini. Daripada 4.97 bagi tiap<sup>2</sup> 100,000 orang penduduk yang mengidap penyakit ini dalam tahun 1965 angka itu telah pun turun kapada 1.2 bagi tiap<sup>2</sup> 100,000 orang penduduk dalam tahun 1966.

290. Tiada kejadian penyakit chachar yang di-laporkan dalam tahun 1967. Tiap<sup>2</sup> kanak<sup>2</sup> di-wajibkan di-suntek dengan ubat melawan penyakit ini. Bilangan kanak<sup>2</sup> yang biasa-nya di-suntek ada-lah kira<sup>2</sup> 80% dan angka ini ada-lah memuaskan. Kemasokan penyakit ini ka-Malaysia telah di-chegeh melalui kawalan ketat di-semua tempat<sup>2</sup> masok ka-negeri ini. Orang<sup>2</sup> dari luar negeri yang datang ka-Malaysia di-perlukan ada sijil suntekan.

#### PERKHIDMATAN RUMAH SAKIT

291. Kemudahan<sup>2</sup> rawatan orang<sup>2</sup> sakit terus menerus bertambah baik dengan selesai-nya beberapa perojek membaiki dan meluaskan kemudahan<sup>2</sup> yang ada. Tambahan pula, ranchangan<sup>2</sup> membena rumah<sup>2</sup> sakit yang baharu telah di-jalankan mengikut bagaimana yang telah di-ranchangkan. Rumah Sakit Latehan di-Petaling Jaya sekarang memberi perkhidmatan kapada orang ramai serta mengadakan latehan kapada penuntut<sup>2</sup> perubatan. Di-Rumah Sakit Umum, Kuala Lumpur, Jabatan Radiotherapy yang baharu dengan wad-nya sendiri sa-banyak 100 buah katil akan di-siapkan, sementara "North Ward Block" yang mempunyai 516 buah katil akan siap tidak berapa lama lagi. Kerja<sup>2</sup> dalam perengkat sa-lanjut-nya ada-lah berjalan mengikut ranchangan. Rumah Sakit Umum baharu di-Seremban di-jangka akan siap sa-belum akhir tahun ini. Pembenaan rumah sakit luar bandar di-Changkat Melintang telah tergendala tetapi di-jangka akan di-siapkan sa-belum akhir tahun ini. Semua perkembangan ini akan mengurangkan keadaan penoh sesak yang di-dapati sekarang dalam rumah<sup>2</sup> sakit yang ada.

292. Neuro-Surgical Unit di-Kuala Lumpur akan di-besarkan lagi apabila wang di-dapati daripada Yayasan Neuro-Surgical Malaysia yang berchadang hendak mengeluarkan sa-bahagian daripada belanja membesarkan pusat ini yang di-anggarkan sa-banyak \$7 juta.

#### SABAH DAN SARAWAK

293. Di-Sabah, ranchangan pembangunan ada-lah berjalan dengan memuaskan. Dua pusat pergigian bagi Unit<sup>2</sup> Kawasan Kesihatan di-Kudat dan di-Keningau akan di-bena tidak berapa lama lagi. Pusat Kesihatan Daerah bagi Kudat, Beaufort dan Tenam dan 20 buah pusat<sup>2</sup> kecil bagi kumpulan<sup>2</sup> kampung dan dispensari luar bandar di-ranchang untuk di-bena dalam tahun ini. Kemajuan dalam pembenaan rumah<sup>2</sup> sakit kecil baharu di-Semporna ada-lah memuaskan dan kerja<sup>2</sup> di-jangka siap dalam tahun ini. Pembenaan rumah sakit di-Ranau dengan rumah<sup>2</sup> kediaman yang bermula tahun lalu bagi membolehkan pegawai<sup>2</sup> perubatan dan kakitangan<sup>2</sup> pembantu di-hantar dahulu sambil menunggu siap-nya kerja mendirikan rumah sakit itu, sedang berjalan seperti di-ranchangkan dan pembenaan rumah sakit yang sa-betul-nya, akan bermula tahun ini. Tambahan<sup>2</sup> kepada rumah<sup>2</sup> sakit umum, wad<sup>2</sup>, asrama<sup>2</sup> jururawat, setor pusat perubatan dan peruntukan wang untuk membeli ambulan<sup>2</sup>, dispensari<sup>2</sup> berkereta dan motorbot<sup>2</sup> bagi kerja<sup>2</sup> kesihatan luar bandar ada-lah perprojek<sup>2</sup> yang akan di-laksanakan.

294. Di-Sarawak, sa-jumlah 15 buah pusat kesihatan kecil sedang di-bena. Klinik pergigian yang baharu telah di-buka di-Sibu dalam tahun 1967. Rumah<sup>2</sup> sakit baru di-Lundu dan Marudi telah pun memberi perkhidmatan. Sa-buah rumah sakit baharu di-Lawas sedang di-bena. Peruntukan sa-banyak \$6,884,684 telah di-adakan bagi tahun 1968 untuk menyiapkan perengkat pertama Rumah Sakit Umum baharu, Sarawak. Perprojek<sup>2</sup> lain seperti dispensari tetap, dispensari berkereta dan membesarkan wad bahagian bersalin di-Sibu ada-lah sa-bahagian daripada perprojek<sup>2</sup> yang akan di-jalankan.

#### KEDUDOKAN KAKITANGAN

295. Kedudukan doktor<sup>2</sup> telah menjadi baik baru<sup>2</sup> ini dengan banyak-nya bilangan doktor<sup>2</sup> tempatan yang telah masuk berkhidmat dengan Kerajaan. Semua jawatan<sup>2</sup> dalam perjawatan Kementerian sekarang telah di-penuhi. Akan tetapi doktor<sup>2</sup> gigi dan ahli<sup>2</sup> kimia ubat masih lagi berkurangan bukan sahaja yang di-perlukan untuk berkhidmat dengan Kerajaan tetapi juga di-bidang perniagaan sendiri. Untuk mengatasi kekurangan<sup>2</sup> ini langkah<sup>2</sup> akan di-ambil bagi menambah penuntut<sup>2</sup> yang di-masokkan ka-Universiti Singapura dan memenuhi semua tempat<sup>2</sup> di-universiti<sup>2</sup> luar negeri yang di-dapati di-bawah Ranchangan Colombo. Kementerian Kesihatan akan juga mengambil langkah meminda Undang<sup>2</sup> Pendaftaran Doktor<sup>2</sup> Gigi bagaimana yang telah di-perbuat kepada Undang<sup>2</sup> Pendaftaran Perubatan untuk membolehkan pendaftaran warganegara Malaysia yang beroleh kelayakan dari luar negeri sa-lepas memenohi syarat<sup>2</sup> tertentu.

296. Sa-lain daripada itu, Kerajaan sedang menimbangkan chadangan menubuhkan Fakulti Pergigian di-Universiti Malaya supaya ada satu puncha yang tetap untuk mengeluarkan doktor<sup>2</sup> gigi di-Malaysia. Kerajaan sedang juga berikhtiar

mengadakan satu Sekolah Kimia Ubat di-Universiti Malaya supaya dapat memenohi keperluan ahli<sup>2</sup> kimia ubat yang berkelayakan.

#### LATEHAN

297. Latehan bagi semua lapisan kakitangan telah di-jalankan dengan giat dan lancar-nya. Bilangan biasiswa Kerajaan dan dermasiswa untuk penuntut<sup>2</sup> ia-lah 290 bagi perubatan, 15 bagi pergigian dan 8 bagi kimia ubat. Sa-bagai tambahan, sa-ramai 40 orang doktor, 4 orang doktor gigi dan sa-orang ahli kimia ubat telah di-hantar keluar negeri dalam tahun 1967 dengan biasiswa<sup>2</sup> Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia dan Kerajaan negeri<sup>2</sup> luar.

298. Latehan bagi kakitangan sa-paroh perubatan ada-lah bertambah baik, dan dalam tahun 1967 satu ranchangan latehan untuk 41 pembantu ma'amal muda telah di-jalankan.

299. Untuk mengatasi kekurangan jururawat bagi rawatan sakit otak, chadangan<sup>2</sup> sedang di-timbangkan untuk melateh banyak lagi jururawat<sup>2</sup> ini di-United Kingdom.

300. Latehan "post graduate" bagi mendapatkan kelayakan yang lebeh tinggi untuk doktor<sup>2</sup> dan pakar<sup>2</sup> pergigian ada-lah juga memuaskan sunggoh pun sambutan untuk mendapat kelayakan khas bagi ilmu pathology dan ilmu penyakit otak maseh lagi kurang. Latehan kakitangan<sup>2</sup> pembantu untuk di-tempatkan di-bahagian<sup>2</sup> khas di-semua pusat<sup>2</sup> sedang di-jalankan. Sa-jumlah 30 kakitangan sa-paroh perubatan telah di-hantar keluar negeri dalam tahun 1967 dengan pertolongan dari Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia dan lain<sup>2</sup>.

301. Kursus<sup>2</sup> dalam negeri telah di-kelolakan dalam tahun 1967 untuk meliputi perkara<sup>2</sup> khas saperti kusta, kesihatan luar bandar, pentadbiran jururawat, pembasmian malaria, pelajaran kesihatan dan ranchangan keluarga untuk doktor<sup>2</sup> dan kakitangan<sup>2</sup> sa-paroh perubatan. Dengan kakitangan<sup>2</sup> yang lebeh terlatah ini, kecekapan perkhidmatan akan bertambah lagi.

302. Di-Sarawak dalam tahun 1967 pengiktirafan penoh telah di-beri oleh Majlis Jururawat 'Am England dan Wales kapada Sekolah Latehan Jururawat Kuching. Di-masa yang lampau pelateh jururawat terpaksa di-hantar ka-luar negeri untuk mendapatkan Sijil Jururawat Berdaftar Negeri, tetapi sekarang sijil ini boleh di-dapati di-Kuching.

#### PENYELIDEKAN

303. Pusat Penyelidikan Perubatan sekarang sedang mengambil bahagian dengan chergas-nya bukan sahaja terhadap penyelidikan penyakit<sup>2</sup> teropika tempatan tetapi juga di-dalam pertubohan Sekretariat Kementerian Pelajaran Tenggara Asia. Di-Sekretariat ini, penyatuan yang luas bagi gerakan<sup>2</sup> penyelidikan dalam perubatan teropika sedang di-ator dengan negeri<sup>2</sup> saperti Indonesia, Negeri Thai, Filipina, Vietnam, Laos dan Singapura.

304. Kemajuan telah di-perluaskan lagi dalam tahun 1967 dalam perkara bahagian penyelidikan dan ahli<sup>2</sup> sains dan Pusat Penyelidikan ini dengan beransor<sup>2</sup> mendapat balek kedudukan-nya. Penyelidikan akan di-teruskan dalam perkara penyakit malaria, untut, penyakit chaching dan penyakit<sup>2</sup>

jantung, paru<sup>2</sup> dan mulut. Satu penyelidekan penting sedang di-ranchangkan untuk mengkaji dengan teliti-nya kedudukan kesihatan ra'ayat luar bandar dengan bantuan dari puncha<sup>2</sup> tertentu. Sa-lain daripada penyelidekan, Pusat Penyelidekan Perubatan ada juga ranchangan latehan untuk pembantu ma'amal muda.

#### TABONG DARAH

305. Tabong Darah dan Perkhidmatan Pemberian Darah seluroh Negara sedang di-susun sa-mula. Satu Majlis Kebangsaan telah pun di-tubuhkan untuk menyusun sa-mula dan menyatukan gerakan<sup>2</sup> persatuan<sup>2</sup> sukarela di-perengkat Negeri dan Daerah bagi meninggikan mutu dan meluaskan lagi perkhidmatan tersebut.

#### PERGIGIAN

306. Ranchangan<sup>2</sup> ada-lah di-buat untuk membena kelinik<sup>2</sup> pergigian yang baharu di-Melaka, Kulim, Kuala Trengganu dan Kuala Lumpur. Di-tiap<sup>2</sup> pusat kesihatan yang akan siap dalam tahun 1968, perkhidmatan pergigian akan di-adakan. Sekolah Latehan Jururawat Pergigian di-Pulau Pinang mengadakan latehan bukan sahaja untuk chalun<sup>2</sup> dari Malaysia Barat, Sarawak dan Sabah, tetapi juga chalun<sup>2</sup> dari negara<sup>2</sup> sahabat jauh dan dekat. Di-akhir tahun 1967 ada sa-ramai 103 orang pelateh jururawat pergigian—67 orang dari Malaysia Barat, 23 dari Sarawak, 4 dari Sabah, 5 dari Nigeria, 2 dari Hongkong dan 2 dari Vietnam Selatan.

307. Di-Sarawak, satu pusat pergigian di-Sibu telah di-buka dalam tahun 1967. Sa-lain daripada 21 kelinik pergigian yang ada sekarang di-sekolah<sup>2</sup> rendah Sarawak, 19 buah lagi kelinik pergigian akan di-buka dalam tahun 1968.

308. Sa-telah pelancharan "Gerakan Mesra" perhubungan antara kakitangan<sup>2</sup> dengan orang ramai telah bertambah baik lagi.

---

#### KEMENTERIAN LUAR NEGERI

309. Dengan sebab lawatan Perdana Menteri Malaysia, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra ka-Indonesia pada 4hb hingga 8hb Mach, 1968, kedua<sup>2</sup> negara itu bersetuju menandatangani satu Perjanjian Persahabatan baharu yang sesuai dengan keadaan suasana pada masa ini dan kemesraan perhubungan antara kedua<sup>2</sup> buah negara itu. Sesuai dengan semangat bersahabat dan bersaudara antara dua buah negara itu, Malaysia dan Indonesia telah bersetuju menchari penyelesaian sa-chara damai melalui perundingan<sup>2</sup> jika timbul perselisihan antara dua negara itu.

310. Malaysia dan Indonesia telah bersetuju hendak bekerjasama dengan lebih rapat lagi terutama sa-kali dalam usaha<sup>2</sup> "menstabilkan" harga<sup>2</sup> bahan mentah yang menjadi sumber hasil yang penting bagi kedua<sup>2</sup> negara. Bagi menambah perdagangan antara kedua<sup>2</sup> negara, Indonesia dan Malaysia bersetuju hendak menubuhkan dengan lebih chepat lagi Surohanjaya Bersama yang di-tetapkan dalam Perjanjian Asas mengenai Hubungan Perdagangan dan Ekonomi bertarikh 11hb Mei, 1967.

311. Malaysia telah menyatakan maksud-nya hendak menambah wilayah perayeran-nya dari tiga batu laut menjadi 12 batu laut. Kedua<sup>2</sup> Kerajaan ber-setuju mengadakan perundingan peringkat pegawai dalam sedikit masa lagi mengenai wilayah perayeran negara masing<sup>2</sup>.

312. Perdana Menteri Malaysia telah menyampaikan undangan dari Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Yang Mulia Presiden Republik Indonesia untuk mengunjung Malaysia dan Yang Mulia Presiden itu menyatakan bahawa ia akan membuat lawatan itu kemudian kelak.

313. Pengundoran Tentera British dari Malaysia dan Singapura menimbulkan satu keadaan politik dan pertahanan yang baharu di-kawasan ini. Pada penghujung tahun 1971 semua tentera British—darat, laut dan udara—akan di-undorkan dari Malaysia dan Singapura. Oleh hal yang demikian, Perjanjian Pertahanan Britain-Malaysia, yang Australia dan New Zealand juga ada hubongannya, kena-lah di-semak sa-mula supaya sesuai dengan keadaan yang berubah. Bagi menghadapi keadaan baharu ini, Kerajaan Malaysia telah, antara lain<sup>2</sup>, meminta di-adakan satu rundingan pertahanan lima negara dengan Kerajaan British, Australia, New Zealand dan Singapura pada penghujung bulan Mei, 1968.

314. Mengenai soal pertahanan bersama dengan Singapura, Kerajaan Malaysia telah menegaskan bahawa ia akan bekerjasama dengan rapat-nya dengan Kerajaan Singapura. Lawatan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri, ke-Singapura pada 4hb Mach ada-lah tanda yang nyata bahawa Kerajaan Malaysia benar<sup>2</sup> hendak bekerjasama dengan rapat-nya.

315. Pertubuhan Negara<sup>2</sup> Asia Tenggara atau ASEAN telah di-lancarkan dengan resmi-nya pada 8hb Ogos, 1967, sa-telah selesai sahaja Persidangan Menteri<sup>2</sup> Luar di-Bangkok yang di-adakan dari 5hb hingga 8hb Ogos, 1967. Negeri<sup>2</sup> yang di-wakili di-Persidangan itu ia-lah Indonesia, Filipina, Thailand, Singapura dan Malaysia. Tujuan ASEAN ia-lah hendak mengadakan kerjasama kawasan yang lebih luas lagi dalam bidang ekonomi, sosial, kebudayaan, teknik, sains dan pentadbiran di-kalangan negara<sup>2</sup> anggota.

316. Bagi melaksanakan tujuan<sup>2</sup> dan objektif<sup>2</sup> ASEAN, satu jawatan-kuasa tetap telah di-tubuhkan. Jawatan-kuasa tetap ASEAN itu, pada masa ini, bertempat di-Djakarta dan ahli<sup>2</sup>-nya ia-lah Menteri Luar Indonesia sa-bagai pengerusi dan Ketua<sup>2</sup> Perwakilan negara<sup>2</sup> anggota.

317. Meshuarat pertama jawatan-kuasa tersebut telah di-adakan pada 16hb September, 1967. Hanya perkara<sup>2</sup> yang mengenai atoran meshuarat telah di-bincangkan. Dalam meshuarat kedua yang telah di-adakan pada 25hb Januari, 1968 keputusan telah di-ambil oleh jawatan-kuasa bahawa, untuk permulaan, ASEAN patut mengutamakan usaha<sup>2</sup> ka-arrah pelaksanaan projek<sup>2</sup> yang senang di-laksanakan, tidak memerlukan perbelanjaan yang banyak dan chepat memberi hasil.

318. Meshuarat ketiga jawatan-kuasa tetap telah di-adakan pada 23hb Februari, 1968, khas-nya untuk mengkaji shor<sup>2</sup> yang telah di-buat oleh Meshuarat Ketua<sup>2</sup> Sekretariat Nasional ASEAN yang telah di-adakan di-Djakarta pada 20hb dan 21hb Februari tahun ini. Meshuarat Ketua<sup>2</sup> Sekretariat

Nasional ASEAN itu telah di-adakan untuk membincangkan projek<sup>2</sup> yang hendak di-laksanakan, baik sa-bagai rancangan serta-merta atau pun sa-bagai rangka panjang.

319. Berdasarkan atas shor<sup>2</sup> yang telah di-buat oleh Sekretariat Nasional ASEAN maka jawatan-kuasa tetap ASEAN, dalam meshuarat-nya yang ketiga, bersetuju bekerjasama dengan segera-nya dalam perkara mengeluarkan makanan, menggalakkan pelanchongan dan perkara talikom dan pengangkutan.

320. Dalam tempoh yang di-kaji ini, enam orang Ketua Negara/Perdana Menteri telah melawat Malaysia. Dua orang lagi Ketua Negara dan sa-orang Perdana Menteri di-jangka melawat Malaysia pada masa yang tidak lama lagi. Lawatan<sup>2</sup> Ketua<sup>2</sup> Negara dan Perdana<sup>2</sup> Menteri ka-Malaysia ini sudah tentu menguatkan lagi tali persahabatan antara Malaysia dengan negara<sup>2</sup> yang berkenaan. Lawatan<sup>2</sup> itu akan juga meluaskan lagi bidang bekerjasama antara Malaysia dengan negara<sup>2</sup> itu terutama dalam hal memajukan perdagangan dan ekonomi. Nama dan kedudukan Malaysia di-perengkat antarabangsa telah bertambah baik oleh kerana lawatan<sup>2</sup> tersebut.

321. Sesuai dengan dasar-nya hendak mengeratkan lagi tali persahabatan dengan negara<sup>2</sup> lain untuk faedah bersama terutama dalam hal<sup>2</sup> perdagangan, Malaysia telah mengadakan perhubungan diplomatik dengan Russia dan Yugoslavia dan menaikkan taraf wakil diplomatik-nya di-Kanada, ia-itu menjadi Pesuruhjaya Tinggi yang bertempat di-Ottawa. Di-Djakarta, sa-buah Jabatan Kedutaan telah di-buka pada bulan Ogos, 1967 dan pada masa itu juga sa-buah Pejabat Konsol telah di-buka di-Medan. Sa-buah Pejabat Konsol telah di-buka di-Vienna pada awal tahun ini. Duta Malaysia di-Negeri Belanda akan juga di-beri tauliah untuk berkhidmat di-"European Economic Community" di-Belgium untuk mengkaji kemungkinan<sup>2</sup> menambah perdagangan dengan "Community" tersebut.

322. Malaysia telah menawarkan kemudahan<sup>2</sup> dalam urusan konsulat kepada dua buah lagi negara<sup>2</sup> Komenwel ia-itu Zambia dan Guyana. Negara<sup>2</sup> itu pula telah bersetuju menjalankan tugas<sup>2</sup> konsulat bagi Malaysia kerana Malaysia belum lagi mengadakan perwakilan dengan negara<sup>2</sup> itu.

323. Tiga orang Konsul Kehormat Malaysia telah di-lantek ia-itu sa-orang di-Helsinki, sa-orang di-Copenhagen dan sa-orang di-San Francisco.

324. Malaysia sentiasa memberikan sokongan yang kuat kepada Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dalam usaha-nya hendak mengekalkan keamanan dan keselamatan antara bangsa dan menghapuskan sama sa-kali kekejaman penjajahan, faham perkauman dan kemiskinan yang maseh di-deritai oleh beberapa negeri di-dunia ini. Dalam peperangan Arab dengan Israel yang meletus pada bulan Jun 1967, Malaysia telah mengecham perbuatan Israel mencheroboh Arab dan telah memberi sokongan penuh kepada Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dalam usaha-nya hendak menchari penyelesaian kepada sengketa itu dengan chara yang aman. Sementara itu, Malaysia menegaskan juga dasar-nya menyokong hak<sup>2</sup> mutlak orang<sup>2</sup> pelarian Palestine.

325. Berasaskan kepada dasar hendak bekerjasama untuk faedah bersama, Malaysia dan India telah bersetuju hendak mengadakan meshuarat perengkat



pegawai pada tiap<sup>2</sup> tahun yang akan di-adakan bergilir<sup>2</sup> di-Kuala Lumpur dan di-New Delhi. Meshuarat tersebut akan membincangkan segala aspek perhubungan dan kerjasama antara Malaysia dengan India.

326. Perhubungan Malaysia dengan Jepun telah bertambah erat lagi sa-telah Perjanjian Hutang Darah di-tandatangani pada 21hb September, 1967. Perjanjian tersebut ia-lah sa-benar-nya satu tanda perasaan mesra dan muhibbah Kerajaan Jepun kepada Malaysia.

327. Pada 1hb September, 1967, Perjanjian Menchegeh Penyeludupan telah di-tandatangani dengan Filipina dan telah berjalan kuatkuasa-nya pada 1hb Disember, 1967. Sejak itu dengan kerjasama Kerajaan Malaysia, Kerajaan Filipina telah berjaya mengurangkan penyeludupan.

## KEMENTERIAN PELAJARAN

### 'AM

328. Jumlah murid<sup>2</sup> yang bersekolah di-seluruh Malaysia sa-makin bertambah. Di-Malaysia Barat, angka itu telah meningkat kepada 1,369,000 bagi sekolah<sup>2</sup> rendah dan 478,000 bagi sekolah menengah. Di-Malaysia Timor pula, jumlah murid<sup>2</sup> yang bersekolah ia-lah 314,100 orang, ia-itu bertambah sa-banyak 17,600 orang. Berkenaan dengan perbelanjaan pula, peruntukan biasa untuk Kementerian Pelajaran ada-lah yang terbesar sa-kali, ia-itu sa-banyak \$401 juta bagi tahun ini berbanding dengan \$385 juta bagi tahun 1967. Di-bawah rancangan pembangunan, usaha membena bilek<sup>2</sup> darjah baharu dan mengganti bangunan<sup>2</sup> sekolah dan bilek<sup>2</sup> darjah yang lama terus di-jalankan. Usaha<sup>2</sup> membena ma'amal sains, bilek sains rumah-tangga dan bengkel 'ilmu perusahaan ada-lah juga di-jalankan untuk menyempurnakan dasar Kerajaan hendak memberi pelajaran anika jurusan di-sekolah<sup>2</sup> menengah. Usaha ini memakan sa-bahagian besar daripada peruntukan pembangunan Kementerian Pelajaran.

329. Sungguh pun perbelanjaan bertambah, beberapa langkah jimat-chermat telah di-jalankan termasuk-lah meminda kadar bantuan kepada sekolah<sup>2</sup> dan yayasan<sup>2</sup> yang boleh mendapat bantuan dan juga melaksanakan formula perjawatan yang tegas mengenai perkara mengadakan jawatan<sup>2</sup> guru.

### SUROHANJAYA GAJI GURU<sup>2</sup>

330. Satu peristiwa penting pada tahun lepas ia-lah penubuhan Suruhanjaya Gaji Guru<sup>2</sup> bagi mengkaji dan membuat shor<sup>2</sup> berkenaan dengan gaji dan syarat<sup>2</sup> perkhidmatan guru<sup>2</sup> dalam dan di-luar perkhidmatan Kerajaan. Suruhanjaya ini yang di-pengerusikan oleh Tuan Hakim Dato' Abdul Aziz sedang lancar menjalankan tugas-nya dan ada-lah di-harap ia akan menyudahkan kerja<sup>2</sup>-nya dengan sa-berapa segera.

### LEMBAGA PEPEREKSAAN

331. Satu lagi perkembangan penting pada tahun lepas ia-lah menjalankan pepereksaan Lower Certificate of Education/Sijil Rendah Pelajaran (LCE/SRP) dalam bentuk objektif, ia-itu pemereksaan yang menggunakan komputer.

Dengan chara ini, bukan sahaja wang bayaran kepada pemeriksa<sup>2</sup> telah di-jimatkan tetapi masa'elah menchari pemeriksa<sup>2</sup> yang berkelayakan telah di-atasi Satu lagi perkembangan baharu ia-lah pepereksaan penilaian dalam bentok objektif juga telah di-jalankan dengan jaya-nya dalam semua bahasa pengantar di-sekolah<sup>2</sup> rendah di-Malaysia Barat. Ranchangan sedang di-jalankan bagi mengadakan, pada pertama kali-nya, Pepereksaan Sijil Pelajaran Vokeshenal Malaysia dalam tahun 1969 bagi murid<sup>2</sup> yang mendapat pangkat A atau B dalam pepereksaan LCE/SRP.

#### PELAJARAN KHAS

332. Dalam bidang pelajaran khas, lagi tiga buah kelas perchantuman bagi kanak<sup>2</sup> buta di-sekolah<sup>2</sup> menengah telah di-buka pada tahun 1967. Kod beril rengkas Melayu untuk pelajaran orang<sup>2</sup> buta telah di-selesaikan dan di-bahagi<sup>2</sup>-kan kepada semua kelas<sup>2</sup> perchantuman murid<sup>2</sup> buta dan yayasan khas bagi orang<sup>2</sup> buta termasuk Persatuan Untuk Orang<sup>2</sup> Buta Tanah Melayu.

#### GURU<sup>2</sup> SISWAZAH

333. Guru<sup>2</sup> Siswazah maseh lagi kurang terutama-nya bagi 4 mata pelajaran ia-itu Fizik, Kimia, Kaji Hayat dan 'Ilmu Hisab. Satu chara jangka panjang untuk mengatasi kekurangan ini ia-lah dengan mengeluarkan lebeh banyak lagi biasiswa dan dermasiswa pelajaran. Bagi tahun akademik 1967/68, sa-ramai 2,734 pelajar telah di-hadiahkan dengan biasiswa dan dermasiswa untuk mengikuti berbagai<sup>2</sup> kursus di-Universiti Malaya. Sa-lain dari itu, 21 Biasiswa Perguruan telah di-hadiahkan dalam tahun 1967 kepada pelajar<sup>2</sup> bagi mengikuti kursus<sup>2</sup> di-seberang laut yang tiada di-ajar di-Universiti Malaya. Sa-banyak 46 biasiswa pula telah di-hadiahkan oleh Australia, New Zealand dan Canada di-bawah Ranchangan Colombo untuk tahun 1967.

#### LATEHAN GURU

334. Kesemua 29 buah Pusat Latehan Daerah telah di-tutup pada hujung tahun 1967 dan penuntut<sup>2</sup> Pusat itu telah di-pindahkan ka-Maktab Perguruan Menengah yang berasrama untuk menyambong kursus latehan mereka. Dalam tahun 1967, kursus latehan guru dalam masa chuti penggal sekolah telah di-mulakan bagi melateh 76 orang guru ra'ayat, 83 orang guru Tamil dan 869 orang guru ugama yang tidak terlatah. Dari segi perkembangan latehan guru, ada-lah di-jangka Maktab Latehan Guru Pertukangan yang di-chadangkan di-Kuantan itu akan di-bena pada tahun 1968.

#### PELAJARAN TEKNIK

335. Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, perkara memperkembangkan pelajaran teknik dan vokeshenal ada-lah di-ambil berat supaya orang<sup>2</sup> berkelayakan yang di-kehendaki di-negeri ini dapat di-adakan. Pelajaran seni perusahaan, yang telah di-mulakan di-sekolah<sup>2</sup> menengah rendah dalam tahun 1965 sa-bagai sa-bahagian dari pelajaran anika jurusan, telah di-laksanakan dengan jaya-nya dan ada-lah di-harapkan bahawa ranchangan<sup>2</sup> pelajaran teknik dan vokeshenal sa-bagai sambongan kepada pelajaran seni perusahaan akan

juga berjaya. Tiga sekolah vokeshenal telah mula berjalan tahun ini. Banyak lagi perojek<sup>2</sup> pelajaran teknik dan vokeshenal yang hendak di-laksanakan dengan bantuan pinjaman Bank Dunia sedang di-timbangan dan ada-lah di-harapkan apabila rundingan<sup>2</sup> selesai nanti kesemua yang di-perlukan akan di-perolehi.

#### JUMA'AH NADZIR PERSEKUTUAN

336. Tiga pejabat Bahagian Kechil Juma'ah Nadzir telah di-buka dalam tahun ini, ia-itu di-Alor Star, Taiping dan Raub. Untuk tahun 1968 pula, ada-lah di-ranchangkan hendak membuka banyak lagi pejabat<sup>2</sup> Bahagian Kechil dan menempatkan Nadzir<sup>2</sup> Sekolah dalam semua daerah di-negeri ini. Dengan ini dapat-lah mereka melawat lebih banyak lagi sekolah<sup>2</sup> dan mempunyai hubungan yang sa-rapat<sup>2</sup>-nya dengan guru<sup>2</sup> dan memperolehi pengetahuan yang sa-banyak<sup>2</sup>-nya mengenai keadaan<sup>2</sup> tempatan.

#### SECRETARIAT MENTERI<sup>2</sup> PELAJARAN TENGGARA ASIA

337. Malaysia ada-lah salah sa-buah anggota Secretariat ini yang telah di-tubuhkan pada hujung tahun 1965 dengan tujuan hendak meninggikan lagi mutu pelajaran di-Tenggara Asia. Ahli<sup>2</sup> yang lain ia-lah Singapura, Negeri Thai, Filipina, Laos, Vietnam dan Indonesia. Beberapa perojek telah pun di-lancarkan dan perojek yang di-tempatkan di-negeri ini ia-lah Pusat Kawasan bagi Pengajaran Sains dan 'Ilmu Hisab di-Pulau Pinang.

#### PENGAJARAN UGAMA ISLAM DI-SEKOLAH<sup>2</sup> RENDAH DAN MENENGAH

338. Majlis Raja<sup>2</sup> telah meluluskan Sukatan Pelajaran Ugama Islam baharu yang telah di-susun oleh Kementerian ini bagi sekolah rendah, menengah dan menengah khas bantuan penuh Kerajaan. Sukatan itu di-jalankan sa-chara beransor<sup>2</sup> mulai pada awal tahun 1968 dan akan berjalan dengan sa-lengkap-nya pada tahun 1970. Kursus pengajian tinggi tingkatan VI Kolej Islam Malaya, termasuk pengajian undang<sup>2</sup> Islam, theoloji Islam, bahasa dan kesusasteraan Arab, telah juga di-susun untuk di-laksanakan.

#### KOLEJ ISLAM

339. Kolej Islam Malaya di-Petaling Jaya telah terus berkembang maju dalam tahun 1967 sa-telah di-letakkan di-bawah Act Pelajaran, 1961. Ada-lah menjadi harapan Kerajaan Kolej Islam Malaya akan dapat menjadi pusat pengajian Islam yang terkenal di-Asia Tenggara. Dengan ada-nya pengajian di-peringkat tingkatan VI di-Kolej itu, penuntut<sup>2</sup> akan mempunyai asas yang kuat bagi memperolehi pelajaran tinggi di-peringkat universiti. Ini ada-lah sesuai dengan dasar Ugama Islam kerana pengajian Islam tidak-lah hanya terhad kepada hal<sup>2</sup> ehwal ugama sa-mata<sup>2</sup> bahkan meliputi pengajian akademik yang lain seperti sains, ekonomi dan sa-bagai-nya.

#### KOLEJ PERTANIAN SERDANG

340. Tahun 1967 ada-lah satu tahun yang chemerlang bagi Kolej Pertanian, terutama sa-kali dalam hal menambah bangunan<sup>2</sup> Kolej ini. Sa-banyak \$7.9 juta telah di-untukkan di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama bagi kerja

ini. Di-bawah ranchangan<sup>2</sup> pembangunan itu, tiga buah asrama telah di-siapkan dalam tahun itu, dan 550 ekar tanah telah di-beli bagi menambah ladang Kolej itu.

341. Kursus Diploma telah di-perluaskan untuk menambah mata<sup>2</sup> pelajarannya, ia-itu seperti asas sains kemasyarakatan, asas pelajaran pertanian dan perkembangan pertanian. Dengan tujuan supaya pemuda pemudi luar bandar yang berbakat dapat peluang masuk ka-Kolej ini, satu kursus pendahuluan bagi 40 penuntut<sup>2</sup> telah di-mulakan pada tahun 1967. Langkah ini telah menchapai kejayaan yang besar. Galakan ada-lah di-beri untuk menjalankan perojek<sup>2</sup> penyelidikan di-Kolej itu dan lebih banyak lagi pensharah<sup>2</sup> akan di-hantar ka-luar negeri untuk berlateh. Ada-lah chita<sup>2</sup> Kerajaan hendak mengadakan latehan yang sesuai bagi mengeluarkan siswazah<sup>2</sup> dengan sa-chukup-nya dan yang mempunyai darjat kebolehan yang tinggi supaya negara mempunyai satu kumpulan ahli teknik yang tekun dan usaha untuk menjalankan ranchangan<sup>2</sup> pertanian yang besar.

#### UNIVERSITI MALAYA

342. Tahun 1968/69 nampak-nya ada-lah masa memperkukuhkan Universiti Malaya bukan-nya membesarkan-nya. Sunggoh pun kursus<sup>2</sup> baharu akan di-adakan dalam fakulti<sup>2</sup>, tetapi tidak ada jabatan<sup>2</sup> baharu yang akan di-buka. Di-antara kursus<sup>2</sup> baharu itu termasuk-lah teknologi kimia yang di-jalankan oleh Jabatan Kimia dalam tahun ilmiah 1967/68. Sa-buah Sekolah Sains Kaji Hayat telah di-tubuhkan pada 1hb April, 1967, yang bertujuan hendak memberi latehan asas dalam berbagai<sup>2</sup> bidang 'ilmu sains yang pada masa ini sangat di-perlukan. Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran yang telah di-tubuhkan dalam tahun ilmiah 1966/67 dengan sa-tengah<sup>2</sup> kursus-nya di-jalankan dalam Bahasa Kebangsaan, akan mengeluarkan kumpulan siswazah yang pertama pada akhir tahun ilmiah 1968/69.

343. Kesemua bangunan<sup>2</sup> Pusat Perubatan Universiti Malaya, ia-itu bangunan fakulti dan asrama untuk penuntut<sup>2</sup> perubatan klinik, rumah<sup>2</sup> jururawat dan sekolah kejururawatan, pusat kandang haiwan, rumah sakit peringkat I dan II dengan jumlah 756 tempat tidur, telah siap pada bulan Disember 1967 sa-telah 3½ tahun lama-nya di-jalankan kerja membena-nya. Pelajar<sup>2</sup> yang mula<sup>2</sup> lulus akan menerima ijazah kedoktoran pada tahun 1969 dan perwakilan "General Medical Council" di-jangka akan membuat lawatan ka-fakulti tersebut pada bulan Disember 1968 bagi menimbangkan pengakuan digri M.B., B.S., negara ini.

#### PELAJARAN TINGGI

344. Satu lagi peristiwa penting dalam tahun lepas ia-lah selesai-nya tugas<sup>2</sup> Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi dan Penyata Jawatan-kuasa itu di-bentangkan di-Parlimen pada persidangan bulan November 1967. Kesemua shor<sup>2</sup> Jawatan-kuasa itu telah di-terima pada dasar-nya oleh Kerajaan dan akan di-laksanakan bila ada wang. Shor<sup>2</sup> yang akan di-beri keutamaan untuk di-laksanakan oleh Kerajaan ia-lah mendirikan sa-buah Universiti Kolej di-Pulau Pinang yang di-harapkan akan dapat menerima penuntut<sup>2</sup> yang mula<sup>2</sup> sekali dalam tahun 1970 dan menjadikan Maktab Teknik, Kuala Lumpur sa-bagai sa-buah Maktab Teknologi yang bertujuan hendak menambah ahli<sup>2</sup> teknik yang di-kehendaki oleh negara.

### DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

345. Dengan berjalan-nya Act Bahasa Kebangsaan, 1967 dari 1hb September, 1967, Dewan Bahasa dan Pustaka telah bersungguh<sup>2</sup> lagi menjalankan usaha hendak melengkapkan Bahasa Kebangsaan. Dalam tahun 1967, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan 178 buah buku<sup>2</sup> termasuk buku<sup>2</sup> untuk umum. Kamus Bahasa Kebangsaan telah pun di-hantar untuk di-terbitkan dan di-jangka akan siap pada akhir tahun hadapan. Usaha menyusun ensaikelopedia perintis, atlas kebangsaan dan ensaikelopedia sains berjalan dengan baik dalam tahun 1967. Dewan Bahasa dan Pustaka terus menjalankan kerja<sup>2</sup> penyelidikan dan mengumpulkan bahan<sup>2</sup> sastera lama dan baharu. Berikutan dengan keputusan Kerajaan hendak memakai ejaan baharu Malaysia/Indonesia, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjalankan kegiatan<sup>2</sup> supaya orang ramai faham akan ejaan itu, ia-itu seperti mengadakan cheramah<sup>2</sup>, forum<sup>2</sup> dan menyiarkan penerangan<sup>2</sup> dalam surat<sup>2</sup> khabar dan majallah Dewan itu sendiri serta melalui radio dan talivishen. Apabila orang ramai di-fikirkan sudah faham betul akan keadaan ejaan baharu itu, maka satu tarikh akan di-timbangkan untuk melaksanakan-nya.

### MALAYSIA TIMOR

346. Dengan bermula-nya pelajaran rendah perchuma di-Sabah dan Sarawak dari 1hb Januari, 1966 dan dengan kesedaran penduduk<sup>2</sup> luar bandar tentang penting-nya pelajaran, maka bilangan murid<sup>2</sup> di-negeri itu telah bertambah dengan pesat-nya. Bukti-nya ia-lah bilangan sekolah<sup>2</sup> rendah di-Sarawak telah bertambah sa-banyak 48 buah dalam tahun 1967 dan berkenaan dengan pelajaran menengah pula, apabila siap projek<sup>2</sup> sekolah menengah, ada-lah di-harap tiap<sup>2</sup> daerah di-Sarawak akan mempunyai sa-kurang<sup>2</sup>-nya sa-buah sekolah menengah. Di-Sabah pula, bilangan sekolah rendah dalam tahun ini ia-lah 652 buah berbanding dengan 623 buah pada tahun lepas. Bilangan sekolah<sup>2</sup> menengah pula telah bertambah sa-banyak 66 buah berbanding dengan 54 buah dalam tahun 1967. Bagi pertama kali-nya dalam sejarah pelajaran di-Negeri itu, pelajaran lanjutan telah di-mulakan di-lima buah pusat. Murid<sup>2</sup> yang mula<sup>2</sup> belajar dalam kelas<sup>2</sup> itu dalam tahun 1967 ia-lah 1,100 orang tetapi dalam tahun ini kelas<sup>2</sup> telah bertambah menjadi 80 buah di-bandar<sup>2</sup> besar di-Sabah dan jumlah murid<sup>2</sup>-nya lebeh dari 2,000 orang. Usaha<sup>2</sup> akan terus di-jalankan bagi menambah kemudahan<sup>2</sup> pelajaran di-kedua<sup>2</sup> buah Negeri itu.

### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

347. Tanggong-jawab yang terutama Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ia-lah menjalankan usaha<sup>2</sup> penyatuan tindakan<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup> yang di-tugaskan melaksanakan ranchangan<sup>2</sup> pembangunan di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia Pertama. Dalam tahun yang lalu, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah mengadakan beberapa briefing bulanan dan juga briefing khas kepada pegawai<sup>2</sup> Kementerian, Jabatan dan Pegawai<sup>2</sup> Kemajuan Negeri, mengenai perlaksanaan kemajuan<sup>2</sup> dan masaelah ranchangan<sup>2</sup> pembangunan negara dan luar bandar. Beberapa briefing yang sa-umpama itu telah juga di-adakan di-perengkat<sup>2</sup> negeri dan daerah dalam tahun yang lalu.

348. Briefing itu ada-lah sangat mustahak bagi faedah menyatukan tindakan<sup>2</sup> yang di-buat oleh Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup> yang berkenaan dan juga untuk menentukan masaelah<sup>2</sup> tertentu yang harus menghalang atau pun melambatkan pelaksanaan sa-suatu ranchangan pembangunan. Teknik yang di-gunakan untuk menyatukan kerja<sup>2</sup> ia-lah "Teknik Gerakan" sa-bagaimana yang terkandung di-dalam "Buku Merah". Teknik ini telah sangat memberi kesan di-dalam usaha<sup>2</sup> menchapai matlamat<sup>2</sup> pembangunan yang telah di-tentukan di-dalam Ranchangan Malaysia Pertama.

349. Sa-lain dari bertanggung-jawab menjalankan usaha<sup>2</sup> menyatukan tindakan<sup>2</sup> bagi melaksanakan ranchangan<sup>2</sup> pembangunan, Kementerian ini juga menyedia dan melaksanakan ranchangan<sup>2</sup> Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Masharakat melalui jentera<sup>2</sup> pembangunan yang telah sedia tersusun di-perengkat<sup>2</sup> negeri dan daerah. Kemajuan<sup>2</sup> dan kejayaan<sup>2</sup> yang telah di-chapai pada tahun yang lalu dan ranchangan<sup>2</sup> yang akan di-jalankan dalam tahun ini di-dalam lapangan ini, ada-lah di-laporkan di-dalam perenggan<sup>2</sup> yang berikut di-bawah ini dalam bahagian Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Masharakat. Satu lagi tugas yang besar bagi Kementerian ini ia-lah melaksanakan ranchangan<sup>2</sup> kechil pembangunan di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar dan juga menjalankan pembenaan rumah<sup>2</sup> 'ibadat di-merata pelusok Malaysia dengan kerjasama Kerajaan<sup>2</sup> Negeri yang berkenaan.

350. Dalam tahun 1966, Kementerian ini telah membelanjakan \$3,480,453 untuk ranchangan<sup>2</sup> kechil seperti jalan<sup>2</sup> kampung, jambatan<sup>2</sup>, balai raya, perigi, bekalan ayer, padang<sup>2</sup> permainan dan lain<sup>2</sup> ranchangan yang sangat<sup>2</sup> utama di-kehendaki oleh penduduk<sup>2</sup> luar bandar bagi kemudahan<sup>2</sup> mereka. Dalam tahun 1967, Kementerian ini telah membelanjakan wang sa-banyak \$15,561,464 untuk membena dan membaiki masjid<sup>2</sup>, surau<sup>2</sup>, sekolah<sup>2</sup> ugama, rumah berhala, gereja dan lain<sup>2</sup> rumah 'ibadat.

351. Manakala dalam tahun 1963 dan 1964 keadaan dzarurat di-Malaysia Timor memaksa penempatan sa-mula dan mengumpulkan penduduk<sup>2</sup> di-sa-tengah<sup>2</sup> tempat di-Sabah dan di-Sarawak, Kementerian ini telah menubuhkan beberapa ranchangan<sup>2</sup> penempatan sa-mula dan ranchangan<sup>2</sup> kumpulan di-kawasan<sup>2</sup> jalan Serian dan Pandaruan di-Sarawak dan Tawau di-Sabah, sa-bagai satu daripada kerja<sup>2</sup> pembangunan. Sa-sunggoh-nya, ranchangan<sup>2</sup> petempatan sa-mula ini telah di-jalankan dengan jaya-nya. Dalam tahun 1968, Kementerian ini akan menyiapkan ranchangan<sup>2</sup> yang telah di-tentukan bagi tahun ini. Apabila aspek<sup>2</sup> tertentu ranchangan itu telah siap, Kementerian ini akan menyerahkan ranchangan<sup>2</sup> itu kepada pehak<sup>2</sup> berkuasa tempatan yang berkenaan.

352. Dalam penghujongan tahun 1966, Kementerian ini telah membentok satu bahagian penyelidekan di-dalam Kementerian ini untuk menjalankan penyeli-dekan atas beberapa aspek pembangunan yang berkaitan dengan pelaksanaan ranchangan<sup>2</sup> pembangunan di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama. Penyelidekan tersebut ada-lah sangat mustahak dari segi mengatasi masaelah<sup>2</sup> yang penting yang mungkin di-hadapi dalam lapangan pembangunan dan mustahak bagi mendapatkan kesan<sup>2</sup> yang lebih lagi dari ranchangan<sup>2</sup> pembangunan Kerajaan. Bahagian Penyelidekan ini ada-lah di-ketuai oleh sa-orang pegawai tempatan dan, dalam tahun 1967, Bahagian ini telah membuat ranchangan<sup>2</sup> atas

kerja<sup>2</sup> yang patut di-jalankan-nya dan telah pun dapat mengusahakan sa-bahagian kerja<sup>2</sup> luar pejabat. Dalam tahun ini, Bahagian ini akan menumpukan usaha-nya ka-atas masalah pertanian yang berkaitan dengan penambahan pengeluaran dan ranchangan<sup>2</sup> memperbanyakkan lagi jenis pertanian di-Malaysia.

353. Kementerian ini, pada umum-nya, ada-lah juga bertanggung-jawab atas dasar dan pelaksanaan dasar badan<sup>2</sup> berkanun, seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, ia-itu satu badan yang di-tubuhkan oleh Kerajaan bagi melaksanakan ranchangan<sup>2</sup> pembukaan tanah Kerajaan, MARA, satu badan yang di-tubuhkan bagi menjalankan ranchangan<sup>2</sup> perniagaan dan perusahaan, dan juga Perbadanan Simpanan Wang Bakal<sup>2</sup> Haji, satu badan yang di-tubuhkan bagi mengumpulkan simpanan<sup>2</sup> wang bakal<sup>2</sup> Haji untuk di-perniagakan dan digunakan bagi pembangunan ekonomi negara. Ranchangan<sup>2</sup> bagi tahun 1968 dan kemajuan<sup>2</sup> yang telah di-chapai oleh badan<sup>2</sup> tersebut dalam tahun 1967 ada di-huraikan dalam perenggan<sup>2</sup> di-bahagian mereka masing<sup>2</sup> dalam hujongnan ini.

#### BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASHARAKAT DAN PELAJARAN DEWASA

##### GERAKAN MAJU (PEMBANGUNAN MASHARAKAT)

354. Gerakan MAJU yang telah di-lancharkan dalam bulan Mach, 1966 telah memainkan peranan yang terkemuka di-dalam usaha menyatukan tindakan<sup>2</sup> Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan, terutama di-perengkat daerah, serta mendapatkan penyertaan ra'ayat di-dalam usaha<sup>2</sup> pembangunan Negara dan Luar Bandar.

355. Dalam tahun yang lalu, ahli<sup>2</sup> Jawatan-kuasa Pembangunan Daerah telah menjalankan lawatan<sup>2</sup> ka-kampong<sup>2</sup>, terutama kampong<sup>2</sup> yang telah menubuhkan Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong, dan memberi panduan dan bantuan kepada ra'ayat untuk mengambil bahagian yang besar dalam usaha meninggikan taraf hidup mereka. Sambutan ra'ayat terhadap Gerakan MAJU ada-lah menggalakkan. Mereka bertambah yakin kepada kebolehan mereka sendiri dan sudah kurang bergantung kepada Kerajaan, terutama dari segi membena kemudahan<sup>2</sup> untuk kegunaan masharakat.

##### JAYADIRI—SATU DAYA MENAMBAH KEMAJUAN

356. Kemajuan<sup>2</sup> yang di-chapai di-bawah Ranchangan Gerakan MAJU (Pembangunan Masharakat) telah membuktikan penting-nya di-wujudkan satu usaha untuk meyakinkan tiap<sup>2</sup> sa-orang ra'ayat Malaysia supaya mempunyai semangat yakin kepada kebolehan diri sendiri untuk menchapai kejayaan<sup>2</sup> yang lebih besar dalam bidang pembangunan. Hakikat ini telah membawa kepada permulaan suatu daya baharu yang di-beri nama JAYADIRI. Gerakan ini telah di-rasmikan pada 18hb April, 1968, sa-telah di-adakan satu seminar kebangsaan mengenai pertanian yang di-anjorkan dengan jaya-nya oleh Kerajaan.

357. JAYADIRI bertujuan membena ra'ayat Malaysia supaya sedia menyesuaikan diri kepada kehendak<sup>2</sup> perubahan zaman, supaya menggunakan sa-penoh<sup>2</sup>-nya segala bahan<sup>2</sup> kemajuan dan giat bekerja supaya usaha yang di-laksanakan oleh sa-saorang itu boleh mengeluarkan hasil dalam bidang

pembangunan negara dan luar bandar. Sebagai permulaan, Ranchangan ini ada-lah di-arahkan kepada lapangan pertanian, ya'ani:

- (a) Satu acara tersusun yang menggunakan sa-penoh daya untuk memenohi kehendak<sup>2</sup> kemajuan yang segera di-tempat<sup>2</sup> yang sedia boleh mara.
- (b) Satu acara meneruskan kerja pembangunan selaras dengan apa yang di-nyatakan dalam ranchangan pembangunan negara kita, tetapi dengan tujuan menyediakan tempat<sup>2</sup> ini untuk kemajuan pertanian yang lebih cepat kelak.

Ranchangan ini akan di-jalankan menerusi daya usaha bersama pihak Kerajaan dan petani<sup>2</sup>. Ia menggunakan tenaga yang mengandungi semangat yang berkesan, bernama JAYADIRI, yang di-tanam dalam anggota semua Perkhidmatan<sup>2</sup> Lanjutan Kerajaan, supaya menjadi lebih bertanggung-jawab dan dinamis, dan di-dada petani<sup>2</sup> supaya menjadi anggota masyarakat yang lebih cergas membena ekonomi negara.

#### JAWATAN-KUASA KEMAJUAN KAMPONG

358. Pada akhir bulan Mach tahun ini, bilangan Jawatan-kuasa<sup>2</sup> Kemajuan Kampong telah meningkat menjadi 2,212 berbanding dengan 1,200 dalam tahun yang lalu. Kebanyakan daripada Jawatan-kuasa<sup>2</sup> ini ada-lah cergas di-dalam usaha menyatukan segala gerak-kerja badan<sup>2</sup> yang ada di-perengkat kampong (seperti Persatuan<sup>2</sup> Peladang, pergerakan<sup>2</sup> perempuan dan belia) dan menjadi sangat berguna kepada Perkhidmatan<sup>2</sup> Lanjutan Kerajaan, terutama di-dalam bidang pertanian, haiwan, kesihatan, pelajaran dewasa, perusahaan<sup>2</sup> kampong, gerakan kerjasama dan ranchangan<sup>2</sup> gotong-royong. Kebanyakan daripada Jawatan-kuasa<sup>2</sup> itu telah menyediakan Buku Merah Kemajuan Kampong masing<sup>2</sup> yang mengandungi ranchangan<sup>2</sup> untuk memperbaiki lagi keadaan kawasan<sup>2</sup> mereka. Sa-bahagian daripada ranchangan<sup>2</sup> itu telah pun di-laksanakan oleh penduduk<sup>2</sup> kampong itu sendiri dengan pertolongan yang sedikit daripada Kerajaan.

#### LATEHAN MENGENAI GERAKAN MAJU

359. Berbagai<sup>2</sup> Latehan di-perengkat<sup>2</sup> kampong, daerah, negeri dan kebangsaan telah di-adakan untuk Ahli<sup>2</sup> Jawatan-kuasa<sup>2</sup> Kemajuan menjalankan tanggung-jawab mereka dengan chekap. Dalam tempoh sa-tahun yang lalu, 2 latehan Lawatan Sambil Belajar di-perengkat kebangsaan telah di-adakan untuk Ahli<sup>2</sup> Jawatan-kuasa<sup>2</sup> Kemajuan Kampong, di-adakan bersangkutan dengan "Hari MARA" dan Perayaan Ulang Tahun Ke-sapuluh Kemerdekaan. Selain daripada ini kursus pendek telah juga di-adakan untuk ahli<sup>2</sup> Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong serta pergerakan<sup>2</sup> perempuan dan belia untuk melateh mereka memainkan peranan yang lebih chekap di-dalam bidang Pembangunan Masyarakat.

360. Bagi pegawai Kerajaan pula, Kursus Gerakan MAJU telah juga di-adakan untuk menambahkan kecekapan mereka mengatasi masaelah<sup>2</sup> masyarakat. Dalam tempoh satu tahun yang lalu, 4 Kursus pembangunan masyarakat yang menegaskan peri mustahak-nya faktor penyatuan, telah di-adakan untuk Pegawai<sup>2</sup> Daerah dan pegawai<sup>2</sup> lain di-perengkat negeri dan daerah yang bersangkutan dengan Perkhidmatan Lanjutan.



PEROJEK<sup>2</sup> GERAKAN MAJU

361. Tiga jenis perojek Gerakan MAJU telah di-mulakan dalam tahun lepas mengenai penyertaan rakyat di-dalam bidang kesihatan, pertanian dan perikanan. Satu jenis ia-lah perojek Panduan Kesihatan Sa-keliling Kawasan yang telah di-mulakan di-sabelas kawasan di-Malaysia Barat. Porojek ini, bertujuan memperbaiki amalan orang<sup>2</sup> kampung dalam bidang kebersihan kampung dan kesihatan diri, telah di-laksanakan dengan kerjasama Jawatan-kuasa<sup>2</sup> Kemajuan Kampung. Satu Porojek lagi ia-lah Kempen Berchuchok Tanam Chukup Untuk Kehendak<sup>2</sup> Diri Sendiri untuk menanam barang<sup>2</sup> keperluan hari<sup>2</sup>, sayur<sup>2</sup>an dan jagong. Satu perojek lagi ia-lah menggalakkan orang<sup>2</sup> supaya menggunakan kawasan<sup>2</sup> lembah serta kolam<sup>2</sup> bekas lombong untuk menternak ikan<sup>2</sup> ayer tawar. Porojek<sup>2</sup> ini telah membuktikan hasil yang banyak dan sedang di-perluaskan ka-kawasan<sup>2</sup> lain.

362. Satu perojek mengenai Khasiat<sup>2</sup> Makanan (Applied Nutrition) sedang di-ranchangkan dan melibatkan Kementerian<sup>2</sup> Pertanian dan Sharikat Kerjasama, Kesihatan, Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Pelajaran serta Penerangan dan Penyiaran. Porojek ini ada-lah bertujuan untuk mengatasi kekurangan khasiat makanan di-kalangan penduduk<sup>2</sup> luar bandar dan berdasarkan mengeluarkan serta memakan tanaman<sup>2</sup> tempatan.

## PELAJARAN DEWASA

363. Perlaksanaan Ranchangan Pelajaran Dewasa Kebangsaan, yang menjadi ranchangan ulong dalam bidang Pembangunan Masharakat di-Malaysia semenjak tahun 1961, telah di-lanjutkan dengan chergas-nya dalam tahun yang lalu. Kesemua-nya, ada 11,482 kelas<sup>2</sup> Bahasa dalam kedua<sup>2</sup> jurusan untuk pelajar<sup>2</sup> Melayu dan bukan Melayu yang berjumlah kira<sup>2</sup> 281,000 orang.

364. Sa-lain daripada membasmi buta-huruf, Ranchangan Pelajaran Dewasa juga bertujuan untuk menjadikan pelajar<sup>2</sup>-nya sedar dan berusaha untuk memperbaiki taraf hidup masing<sup>2</sup>. Oleh yang demikian, sa-lain daripada Pelajaran Asas mengenai Bahasa Kebangsaan, pelajaran<sup>2</sup> yang lain termasuk Ekonomi Rumah-Tangga, Pengajaran Ugama Islam, Tata Negara dan perkara<sup>2</sup> mengenai pembangunan luar bandar, ada juga di-ajarkan kepada pelajar<sup>2</sup> itu.

365. Dalam tahun yang lalu, 67,558 pelajar<sup>2</sup> telah menghadiri Kursus Ekonomi Rumah-Tangga, 146,615 pelajar<sup>2</sup> belajar di-dalam kelas<sup>2</sup> Ugama Islam dan 1,027 pelajar<sup>2</sup> telah menerima latehan dalam bidang pertanian dan lain<sup>2</sup> perkara mengenai pembangunan luar bandar. Dalam jurusan Ekonomi Rumah-Tangga, 423 wanita<sup>2</sup> luar bandar telah di-lateh di-tiga Taman-Latehan Wanita (Kuala Lumpur, Melaka dan Kepala Batas) dalam tahun lepas dan, dengan bilangan ini, sa-jumlah kira<sup>2</sup> 2,000 wanita luar bandar telah menerima latehan semenjak tahun 1963.

366. Kesemua-nya 354 Penyelia<sup>2</sup> Pelajaran Dewasa dan 9,647 Guru<sup>2</sup> Pelajaran Dewasa berkhidmat sa-chara sambilan dalam Ranchangan Pelajaran Dewasa.

367. Mulai tahun 1968, Ranchangan Pelajaran Dewasa telah di-ubah sedikit dan pelajaran asas serta pelajaran lateh kerja telah di-tegaskan. Bilangan kelas<sup>2</sup>

tahun pertama pelajaran asas telah di-tambah menjadi 5,000 buah untuk menambahkan peluang kepada orang<sup>2</sup> yang hendak mengatasi buta-huruf. Satu ranchangan untuk melateh guru<sup>2</sup> Pelajaran Dewasa yang mahir untuk mengajar chara<sup>2</sup> berchuchok tanam, menternak dan menanam getah untuk faedah hari<sup>2</sup> telah juga di-mulakan supaya 200 buah kelas lateh kerja dapat di-buka mengikut konsep Kenal Huruf Tugasan (Functional Literacy) yang mengaitkan usaha membasmi buta-huruf dengan lain<sup>2</sup> lapangan pembangunan.

#### PERBADANAN WANG SIMPANAN BAKAL<sup>2</sup> HAJI (TABONG HAJI)

368. Kemajuan yang telah di-chapai oleh Perbadanan ini semenjak di-tubuhkan kira<sup>2</sup> 4 tahun dahulu boleh-lah di-lihat dalam bidang<sup>2</sup> kehidupan manusia dan kewangan. Dalam bidang kehidupan manusia, Perbadanan ini telah berjaya, sa-hingga awal bulan Mach, 1968, mendapatkan sa-jumlah 36,174 orang Islam menjadi penyimpan<sup>2</sup> dan juga memberi kemudahan<sup>2</sup> kepada sa-banyak 1,850 orang penyimpan<sup>2</sup> itu menunaikan Fardhu Haji. Dalam bidang kewangan pula, Perbadanan ini telah berjaya menyimpan wang sa-banyak \$9,383,657.71 serta menghasilkan keuntungan daripada usaha<sup>2</sup> penanaman modal sa-bahagian besar wang tersebut.

369. Sa-hingga akhir bulan Februari 1968, Perbadanan ini telah mendapat untong sa-banyak \$775,478 dan sa-banyak \$2,109,715 lagi kerana harga saham yang telah di-beli dahulu dengan harga \$3,834,718 telah naik. Sa-lain daripada itu, Perbadanan ini ada mempunyai harta jangka panjang berjumlah hampir<sup>2</sup> \$700,000 berupa tanah<sup>2</sup>, bangunan<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> lagi.

370. Perbadanan ini telah juga mengishtiharkan bonus sa-banyak 4% kepada simpanan di-antara September, 1966 hingga September, 1967. Bonus ini, yang berdasarkan di-atas keuntungan<sup>2</sup> yang di-perolehi daripada penanaman modal, akan di-masokkan ka-dalam simpanan<sup>2</sup> yang berkenaan dan penyimpan<sup>2</sup> akan di-beritahu mengenai keuntungan ini.

371. Perbadanan ini sedang membena bangunan ibu pejabat-nya di-Kuala Lumpur yang di-jangka akan siap dalam pertengahan tahun ini.

372. Kemajuan Perbadanan ini telah mendorongkan pehak Kerajaan meranchangkan satu ranchangan untuk menchantumkan urusan<sup>2</sup> Perbadanan ini dengan Jabatan Urusan Haji di-bawah satu badan Kebangsaan yang lebeh besar, supaya tugas<sup>2</sup> menyimpan dan menanam modal wang bakal<sup>2</sup> Haji serta kemudahan<sup>2</sup> kebajikan untuk orang<sup>2</sup> Islam menunaikan Fardhu Haji dapat dilaksanakan dengan lebeh chekap lagi.

#### LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN

373. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ia-lah satu badan yang berkanun yang di-tubuhkan oleh Kerajaan bagi melaksanakan ranchangan<sup>2</sup> pembukaan tanah dengan tujuan hendak menempatkan ra'ayat luar bandar yang tiada bertanah supaya mereka itu dapat mempunyai ladang<sup>2</sup> yang ekonomik dan bertanam dengan tanaman<sup>2</sup> yang banyak mengeluarkan hasil. Semenjak 7 tahun yang lalu, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah menjalankan peranan yang penting bagi melaksanakan dasar Kerajaan yang tersebut itu.

374. Ranchangan<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh L.K.T.P. itu ada-lah di-lengkapkan dengan :

- (i) Segala keperluan perkhidmatan yang penting dan kemudahan kemasyarakatan;
- (ii) Pengurusan yang baik—latehan dan perkhidmatan<sup>2</sup> lanjutan (extension);
- (iii) Alat<sup>2</sup> memperoses yang baik serta kemudahan<sup>2</sup> pemasaran.

375. Sa-hingga hari ini, L.K.T.P. telah membuka sa-banyak 75 Ranchangan Kemajuan Tanah, ia-itu 52 bertanam dengan getah dan 23 bertanam dengan kelapa sawit. Ini menunjukkan tambahan sa-banyak 8 ranchangan jika di-bandingkan dengan tahun yang lepas. Jumlah luas tanah itu ia-lah sa-luas 184,000 ekar yang akan dapat menanggung sa-ramai 16,500 keluarga apabila siap di-selenggarakan. Sa-takat ini, sa-ramai 13,244 keluarga peneroka atau 82,100 orang telah pun di-tempatkan di-dalam kawasan<sup>2</sup> ranchangan itu. Sa-chara pukul rata, luas ekar tanaman tahunan boleh di-bahagikan kepada 3 perengkat. Perengkat Pertama, di-bawah Ranchangan Malaya Pertama, sa-banyak 3,600 ekar tanah baharu telah dapat di-buka bagi tiap<sup>2</sup> tahun. Perengkat Kedua, di-bawah Ranchangan Malaya Yang Kedua, sa-banyak 23,000 ekar tanah baharu telah dapat di-buka bagi tiap<sup>2</sup> tahun sementara di-Perengkat Ketiga (di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama), sa-banyak 28,000 ekar tanah telah dapat di-buka bagi tiap<sup>2</sup> tahun. Maka ini ada-lah satu kejayaan yang besar yang telah di-chapai oleh Lembaga ini.

376. Di-dalam usaha menambahkan lagi jenis<sup>2</sup> tanaman pula, L.K.T.P. telah membuka banyak ranchangan<sup>2</sup> kelapa sawit. Daripada 926 ekar dalam tahun 1961, L.K.T.P. telah menambahkan tanaman kelapa sawit kepada 59,677 ekar pada masa ini. Sa-terus-nya, pula, L.K.T.P. menumpukan usaha<sup>2</sup>-nya bagi menggalakkan peneroka<sup>2</sup> menanam jenis<sup>2</sup> tanaman yang boleh menambahkan pendapatan mereka.

377. Kegiatan<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh L.K.T.P. telah pun mula mengeluarkan hasil. Tujuh-belas ranchangan yang meliputi kawasan sa-luas 20,487 ekar ada-lah sedang mengeluarkan hasil. Dengan ini, sa-ramai 2,630 keluarga telah pun mendapat faedah daripada usaha<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh mereka. Menjelang tahun 1968 pula, sa-luas 21,280 ekar lagi akan dapat mengeluarkan hasil dan ini akan memberi faedah kepada 3,007 keluarga lagi. Berasaskan kepada ranchangan<sup>2</sup> yang telah mengeluarkan hasil, pendapatan keluarga<sup>2</sup> yang berkenaan boleh meningkat kepada \$300 atau \$350 sa-bulan.

378. Ada-lah menjadi dasar L.K.T.P. bukan sahaja untuk membuka ranchangan<sup>2</sup> tanah dan penempatan, bahkan juga untuk menumpukan usaha<sup>2</sup>-nya bagi membangunkan satu masyarakat yang baharu dan yang bersemangat baharu supaya mereka boleh memainkan peranan yang penting di-dalam usaha pembangunan yang di-jalankan oleh Kerajaan. Maka dengan itu, L.K.T.P. telah melaksanakan ranchangan<sup>2</sup> di-bawah Gerakan MAJU dengan tujuan untuk memperkuatkan lagi semangat menolong diri sendiri, berdiri di-atas kaki sendiri dan juga semangat jimat-chermat di-kalangan peserta<sup>2</sup>. Bagi menchapai tujuan<sup>2</sup> itu L.K.T.P. telah pun mengadakan satu bahagian Pembangunan Peneroka di-dalam susunan-nya.

379. Lembaga itu telah juga menubuhkan di-bawah-nya satu bahagian memperoses pengeluaran<sup>2</sup> ranchangan serta juga bahagian pemasaran hasil ranchangan. Sa-takat ini, sa-jumlah 4 kilang kelapa sawit yang moden telah pun di-bena oleh L.K.T.P. dan 4 kilang getah akan siap di-bena pada hujung tahun ini. Maka dengan ada-nya alat<sup>2</sup> memperoses moden saperti ini, segala pengeluaran<sup>2</sup> ranchangan sudah tentu akan mendapat harga yang berpatutan.

380. Memandang kapada kejayaan yang telah di-chapai dalam ranchangan<sup>2</sup> yang berselerak di-merata Malaysia Barat, L.K.T.P. telah memulakan satu konsep baharu ranchangan<sup>2</sup> tanah yang berdasarkan kapada satu<sup>2</sup> kawasan yang luas. Ranchangan pertama yang saperti ini telah pun mula di-usahakan di-kawasan Tiga Segi Jengka yang meliputi 150,000 ekar tanah. Pembukaan kawasan ini telah di-mulakan pada hujung tahun 1966 dan, sa-hingga hari ini, Perojek Satu Tiga Segi Jengka hampir siap di-selenggarakan. Apabila perojek<sup>2</sup> di-kawasan Jengka siap di-usahakan dalam tahun 1977, sa-luas 93,000 ekar tanah di-kawasan itu akan dapat di-tukarkan daripada hutan rimba kapada ladang kelapa sawit yang terbesar sa-kali di-Asia Tenggara. Ada-lah di-jangka bahawa hampir 10,000 keluarga atau 70,000 orang akan mendapat faedah daripada ranchangan itu.

381. Lembaga ini juga sedang mengkaji kemungkinan pembangunan berdasarkan kapada satu<sup>2</sup> kawasan yang lebeh besar lagi daripada kawasan Jengka Tiga Segi itu di-tiga tempat di-Malaysia Barat. Satu daripada kawasan itu ia-lah di-Pahang dan dua lagi di-Johor. Perojek saperti ini akan menentukan kegunaan tanah yang boleh di-dapati dengan lebeh sesuai dan tertentu. Perojek<sup>2</sup> saperti ini bukan sahaja boleh melaksanakan keperluan<sup>2</sup> negara tetapi juga akan menchapaikan chita<sup>2</sup> ra'ayat luar bandar untuk memberi sumbangan yang lebeh besar di-dalam bidang pembangunan ekonomi negara ini.

382. Kejayaan<sup>2</sup> yang telah di-chapai oleh L.K.T.P. membuktikan betapa kukoh dan menasabah-nya dasar Kerajaan di-atas pembangunan tanah. Maka kejayaan<sup>2</sup> ini akan tentu memberi sumbangan<sup>2</sup> yang tertentu kapada pembangunan negara ini.

#### MAJLIS AMANAH RA'AYAT

383. Majlis Amanah Ra'ayat telah di-tubuhkan dalam tahun 1966 bagi memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasharakatan dalam negeri ini khusus-nya dalam kawasan<sup>2</sup> luar bandar. Bagi menchapai tujuan ini, MARA ada-lah menumpukan usaha<sup>2</sup>-nya kapada 4 perkara besar, ia-itu:

- (i) Memberi latehan kapada Bumiputera;
- (ii) Memberikan modal kewangan untuk menjalankan perniagaan dan perusahaan dan memberi nasehat dan pimpinan dari segi pengurusan dan teknik kapada peniaga<sup>2</sup> dan pengusaha<sup>2</sup>;
- (iii) Menjalankan perusahaan dan perdagangan; dan
- (iv) Menjalankan perkhidmatan<sup>2</sup> kenderaan bas dan memberi pertolongan kapada Bumiputera dalam bidang ini.

## LATEHAN

384. Bahagian Latehan MARA telah menjalankan berbagai<sup>2</sup> ranchangan latehan untuk Bumiputera. Latehan<sup>2</sup> ini ada-lah daripada perengkat latehan kemahiran sa-hingga ka-perengkat Universiti. Dari segi latehan kemahiran, hampir 2,000 orang telah di-lateh dalam lapangan<sup>2</sup> saperti:

- (i) Mekanik Jentera;
- (ii) Mekanik Motor;
- (iii) Mekanik Letrik;
- (iv) Pembinaan dan Pembangunan;
- (v) Mengurus Perusahaan dan Perniagaan;
- (vi) Gunting rambut dan solek menyolek;
- (vii) Jahit-menjahit.

385. Malaysia sekarang sedang menjalankan ranchangan perusahaan dengan dinamis dan; oleh itu, pekerja<sup>2</sup> yang mahir dan terlateh untuk bekerja dalam perusahaan<sup>2</sup> itu semakin di-kehendaki. MARA ada-lah sedang giat berusaha untuk melateh Bumiputra<sup>2</sup> bagi mengisi sa-tengah<sup>2</sup> daripada peluang<sup>2</sup> yang di-adakan oleh sebab pelaksanaan ranchangan perusahaan Kerajaan itu.

386. Sa-lain daripada memberi latehan kemahiran, MARA juga memberikan biasiswa<sup>2</sup> untuk penuntut<sup>2</sup> belajar di-Kolej<sup>2</sup> dan juga di-Universiti<sup>2</sup> di-negeri ini dan di-seberang laut. Semenjak penggal Parlimen yang lalu, sa-banyak 369 biasiswa telah di-keluarkan dan pechahan mengikut pengajian-nya ia-lah 46% untuk jurusan teknik dan sains, 36% untuk pelajaran iktisas dalam perusahaan dan perdagangan, dan 18% untuk yang lain<sup>2</sup>. MARA sedar bahawa Bumiputra pada hari ini sangat kurang dalam lapangan yang di-sebutkan itu, dan berusaha menggalakkan lagi Bumiputra mempelajari perkara<sup>2</sup> sains dan teknologi. MARA berharap akan dapat menambahkan bilangan yang kechil ini kepada jumlah yang lebeh menasabah.

387. Satu biasiswa baharu, ia-itu biasiswa pinjaman, telah mula di-jalankan oleh MARA tahun ini. Ini akan memberi peluang yang lebeh banyak lagi kepada pelajar<sup>2</sup> Bumiputra untuk melanjutkan pelajaran mereka. MARA juga mengadakan satu Chawangan Kemajuan Kerjaya (Career Development). Tujuan Chawangan ini ia-lah untuk memberi nasehat kepada bakal<sup>2</sup> penuntut supaya dapat mereka memilih jurusan<sup>2</sup> pelajaran yang sesuai bagi diri mereka dan juga keadaan negara pada hari ini. Chawangan ini mengeluarkan majallah<sup>2</sup> dan risalah<sup>2</sup> berkenaan dengan pembangunan kerjaya dan juga memberi sharahan<sup>2</sup> dan nasehat kepada beberapa kumpulan pelajar.

388. Institiut Teknologi MARA, yang berkembang dengan pesat-nya, pada sekarang ini mempunyai lebeh kurang 2,000 orang penuntut. Pada awal tahun 1965, hanya ada lebeh kurang 300 orang sahaja. Dalam bulan Oktober, 1967, batu asas untuk Institiut yang baharu telah di-letakkan di-Batu Tiga

Kelang. Sa-lain daripada menambahkan kursus iktisas dalam perusahaan dan perdagangan, Instituit ini juga telah menambah kursus<sup>2</sup> dalam berbagai<sup>2</sup> jurusan teknik kejuruteraan. Bermula daripada tahun lalu, Instituit ini telah juga membuka kelas<sup>2</sup> untuk menyediakan penuntut<sup>2</sup> memasuki Universiti. Kelas<sup>2</sup> menyediakan penuntut<sup>2</sup> ka-Universiti ini akan menambah lagi peluang<sup>2</sup> bagi penuntut<sup>2</sup> dari luar bandar melengkapkan diri mereka untuk mendapatkan pelajaran tinggi. Kelas<sup>2</sup> ini memberatkan pelajaran sains. Dalam tahun 1968, Instituit Teknologi MARA tersebut akan menjalankan kursus<sup>2</sup> persediaan untuk ijazah<sup>2</sup> daripada Universiti London. Ini akan di-jalankan dengan kerjasama Universiti London.

389. Untuk menambahkan lagi latihan kemahiran untuk Bumiputra MARA telah menubuh sa-buah Sekolah Latihan Kemahiran di-Melaka. Apabila siap, sekolah ini di-jangka akan mengeluarkan sa-ramai 200 orang belia mahir didalam berbagai<sup>2</sup> kemahiran teknik. Kejayaan<sup>2</sup> yang telah di-chapai dalam usaha melatih Bumiputra sekarang ini dan bertambah-nya bilangan penuntut<sup>2</sup> yang telah mendapat sijil<sup>2</sup>, diploma<sup>2</sup> dan ijazah<sup>2</sup>, sangat-lah menggalakkan, dan membuktikan bahawa MARA sudah dapat meyakinkan Bumiputra bahawa mereka juga mempunyai kecekapan dan kepandaian untuk menunjukkan kebolehan mereka di-berbagai bidang perhubungan termasuk lapangan perusahaan dan perniagaan dan juga sains dan teknik.

#### BAHAGIAN PINJAMAN MODAL DAN KHIDMAT PENASEHAT

390. MARA akan terus menjalankan ranchangan memberi pinjaman modal kepada Bumiputra<sup>2</sup> yang memerlukan-nya untuk memperluaskan lagi perusahaan atau pun perniagaan mereka. Sa-lepas Konggres Ekonomi Bumiputra dalam tahun 1965, MARA telah mengubahkan dasar pinjaman-nya. Sekarang MARA akan memberi pinjaman wang untuk ranchangan<sup>2</sup> yang berchorak perniagaan, perdagangan dan perusahaan sahaja. Dengan demikian, pinjaman untuk ranchangan<sup>2</sup> pertanian, perikanan dan ternakan yang di-sifatkan sa-bagai "keluaran mentah" telah di-berhentikan.

391. Untuk menjalankan kerja<sup>2</sup> memperoses permohonan<sup>2</sup> pinjaman dengan lebih terator, MARA telah mengambil beberapa orang pegawai<sup>2</sup> yang mahir dan berpengalaman dalam bidang<sup>2</sup> kewangan dan perdagangan. Langkah<sup>2</sup> ini perlu di-ambil untuk menentukan supaya semua ranchangan<sup>2</sup> yang mendapat pinjaman MARA menchapai kejayaan. Pinjaman<sup>2</sup> wang MARA juga akan di-bantu dengan nasehat tentang teknik, urusan perniagaan, menyimpan kira<sup>2</sup>, pasaran dan lain<sup>2</sup>. Berthabit dengan ini, MARA telah menubuhkan Bahagian Khidmat Penasehat. Peminjam<sup>2</sup> juga di-galakkan mengikuti berbagai<sup>2</sup> latihan dan kursus yang di-jalankan oleh MARA dalam segi perusahaan perniagaan mereka. Dengan pelaksanaan dasar baharu ini, beberapa perubahan yang menggalakkan dalam gaya permohonan<sup>2</sup> dan kelakuan peminjam<sup>2</sup> boleh di-dapati. Perubahan yang penting yang dapat di-lihat ia-lah ketetapan pembayaran pinjaman dan chara<sup>2</sup> pengusaha<sup>2</sup> (entrepreneurs) Bumiputra yang berkenaan menguruskan perusahaan<sup>2</sup> mereka sendiri. MARA mendapati juga, bahawa sekarang sudah ada permohonan<sup>2</sup> pinjaman untuk perusahaan yang lebih besar. Sa-lain daripada itu, peminjam<sup>2</sup> juga sudah bertukar fikiran. Mereka sekarang

sudah sanggup menerima arahan<sup>2</sup>, nasehat<sup>2</sup> dan tunjok ajar daripada pegawai<sup>2</sup> MARA atau pun daripada perusahaan<sup>2</sup> Bumiputra yang lain. Sunggoh pun sekarang ini MARA mengadakan syarat<sup>2</sup> yang ketat untuk menjamin pembayaran balek, namun di-dapati ahli<sup>2</sup> perniagaan dan perusahaan Bumiputra yang berkenaan telah mencapai kemajuan dan kejayaan dalam perusahaan dan perniagaan mereka. Ini di-sebabkan oleh pertukaran fikiran mereka yang menyebabkan mereka menurut dan patoh kepada nasehat<sup>2</sup> yang telah di-berikan oleh pakar<sup>2</sup> daripada MARA. Ada-lah di-dapati juga bahawa sekarang mereka telah muncul ke hadapan untuk mendapatkan pinjaman<sup>2</sup> yang lebih besar untuk menjalankan perusahaan<sup>2</sup> yang lebih besar lagi. Dahulu-nya, kebanyakan permohonan<sup>2</sup> pinjaman ada-lah untuk perniagaan<sup>2</sup> runchit, kereta sewa dan pembenaan. Sekarang, terdapat permohonan<sup>2</sup> untuk menjalankan perusahaan<sup>2</sup> perchetakan, membalak, hotel, bengkel, minyak petrol dan sa-bagai-nya.

392. Sa-bagaimana yang telah di-nyatakan, MARA telah menubuhkan satu Bahagian Khidmat Penasehat. Bahagian ini tidak-lah sahaja memberi khidmat-nya kepada Bumiputra<sup>2</sup> yang meminjam wang daripada MARA, tetapi juga memberi nasehat kepada pengusaha<sup>2</sup> Bumiputra di-merata<sup>2</sup> negeri. Sa-hingga sekarang ini, lebih kurang 500 perusahaan telah mendapat pimpinan dan tunjok ajar daripada Bahagian ini. Tugas Bahagian ini, terutama-nya, ia-lah untuk menentukan sebab<sup>2</sup> kelemahan sa-suatu perusahaan itu dan mengeshorkan chara<sup>2</sup> bagaimana memajukan perusahaan itu dari segi kewangan mahu pun dari segi teknik. Tawaran<sup>2</sup> ada-lah bantuan<sup>2</sup> daripada MARA dengan berupa lawatan<sup>2</sup> daripada pegawai<sup>2</sup> MARA atau pun menempatkan pegawai<sup>2</sup> MARA di-perusahaan itu untuk menolong menjalankan perusahaan tersebut. MARA sedar bahawa bantuan<sup>2</sup> nasehat dari segi pengurusan dan teknik sama-lah juga penting-nya seperti bantuan<sup>2</sup> kewangan.

393. Tujuan Bahagian Perusahaan dan Perdagangan MARA ia-lah untuk membantu Bumiputra mengendalikan perusahaan dan perniagaan mereka sendiri atau pun menjalankan perusahaan MARA sendiri dengan tujuan menyerahkan perusahaan<sup>2</sup> itu kepada Bumiputra apabila Bumiputra sanggup dan di-fikirkan boleh mengurus dan menjalankan perusahaan<sup>2</sup> itu. Satu jalan yang telah di-ambil ia-lah memberi bantuan kepada pengusaha<sup>2</sup> kecil untuk mendapatkan bahan<sup>2</sup> mentah. Jualn tembaga mentah untuk pengusaha<sup>2</sup> barang<sup>2</sup> hiasan daripada tembaga telah bertambah sa-banyak 40% dari tahun lalu. MARA juga membekalkan kain<sup>2</sup> puteh dengan harga yang berpatutan kepada pembatek<sup>2</sup>. Dalam tahun 1967, jualn kain puteh kepada pembatek telah naik 30%. Ini membuktikan bahawa pengusaha<sup>2</sup> Bumiputra dalam perusahaan kecil ini sudah bertambah. Mulai tahun 1967, MARA juga telah membantu mereka dengan menjualkan ubat penchelup jenis yang baik. Berhubung dengan batuan teknik kepada pengusaha<sup>2</sup> tersebut, MARA memberi-nya menerusi Pusat Penyelidikan Perusahaan Tangan, MARA di-Petaling Jaya. Pusat ini telah menjalankan berbagai<sup>2</sup> penyelidikan berkenaan dengan perusahaan kecil yang mengeluarkan barang<sup>2</sup> perak, tembaga, kulit dan belulang serta kain tenun.

394. Dalam pertengahan tahun yang lalu, Pusat tersebut telah dapat membuktikan batak boleh di-chap di-atas kain bergulung yang panjang sa-hingga 50 ela.

Pusat itu juga telah dapat membuktikan praktik-nya mengechap bukan sahaja di-atas kain benang kapas bahkan juga di-atas kain linen, teteron dan sa-bagainya. Pusat ini juga telah membuat kajian berkenaan dengan chorak<sup>2</sup> yang baharu yang menarek di-pasaran di-bandar<sup>2</sup> dan di-luar negeri. Satu ma'amal penyelidekan telah di-dirikan untuk membuat penyelidekan berkenaan dengan banchohan untuk ubat<sup>2</sup> penchelop. Hasil<sup>2</sup> daripada penyelidekan ini telah di-sampaikan kepada pembatek<sup>2</sup> untuk memajukan lagi teknik membuat batek mereka. Pembatek<sup>2</sup> telah juga di-jemput untuk mempelajari teknik<sup>2</sup> baharu di-Pusat ini.

395. Mengenai belulang pula, MARA telah menubuhkan beberapa pusat memperoses belulang di-Kelantan dan di-Trengganu. Pusat<sup>2</sup> seperti itu akan di-buka di-tempat<sup>2</sup> lain juga jika di-dapati menguntungkan. Berhubung dengan ini, Pusat Penyelidekan Perusahaan Tangan akan menjalankan penyelidekan atas chara<sup>2</sup> untuk membuat kulit<sup>2</sup> yang baik daripada belulang itu.

396. Satu daripada hasil<sup>2</sup> penyelidekan yang telah di-jalankan oleh Pusat Penyelidekan Perusahaan Tangan itu ia-lah, 3 buah perusahaan telah di-dirikan oleh MARA. Perusahaan<sup>2</sup> itu ia-lah:

- (i) Sharikat Batek Malaysia Sendirian Berhad;
- (ii) Perusahaan Membuat Baju;
- (iii) Sharikat Kulitkraft Sendirian Berhad.

397. Ketiga<sup>2</sup> buah perusahaan ini telah pun di-lancarkan dan akan mula mengeluarkan hasil mereka dalam tahun 1968. Ini ada-lah sa-imbang dengan dasar MARA untuk menjalankan berbagai<sup>2</sup> perusahaan dengan tujuan perusahaan ini di-satu hari nanti dapat di-jalankan oleh Bumiputra sendiri.

398. Untuk menggalakkan lagi Bumiputra memperkembangkan perusahaan<sup>2</sup> kecil dan juga menggalakkan mereka di-dalam lapangan perniagaan, MARA terus dengan usaha-nya mendirikan rumah<sup>2</sup> kedai, bazaar dan juga pekan<sup>2</sup> sa-hari. Bangunan ini ia-lah untuk memberi peluang kepada Bumiputra menjalankan perniagaan di-dalam bandar<sup>2</sup> di-mana susah sedikit untuk mendapatkan tempat<sup>2</sup> perniagaan. Bagi tahun 1968, MARA akan menyiapkan rumah<sup>2</sup> kedai di-Kuala Kangsar, Telok Anson, Alor Gajah, Melaka dan Kuala Trengganu.

#### PUSPAMARA

399. PUSPAMARA ia-lah pusat jualan yang di-jalankan oleh MARA sendiri untuk menjualkan hasil<sup>2</sup> perusahaan tangan Bumiputra. Pusat<sup>2</sup> Jualan yang berjalan dengan maju-nya ia-lah di-Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuala Trengganu. MARA sedang menimbangkan kemungkinan bagi memperluaskan lagi Pusat<sup>2</sup> Jualan tersebut di-bandar<sup>2</sup> yang lain pula. Dengan ada-nya kedai<sup>2</sup> ini, MARA dapat memperkenalkan hasil<sup>2</sup> daripada perusahaan tangan Bumiputra di-bandar<sup>2</sup> dan juga kepada pelawat<sup>2</sup> dari luar negeri.

400. Seperti yang telah di-sebutkan di-dalam tahun yang lalu, MARA juga mengambil bahagian di-dalam perusahaan membalak. Tujuan MARA ia-lah untuk mengusahakan pembalakan Kawasan Tiga Segi Jengka dan membantu



pembalak<sup>2</sup> Bumiputra yang mahu mengikut shor yang di-tetapkan oleh MARA mengusahakan kawasan<sup>2</sup> membalak. Sharikat Kayu Kayan Kebangsaan Berhad yang telah di-tubuhkan dalam tahun 1967, telah mula menjalankan perusahaannya bagi perengkat pertama di-Kawasan Tiga Segi Jengka. Perusahaan<sup>2</sup> mengikut jadual dan mengeluarkan hasil yang baik. Dengan Kerjasama daripada Kerajaan<sup>2</sup> Negeri, MARA sedang berusaha untuk menggalakkan pembalak<sup>2</sup> kechil di-merata<sup>2</sup> negeri ini untuk menubuhkan satu persatuan supaya mereka akan dapat menjalankan perusahaan balak dengan chara yang sempurna dan lebeh chekap lagi. Sekarang, usaha<sup>2</sup> ini sedang di-jalankan oleh MARA di-Perak, Pahang dan Johor.

401. Tindakan yang saperti itu ada-lah juga di-jalankan dalam lain<sup>2</sup> perusahaan Bumiputra umpama-nya di-Kelantan, MARA telah memajukan persatuan<sup>2</sup> pembatek dengan tujuan supaya mereka dapat mengatasi berbagai<sup>2</sup> masaelah yang mereka hadapi di-dalam perusahaan mereka. Persatuan ini di-tubuhkan dengan tujuan hendak membaiki lagi keluaran dan mutu kain<sup>2</sup> batek. Satu lagi daripada usaha<sup>2</sup> MARA untuk menggalakkan Bumiputra menjalankan perusahaan besar di-bandar<sup>2</sup>, ia-lah dengan membeli 10 unit bangunan kilang daripada MIEL di-Petaling Jaya. Lapan buah daripada-nya telah pun di-jual kepada Bumiputra dengan bayaran ansoran.

402. Sharikat Amanah Saham MARA Berhad yang telah di-tubuhkan dalam tahun 1967 telah pun mula menjalankan kerja-nya. Yunit<sup>2</sup> amanah telah mula di-jual pada awal tahun ini dan, dalam pada itu, Sharikat ini telah pun menjamin beli (underwrite) saham<sup>2</sup> daripada 2 sharikat besar di-Malaysia.

#### KENDERAAN

403. Bahagian Kenderaan MARA menjalankan dasar untuk mengadakan perkhidmatan<sup>2</sup> bas di-jalan<sup>2</sup> baharu yang di-buka di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Bahagian ini juga menggalakkan Bumiputra mengambil alih perkhidmatan<sup>2</sup> bas itu apabila perkhidmatan itu telah maju dan mendatangkan keuntungan dan apabila Bumiputra berkenaan telah mendapatkan pengetahuan yang perlu dan kebolehan untuk menjalankan perkhidmatan<sup>2</sup> itu. Ini ada-lah sa-laras dengan dasar MARA menubuhkan perkhidmatan<sup>2</sup> bas ini dengan tujuan sharikat<sup>2</sup> itu akhir-nya kelak akan dapat di-jalankan oleh Bumiputra sendiri.

404. Di-dalam tahun lalu, satu lagi tambahan perkhidmatan bas telah di-lancharkan di-Malaysia Timor. Rundingan<sup>2</sup> sedang di-jalankan dengan pehak<sup>2</sup> berkenaan di-Sarawak untuk menjalankan perkhidmatan bas Kuching/Sibu dan Kuching/Sementara. Rundingan<sup>2</sup> juga sedang di-jalankan dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk mendapatkan jalan<sup>2</sup> baharu di-Negeri Sabah, ia-itu di-antara Kota Kinabalu dan Papar.

405. Bagi tahun 1968, MARA akan menambahkan lagi jumlah<sup>2</sup> perjalanan dengan jalan<sup>2</sup> yang baharu sa-banyak 800 batu lagi dengan menggunakan 56 buah bas. Sa-lain daripada itu, bas<sup>2</sup> akan di-tambah kepada jalan<sup>2</sup> yang sedang ada bagi kemudahan<sup>2</sup> penduduk<sup>2</sup>, khas-nya yang dudok di-luar bandar. Buat pertama kali-nya, MARA telah dapat menjalankan bas express dari Johor Bahru ka-Kuantan.

406. Sa-lain daripada menjalankan perkhidmatan bas ini, MARA juga mengadakan bengkel<sup>2</sup> untuk membaiki bas<sup>2</sup> kepunyaan MARA sendiri. Pada masa ini, bengkel<sup>2</sup> telah di-buka di-Kuala Lumpur dan Alor Star, dan satu lagi bengkel akan di-buka di-Batu Tiga, Klang. Bengkel<sup>2</sup> ini juga dapat di-gunakan sa-bagai pusat untuk melateh pemuda<sup>2</sup> Bumiputra dalam lapangan mekanik dan membaiki kereta. Berkaitan dengan ini, satu ranchangan yang sedang giat di-jalankan oleh MARA ia-lah ranchangan melateh Bumiputra daripada perengkat bawah, saperti mekanik dan sa-bagai-nya, sa-hingga ka-perengkat pengurusan sharikat<sup>2</sup> kenderaan.

#### KEMENTERIAN PENERANGAN DAN PENYIARAN

407. Kementerian Penerangan dan Penyiaran, dalam tahun lalu, telah terus menjalankan peranan-nya yang amat penting sa-bagai sa-buah jentera perantaraan bagi Kerajaan. Tugas<sup>2</sup> itu termasuk-lah kerja menyusun sa-mula dan menyatukan tugas<sup>2</sup> jabatan<sup>2</sup> di-bawah-nya, ia-itu Jabatan<sup>2</sup> Penerangan, Radio, Talivishen dan Filem Negara, yang bertanggung-jawab menjalankan dasar<sup>2</sup> Kerajaan yang tertentu, menyebar dasar<sup>2</sup> tersebut, dan memberi penerangan mengenai ranchangan<sup>2</sup> kemajuan dan sa-bagai-nya. Yang lebeh penting lagi ia-lah tanggung-jawab memainkan peranan membena negara, mengujudkan perpaduan di-kalangan semua kaum dan menanam semangat ta'at setia.

408. Kemajuan telah di-chapai dalam usaha<sup>2</sup> Kementerian hendak menambahkan lagi berita<sup>2</sup> yang di-keluarkan mengenai Malaysia bagi kegunaan dalam dan juga luar negeri dengan pelancaran sa-buah Sharikat "BERNAMA" atau Berita Nasional Malaysia dalam tahun 1967. Sharikat ini telah mula bertugas dalam bulan Mei, 1968.

409. Dalam bulan Februari, 1968 semua Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Perkhidmatan dalam Kementerian ini termasuk jabatan<sup>2</sup> Penerangan, Radio dan Talivishen, telah berpindah ka-Angkasapuri, ia-itu bangunan Kementerian Penerangan dan Penyiaran yang baharu di-Bukit Putra. Upacara pembukaan resmi telah di-jalankan pada 17hb Februari, 1968 oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri. Ada-lah di-harapkan kerja<sup>2</sup> menyatukan kerja<sup>2</sup> jabatan<sup>2</sup> di-bawah Kementerian ini akan dapat berjalan dengan lebeh segera dan lancar lagi. Walau bagaimana pun, kakitangan<sup>2</sup> bahagian teknik Talivishen Malaysia akan hanya dapat pindah ka-Angkasapuri dalam tahun hadapan, ia-itu sa-telah kerja<sup>2</sup> memasang alat<sup>2</sup> perkakas electronic dalam Bangunan Talivishen itu siap. Kakitangan teknik Jabatan Radio di-jangka akan berpindah ka-Bangunan Radio dalam tahun 1970 kerana bangunan itu maseh sedang di-bena sekarang ini. Oleh itu, Pusat Penyiaran di-Angkasapuri itu akan lengkap dalam tahun 1970 apabila semua jabatan<sup>2</sup> telah berpindah ka-bangunan masing<sup>2</sup>.

410. Satu perkara yang patut di-sebutkan di-sini ia-lah mengenai pungutan hasil. Sa-lain daripada memainkan peranan-nya menyatukan kerja<sup>2</sup> sebaran 'am Kementerian Penerangan dan Penyiaran telah berjaya memungut hasil daripada lesen<sup>2</sup> Radio dan Talivishen serta juga bayaran I'klan<sup>2</sup> melalui Bahagian Perdagangan. Dalam tahun 1967 hasil yang telah di-pungut ia-lah \$6,427,561 di-bandingkan dengan \$5,262,933 dalam tahun 1966. Ini menunjukkan

tambahan sa-banyak \$1,640,628 atau 19.8%. Pungutan hasil dalam tahun 1967 bagi Bahagian Perdagangan ia-lah \$7,021,815 berbanding dengan \$5,810,145 dalam tahun 1966 dan ini menunjukkan tambahan sa-banyak \$1,211,670 atau 20.8%.

#### JABATAN PENERANGAN

411. Perkhidmatan Penerangan, dengan kegiatan<sup>2</sup> luar-nya yang beranika chara itu, telah dapat mengekalkan hubungan-nya dengan orang<sup>2</sup> 'awam, dan peranan ini menjadi sa-makin penting kerana kegiatan<sup>2</sup> Kerajaan sa-makin bertambah banyak dan rumit. Dalam menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya, Jabatan ini sa-chara langsung atau tiada langsung terlibat dalam semua kegiatan Kerajaan di-perengkat<sup>2</sup> kampung, daerah, negeri dan kebangsaan. Walau bagaimana pun, ada-lah pada asas-nya yang jabatan ini terus memainkan peranan-nya yang penting dalam menggerakkan kegiatan<sup>2</sup> menanam dan memupokkan semangat tata ra'ayat, dan, di-samping itu, menghapuskan di'ayah<sup>2</sup> jahat dan dusta.

412. Ranchangan latehan ulangkaji yang di-fikirkan mustahak bagi faedah dan pengetahuan kakitangan Jabatan ini telah di-adakan dari sa-masa ka-samasa dan pegawai<sup>2</sup> luar pula selalu di-uji dalam hal ehwal umum.

413. Jabatan ini mengutamakan perkara pembenaan negara, pelajaran tata ra'ayat, perpaduan kaum dan negara, dan ta'at setia yang tidak berbelah bagi pada Tanah Ayer. Jabatan ini telah di-minta memainkan peranan-nya yang chergas sa-bagai sa-bahagian daripada ranchangan pelajaran tata ra'ayat-nya, dalam Kempen Gerakan Ra'ayat Setia yang telah di-lancarkan dalam bulan Julai, 1967.

414. Tugas penting Perhubungan Akhbar telah di-sambut baik oleh semua Kementerian dan dengan yang demikian beberapa buah Kementerian telah mengadakan pegawai perhubungan mereka sendiri. Kerana perhubungan dengan akhbar<sup>2</sup> tempatan sentiasa baik dan rapat, maka Pusat Akhbar Asia Tenggara telah dapat di-tubuhkan sa-bagai hasil kerjasama Jabatan ini, akhbar<sup>2</sup> tempatan, Yayasan Akhbar Antarabangsa, Zurich dan beberapa yayasan lain, untuk melateh wartawan<sup>2</sup> tempatan dan negeri tetangga.

415. Perkhidmatan Penerangan Luar Negeri yang telah di-tubuhkan dalam tahun 1965 sekarang ini sedang di-perkemaskan untuk menjadikan sa-buah bahagian yang berasingan dalam Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Sekarang ada sa-banyak 17 jawatan Attache Penerangan dan yang akhir sekali di-luluskan ia-lah untuk di-Jakarta dan di-Medan. Kebanyakan jawatan<sup>2</sup> ini telah di-penohi dan yang baki-nya sedang di-uruskan oleh Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam.

416. Penerbitan<sup>2</sup> yang telah di-terbitkan untuk kegunaan luar negeri termasuklah majallah<sup>2</sup> yang di-keluarkan dalam beberapa bahasa asing. Sunggoh pun, di-sebabkan semata<sup>2</sup> oleh kekurangan wang, tidak ada filem<sup>2</sup> penerangan tertentu yang di-buat bagi kegunaan seranta luar negeri, tetapi filem<sup>2</sup> yang di-khaskan untuk tayangan di-Malaysia telah di-sunting dan di-dab ka-dalam bahasa<sup>2</sup> yang tertentu bagi penuntun<sup>2</sup> luar negeri.

417. Bahagian Penyelidikan Penerangan yang menjadi sa-bahagian daripada Perkhidmatan Penerangan Luar Negeri maseh terus membuat kajian<sup>2</sup> beberapa surat khabar dan penerbitan<sup>2</sup> luar negeri dan, sa-hingga sekarang, telah mengeluarkan 47 kertas penyelidikan mengenai pelbagai perkara yang menarek termasuklah intisari bulanan yang mengandongi ulasan<sup>2</sup> surat khabar luar negeri tentang Malaysia.

418. Sa-banyak 1.7 juta helai risalah dalam berbagai<sup>2</sup> bahasa bagi menerangkan kesan<sup>2</sup> Penurunan Nilai Wang Sterling ka-atas nilai wang tempatan telah di-chetak oleh Jabatan ini untuk di-sebarkan ka-seluruh negara. Unit Seranta Bergerak Jabatan ini telah juga di-tugaskan ka-kawasan<sup>2</sup> luar bandar untuk memberi cheramah<sup>2</sup> kepada ra'ayat atas perkara tersebut dan juga menyebarkan risalah<sup>2</sup>.

419. Di-antara kempen seranta yang mustahak yang telah di-anjor dan di-susun oleh Jabatan ini dalam tahun 1967, ia-lah "Tabong Benchana Negara" bagi mangsa<sup>2</sup> banjir, Minggu Perpaduan Negara, Pilehan Raya Sabah yang pertama, penubohan ASEAN, mata-wang baharu Malaysia, Rang Undang<sup>2</sup> Bahasa Kebangsaan, Hari Ulang Tahun Kemerdekaan yang ke-sepuluh, Pertandingan Membacha Quran Antarabangsa, pemulehan sa-mula perhubungan diplomatik dengan Indonesia dan Penurunan nilai mata-wang Sterling dan Jawatan-kuasa<sup>2</sup> Muhibbah.

420. Di-Negeri Sarawak, di-mana undang<sup>2</sup> dzarurat maseh berjalan kuatkuasanya di-satengah<sup>2</sup> kawasan, peperangan saraf maseh terus memainkan peranan yang penting bagi mendapatkan pengganas<sup>2</sup> komunis supaya menyerah diri. Pembebasan 180 orang tahanan (45 di-Sarawak, 60 di-Sabah, 75 di-Malaysia Barat) oleh Kerajaan Pusat pada Hari Ulang Tahun Kemerdekaan (31hb Ogos) telah juga di-hebah dengan sa-luas<sup>2</sup>-nya.

421. Pilehanraya Sabah yang pertama telah di-hebah<sup>2</sup>kan dengan sa-luas<sup>2</sup>-nya terus hingga sampai ka-petang hari sa-belum hari membuang undi pada 8hb April. Banyak-nya peratus orang yang mengundi dan kurang-nya peratus undi<sup>2</sup> yang rosak membuktikan bahawa Jabatan ini telah menjalankan tugas-nya dengan sempurna. Satu lagi usaha yang penting di-jalankan ia-lah menyiarkan berita<sup>2</sup> lawatan pemeriksaan pemerhati<sup>2</sup> dari lima buah negara asing ka-pilehanraya tersebut dan bantuan yang di-beri kepada akhbar luar negeri.

#### JABATAN RADIO

422. Radio maseh lagi menjadi chara perhubungan 'am yang penting dan amat berkesan di-Malaysia oleh sebab hampir semua keluarga mempunyai peti radio masing<sup>2</sup>.

423. Jabatan Radio telah berjaya menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya memberi penerangan dan menghebahkan dengan sa-luas<sup>2</sup>-nya usaha<sup>2</sup> dan dasar<sup>2</sup> Kerajaan kepada ra'ayat. Melalui ranchangan<sup>2</sup> dan siaran<sup>2</sup> warta berita-nya, Radio Malaysia telah dapat menentang anasir<sup>2</sup> jahat yang berusaha menyebarkan berita<sup>2</sup> palsu dan menjalankan lain<sup>2</sup> kegiatan subversib di-Malaysia.

424. Turun-nya nilai mata-wang lama, rusohan<sup>2</sup> di-Pulau Pinang dan krisis kewangan antarabangsa, ada-lah perkara<sup>2</sup> yang patut di-sebut. Dalam menjalankan tugas-nya memberi penerangan sa-banyak<sup>2</sup>-nya kepada ra'ayat mengenai perkara<sup>2</sup> yang penting, Jabatan Radio telah dapat mententeramkan hati ra'ayat, menghapuskan khabar<sup>2</sup> angin dan menghalang keadaan kelamkabut di-kalangan ra'ayat.

425. Radio Malaysia juga berusaha mengukuhkan lagi semangat ta'at setia dan kemegahan ra'ayat terhadap negara dan juga semangat persefahaman antara kaum.

426. Sa-laras dengan dasar Kerajaan, Bahasa Kebangsaan telah di-gunakan dengan sa-berapa yang boleh dalam menyediakan warta berita dan ranchangan<sup>2</sup> Jabatan Radio dalam tahun lalu.

427. Dalam tahun 1967, beberapa steshen dan pemancar telah di-siapkan. Steshen pemancar baharu di-Kajang telah di-buka dengan resmi-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Steshen baharu Radio Malaysia di-Ipoh telah di-buka oleh Duli Yang Maha Mulia/ Sultan Perak pada bulan Mei, 1967. Tahun ini, Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pula telah meresmikan steshen pemancar baharu di-Kuantan pada 10hb Februari, 1968.

428. Satu lagi kemajuan baharu ia-lah pelancharan siaran daerah Radio Malaysia mula<sup>2</sup> dari 15hb April tahun ini. Mula<sup>2</sup> daripada tarikh itu, steshen<sup>2</sup> Pulau Pinang, Ipoh, Melaka dan Johor Baharu mengadakan siaran daerah masing<sup>2</sup> pada tiap<sup>2</sup> malam dari pukul 10.30 malam hingga 12.00 tengah malam. Tujuan utama siaran<sup>2</sup> ini ia-lah hendak memberi peluang kepada penduduk<sup>2</sup> kawasan<sup>2</sup> itu mendengar siaran<sup>2</sup> hal<sup>2</sup> tempatan dan ranchangan<sup>2</sup> yang di-sukai mereka.

429. Dalam usaha<sup>2</sup>-nya hendak berkhidmat kepada ra'ayat, Radio Malaysia telah berjaya merapatkan hubungan antara Kerajaan dengan ra'ayat. Mula<sup>2</sup> tahun ini, Radio Malaysia telah berusaha dengan lebih giat lagi merapatkan diri-nya dengan para pendengar dengan mengadakan pertunjokkan<sup>2</sup> anekaragam dan permainan Orkes Radio Malaysia di-luar studio dengan lebih kerap dan besar<sup>2</sup>an.

430. Sementara kemudahan<sup>2</sup> yang ada itu di-elokkan lagi, usaha<sup>2</sup> sentiasa di-jalankan untuk menambahkan lagi kemudahan<sup>2</sup> itu supaya, dalam sedikit masa lagi, Radio Malaysia akan dapat di-dengar di-setiap pelusok negara melalui gelombang pendek dan gelombang sederhana.

#### JABATAN TALIVISHEN MALAYSIA

431. Dalam tahun 1968 ini genap-lah empat tahun Talivishen Malaysia memberi perkhidmatan-nya. Jumlah peti<sup>2</sup> talivishen yang di-keluarkan lesen-nya telah bertambah dari 1,000 buah peti dalam tahun 1964 menjadi 106,692 buah pada bulan November, 1967. Oleh itu, talivishen telah menjadi bukan sahaja suatu alat perantaraan, bahkan telah juga menjadi suatu perkara biasa bagi semua penduduk Malaysia.

432. Bermula dengan satu alat pemancar perprojek pemandu untuk Kuala Lumpur dan daerah<sup>2</sup> di-sekeliling-nya, perkhidmatan talivishen Malaysia sekarang ini telah di-tambah hingga sampai ka-seluruh Pantai Barat Malaysia dan ka-sabahagian daripada Pantai Timor. Alat<sup>2</sup> pemancar sekarang ini memancarkan ranchangan<sup>2</sup> melalui sistem gelombang talikom dari Bukit Sungai Besi, Gunong Pulai, Gunong Tampin, Gunong Kledang, Gunong Jerai, Maxwell Hill, Batu Pahat, Kluang, Gunong Brinchang dan Bukit Bakar. Adalah di-anggarkan bahawa lebih daripada  $\frac{1}{2}$  juta orang menuntun Talivishen tiap<sup>2</sup> petang.

433. Ranchangan<sup>2</sup> untuk menyampaikan siaran talivishen ka-seluruh kawasan Pantai Timor, Malaysia Barat dan lain<sup>2</sup> kawasan terpenchil, telah pun banyak di-jalankan dan ada-lah di-jangka bahawa pada akhir tahun ini, Kuantan akan mendapat perkhidmatan talivishen. Trengganu akan mendapat perkhidmatan talivishen kemudian-nya apabila sistem gelombang talikom siap di-pasang.

434. Di-Malaysia Timor juga, ranchangan<sup>2</sup> telah hampir<sup>2</sup> siap di-jalankan dan tidak berapa lama lagi, Sabah dan Sarawak akan mendapat perkhidmatan talivishen.

435. Waktu siaran telah di-tambah daripada 22 jam sa-minggu menjadi 48 jam sa-minggu. Waktu siaran talivishen yang biasa ia-lah daripada 5.45 petang hingga hampir<sup>2</sup> tengah malam, tetapi pada hari<sup>2</sup> Juma'at, Sabtu, Ahad dan hari<sup>2</sup> kelepasan, siaran<sup>2</sup> tambahan di-pancharkan.

436. Lebih kurang 45% daripada ranchangan<sup>2</sup> talivishen yang di-siarkan ada-lah ranchangan<sup>2</sup> pengeluaran tempatan yang di-siarkan chara terus menerus. Ranchangan<sup>2</sup> ini ada-lah tinggi mutu-nya. Pada masa hadapan, apabila lebih banyak lagi kemudahan<sup>2</sup> di-dapati ada-lah tujuan perkhidmatan ini untuk mengadakan ranchangan<sup>2</sup> keluaran tempatan dengan lebih banyak dan lebih baik mutu-nya lagi.

437. Ranchangan<sup>2</sup> telah di-susun untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik lagi kepada orang ramai. Apabila Jabatan Talivishen selesai pindah ka-Angkasapuri kelak, ada-lah di-harapkan bahawa saluran yang kedua akan di-adakan supaya bertambah banyak lagi ranchangan<sup>2</sup> yang boleh di-pilih oleh orang ramai. Talivishen Pelajaran juga akan di-adakan dan kemudian-nya di-majukan untuk memberi perkhidmatan pelajaran kepada sekolah<sup>2</sup> dan juga untuk faedah ra'ayat seluruh negara.

438. Sunggoh pun Talivishen Malaysia ada-lah satu Jabatan Kerajaan, tetapi Jabatan ini juga menjalankan satu perkhidmatan perniagaan dengan menawarkan masa siaran-nya bagi i'klan<sup>2</sup>. Tetapi tiada satu ranchangan jua pun yang di-ganggu oleh ranchangan perdagangan kerana i'klan<sup>2</sup> di-siarkan apabila sa-suatu ranchangan itu tamat. Penuntun<sup>2</sup> puas hati dengan susunan itu. I'klan<sup>2</sup> perniagaan telah di-mulakan dalam tahun 1965. Dalam tahun 1967, hasil daripada perkhidmatan ini telah bertambah hingga sampai \$3.6 juta banyak-nya.

439. Melalui rancangan bertukar<sup>2</sup> filem, Talivishen Malaysia telah dapat menjadikan Malaysia lebih terkenal di-negeri<sup>2</sup> lain dalam dunia ini, terutamanya sa-kali dalam kawasan Persatuan Penyiaran Sa-Asia (ABU) di-mana filem<sup>2</sup> mengenai Malaysia di-siarkan tiap<sup>2</sup> bulan dalam rangkaian kebangsaan sembilan buah negeri yang menjadi ahli dalam rancangan ini.

#### FILEM NEGARA

440. Meski pun kesukaran mendapat kakitangan<sup>2</sup> yang berpengalaman terus di-alami, Jabatan ini telah dapat juga mencapai kemajuan dalam tahun lalu. Kerja<sup>2</sup> penerbitan yang telah di-jalankan ada-lah lebih banyak daripada yang telah lalu semenjak bahagian ini di-tubuhkan 21 tahun dahulu. Kejayaan ini telah dapat di-chapai terutama sa-kali kerana ketekunan kakitangan<sup>2</sup> Jabatan ini dalam membantu usaha negara hendak mengukuhkan semangat ta'at setia dan bersatu padu serta menerangkan kepada ra'ayat<sup>2</sup> Malaysia mengenai kemajuan dalam negara.

441. Dalam tahun 1967, Filem Negara telah mengeluarkan sa-banyak 107 buah filem yang mengambil masa sa-lama 23 jam 17 minit menayang-nya. Filem Malaysia Sa-minggu yang sangat di-sukaī ramai, sa-buah majallah filem mingguan mengenai perkara<sup>2</sup> dan peristiwa<sup>2</sup> penting yang sedang berlaku di-sekitar negara, berjumlah 52 buah filem termasuk 5 keluaran khas. Banyak perkara dari hampir<sup>2</sup> semua segi kemajuan masyarakat, pelajaran, dan pembangunan negara telah di-filemkan.

442. Sa-banyak 22 buah filem dokumentar dan filem pelajaran telah di-terbitkan mengenai perkara<sup>2</sup> penting seperti 10 tahun Merdeka, lawatan<sup>2</sup> negara oleh pembesar<sup>2</sup> luar negeri, kesihatan luar bandar dan latehan belia di-Sabah, pertandingan<sup>2</sup> akhir Piala Thomas di-Jakarta dan pembangunan negara dan luar bandar. Tiga buah filem berwarna juga telah di-buat ia-itu "Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong", "Pesta di-Pulau Pinang", ia-itu sa-buah filem kebudayaan, dan "Sentiasa di-Angkasaraya", sa-buah filem berkenaan dengan peranan Tentera Udara di-Raja Malaysia.

443. Siri "Kesah Kampong Kita" yang di-sukaī ramai mengesahkan kemajuan masyarakat luar bandar di-kampong<sup>2</sup> dan siri "Tongkat Hitam" mengenai balasan kepada mereka<sup>2</sup> yang membuat salah ada-lah termasuk dalam 4 buah penerbitan jenis sa-paroh derama.

444. Dalam tahun 1968, ada-lah di-chadangkan hendak meneruskan penerbitan mingguan Malaysia Sa-minggu dan juga menambahkan penerbitan filem<sup>2</sup> dokumentar mengenai pembenaan negara dan pembangunan. Banyak lagi filem<sup>2</sup> yang akan di-buat seperti filem "Kesah Kampong Kita" dan "Tongkat Hitam". Satu siri baharu bertajuk "Inspektor Zain" mengenai usaha<sup>2</sup> menentang gulungan budak<sup>2</sup> jahat dan menanam semangat menghormati undang<sup>2</sup> sedang di-ranchangkan. Satu kajian sedang di-buat mengenai kemungkinan Jabatan Filem Negara membuat filem<sup>2</sup> wayang gambar dan berjalan sa-bagai sa-buah perbadanan.

## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

PERKARA<sup>2</sup> 'AM

445. Tugas utama Kementerian Pengangkutan ia-lah hendak menyatukan kemajuan kemudahan<sup>2</sup> pengangkutan dan perkhidmatan-nya supaya kedua<sup>2</sup> kemajuan itu dapat di-jadikan satu sistem yang chekap. Kementerian ini juga bermaksud menentukan supaya kemudahan<sup>2</sup> pengangkutan keretapi, jalan raya, ayer dan udara dapat di-adakan dengan sa-berapa baik dan murah yang boleh.

446. Di-dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama (1966-1970), perbelanjaan Pembangunan mengenai berbagai<sup>2</sup> jenis pengangkutan dan perhubungan ada-lah di-taksirkan hampir<sup>2</sup> \$751 juta di-bawah Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom.

447. Pada masa ini, satu Kajian 'Am Pengangkutan berkenaan dengan berbagai<sup>2</sup> jenis pengangkutan yang di-jalankan oleh satu pasokan pakar<sup>2</sup> dari Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, ada-lah pada perengkat<sup>2</sup> akhir-nya. Laporan dan chadangan<sup>2</sup> pasokan kajian ini di-jangka siap dalam bulan Oktober ini.

448. Hasil yang di-pungut oleh Jabatan Pengangkutan Jalan telah bertambah sa-banyak lebeh kurang \$7 juta dalam tahun 1967. Jabatan Penerbangan 'Awam sedang menjalankan projek memperbesarkan Lapangan-terbang<sup>2</sup> di-Pulau Pinang dan di-Kuala Trengganu. Walau pun Pentadbiran Keretapi maseh menghadapi kedudukan kewangan yang kurang memuaskan, projek<sup>2</sup> pembangunannya di-teruskan juga.

## KESELAMATAN JALAN RAYA

449. Kerajaan memang mengambil berat di-atas masaelah keselamatan jalan raya dan kemalangan yang sentiasa berlaku di-jalan raya yang menyebabkan beberapa kechederaan dan kematian. Masaelah ini ada-lah suatu masaelah yang rumit dan sangat-lah payah hendak mengatasi-nya oleh kerana ia-nya berkait dengan beberapa perkara, umpama-nya perangai dan kelakuan pengguna<sup>2</sup> semasa di-jalan raya, keadaan jalan raya dan kenderaan, keadaan chuacha dan seterusnya. Pendek kata, untuk mengatasi masaelah ini tindakan perlu di-ambil menerusi tiga saloran, ia-itu kejuruteraan, menjalankan kuatkuasa undang<sup>2</sup> dan pelajaran. Tindakan terhadap ketiga<sup>2</sup> saloran ini telah pun di-ambil dan maseh di-selenggara lagi.

450. Mengenai pelajaran keselamatan jalan raya, Kerajaan telah mengadakan kempen dari semasa ka-semasa dan akan berikhtiar lagi mengadakan kempen setakat yang boleh untuk memberi kesedaran kepada orang ramai betapa mustahak-nya mereka berperangai baik dan berhati<sup>2</sup> di-jalan raya. Kerajaan juga akan berikhtiar untuk mendapat kerjasama pertubohan<sup>2</sup> dan sharikat<sup>2</sup> berkenaan terhadap masaelah ini sa-hingga semua golongan ra'ayat faham dan sedar bahawa perkara ini bukan-lah sahaja tanggung-jawab Kerajaan, bahkan tiap<sup>2</sup> penduduk, untuk mengatasi-nya. Kegiatan terhadap pelajaran keselamatan jalan raya akan di-perluaskan dan alat<sup>2</sup> seranta untuk panduan orang ramai akan di-tambahkan lagi. Peratoran<sup>2</sup> untuk membaiki keselamatan pengguna<sup>2</sup> jalan raya juga akan di-selenggarakan.



451. Dalam kempen tahun sudah, Kerajaan telah menjalankan diayah menerusi saloran<sup>2</sup> seranta Kerajaan, akhbar<sup>2</sup> dan panggong<sup>2</sup> wayang. Beribu<sup>2</sup> buku, risalah dan poster telah di-bahagi<sup>2</sup>kan kepada orang ramai. Filem<sup>2</sup> keselamatan jalan raya dan sisip gambar telah juga di-tayangkan di-seluruh negeri dan beberapa perkara lagi telah juga di-adakan untuk mengingatkan orang ramai dan memberi kesedaran terhadap masaelah ini. Kempen ini telah mendapat sambutan yang baik dari orang ramai dan telah memberi kesedaran di-atas perkara keselamatan jalan raya.

#### PENGANGKUTAN JALAN

452. Saperti mengikut dasar Kerajaan, pembangunan di-dalam bidang peranan orang<sup>2</sup> Melayu dalam perusahaan pengangkutan jalan terus di-kekalkan. Di-dalam lapangan perusahaan kereta sewa/tekse, peratus matlamat bagi peruntukan orang<sup>2</sup> Melayu di-dalam Negeri<sup>2</sup> Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Pahang telah pun terchapai. Bagi Negeri Kedah, perbezaan peratus yang belum lagi di-chapai hanya-lah chuma 0.14% lagi. Bagi Negeri<sup>2</sup> Johor, Perlis, Trengganu dan Kelantan, tindakan sedang di-ambil supaya peruntukan itu terchapai dengan seberapa segera. Berkenaan dengan Lesen<sup>2</sup> Pengangkutan yang membenarkan kereta<sup>2</sup> untuk membawa barang<sup>2</sup>, 393 lesen<sup>2</sup> telah di-keluarkan sa-hingga 31hb Mach, 1968 kepada orang<sup>2</sup> Melayu dan kepada sharikat perkongsian orang<sup>2</sup> Melayu dan orang<sup>2</sup> bukan Melayu. Kemajuan yang terchapai dalam lapangan perkhidmatan bas juga ada-lah memuaskan dan jalan<sup>2</sup> bas yang di-kendalikan oleh orang<sup>2</sup> Melayu hingga 31hb Mach, 1968, ia-lah sa-banyak 268 jalan berbanding dengan 242 pada 1hb Januari, 1967. Sa-hingga 1hb Januari, 1968, jumlah modal yang di-tanam oleh orang<sup>2</sup> Melayu di-dalam sharikat bas kepunyaan orang<sup>2</sup> Melayu dan bukan orang Melayu ia-lah sa-banyak \$8,262,725.00.

453. Pada 'am-nya kemajuan pengangkutan jalan raya ada-lah bergerak dengan chepat-nya. Jumlah kereta<sup>2</sup> motor yang telah berdaftar sa-hingga 31hb Mach, 1968, ia-lah 514,927, ia-itu bertambah sa-banyak 62,925 kereta<sup>2</sup> motor daripada tahun yang lalu. Hasil<sup>2</sup> yang di-pungut oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Raya dalam tahun 1967 ada-lah sa-banyak \$137.7 juta berbanding dengan \$130.3 juta pada tahun lalu.

454. Untuk memberi perkhidmatan yang lebeh baik kepada orang<sup>2</sup> 'awam di-pejabat<sup>2</sup> Pendaftar seluruh negeri ini, pesanan telah di-buat untuk membeli mesin<sup>2</sup> receipting analysis bagi mencheapatkan lagi pengeluaran lesen<sup>2</sup>. Ada-lah di-jangka mesin<sup>2</sup> itu akan sampai dan siap di-pasang sa-belum akhir tahun ini.

455. Pembinaan pejabat baru Pendaftar dan Pemereksa Kanan Kereta<sup>2</sup> Motor, Selangor pada masa ini ada-lah berjalan dengan memuaskan, dan di-jangka pejabat ini akan berpindah daripada pejabat-nya yang sempit sekarang ini di-Jalan Tuanku Abdul Rahman ka-pejabat baru-nya itu di-Petaling Jaya di-pertengahan tahun ini.

#### PENERBANGAN 'AWAM

##### MALAYSIA BARAT

456. Kemajuan berjalan saperti yang di-jangkakan dalam mengadakan kemudahan<sup>2</sup> yang lebeh sempurna bagi kapal<sup>2</sup> terbang dan penumpang<sup>2</sup>.

457. Bersaingan dengan pembesaran sharikat penerbangan kebangsaan, "Malaysia-Singapore Air line" Lapangan Terbang Pulau Pinang sedang diperbesarkan dengan menambah landasan-nya dan menambah alat<sup>2</sup> pandu penerbangan serta bangunan.

458. Lapangan Terbang Kuala Trengganu sedang di-elokkan lagi dan diperbesarkan supaya membolehkan kapal terbang Fokker F27 mendarat. Perhubungan<sup>2</sup> dan "ground aids" yang moden telah pun di-ranchang dan di-pasangkan.

459. Tahun 1967 telah menunjukkan keselamatan yang chukup dan tiada kemalangan berlaku kepada kapal terbang 'awam yang berjadual di-Malaysia Barat.

460. Lalu lintas udara semakin bertambah di-Lapangan Terbang Antarabangsa, Kuala Lumpur dan empat buah lagi penerbangan<sup>2</sup> Antarabangsa telah mendarat di-Kuala Lumpur pada tahun itu.

#### MALAYSIA TIMOR

461. Dalam tahun 1967, terdapat perluasan yang jelas dalam bidang perkhidmatan dan terafik yang di-bawa oleh Sharikat penerbangan kebangsaan, Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura, sa-bagaimana di-gambarkan dalam angka<sup>2</sup> berikut:

1966 ... Jumlah penumpang di-semua padang terbang—500,605.

1967 ... Jumlah penumpang di-semua padang terbang—583,054.

Ini ia-lah tambahan sa-banyak 16.4% dalam satu tahun.

462. Dalam tahun 1966, jumlah pergerakan kapal<sup>2</sup> terbang 'awam ia-lah 48,726. Dalam tahun 1967, jumlah-nya ia-lah 48,222.

463. Kekurangan yang sedikit dalam jumlah pergerakan kapal terbang ini disebabkan oleh penggunaan kapal terbang yang lebeh besar, ia-itu Fokker Friendship, untok kegunaan dalam perkhidmatan daerah.

464. Ranchangan untok pembenaan dan perluasan padang<sup>2</sup> terbang di-Malaysia Timor berjalan dengan memuaskan dalam tahun 1967.

465. Semua kerja<sup>2</sup> bagi landasan, "taxiway" dan "apron" di-padang terbang Bintulu telah siap, dan pada akhir bulan Disember 70% dari kerja<sup>2</sup> bagi padang terbang baru di-Miri telah di-siapkan. Kerja<sup>2</sup> bagi padang terbang Lahad Datu telah siap. Banyak kemajuan yang telah di-chapai dalam usaha memperalatkan sa-mula padang<sup>2</sup> terbang Jabatan ini dengan alat<sup>2</sup> perhubungan dan, dalam suku akhir tahun lalu, tender<sup>2</sup> telah di-tawarkan bagi memasang Very High Frequency Omni Range Beacons di-padang terbang<sup>2</sup> Kota Kinabalu dan Kuching. "Beacons" ini di-jangka akan siap di-pasang dalam tahun 1968.

466. Kerja<sup>2</sup> membena 2 buah bangunan padang terbang di-mulakan dalam tahun 1967 dan akan siap pada tahun 1968 ini, ia-itu:

(a) Sa-buah bangunan persinggahan dan steshen bomba baru di-Padang Terbang Tawan.

(b) Pembesaran bangunan persinggahan Padang Terbang Bintulu.

Dasar<sup>2</sup> Kementerian yang akan di-jalankan termasuklah:

- (i) mengadakan padang<sup>2</sup> terbang dan kemudahan<sup>2</sup> yang bersangkutan di-seluruh Malaysia Timor untuk membolehkan Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura menggunakan Kapal Terbang<sup>2</sup> Fokker Friendship di-semua jalan udara tempatan yang penting;
- (ii) meneruskan rancangan yang di-tetapkan sa-bagai sa-bahagian daripada Rancangan Malaysia Pertama untuk meninggikan mutu perkhidmatan<sup>2</sup> alat<sup>2</sup> penerbangan-radio, perhubungan serta kemudahan Lampu Padang Terbang ka-satu perangkat yang perlu bagi penggunaan yang selamat serta sesuai bagi kapal<sup>2</sup> terbang sharikat penerbangan kebangsaan dan bagi mengadakan perkhidmatan udara yang chukup kepada orang ramai.

#### PERKHIDMATAN KAJICHUACHA

467. Perkhidmatan Kajichuacha Malaysia terus memperluaskan lagi perkhidmatan-nya dalam tahun 1967 supaya dapat memenohi segala kehendak<sup>2</sup> penerbangan 'Awam dan Tentera yang sekarang ini berkehendakkan supaya di-perluaskan lagi kemudahan<sup>2</sup> Kajichuacha bagi kawasan Malaysia Timor dan Barat. Sa-buah Pejabat Kajichuacha Kechil di-Kuantan dan sa-buah lagi di-Kota Kinabalu sedang di-tubuhkan dengan maksud supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebeh chekap lagi kepada Tentera Udara di-Raja Malaysia. Steshen radiosonde/radio wind yang baharu telah di-bena di-Kota Kinabalu untuk mengukur Udara di-langit dan hawa sa-tinggi 100,000 kaki untuk memberikan chatitan<sup>2</sup> Kajichuacha untuk kapal terbang jet yang terbang tinggi yang terbang di-kawasan ini.

468. Satu kejayaan besar yang telah di-chapai pada tahun 1967 ia-lah penubohan Bahagian Kajiiklim yang dapat menyelamatkan wang yang banyak daripada di-berikan kepada Singapura pada tiap<sup>2</sup> tahun. Bahagian ini telah menggunakan satu sistem "punch-card" yang membolehkan ia-nya di-gunakan sa-mula kemudian pada computer untuk memperoses dan menganalisa chatitan<sup>2</sup>. Recording formats yang baharu telah mula di-gunakan supaya senang menukar<sup>2</sup> kan chatitan<sup>2</sup> dalam "punch-cards" itu untuk di-analisa oleh computer. Chara yang baharu ini ada-lah kemajuan yang besar jika di-bandingkan dengan chara<sup>2</sup> lama menganalisa chatitan<sup>2</sup> dan merekodkan-nya. Penerbitan chatitan<sup>2</sup> kajichuacha boleh di-jalankan dengan lancar-nya apabila sahaja sistem ini di-bantu oleh computer.

469. Kemajuan dalam teknik ramalan iklim tropika telah berjalan dengan lancar-nya apabila pesanan di-buat untuk perkakas elektronik bagi melengkapkan "APT Satellite Tracking Station" dalam tahun 1967. Dengan menggunakan gambar<sup>2</sup> APT untuk menganalisa chuacha, akan bertambah-lah lagi kemajuan muta dan tepat-nya ramalan Kajichuacha oleh sebab peredaran awan yang pada masa dahulu, tiada dapat di-tentukan dengan menggunakan chara<sup>2</sup> lama, boleh di-ambil gambar<sup>2</sup>-nya dan di-jadikan bahan<sup>2</sup> analisa.

470. Satu lagi kemajuan dalam perkhidmatan ini ia-lah penubohan bahagian latehan di-Ibu Pejabat. Bahagian ini di-tubuhkan untuk melateh kakitangan yang baharu dalam teori dan kerja<sup>2</sup> Kajichuacha. Semenjak penubohan-nya itu,

sa-ramai 35 orang kakitangan baharu telah di-lateh. Perkhidmatan ini berharap agar latehan ini di-perluaskan lagi hingga ka-bahagian<sup>2</sup> ikhtisas lain seperti Kajichuacha dengan radar dan satellite apabila kakitangan<sup>2</sup> yang berkeelayakan boleh di-dapati.

#### JABATAN LAUT DAN PELABOHAN

##### DERMAGA<sup>2</sup> AYER DALAM, BAGAN LUAR

471. Pembangunan dermaga<sup>2</sup> ayer dalam di-Bagan Luar, yang menelan belanja sa-banyak \$60 juta, sedang berjalan dengan pesat-nya dan tiga tambatan yang pertama akan di-buka untuk penggunaan dalam bulan September tahun ini, dan, dengan ini, akan membolehkan Surohanjaya ini mendapatkan hasil lebeh awal dari yang di-jangkakan. Ini akan merupakan bantuan yang besar kepada Surohanjaya untuk membayar kembali pinjaman sa-banyak \$44.3 juta kepada Kerajaan Pusat termasuk pinjaman sa-banyak \$16.3 juta kepada Kreditanstalt fur Wiederaufbau, Republik Bersekutu German.

472. Dua tambatan lagi di-jangka akan siap pada penghujung tahun 1969 atau pada awal tahun 1970 dan tambatan<sup>2</sup> ini bersedia mengerjakan kago dalam kontener kira-nya chara terbaharu mengerjakan kago ini di-perkenalkan untuk penggunaan di-Pelabohan Pulau Pinang. Dari itu, pelabohan ini bukan sahaja dapat mengerjakan kago tambahan pada penghujung sa-puloh tahun ini, akan tetapi dapat juga mengerjakan kago dengan sistem baharu, dan, dengan ini, dapat-lah mengekalkan kedudukan-nya sa-bagai pelabohan yang terpenting dalam Malaysia.

473. Untuk memastikan pekerjaan<sup>2</sup> di-dermaga<sup>2</sup> baharu ini berjalan dengan lancar dan chekap, Surohanjaya ini, dengan bantuan Penasihat<sup>2</sup> Pengurusan, telah mengkaji semua susunan pekerjaan<sup>2</sup> dan peratoran<sup>2</sup>, dan telah membuat beberapa pembaharuan yang akan menambahkan lagi pengeluaran dan membaiki perkhidmatan kepada pengguna<sup>2</sup> pelabohan. Peranchangan, yang teliti dan pengkajian dalam tiap<sup>2</sup> segi pekerjaan di-dermaga<sup>2</sup> baharu ini akan membolehkan Surohanjaya ini memulakan penggunaan-nya dengan lancar dan chekap, ia-itu apabila pembinaan dermaga<sup>2</sup> ini siap.

##### WELD QUAY

474. Pembangunan bahagian tengah Weld Quay telah pun siap, dari itu, ia merupakan pengkalan yang lurus dari selatan kawasan Surohanjaya sa-hingga Pengkalan Raja Tun Uda yang membolehkan tongkang<sup>2</sup> persendirian mengerjakan kago<sup>2</sup> pada sebarang keadaan pasang surut. Pertimbangan telah pun di-beri untuk menjadikan Dermaga Weld Quay kawasan berniaga bebas bagi menjaga perniagaan pusat perdagangan Pulau Pinang.

##### PERKHIDMATAN FERI

475. Sejak 1hb Januari, 1968, Surohanjaya telah menggunakan sistem pungutan tambang feri di-satu pengkalan sahaja dan ini mengurangkan belanja di-atas kakitangan<sup>2</sup> di-pengkalan<sup>2</sup>. Di-sebabkan pengurangan belanja ini, maka Surohanjaya telah dapat mengurangkan harga tambang feri kepada pengguna<sup>2</sup> feri.

## JABATAN LAUT DAN PELABOHAN—SABAH

476. Pembinaan satu pelancharan kapal<sup>2</sup> yang berat-nya 120 tan telah siap dan telah di-buka dengan resmi-nya pada 5hb April, 1968 oleh Menteri Pengangkutan. Dengan siap-nya pelancharan ini, kapal<sup>2</sup> kecil di-pantai timur Sabah tidak lagi mesti di-bawa ka-Labuan untuk di-kandaskan dan di-perbaiki.

477. Dermaga baru yang berukuran 150 kaki × 40 kaki di-Semporna telah siap, dan akan di-buka kepada perkapalan tidak lama lagi. Dermaga ini apabila siap, akan membolehkan kapal<sup>2</sup> jenis sedang berlaboh di-sepanjang-nya.

478. Kontrek bagi pembinaan sebuah dermaga baru berukuran 200 kaki × 40 kaki di-Lahad Datu telah di-tawarkan dalam bulan Oktober, 1967 dan kerja<sup>2</sup> bagi projek ini berjalan dengan memuaskan.

479. Tiga buah kapal kecil baru yang di-bina di-Hong Kong telah siap dan di-hantar dalam tahun 1967, ia-itu:

Sa-buah kapal-korek Grab/Hopper.

Sa-buah kapal pendaratan bagi Jabatan Kerja Raya.

Sa-buah kapal kecil untuk Pentadbiran.

Sa-buah lagi kapal kecil untuk Pentadbiran sedang di-bina dalam negeri ini dan di-jangka akan siap sekarang ini.

## JABATAN LAUT DAN PELABOHAN—SARAWAK

480. Dalam tahun lalu, kontrek<sup>2</sup> telah di-dapati bagi membina empat buah kapal<sup>2</sup> baru untuk menambah kebolehan jabatan ini membawa barang<sup>2</sup> dan penumpang<sup>2</sup>.

481. Usaha yang istimewa telah di-buat untuk menolong menyiapkan projek kemajuan lapangan terbang di-Miri, Bahagian 4, dan kearah ini, Kapal<sup>2</sup> Pembawa Batu telah mengangkut sa-jumlah 20,000 tan batu<sup>2</sup> kecil sa-jauh 83,200 batu antara Kuari dengan tempat itu.

482. Semua penyelidekan yang terutama telah di-selesaikan oleh Hydrographic Surveyor jabatan ini sa-belum perletakan jawatan-nya dalam bulan September. Pembinaan sa-buah Kapal Lanchar Hydrographic Survey yang baru telah di-mulakan.

483. Tindakan terhadap langkah<sup>2</sup> keselamatan yang baik di-kalangan kapal<sup>2</sup> tempatan di-teruskan dengan tiada banyak tentangan daripada tuan-punya<sup>2</sup>. Satu permulaan telah di-buat bagi melesenkan motorbot yang di-gunakan untuk sewaan di-sungai<sup>2</sup>.

484. Kelas<sup>2</sup> bulanan telah di-adakan bagi memperbaiki kemahiran-laut serta pengetahuan tata-chara<sup>2</sup> Kerajaan di-kalangan kakitangan<sup>2</sup> laut.

485. Bilangan anak negeri Sarawak di-bawah latihan untuk mengambil-alih pegawai<sup>2</sup> dagang yang kanan telah bertambah dari lima kepada tujuh.

# PENTADBIRAN KERETAPI

486. Dalam tahun 1967, Keretapi Tanah Melayu menjangka menghadapi kekurangan sa-banyak \$9.1 juta dan dengan kekurangan yang telah tertimbun sa-banyak \$14.1 juta sa-lama beberapa tahun yang lalu, maka kekurangan tertimbun hingga tahun 1967 menchapai sa-jumlah \$23.2 juta.

487. Kemerosotan kedudukan kewangan Pentadbiran Keretapi telah di-sebabkan oleh faktor<sup>2</sup> yang kebanyakan di-luar kawalan Pentadbiran Keretapi, saperti :

- (a) kenaikan gaji dan elaun yang luar biasa semenjak 1962;
- (b) kenaikan banyak-nya bayaran pinjaman kepada Kerajaan;
- (c) pertentangan hebat dari lain<sup>2</sup> chara pengangkutan yang memaksa tambang<sup>2</sup> barang di-turunkan;
- (d) bijeh besi tiada lagi di-angkut kerana beberapa lombong<sup>2</sup> besi dalam kawasan Ipoh dan Temangan telah di-tutup; dan
- (e) bah besar dalam tahun 1967 yang menyebabkan bukan sahaja kerosakan yang terok bahkan kerugian hasil.

488. Dengan bantuan Ranchangan Kemajuan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, suatu kajian pengangkutan 'am sedang di-laksanakan untuk menimbangkan peranchangan dan pembangunan pengangkutan yang di-setarafkan dalam negara ini. Masa'elah yang menghadapi Keretapi Tanah Melayu dan mengakibatkan kerisis kewangan-nya sekarang akan di-pertimbangkan dengan sewajar-nya sebagai bahagian daripada kajian seluroh-nya.

489. Dalam tahun 1967, satu daripada perojek yang besar di-bawah ranchangan permodanan Keretapi, ia-itu sambongan landasan keretapi dari Perai ka-Butterworth, telah siap sempurna. Jumlah belanja perojek itu ia-lah \$11 juta, \$10 juta daripada-nya telah di-adakan dari wang pinjaman pembangunan oleh Kerajaan di-bawah Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama dan baki-nya dari sumber<sup>2</sup> Pentadbiran Keretapi sendiri.

490. Sambongan landasan keretapi ka-Butterworth telah melibatkan pembenaan jambatan putar menyeberangi Sungai Perai, bangunan setesen baru di-Butterworth (yang berhampiran dengan pelabohan feri penumpang) serta dengan yad barang<sup>2</sup> yang di-ranchangkan supaya boleh melayan dermaga<sup>2</sup> ayer dalam yang sedang di-bena dan perusahaan<sup>2</sup> yang akan terdiri dalam kawasan itu. Dengan siap-nya perojek itu, Keretapi telah memberhentikan gerakan perkhidmatan feri-nya di-antara Pulau Pinang dan Perai.

491. Dalam tahun 1967 juga, bersama<sup>2</sup> dengan Keretapi Negara Thai, perkhidmatan Keretapi segera di-antara Bangkok dan setesen sempadan Sungai Golok telah di-lanjutkan hingga ka-Tumpat, sementara perkhidmatan relkar disel dari Perai ka-Padang Besar (setesen sempadan yang lagi satu) telah di-sambong perjalanan-nya dari Butterworth ka-Hadyai selepas sahaja pembukaan sambongan landasan keretapi Butterworth.

492. Sa-bagai lanjutan ranchangan menggunakan lebih banyak lagi loko<sup>2</sup> disel sepuluh buah lagi loko haiderolik disel ibu jalan sedang di-pesan.

## KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

## PERDAGANGAN

493. Dalam lapangan perdagangan, pada tempoh Januari hingga September, 1967, kelebihan dalam perimbangan kira<sup>2</sup> perdagangan Malaysia ada-lah berkurangan sa-banyak \$97.6 juta jika di-bandingkan dengan masa yang sama dalam tahun 1966. Dalam jangka masa Januari hingga September 1966 kelebihan perimbangan kira<sup>2</sup> perdagangan ia-lah \$388.7 juta pada hal pada masa yang sama dalam tahun 1967 angka-nya ia-lah \$291.1 juta. Jumlah ekseptot bagi tahun 1966 (Januari-September) berharga sebanyak \$2,896.7 juta dan jumlah impot sebanyak \$2,508.0 juta. Tetapi dalam tahun 1967 (Januari-September) jumlah ekseptot berharga sebanyak \$2,827.0 juta dan ini menunjukkan bahawa angka ini telah kurang sebanyak \$69.7 juta jika di-bandingkan dengan tempoh yang sama dalam tahun 1966. Sebalik-nya impot untuk 1967 (Januari-September) berjumlah sebanyak \$2,535.9 juta dan ini ia-lah tambahan sebanyak \$27.9 juta jika di-bandingkan dengan jumlah impot bagi masa yang sama dalam tahun 1966. Turun-nya harga jumlah ekseptot yang di-sebabkan oleh kemerosotan harga<sup>2</sup> bahan<sup>2</sup> mentah yang di-ekseptot oleh Malaysia dalam pasaran dunia, telah pun mengurangi kelebihan dalam perimbangan kira<sup>2</sup> perdagangan.

494. Oleh kerana perdagangan sangat-lah penting bagi menentukan kema'amoran ekonomi negeri ini, maka Malaysia telah senantiasa menjalankan berbagai-bagai tindakan yang tegas untuk memperbanyakkan, menggalakkan dan menjaga<sup>2</sup> perdagangan luar negeri Malaysia. Yang paling menarik perhatian di-antara tindakan<sup>2</sup> ini ia-lah suatu Perjanjian Perdagangan yang telah di-tandatangani dengan U.S.S.R. dalam bulan April, 1967. Ini ia-lah kali yang pertama Malaysia menandatangani suatu Perjanjian dengan negara Komunis dan tujuan yang utama mengadakan Perjanjian ini ia-lah untuk menggalakkan perdagangan di-antara kedua<sup>2</sup> negeri sechara terus-menerus dan tidak lagi melalui negeri<sup>2</sup> lain yang menjadi orang tengah. Dengan tamat-nya Konfrontasi, Malaysia dan Indonesia telah mengadakan rundingan<sup>2</sup> bagi memulehkan hubungan perdagangan sechara yang lebih tertib dan berkesan. Rundingan<sup>2</sup> ini telah berakhir dengan kedua<sup>2</sup> negara menandatangani Urusan<sup>2</sup> Asas mengenai Perhubungan Perdagangan dan Ekonomi pada 11hb Mei, 1967. Berasas kepada Urusan<sup>2</sup> Asas tersebut, atoran<sup>2</sup> dan chara<sup>2</sup> peratoran perdagangan di-sediakan oleh kedua<sup>2</sup> Kerajaan dan telah pun di-umumkan serentak oleh kedua<sup>2</sup> negara pada 14hb November, 1967.

495. Suatu daripada langkah<sup>2</sup> yang di-ambil oleh Kerajaan untuk menchari pasaran<sup>2</sup> yang baru di-samping memperluaskan lagi pasaran<sup>2</sup> yang ada pada masa sekarang untuk hasil<sup>2</sup> negeri ia-lah memperkuatkan lagi Perkhidmatan Surohanjaya Perdagangan. Sakumpulan yang kedua Pesurohjaya<sup>2</sup> perdagangan telah pun di-lantek dalam bulan Oktober, 1967 dan Kerajaan telah pun berchadang hendak menghantarkan pegawai<sup>2</sup> ini yang sedang menjalankan latehan<sup>2</sup> khas dalam bidang menggalakkan perdagangan di-negeri<sup>2</sup> seberang laut, ka-Jakarta, Bangkok, Nairobi, Beirut dan Brussels. Ada-lah menjadi tujuan Kerajaan untuk melantek banyak lagi pegawai<sup>2</sup> untuk berkhidmat di-dalam Perkhidmatan Surohanjaya Perdagangan.

496. Kedudukan politik yang sehat dan keadaan ekonomi yang stabil di-Malaysia telah menarik perhatian banyak negeri<sup>2</sup> seberang laut yang ingin

membuat perdagangan dengan Malaysia. Banyak rombongan<sup>2</sup> perdagangan dan perusahaan luar negeri telah melawat Malaysia dalam tahun 1967 dengan tujuan hendak menambahkan lagi perdagangan mereka dengan negeri ini. Rombongan<sup>2</sup> perdagangan ini datang dari negeri<sup>2</sup> U.S.S.R., New Zealand, Pakistan, Taiwan, Italy, Finland, Burma, India dan Amerika Sharikat. Selain daripada menerima kedatangan rombongan<sup>2</sup> perdagangan daripada negeri<sup>2</sup> seberang laut, Kerajaan telah juga menggalakkan pehak<sup>2</sup> yang bersendirian menghantar rombongan<sup>2</sup> perdagangan ka-negeri<sup>2</sup> seberang laut. Dalam hal ini, rombongan<sup>2</sup> perdagangan sechara bersendirian telah pun melawat Australia, Korea Selatan, Japan, Hongkong, Formosa dan Indonesia.

497. Malaysia mengambil bahagian yang chergas di-dalam perbinchangan<sup>2</sup> antarabangsa berkenaan dengan penggalakkan perdagangan antarabangsa dan penyelesaian masa'alah<sup>2</sup> perdagangan antarabangsa, terutama sekali yang berkaitan dengan barang<sup>2</sup> mentah yang di-eksepot oleh Malaysia, dengan menjadi anggota di-dalam badan<sup>2</sup> antara bangsa seperti UNCTAD. Dalam tahun 1967 Malaysia telah menyertai meshuarat<sup>2</sup> persiapan yang telah di-adakan oleh Kumpulan "77" negara<sup>2</sup> yang sedang membangun di-Bangkok dan Algiers untuk membinchangkan dan menyediakan suatu tindakan bersama di-dalam Persidangan UNCTAD di-New Delhi. Di-persidangan<sup>2</sup> ini, Malaysia telah, bersama<sup>2</sup> dengan negeri<sup>2</sup> lain yang sedang membangun, mengemukakan tuntutan<sup>2</sup> untuk mendapat layanan keutamaan (preferential) untuk kemasokan barang<sup>2</sup> keluaran kilang dan barang<sup>2</sup> keluaran separoh kilang ka-dalam pasaran negeri<sup>2</sup> yang maju dan juga tuntutan supaya menetapkan harga<sup>2</sup> barang<sup>2</sup> dagangan yang stabil terutama sekali harga getah melalui perkiraan<sup>2</sup> antarabangsa.

## BARANG<sup>2</sup> EKSEPT

### GETAH

498. Getah asli yang akan terus menjadi bahan ekonomi yang utama bagi negara ini untuk beberapa tahun lagi sedang menghadapi anchaman<sup>2</sup> di-sebabkan oleh getah tiruan. Untuk mengukuhkan kedudukan getah asli dalam pasaran getah, Kerajaan telah mengambil langkah<sup>2</sup> yang sesuai dengan menggalakkan lagi penanaman sa-mula getah yang lama dengan beneh<sup>2</sup> yang tinggi mutu-nya. Juga, Kerajaan sedang menjalankan penyelidekan yang rapi untuk menambah lagi penghasilan daripada beneh<sup>2</sup> itu, dan menchari chara<sup>2</sup> baharu dalam membeku dan membungkus getah supaya dapat di-keluarkan dengan sa-chara baharu. Penyelidekan untuk meluaskan lagi kegunaan getah asli sedang di-jalankan dan pasaran baharu juga di-chari dengan chara memberi perkhidmatan penasihat teknik serta juga dengan kempen<sup>2</sup> yang bersemangat untuk menyebarkan mutu getah asli. Untuk menahankan kejatohan harga getah Kerajaan telah mengambil bahagian di-dalam pasaran getah dan mengambil bahagian chergas dalam perundingan antarabangsa dengan pengeluar<sup>2</sup> getah asli dan tiruan.

499. Ranchangan tanam sa-mula yang telah di-jalankan oleh Kerajaan telah dapat kejayaan besar. Sa-hingga tahun 1967 lebih kurang 86% daripada ladang<sup>2</sup> besar dan 60% kebun<sup>2</sup> kechil di-Malaysia Barat telah di-tanam dengan beneh jenis yang bermutu tinggi. Ini telah mengakibatkan penghasilan yang bertambah.



Pengeluaran getah dalam tahun 1967 dari Malaysia ia-lah 982,990 tan jika dibandingkan dengan 952,425 tan dalam tahun 1966. Pengekspepotan getah daripada Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak, dalam tahun 1967 berjumlah 1,026,715 tan, ia-itu lebih daripada pengekspepotan sebanyak 997,867 tan dalam tahun 1966.

500. Pengeluaran getah jenis baharu SMR bertambah banyak dalam tahun 1967 dan sa-hingga penghujung tahun itu pengeluar<sup>2</sup> SMR di-Malaysia berjumlah 107. Jumlah pengekspepotan SMR dalam tahun 1967 ia-lah 23,576.3 tan. Kerajaan berharap bahawa dengan pengeluaran getah jenis SMR ini, Malaysia akan dapat melebihi lagi penjualan getah-nya di-luar negeri. Perkhidmatan penasihat teknik di-bawah anjoran Lembaga Kumpulan Wang Getah Malaya yang ada pejabat<sup>2</sup>-nya di-negeri<sup>2</sup> yang membeli getah, telah menghibahkan keterangan<sup>2</sup> mengenai mutu tinggi dan kelebihan<sup>2</sup> SMR ini.

501. Dalam tahun 1967 Kerajaan telah menubuh sa-mula Pasaran Getah Malaysia mengikut sambutan penjual<sup>2</sup> dan pembeli<sup>2</sup> di-dalam dan di-luar negeri untuk menguatkan Pasaran tersebut. Tindakan ini ada-lah mengikut dasar Kerajaan supaya Malaysia mempunyai suatu badan penjualan getah yang kukuh. Supaya Pasaran ini di-gunakan oleh pihak<sup>2</sup> luar negeri, badan<sup>2</sup> daripada luar negeri telah di-benarkan menjadi ahli dalam Pasaran ini.

502. Sa-bagai suatu langkah untuk menahankan kejatohan harga getah, Kerajaan telah mengadakan suatu Persidangan Negara<sup>2</sup> pengeluar Getah Asli di-Kuala Lumpur dalam bulan Oktober, 1967 untuk membincangkan tindakan<sup>2</sup> yang patut di-ambil di-atas kejatohan harga getah asli. Malaysia juga turut sama dalam Persidangan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu atas Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) di-Geneva dan meshuarat Penasehat Pengeluar<sup>2</sup> Getah Asli dan Tiruan di-London. Meshuarat<sup>2</sup> ini telah menimbulkan harapan bahawa dalam masa yang akan datang rundingan<sup>2</sup> yang dapat memberi hasil boleh di-adakan lagi.

#### BIJEH TIMAH

503. Dalam tahun 1967 pengeluaran bijeh timah oleh Malaysia sampai ka-perengkat 72,120 tan, atau pun penambahan 4.7% atas pengeluaran tahun sudah. Ini ia-lah pengeluaran yang tertinggi sekali dalam masa 25 tahun yang lalu. Tetapi pengeluaran yang tertinggi ini telah di-chapai dalam masa harga bijeh timah sedang merosot. Harga hetong panjang tahun 1967 ia-lah lebih kurang \$601 satu pikul atau pun lebih kurang 70% kurang daripada tahun lalu. Walau pun demikian, sumbangan perusahaan bijeh timah kepada ekonomi Malaysia seluroh-nya sangat penting. Dalam tahun 1967 perusahaan bijeh timah telah memberi hetongan 25.8% daripada jumlah hasil ekseptot dan 60% daripada chukai ekseptot yang di-kutip.

504. Malaysia telah lama menjadi pengeluar bijeh timah yang terutama di-dunia, dan pada tahun 1967 bahagian-nya dalam pengeluaran dunia ia-lah 43%. Oleh sebab ini, Malaysia seringkali telah mengambil peranan utama dalam hal ehwal Majlis Timah Antara Bangsa (I.T.C.) ia-itu suatu pertubuhan yang bertujuan hendak menetapkan harga bijeh timah pada paras<sup>2</sup> (levels) yang akan menentukan

pendapatan hasil yang memuaskan bagi pehak pengeluar<sup>2</sup> dan memberi satu harga membeli yang patut bagi pehak pembeli<sup>2</sup>. Oleh kerana tindakan<sup>2</sup> yang di-ambil di-bawah Rancangan Chadangan Penimbal (Buffer Stock Scheme) yang di-tetapkan dalam Perjanjian Bijeh Timah Antarabangsa yang Ketiga-lah dapat tercapai sedikit sebanyak ketetapan harga bijeh timah dunia pada keseluruhan tahun 1967.

505. Kejatohan nilai mata-wang paun sterling yang berlaku pada 19hb November, 1967, telah menjadi suatu kejadian dunia yang penting yang mempengaruhi perusahaan bijeh timah. Berikutan dengan kejadian ini, ahli<sup>2</sup> pengeluar dalam Majlis Timah Antarabangsa telah berjaya meminda naik jarak harga (price range) bijeh timah menurut turun-nya nilai mata-wang itu. Jarak harga yang terpinda ia-lah seperti berikut:

Tembereng Tajam Bawah	...	£1,280 ka £1,400	satu tan panjang		
"	"	Tengah	...	£1,400 ka £1,515	" "
"	"	Atas	...	£1,515 ka £1,630	" "

506. Berikutan kejatohan nilai mata-wang paun sterling, beberapa keraguan telah muncul dan keadaan pasaran bijeh timah menjadi lebih lemah daripada masa yang lalu. Untuk menghadapi masalah ini, Majlis Timah Antarabangsa dalam mesyuarat ketujuh-nya yang di-adakan di-London pada bulan Januari tahun ini telah mengambil keputusan untuk menjemput semua ahli<sup>2</sup> pehak pengeluar membayar sumbangan separoh-kedua Chadangan Penimbal mereka yang berjumlah £10 juta. Malaysia telah menyelesaikan pembayaran panggunya yang berjumlah £4.674 juta pada 31hb Januari, 1968. Langkah ini di-ambil untuk melengkapi Pengelola Chadangan Penimbal dengan kumpulan wang yang cukup untuk memperkuat pasaran itu di-masa kelemahan.

507. Kerajaan akan terus memerhati dengan teliti kejadian<sup>2</sup> di-dunia yang akan mempengaruhi perusahaan bijeh timah, dan akan chuba bekerja rapat dengan lain<sup>2</sup> ahli<sup>2</sup> Majlis Timah Antarabangsa untuk mencari penyelesaian kepada masalah<sup>2</sup> yang akan muncul dari semasa ka-semasa. Kerajaan juga akan terus mencari kerjasama Kerajaan Amerika Sharikat supaya menggunakan jimat chermat seberapa daya yang boleh dalam kegunaan rancangan menjual barang baki bijeh timah-nya, kerana apa<sup>2</sup> penjualan yang tidak patut di-lakukan, lebih<sup>2</sup> lagi pada masa sekarang, apakala pengeluaran dan penggunaan dunia lebih kurang sama, mungkin akan menyebabkan kekacauan di-pasaran bijeh timah.

508. Pengeluaran yang tertinggi yang di-chapai oleh Malaysia dalam tahun<sup>2</sup> yang baharu lalu ada-lah kebanyakan-nya di-sebabkan oleh keadaan harga<sup>2</sup> tinggi antara pertengahan tahun 1964 dan pertengahan tahun 1966. Tetapi banyak daripada lombong<sup>2</sup> kecil yang di-tubuhkan dalam masa itu sekarang telah tidak memberi hasil lagi, dan terpaksa di-tutup kechuali harga bijeh naik kembali. Selain daripada ini, simpanan<sup>2</sup> bijeh yang di-ketahui maseh berada sedang beransor<sup>2</sup> habis dan mereka akan terpaksa di-tambahkan jika Malaysia hendak mengekalkan tempat-nya sebagai pengeluar bijeh timah yang utama dalam dunia. Berkenaan dengan ini, Kerajaan akan terus memberi segala galakan kepada usaha<sup>2</sup> mencari tempat<sup>2</sup> lombong bijeh yang baharu, termasuk juga kawasan di-perayeran pantai.

## KAYU KAYAN

509. Perusahaan kayu makin bertambah mustahak-nya kepada ekonomi Malaysia. Perusahaan ini sekarang menjadi ketiga besar-nya mendatangkan penukaran wang luar kepada negara ini di-samping bahan<sup>2</sup> ekseptot getah dan timah. Kayu mendatangkan 9.5 peratus daripada jumlah ekseptot Malaysia di-dalam tahun 1966. Bahan ini lebih besar ma'ana-nya kepada Sabah dan Sarawak, yang mendatangkan kira<sup>2</sup> 60.7 peratus dan 14.3 peratus daripada ekseptot masing<sup>2</sup> untuk tahun itu.

510. Pengeluaran kayu balak dalam tahun 1967 di-anggarkan sebanyak 8.3 juta tan. Ekseptot dalam tahun yang sama berjumlah 4.8 juta tan berharga kira<sup>2</sup> \$458.3 juta. Pengeluaran kayu gergaji dalam tahun itu juga di-anggarkan sebanyak 1.2 juta tan. Ekseptot kayu gergaji untuk tahun itu berjumlah 568,020 tan berharga \$97.1 juta.

511. Dengan pembukaan kawasan<sup>2</sup> untuk ranchangan<sup>2</sup> kemajuan tanah di-beberapa tempat di-Malaysia, pengeluaran kayu balak di-jangka bertambah banyak-nya di-dalam beberapa tahun akan datang. Pengeluaran kayu gergaji juga di-jangka bertambah banyak-nya untuk memenuhi permintaan<sup>2</sup> di-dalam dan di-luar negeri.

512. Memandang kepada peri-mustahak-nya perusahaan ini kepada ekonomi Malaysia, Kerajaan pada beberapa masa telah mengkaji masaelah<sup>2</sup> mengenai perusahaan ekseptot kayu. Masaelah<sup>2</sup> saperti tiada memenuhi konterek<sup>2</sup> dan tuntutan<sup>2</sup> berbangkit daripada kayu<sup>2</sup> chachat yang di-hantarkan ka-luar negeri telah merosakkan nama baik kayu dari Malaysia. Lembaga Perusahaan Ekseptot Kayu Malaysia, satu badan bersama dengan Singapura, sudah pun di-bentuk. Lembaga ini bertanggung-jawab untuk meluas, mengator, dan mengawaskan ekseptot kayu. Lembaga ini telah menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya di-dalam awal tahun 1968, dan mula<sup>2</sup> daripada 1hb April, 1968, pada kali pertama-nya, pengeksepot<sup>2</sup> kayu di-daftarkan dengan Lembaga itu. Ini-lah langkah yang pertama untuk mengatorkan perusahaan kayu sechara berukun. Ada-lah di-harapkan nama baik kayu dari Malaysia di-pasaran luar dapat di-peliharakan selaras dengan nama baik getah dan timah dari Malaysia yang di-aku<sup>2</sup> terbaik sekali di-dalam dunia ini.

## NENAS

513. Ekseptot nenas bertin telah kurang menjadi 3 juta peti (std. cases) sahaja bagi tahun 1967 jika di-bandingkan dengan jumlah 3.2 juta peti bagi tahun 1966. Antara lain, hal ini ada-lah di-sebabkan oleh kemerosotan ekonomi (economic recession) di-kebanyakan pasaran<sup>2</sup> di-seberang laut, mithal-nya, di-German Barat dan di-United Kingdom modal telah menjadi lebih ketat atau susah di-dapati dalam tahun 1967. Satu sebab lagi ia-lah bertambah-nya halangan<sup>2</sup> perdagangan; dua mithalan halangan ini ia-lah, pertama, chukai pengimpotan yang di-kenakan kepada nenas bertin di-Pasaran Bersama Eropah telah di-naikkan dan, kedua, halangan<sup>2</sup> impot nenas bertin di-negeri<sup>2</sup> New Zealand, Jepun, dan Pranchis telah bertambah. Keturunan harga mata-wang sterling U.K. baru<sup>2</sup> ini juga mengakibatkan kekurangan pengimpotan nenas<sup>2</sup> bertin oleh Britain; tetapi, walau bagaimana pun, ada-lah di-jangka

bahawa ekseptot nenas bertin dari Malaysia ka-United Kingdom akan kembali menjadi saperti biasa apabila persesuaian<sup>2</sup> (adjustments) berkenaan dengan keturunan harga mata-wang sterling telah di-bereskan.

514. Perusahaan nenas negeri ini sentiasa terus mengambil tindakan<sup>2</sup> yang sesuai bagi meninggikan lagi ekseptot<sup>2</sup> ka-luar negeri. Dalam tahun 1967, perusahaan ini telah mengambil bahagian dalam pertunjukan<sup>2</sup> perdagangan di-German Barat dan Jepun serta di-Malaysia sendiri. Kilang<sup>2</sup> nenas sechara persendirian, telah menghantar rombongan ka-luar negeri untuk mengkaji pasaran<sup>2</sup> di-sana dan chara memperbaiki lagi teknik<sup>2</sup> pemasaran. Beberapa kilang nenas telah menambah jumlah badan<sup>2</sup> penjualan-nya di-luar negeri. Usaha<sup>2</sup> saperti ini tentu-lah akan meninggikan lagi ekseptot<sup>2</sup> ka-luar negeri. Kerajaan sendiri pun telah membuat langkah<sup>2</sup> bagi memudahkan lagi kemasokan nenas<sup>2</sup> bertin Malaysia ka-dalam setengah<sup>2</sup> pasaran<sup>2</sup> yang penting.

#### KEMAJUAN PERUSAHAAN

515. Sapuluh tahun telah lampau semenjak bermula-nya ranchangan untuk memperbagaikan ekonomi Malaysia. Dengan berjalan kuatkuasa-nya undang<sup>2</sup> perusahaan taraf perintis dalam tahun 1958, kemajuan perusahaan negara telah meningkat tinggi dan Malaysia ada-lah berbangga atas kemajuan yang di-chapai dalam lapangan ini. Sunggoh pun pada perengkat permulaan-nya kemajuan perusahaan di-Malaysia di-mulakan dengan perusahaan<sup>2</sup> pengganti-impot, tetapi perusahaan ini telah jua menarek beberapa perusahaan yang penting saperti perusahaan<sup>2</sup> petroleum, kimia, besi dan besi waja.

516. Kemajuan perusahaan dalam tahun 1967 ada-lah menggalakkan. Lebeh daripada 35 buah sharikat taraf perintis berbagai jenis telah di-tubuhkan dalam tahun ini. Suatu lagi kemajuan yang terchapai dalam bidang ini ia-lah penubohan 6 buah kilang memasang kenderaan berjentera yang di-luluskan untuk memasang kenderaan dan 5 buah lagi untuk melengkap kenderaan<sup>2</sup> berjentera beroda dua. Tindakan juga sedang di-ambil bagi menggalakkan penubohan kilang<sup>2</sup> pembuat barang<sup>2</sup> "spare" untuk kenderaan<sup>2</sup>.

517. Malaysia telah menempohi suatu zaman yang baharu dalam usaha<sup>2</sup> kemajuan perusahaan-nya dengan tertuboh-nya Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dalam tahun 1967. Kerajaan mengaku<sup>2</sup> bahawa dalam masa 10 tahun yang akan datang kemajuan perusahaan akan menghadapi beberapa rintangan yang lebeh rumit daripada apa yang telah di-alami pada masa yang sudah<sup>2</sup>. Ada-lah di-aku<sup>2</sup> ia-itu masa-nya telah tiba bagi Kerajaan untuk mengambil langkah serta memberi panduan dalam bidang ini pada masa akan datang. Dengan jalan ini sahaja-lah Malaysia akan dapat menggunakan dengan sa-penoh-nya puncha<sup>2</sup> hasil-nya yang terhad dengan memperbanyakkan lagi daya pengeluaran hasil.

518. Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan akan mengambil langkah memperimbang dan meninggikan kemajuan perusahaan dalam negara. Lembaga itu akan mengambil langkah mengadakan kajian<sup>2</sup> kemungkinan ekonomi perusahaan dalam negara, menjalankan kerja penggalakan perusahaan di-dalam dan luar negeri, memudahkan pertukaran penerangan dan perhubungan di-antara badan<sup>2</sup> yang mengambil bahagian atau ada kaitan dengan kemajuan perusahaan

dalam dan luar negeri serta membentangkan polisi bagi tapak kawasan perusahaan dan juga bertanggung-jawab terhadap penilaian permohonan<sup>2</sup> untuk taraf perintis.

519. Tugas yang di-pertanggung-jawabkan kepada Lembaga ini ada-lah bertambah penting jika di-pandang dari segi dua masaelah asas yang menghadapi ekonomi Malaysia. Pertama-nya, mengadakan banyak lagi peluang<sup>2</sup> bekerja untuk belia<sup>2</sup> negeri ini dan kedua-nya, membantu memperbagaikan ekonomi negara dengan tidak sangat bergantung kepada hasil<sup>2</sup> yang utama. Untuk mengatasi masaelah<sup>2</sup> ini, Lembaga ini akan membuat beberapa shor kepada Kerajaan atas chara<sup>2</sup> masaelah<sup>2</sup> itu patut di-selesaikan.

520. Dengan ada-nya polisi Kerajaan mengechualikan sharikat<sup>2</sup> yang mengeluarkan barang yang di-ishtiharkan sa-bagai barang<sup>2</sup> perintis daripada membayar chukai pendapat, sa-jumlah 131 buah sharikat perintis telah di-tubuhkan sa-hingga penghujung tahun 1967. Sharikat<sup>2</sup> perintis yang tersebut mempunyai modal yang di-benarkan sa-banyak \$1,900 juta dan modal terkumpul sa-banyak \$320 juta. Sharikat<sup>2</sup> ini telah memberi pekerjaan kepada kira<sup>2</sup> 20,000 warga-negara. Sa-lain daripada itu sa-jumlah 79 buah sharikat telah di-berikan taraf perintis pada dasar-nya. Sharikat<sup>2</sup> ini mempunyai modal yang di-benarkan sa-banyak \$2,190 juta dan modal yang terkumpul sa-banyak \$398 juta yang memberi peluang pekerjaan kepada kira<sup>2</sup> 30,000 orang ra'ayat Malaysia. Sa-lain daripada sharikat<sup>2</sup> taraf perintis, beratus<sup>2</sup> kilang pembuat barang<sup>2</sup> yang tidak bertaraf perintis telah di-tubuhkan. Mithal-nya di-dalam perusahaan kain baju sahaja di-dapati lebih daripada 200 buah kilang yang telah memberi pekerjaan kepada kira<sup>2</sup> 5,000 orang.

521. Kema'amoran dan keamanan di-negeri ini telah menambahkan kemajuan perindustrian-nya. Penanam modal di-dalam Malaysia oleh orang<sup>2</sup> asing dari tidak kurang daripada 18 Negeri telah membuktikan bahawa mereka itu per-chaya terhadap kemajuan negeri ini.

522. Ada-lah di-harap dengan berjalan kuatkuasa-nya "Undang<sup>2</sup> Galakan Pelaburan, 1968", Malaysia akan menarek banyak lagi penanam<sup>2</sup> modal asing. Penanam<sup>2</sup> modal ada-lah di-beri penggalakan dengan seberapa boleh di-bawah undang<sup>2</sup> ini bagi penubuhan perusahaan<sup>2</sup> dalam negeri ini.

523. Kemudahan<sup>2</sup> yang di-beri di-dalam Undang<sup>2</sup> Galakan Pelaburan, 1968, akan membolehkan Malaysia meninggikan lagi eksepot-nya untuk mendapat banyak lagi pertukaran wang asing. Sa-buah negara muda yang sedang membangun saperti Malaysia sa-mesti-nya-lah mendapat dan menyimpan sa-berapa banyak pertukaran wang asing untuk membiayai ranchangan<sup>2</sup> pembangunan-nya.

#### PELANCHONGAN

524. Kejayaan telah di-perolehi lagi di-tahun yang lalu di-dalam usaha pembangunan perusahaan pelanchongan di-Malaysia. Hasil dari pelanchongan telah meningkat sa-banyak 28.5 peratus dengan mendatangkan pendapatan yang di-taksirkan berjumlah sa-banyak \$26.4 juta berbanding dengan \$20.5 juta bagi tahun 1966.

525. Kemajuan yang pesat telah jua tercapai di-dalam beberapa perojek pelanchongan di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia 5-Tahun Pertama. Segala perojek<sup>2</sup> ini akan menjadikan negara ini lebeh<sup>2</sup> menarik lagi kepada pelanchong<sup>2</sup> di-samping menggalakkan pehak<sup>2</sup> bersendirian menanam banyak lagi modal mereka di-dalam ranchangan<sup>2</sup> pelanchongan.

526. Usaha Malaysia bagi penggalakan pelanchongan di-luar negeri ada-lah lebeh berkesan pada tahun yang lepas dengan penyertaan Negeri ini, sechara besaran<sup>2</sup>, di-dalam Kempen Tahun Pelanchong Antarabangsa di-bawah anjoran Bangsa<sup>2</sup> Bersatu. Peristiwa yang sunggoh<sup>2</sup> chemerlang ini ada-lah sa-bagai pendorong kepada bertambah<sup>2</sup>-nya kesedaran tentang peri mustahak-nya perusahaan pelanchongan yang boleh menimbulkan usaha kerjasama yang lebeh erat di-kalangan pehak<sup>2</sup> bersendirian dan umum.

#### PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA

527. Pusat Daya Pengeluaran Negara, ada-lah bertanggung-jawab untuk meninggikan lagi darjah pengurusan, membaiki taraf kebolehan pekerjaan perusahaan, menjalankan latehan dan lain<sup>2</sup> ranchangan yang boleh meninggikan daya pengeluaran.

528. Dengan ada-nya sokongan penoh dan erat daripada badan<sup>2</sup> perdagangan dan perusahaan, juga daripada Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan dan sa-paroh Kerajaan, yang telah menghantarkan wakil<sup>2</sup> mereka yang terdiri daripada Bahagian<sup>2</sup> rendah, pertengahan dan atasan untuk mengambil bahagian di-dalam berbagai<sup>2</sup> kursus latehan yang telah di-jadualkan oleh Pusat ini, ranchangan<sup>2</sup> Pusat ini telah diperbesarkan lagi untuk memenohi kehendak dan permintaan bagi latehan pengeluaran. Kursus<sup>2</sup> latehan dan seminar<sup>2</sup> telah di-selenggarakan bukan sahaja di-Petaling Jaya, Selangor tetapi juga di-negeri<sup>2</sup> Sarawak, Johor dan Pulau Pinang.

529. Dalam tahun 1967, sa-jumlah 765 orang wakil dari seluruh Malaysia yang terdiri daripada Pengarah<sup>2</sup>, Pengurus<sup>2</sup>, Penyelia<sup>2</sup> dan Pegawai<sup>2</sup> tinggi Kesatuan Sekerja telah di-lateh di-Pusat ini. Di-dalam tempoh itu 46 kursus latehan dan seminar telah di-adakan berbanding dengan 25 kursus untuk 417 orang wakil di-dalam tahun 1966. Latehan<sup>2</sup> ini telah menghasilkan banyak ranchangan<sup>2</sup> latehan dalam perusahaan yang telah di-jalankan oleh wakil<sup>2</sup> yang di-lateh di-Pusat ini dalam lapangan-nya masing<sup>2</sup> dan sa-jumlah 557 orang telah mendapat latehan tersebut. Untuk meninggikan lagi pengeluaran dan daya pengeluaran 8 ranchangan dalam perusahaan telah di-usahakan oleh pegawai<sup>2</sup> yang telah di-lateh di-Pusat ini. Hasil-nya daripada ranchangan<sup>2</sup> ini telah memberi keuntungan perbelanjaan sa-banyak \$67,000 sa-tahun. Dengan ada-nya pertolongan daripada kakitangan Pusat ini, banyak kejayaan telah di-perolehi daripada ranchangan<sup>2</sup> ini, mithal-nya, kejayaan<sup>2</sup> di-bidang darjah pengurusan dan penyeliaan, pekerjaan<sup>2</sup> perusahaan, penjualan dan juga pengurusan perhubungan buroh.

530. Penempatan 3 orang penasihat pelateh daripada I.E.S.C. dari Amerika Sharikat dalam tahun 1967 dan pengambilan lebeh ramai lagi pegawai<sup>2</sup> tempatan di-masa yang akan datang akan membolehkan Pusat Daya Pengeluaran Negara

berkhidmat dengan lebih chergas lagi di-dalam kemajuan perusahaan Malaysia dengan jalan mengadakan lebih banyak lagi kursus<sup>2</sup> latihan daya pengeluaran yang akan memberi faedah kepada tiap<sup>2</sup> bahagian ekonomi negara.

#### PUSAT PIAWAIAN MALAYSIA

531. Pusat Piawaian Malaysia telah di-tubuhkan sebagai sa-buah badan berkanun apabila Undang<sup>2</sup> Piawaian (1966) di-kuatkuasakan pada 1hb Februari, 1967. Majlis Piawaian telah di-tubuhkan dengan resmi-nya pada 6hb Oktober, 1967. Sa-belas buah Jawatan-kuasa Perusahaan Piawaian telah di-tubuhkan untuk memperkembang dan menyediakan piawaian<sup>2</sup> bagi barang<sup>2</sup>, chara<sup>2</sup> dan amalan<sup>2</sup> pengeluaran daripada sa-belas kumpulan perusahaan terbesar.

532. Tiap<sup>2</sup> sa-buah Jawatan-kuasa tersebut mengandungi perwakilan<sup>2</sup> daripada Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan dan Kementerian<sup>2</sup>, lapangan perniagaan, perusahaan dan perkilangan dan badan<sup>2</sup> penyelidikan dan profesional dan lain<sup>2</sup> badan teknik. Apabila Jawatan-kuasa<sup>2</sup> ini telah merangkakan senarai<sup>2</sup> barang<sup>2</sup>, chara<sup>2</sup> pengeluaran dan amalan yang berkehendakkan mutu-nya di-piawaikan, Jawatan-kuasa teknik yang berkaitan akan di-tubuhkan oleh Jawatan-kuasa Piawaian masing<sup>2</sup> untuk menyediakan piawaian bagi barang<sup>2</sup> tersebut.

533. Penyediaan Piawaian Malaysia untuk Topi Keselamatan bagi penunggang<sup>2</sup> motorsikal telah di-sempurnakan baharu<sup>2</sup> ini dan apabila di-luluskan nanti oleh Majlis Piawaian, piawaian itu akan di-ishtiharkan di-dalam Warta Kerajaan dan akan di-jualkan. Rangka Piawaian Malaysia bagi tali keledar bagi kereta<sup>2</sup> tidak lama lagi akan di-keluarkan untuk ulasan<sup>2</sup> orang ramai. Kerja telah dimulakan untuk menyediakan rangka piawaian bagi lain<sup>2</sup> barang dan apabila pengambilan pegawai teknik Pusat Piawaian Malaysia di-jalankan, Jawatan-kuasa teknik berkaitan akan di-tubuhkan untuk membuat dan merangka piawaian sebagai Piawaian Malaysia.

534. Pusat Piawaian Malaysia akan mengadakan satu Tanda Pengesahan Pusat Piawaian Malaysia tahun ini. Tanda Pengesahan ini menjamin bahawa sesuatu barang keluaran itu ada-lah bersaimbang dengan piawaian kebangsaan. Pengilang<sup>2</sup> dan peniaga<sup>2</sup> boleh memohon lesen untuk melekatkan tanda pengesahan kepada barang<sup>2</sup> mereka apabila barang<sup>2</sup> tersebut telah di-uji dan di-luluskan oleh Pusat Piawaian.

535. Pusat Piawaian Malaysia akan melancarkan satu kempen pada tahun ini untuk mempelawa Pertubuhan<sup>2</sup> perdagangan dan perniagaan, sharikat yayasan, dll, untuk menjadi ahli<sup>2</sup> beryuran Pusat Piawaian Malaysia. Ahli<sup>2</sup> beryuran ada-lah berhak untuk (a) membeli Piawaian<sup>2</sup> dan dokumen<sup>2</sup> lain dengan nilai yang murah; (b) masuk ka-Perpustakaan Piawaian; (c) menerima risalah dan laporan<sup>2</sup>; (d) meminta supaya menyediakan piawaian untuk barang<sup>2</sup> mereka, (e) menggunakan perkhidmatan penerangan dan penasihat untuk mendapatkan penerangan berkenaan piawaian sama ada bersifat kebangsaan atau antarabangsa; dan (f) menggunakan lain<sup>2</sup> perkhidmatan dan kemudahan<sup>2</sup> yang serupa yang boleh di-dapati oleh Pusat ini untuk membantu dalam mengembangkan piawaian.

536. Pusat Piawaian Malaysia telah menjadi wakil penjual Piawaian Negeri<sup>2</sup> asing selain daripada menjual Piawaian Malaysia sendiri jika ada. Pusat Piawaian Malaysia sentiasa menerima terus menerus dokumen<sup>2</sup> piawaian dan risalah teknik daripada pertubuhan piawaian antarabangsa dan badan<sup>2</sup> piawaian kebangsaan Britain, India, Canada, Australia, New Zealand, Afrika Tengah dan Afrika Selatan.

537. Pusat ini juga telah di-tugaskan oleh Jawatan-kuasa Penasihat Piawaian Asia (Asian Standards Advisory Committee) untuk mengumpulkan bahan<sup>2</sup> penentuan piawaian berkenaan getah mentah yang di-dapati di-negara<sup>2</sup> daerah ECAFE serta menyediakan penentuan piawaian untuk di-kaji oleh ASAC.

#### BEKALAN LETRIK

538. Lembaga Letrik Negara telah menchapai lagi kemajuan besar dalam tahun yang lalu.

539. Ranchangan Pembangunan Tenaga Batang Padang dan Perai hampir<sup>2</sup> siap kechuali beberapa perkara kecil. Dengan pelancharan Stesen Tenaga Haba Perai dan setesen<sup>2</sup> letrik haidero di-Batang Padang, jumlah keupayaan janarus Lembaga ini sekarang ada-lah lebeh dari 500 MW. Dengan siap-nya bahagian besar talian<sup>2</sup> pengaliran yang berkait dengan Ranchangan Pembangunan Tenaga Batang Padang dan Perai, maka ini membolehkan Lembaga ini memberi bekalan borong kepada Sharikat Perak River Hydro Elektrik di-Papan, melanjutkan bekalan borong kepada bandar<sup>2</sup> Taiping, Butterworth dan Alor Star di-Utara dan bandar<sup>2</sup> Batu Pahat dan Kluang di-Selatan, dan juga menambahkan bekalan kepada Kuala Lumpur.

540. Ranchangan Pembangunan Tenaga Selatan Tanah Melayu, yang di-biaya dengan pinjaman ketiga dari I.B.R.D., berjalan dengan memuaskan. Di-bawah ranchangan ini, pemasangan set 30 MW di-Setesen Janaletrik Sultan Ismail, Johor Bahru, sebagai tambahan kepada set<sup>2</sup>  $3 \times 10$  MW, sudah siap dan set itu sedang berjalan sekarang. Kerja<sup>2</sup> akan di-mulakan tahun ini mengenai set 30 MW yang kedua.

541. Di-Setesen Janaletrik Port Dickson, kerja pemulehan kawasan telah di-siapkan. Kerja 'awam yang utama sedang berjalan dengan memuaskan. Bahan<sup>2</sup> bagi kerja<sup>2</sup> keluli benaan telah tiba di-kawasan itu dan tempaan sedang berjalan. Set 60 MW yang pertama di-jangka di-lancharkan dalam bulan Mach 1969 dan pelancharan set 60 MW yang kedua akan di-buat selepas itu. Kerja<sup>2</sup> memasang talian<sup>2</sup> pengaliran yang berkenaan dan penchawang<sup>2</sup> bagi ranchangan ini juga berjalan dengan memuaskan.

542. Lembaga ini telah maju kehadapan setapak lagi kearah pelaksanaan Ranchangan Letrik Hairdero Ulu Perak. Baru<sup>2</sup> ini Lembaga ini telah memperolehi sokongan Kerajaan Negeri Perak bagi pembangunan perengkat pertama ranchangan itu ia-itu pembenaan sebuah ampangan dan setesen janaletrik di-Temenggor. Memandangkan kepada banyak-nya faedah yang akan di-dapati dari simpanan ayer yang banyak di-kolam yang terbentok dengan ada-nya ampangan di-Temenggor, misal-nya kawalan banjir dengan aliran ayer yang



paling kurang di-hilir sungai, dan dengan menjadikan negara ini kurang bergantung kepada bahan api yang di-impot, maka Lembaga ini berchadang hendak memulakan memberi bekalan Ranchangan Temenggor perengkat satu menjelang tahun 1974/75 jika ia mendapat wang yang di-perlukan bagi ranchangan itu.

543. Berikutan dari penyelidikan permulaan tahun lalu yang mendatangkan hasil<sup>2</sup> yang memuaskan, Lembaga Letrik Haidero Snowy Mountains Australia di-bawah bantuan Ranchangan Kolombo dari Kerajaan Australia telah menghantar satu lagi rombongan ka-Kelantan untok menjalankan kajian<sup>2</sup> sebelum menanam modal di-Sungai Pergau bagi pembangunan tenaga. Rombongan penyelidikan itu sekarang berada di-kawasan tersebut dan di-jangka menyiapkan kerja<sup>2</sup> di-kawasan itu menjelang bulan Oktober, 1968. Dengan maklumat<sup>2</sup> yang mereka kumpul, mereka akan mengemukakan satu laporan kajian mengenai kemungkinan mengusahakan tenaga haidero di-Sungai Pergau.

544. Mengenai ranchangan bekalan letrik luar bandar bagi tahun 1967, Kerajaan Pusat bersama<sup>2</sup> dengan empat kerajaan negeri telah menyumbangkan sejumlah \$4,177,960 bagi ranchangan<sup>2</sup> letrik itu yang akan memberi bekalan kepada 11,478 buah rumah di-133 buah kampung memberi faedah kepada 68,868 orang. Lembaga Letrik Negara menyumbangkan \$1,495,505 bagi ranchangan<sup>2</sup> yang sama. Di-bawah ranchangan yang di-luluskan dalam Ranchangan Malaysia Pertama bagi tahun 1968, ada-lah di-chadangkan hendak memberi bekalan kepada 4,876 buah rumah dalam 65 buah kampung dan memberi faedah kepada 29,256 orang penduduk luar bandar dengan perbelanjaan sa-jumlah \$3,050,831 yang dari jumlah itu Kerajaan Pusat akan menyumbangkan \$2,500,000. Selain daripada itu sa-jumlah \$5.98 juta akan di-belanjakan pada tahun ini untok ranchangan<sup>2</sup> tambahan dan di-jangka akan memberi bekalan kepada 10,301 buah rumah dalam 97 buah kampung dan memberi faedah kepada 61,806 orang penduduk luar bandar. Dari jumlah ini sa-banyak \$2.798 juta akan di-biaya<sup>2</sup> oleh Kerajaan Pusat dan baki-nya akan di-sumbangkan oleh Kerajaan Negeri masing<sup>2</sup> dan Lembaga Letrik Negara.

---

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

### TENTERA BIASA

#### GERAKAN TENTERA

545. Penarekan keluar Pasokan<sup>2</sup> Tentera British dalam tempoh yang lebih awal daripada kawasan ini, ia-itu pada akhir tahun 1971, akan menimbulkan banyak masaelah<sup>2</sup> yang pada masa ini dalam perhatian utama Kerajaan. Sementara itu pula anchaman yang maseh ada daripada fahaman komunis sa-chara ketenteraan dan gerakan sabversip ada-lah satu bahaya terhadap keselamatan Negara ini. Oleh yang demikian Angkatan Tentera Malaysia akan terpaksa memikul beban tanggung-jawab yang lebih besar dalam mempertahankan kedaulatan Negara ini. Dalam usaha mempertahankan Negara ini maka mustahak-lah di-tambahkan lagi kekuatan pertahanan itu.

546. Oleh kerana ada-nya anchaman di-Malaysia Timor, terutama sekali di-Negeri Sabah, maka Kerajaan terpaksa-lah mengambil langkah<sup>2</sup> pertahanan yang tertentu di-atas permintaan daripada Kerajaan Sabah. Langkah<sup>2</sup> pertahanan ini termasuklah penubohan Pasokan<sup>2</sup> Pertahanan Tempatan dan mengadakan sa-mula latehan perkhidmatan negara serta pendaftaran-nya di-Sabah. Kerajaan telah juga memutuskan untuk menubuhkan sa-mula pasokan<sup>2</sup> kawalan kampung di-negeri itu.

547. Tentera Biasa Malaysia telah mencapai kejayaan yang memuaskan dalam gerakan<sup>2</sup>-nya menentang musuh<sup>2</sup> negara, terutama sa-kali Pertubohan Sulit Komunis di-Sarawak dan anchaman dari Tentera Nasional Kalimantan Utara. Kerajaan Thai terus bekerjasama dengan Malaysia dalam usaha bersama bagi menghapuskan saki baki pengganas<sup>2</sup> komunis di-kawasan<sup>2</sup> sempadan di-antara kedua<sup>2</sup> buah negeri itu. Dengan susunan sa-mula kerja<sup>2</sup> Pejabat Jawatan-kuasa Kawasan Sempadan, maka segala gerakan di-kawasan<sup>2</sup> tersebut dapatlah di-lancarkan dengan lebeh berkesan lagi.

548. Pasokan<sup>2</sup> Keselamatan Malaysia dan Indonesia pada masa ini sedang melancarkan gerakan<sup>2</sup> bersama di-sepanjang sempadan Malaysia Timor/Kalimantan Barat. Kejayaan<sup>2</sup> yang di-chapai dalam gerakan<sup>2</sup> oleh Pasokan<sup>2</sup> Keselamatan Malaysia telah memecahkan pasokan tentera komunis yang tersusun di-kawasan sempadan Sarawak itu dan telah memaksa anggota<sup>2</sup>-nya mencari perlindungan di-Kalimantan Barat. Mengikut suatu peratoran khas Kerajaan memberi bantuan lojistik kepada Pasokan<sup>2</sup> Tentera Indonesia yang menjalankan gerakan<sup>2</sup> di-kawasan sempadan Kalimantan Barat. Pasokan<sup>2</sup> Keselamatan akan terus melancarkan gerakan<sup>2</sup> ini sa-hingga musuh<sup>2</sup> itu di-hapuskan sama sa-kali.

#### PEMBESARAN

549. Perkara membesarkan Angkatan Tentera terpaksa di-selenggarakan sa-chara berperengkat<sup>2</sup> di-sebabkan oleh kedudukan kewangan negeri yang kurang baik pada masa sekarang. Beberapa pindaan mengenai ranchangan yang sedia telah di-buat untuk membesarkan lagi pasokan tentera dan, oleh hal yang demikian, beberapa pasokan dan perojek<sup>2</sup> baharu yang di-jadual akan di-laksanakan pada tahun ini telah di-tanggohkan. Chuma beberapa perojek yang penting untuk meneruskan kewajipan Tentera Darat di-Malaysia Barat dan Timor sahaja akan di-jalankan dalam tahun 1968. Markas Tentera Darat di-Malaysia Timor ada-lah mempunyai kakitangan yang chukup dan telah mengambil aleh sa-penoh-nya tanggung-jawab pertahanan di-Malaysia Timor daripada Pasokan British dan Pasokan Komanwel. Pusat bagi Markas Ketumbukan kedua pada masa ini sedang di-bentok bagi memerintah pasokan<sup>2</sup> Tentera Darat di-Malaysia Barat. Satu batalian lagi tentera infanteri Askar Melayu Di-Raja telah di-tubuhkan dalam tempoh kajian ini. Ia akan selesai di-tubuhkan dalam tahun ini. Pasokan<sup>2</sup> lain yang telah di-tubuhkan termasuklah Sekolah Latehan Pasokan Perkhidmatan Malaysia, satu Bahagian Polis Tentera dan Chawangan Keselamatan, dua Pusat Kesihatan, satu Markas Gerisen, Pasokan Pemeriksa Bomba Angkatan Tentera, Terup Semboyan Bantuan Udara Malaysia, dan Pasokan Pelabohan dan satu Kompeni Pengiriman Udara.

TEMPAT<sup>2</sup> KEDIAMAN

550. Tempat<sup>2</sup> kediaman ia-lah satu perkara yang mustahak dalam pembangunan Angkatan Tentera. Oleh itu, ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk menyediakan tempat<sup>2</sup> kediaman yang chukup bagi ahli<sup>2</sup> pasokan tentera dan keluarga mereka. Oleh kerana kebanyakan daripada tempat<sup>2</sup> kediaman yang ada di-Malaysia Timor pada masa ini ia-lah bagi sementara sahaja, maka ada-lah di-utamakan membena kem<sup>2</sup> tetap dan tempat<sup>2</sup> kediaman kelamin di-sana. Pada masa sekarang, satu Kompleks Batalian Infanteri dan satu Kompleks Tempat Kediaman Kelamin di-Malaysia Timor sedang di-bena.

RANCHANGAN MENGGANTI PEGAWAI DAGANG DENGAN PEGAWAI<sup>2</sup> MALAYSIA

551. Ranchangan mengganti pegawai<sup>2</sup> dagang dengan pegawai<sup>2</sup> Malaysia dalam Tentera Darat ada-lah berjalan dengan memuaskan. Jawatan<sup>2</sup> penting seperti Pengarah Pasokan Jurutera Mekanik dan Letrik dan Pengarah Perkhidmatan Kelengkapan telah di-isi oleh pegawai<sup>2</sup> Malaysia masing<sup>2</sup> dalam bulan Disember, 1967 dan Mach, 1968. Jawatan Pegawai Memerintah, Depoh Kelengkapan Pusat di-Batu Kantonman telah juga di-isi dengan pegawai Malaysia. Dengan hal yang demikian, hampir semua jawatan<sup>2</sup> kanan ada-lah sekarang di-pegang oleh pegawai<sup>2</sup> Malaysia sendiri.

## KELENGKAPAN

552. Dasar Tentera Darat mengenai alat kelengkapan telah di-kaji sa-mula untuk menambah perbekalan senjata<sup>2</sup> dan alat<sup>2</sup> kelengkapan moden. Bersaingan dengan kedua<sup>2</sup> tentera yang lain itu, usaha<sup>2</sup> sedang di-jalankan untuk menyamakan, dengan seberapa boleh-nya, semua alat<sup>2</sup> kelengkapan yang di-gunakan dan satu ranchangan untuk menukar senjata dan alat kelengkapan akan di-adakan supaya sesuai dengan dasar hendak menyamakan alat kelengkapan dan memakai-nya bersama.

## TENTERA WATANIAH

553. Usaha<sup>2</sup> untuk meninggikan taraf Batalian<sup>2</sup> Jalan Kaki Tentera Wataniah kapada taraf Batalian Tentera Jalan Kaki bagi Tentera Biasa sedang di-jalankan. Tujuan-nya ia-lah supaya mereka boleh membantu Tentera Biasa dengan chekap dalam masa peperangan atau dzarurat. Pasokan Pertahanan Tempatan tidak akan di-bubarkan, tetapi latehan<sup>2</sup> yang di-jalankan akan di-kurangkan dari empat kali sa-bulan menjadi sa-kali sa-bulan sahaja. Kerajaan menguchapkan berbanyak<sup>2</sup> terima kaseh kapada orang<sup>2</sup> yang telah di-berhentikan perkhidmatan mereka, dan Kerajaan tidak akan lupa atas jasa<sup>2</sup> mereka kapada negara. Sa-lain dari bayaran sagu hati yang telah di-beri kapada mereka, pertolongan<sup>2</sup> tambahan lain sedang juga di-beri sa-bagai bantuan dan kenangan<sup>2</sup> atas jasa<sup>2</sup> mereka itu. Sa-ramai lebeh daripada 1,000 orang anggota<sup>2</sup> yang telah di-berhentikan daripada perkhidmatan sa-penoh masa telah di-tempatkan pada masa ini dalam ranchangan<sup>2</sup> tanah di-bawah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

## PASOKAN SETIA NEGARA

554. Dengan tamat-nya Konfrantasi Jabatan Perkhidmatan Negara tiada lagi memberi latehan<sup>2</sup> tentera kapada anggota<sup>2</sup> Pasokan Setia Negara. Walau bagaimana pun, oleh kerana kekurangan pegawai<sup>2</sup> perubatan dan pergigian dalam

Angkatan Tentera, maka mengikut Undang<sup>2</sup> Perkhidmatan Negara, beberapa orang doktor dan doktor gigi telah di-panggil berkhidmat sa-lama satu tahun dalam Angkatan Tentera. Sa-hingga ini, ada sa-ramai 42 orang doktor dan 4 orang doktor gigi telah di-panggil berkhidmat sa-lama sa-tahun dalam Angkatan Tentera.

#### TENTERA LAUT DI-RAJA MALAYSIA

555. Pembesaran Tentera Laut Di-Raja Malaysia telah sampai ka-perengkat yang tertinggi sa-kali dalam tahun yang lepas, ia-itu sa-telah di-tambah beberapa buah lagi bot peronda yang laju dan beberapa buah kapal<sup>2</sup> peronda. Rancangan membesarkan-nya telah di-teruskan dengan memuaskan hati. Usaha membesarkan Pasokan itu, yang telah di-ranchangkan bagi tempoh tersebut, telah pun selesai kechuali Friget, K.D. Hang Jebat, yang akan mula bertugas dalam tahun 1969. Kapal itu telah di-lancharkan pada akhir tahun 1967 dan sekarang sedang di-lengkapkan di-United Kingdom.

556. Tentera Laut Di-Raja Malaysia ada-lah bertanggung-jawab bagi memelihara keselamatan di-sempadan perayeran Malaysia di-Malaysia Timor dan Barat. Sa-lain daripada itu, kapal<sup>2</sup> ada-lah juga di-tugaskan untok menjaga perkapalan dan perahu<sup>2</sup> nelayan daripada perompakan<sup>2</sup> yang seringkali berlaku terutama sa-kali di-Selat Melaka. Semenjak kapal<sup>2</sup> baharu di-gunakan, kerja<sup>2</sup> ronda di-laut telah di-hebatkan dan dengan ini bilangan rompak<sup>2</sup> yang berlaku telah kurang.

557. Pengkalan<sup>2</sup> barisan hadapan yang di-bena di-Malaysia Timor berjalan sa-bagaimana yang di-ranchangkan. Pengkalan di-Tawau di-jangka siap pada awal tahun 1969.

558. Rancangan menggantikan pegawai<sup>2</sup> dagang dengan pegawai<sup>2</sup> anak negeri dalam Tentera Laut sedang di-teruskan dengan memuaskan. Dengan ada-nya lebih banyak lagi pegawai<sup>2</sup> yang memperolehi pengalaman<sup>2</sup> yang di-kehendaki, maka beberapa jawatan<sup>2</sup> yang penting yang dahulu di-pegang oleh pegawai pinjaman, telah di-ganti dengan pegawai<sup>2</sup> anak negeri. Jawatan Ketua Turus Tentera Laut telah di-isi dengan pegawai anak negeri dalam bulan Disember 1967 apabila Komodor K. Thanabalasingam, A.M.N., T.L.D., telah menyandang jawatan ini, ia-itu pegawai Malaysia yang pertama menyandang jawatan tersebut.

559. Oleh kerana bilangan anggota<sup>2</sup>, kelengkapan dan kapal<sup>2</sup> bertambah, maka Tentera Laut Di-Raja Malaysia, saperti mana<sup>2</sup> Tentera Laut lain juga yang sedang di-perbesarkan, ada-lah menghadapi beberapa kesulitan. Dasar Tentera Laut Di-Raja mengenai perbaikan dan alatan kapal<sup>2</sup> bagi masa hadapan ada-lah sedang di-timbangkan. Apabila memandangkan betapa mustahak-nya Tentera Laut kerana pengundoran Tentera British daripada Singapura dan Malaysia, maka Kerajaan terpaksa-lah mengadakan penyenggaraan bagi kapal<sup>2</sup> yang ada sekarang dan juga bantuan<sup>2</sup> yang patut.

#### TENTERA UDARA DI-RAJA MALAYSIA

560. Dalam tahun lalu, Tentera Udara Di-Raja Malaysia telah terus di-tugaskan memberi bantuan pengangkutan udara untok membantu pasokan<sup>2</sup> keselamatan di-Malaysia Barat dan Timor. Dengan pengundoran baki Pasokan<sup>2</sup> Tentera Udara Komanwel daripada Malaysia Timor, Tentera Udara Di-Raja

Malaysia telah di-beri tanggung-jawab penuh bagi semua tugas gerakan udara di-Sarawak dan di-Sabah. Sa-lain dari itu, gerakan menolong mangsa<sup>2</sup> banjir, termasuk-lah menggugor dan mengangkut makanan dan perbekalan kepada mereka yang malang, telah di-jalankan di-kawasan<sup>2</sup> timor laut Sabah ketika banjir baharu<sup>2</sup> ini. Tentera Udara terus menjalankan tugas<sup>2</sup> penting di-kawasan sempadan Malaysia dengan Thailand. Tugas-nya termasuk-lah mengangkut ahli tentera dan polis, menggugor dan mengangkut barang<sup>2</sup> bekalan dan kelengkapan untuk askar<sup>2</sup> di-barisan hadapan, memindahkan orang<sup>2</sup> yang mati dan terchedera dan menjalankan ronda<sup>2</sup> peninjauan.

561. Kapal terbang jenis Tebuan yang baharu sahaja di-terima dan kebanyakan daripada helikopter<sup>2</sup> jenis Sikorsky pada masa sekarang sedang di-tempatkan di-pengkalan gerakan TUDM yang moden di-Kuantan. Latihan penerbangan dengan kapal<sup>2</sup> terbang yang sukar ini sedang bergerak maju dengan baik-nya dan Sekuadran<sup>2</sup> baharu akan dapat menjalani peranan penting dalam membantu pasokan<sup>2</sup> keselamatan di-darat tidak berapa lama lagi.

562. Dalam tahun yang lalu, kedua<sup>2</sup> Sekolah Latihan Terbang di-Alor Star dan Sekolah Latihan Teknik di-Kinrara terus melatoh pemandu<sup>2</sup> kapal terbang dan juru<sup>2</sup> teknik yang sangat di-perlukan bagi Tentera Udara yang sedang di-perbesarkan itu. Sa-buah Markas Taktik Udara telah di-tubuhkan untuk memerintah dan mengawal semua Pengkalan<sup>2</sup> Tentera Udara di-Malaysia Barat dan Timor.

563. Dua buah kapal terbang baharu jenis Dov telah di-hadiahkan oleh Kerajaan New Zealand dalam bulan Februari, 1968. Dengan ada-nya kapal<sup>2</sup> terbang ini maka boleh-lah membuat perhubungan dengan udara di-Malaysia Timor pada akhir tahun ini. Sembilan buah lagi kapal terbang jenis Caribou telah di-tempah dan akan sampai dalam tahun 1969. Kapal<sup>2</sup> terbang ini ia-lah menggantikan kapal terbang jenis Twin Pioneers yang sudah lama dan, dengan ada-nya kapal<sup>2</sup> terbang ini, boleh-lah Tentera Udara memberi bantuan yang lebih besar dan mudah di-sesuaikan bagi pasokan<sup>2</sup> keselamatan di-darat ketika mengadakan gerakan<sup>2</sup> di-Malaysia Barat dan Timor.

#### PENTADBIRAN

564. Dasar Kementerian ini ia-lah untuk memberi kemudahan yang cukup kepada Angkatan Tentera. Berhubung dengan hal ini, satu Markas Logistik yang baharu, ia-itu Markas Jurutera Mekanik dan Letrik (Malaysia Timor), telah di-tubuhkan di-Kuching dalam bulan November, 1967. Kem<sup>2</sup> yang sedia ada ada-lah sedang di-baiki dan di-perelokkan. Kem<sup>2</sup> dan Tempat<sup>2</sup> kediaman yang di-tinggalkan oleh Pasokan British itu ada-lah di-gunakan dengan sa-baik<sup>2</sup>-nya dengan tujuan hendak mengurangkan perbelanjaan.

565. Tempat<sup>2</sup> kediaman tambahan yang di-kehendaki di-tempat<sup>2</sup> latihan Angkatan Tentera tidak-lah di-biarkan, bahkan ada-lah di-masokkan ka-dalam ranchangan<sup>2</sup> pembangunan dan Sekolah Latihan Budak<sup>2</sup> dan Sekolah Pertukangan Jurutera Mekanik dan Letrik Malaysia di-Port Dickson akan siap dalam bulan Mei, 1968. Satu projek bagi membina rumah<sup>2</sup> pangsa Angkatan Tentera sedang di-jalankan di-Ipoh. Tempat<sup>2</sup> kediaman kelamin yang lain di-serata Malaysia akan di-bena dalam masa tempoh dua tahun lagi.

## BANTUAN PERTAHANAN

566. Kerajaan ada-lah terhutang budi ka-atas bantuan pertahanan dan tentera yang telah di-beri oleh Kerajaan<sup>2</sup> United Kingdom, Australia, New Zealand, Canada dan Amerika Sharikat. Kerajaan berharap bantuan akan di-perolehi lagi daripada negeri<sup>2</sup> sahabat, jika di-kehendaki, untuk pertahanan pada masa hadapan.

## BANTUAN KAPADA ORANG RAMAI

567. Sa-lain daripada menjalankan tugas<sup>2</sup> tentera biasa, Angkatan Tentera telah juga memberi sumbangan bantuan kapada orang<sup>2</sup> ramai ketika banjir dalam tahun 1967 dan awal tahun 1968. Walau pun ada urusan<sup>2</sup> gerakan dan lain<sup>2</sup> tugas, Angkatan Tentera Malaysia telah memberi sa-bahagian besar bantuan dalam gerakan<sup>2</sup> menolong mangsa banjir di-Malaysia Barat dan Timor serta bekerja rapat dengan Pasokan Polis Di-Raja.

568. Dalam bulan Januari tahun 1968, negeri Sabah dan Sarawak telah mengalami banjir yang besar. Kedudukan banjir di-Sabah sangat-lah terok dan Angkatan Tentera Malaysia telah memberi pertolongan besar saperti mengangkut mangsa<sup>2</sup> banjir dengan kapal terbang, bot<sup>2</sup> penggepomp, bekalan makanan dan juga dengan menggugor dan mengangkat bekalan dan barang<sup>2</sup> kelengkapan di-kawasan<sup>2</sup> banjir serta memberi pertolongan bagi pemulehan sa-mula mangsa<sup>2</sup> banjir itu. Sa-kira-nya tiada pertolongan dari udara maka kerja<sup>2</sup> bantuan ini tidak-lah dapat di-jayakan.

569. Angkatan Tentera telah juga memberi perkhidmatan-nya dalam pembangunan negara dengan membena jalan<sup>2</sup> raya, lapangan<sup>2</sup> terbang dan lain<sup>2</sup> kemudahan bagi kegunaan orang ramai di-Malaysia Timor. Sa-batang jalan Lundu/Biawak sedang di-bena dan di-jangka akan siap pada akhir tahun 1969. Jalan yang menyambungkan Tebedu/Pendawan dan jalan Kalabakan sudah pun siap. Lapangan Terbang Bario telah di-perbaiki oleh Pasokan Jurutera Malaysia supaya kapal<sup>2</sup> terbang mudah mendarat. Sa-lain dari itu, mereka telah membena jabatan<sup>2</sup>.

570. Di-Malaysia Barat, Angkatan Tentera Malaysia telah juga memberikan perkhidmatan-nya dalam pembangunan negara. Sa-buah jambatan bailey telah di-bena untuk menggantikan jambatan asal-nya, ia-itu Jambatan Nordin yang menyambungkan Ipoh dengan Parit yang telah binasa ketika banjir besar yang lepas. Beberapa padang permainan untuk sekolah<sup>2</sup> dan kampong<sup>2</sup> telah juga di-bena. Sa-lain daripada itu, mereka telah juga memperbaiki atau menggantikan beberapa jalan kecil dan titian<sup>2</sup>.

## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN SHARIKAT KERJASAMA

## BAHAGIAN PERTANIAN

571. Bahagian Pertanian maseh terus menchapai kemajuan dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengeluaran.

572. Penyiasatan sa-chara kasar ka-atas 31.5 juta ekar tanah di-seluruh Malaysia Barat telah selesai dan ini ada-lah satu perkara yang penting.

Keterangan yang di-perolehi daripada penyiasatan tanah ini sedang di-peroses untuk di-masokkan ka-dalam peta yang akan di-chetak dalam tahun 1968 menunjukkan jenis<sup>2</sup> tanah Malaysia Barat. Untuk membantu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dalam ranchangan penempatan baharu-nya, pemeriksaan khas ka-atas kawasan<sup>2</sup> yang mungkin di-gunakan untuk pertanian telah juga di-jalankan. Sa-jumlah 169,600 ekar telah di-pereksa dan di-laporkan kepada FLDA dalam tahun 1967. Perkhidmatan saperti itu telah juga di-beri kepada Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dan kira<sup>2</sup> 70,000 ekar telah di-pereksa.

573. Satu penyiasatan tanah dengan menggunakan gambar yang di-ambil dari udara telah di-mulakan dalam tahun 1967 dan pada akhir tahun itu penyiasatan tanah di-Negeri Melaka telah selesai. Penyiasatan penggunaan tanah bagi Negeri Trengganu dan kawasan<sup>2</sup> padi Negeri Kedah sedang di-jalankan.

574. Pengeluaran padi telah terganggu di-sebabkan oleh banjir yang besar sa-kali semenjak 30 tahun yang lalu. Akan tetapi, kerugian itu dapat di-atasi dengan meningkat-nya hasil dari tanaman bagi yang kedua di-luar musim.

575. Ranchangan menambah tanaman padi di-jalankan terus dengan lebih giat lagi. Pembiakan dan pemilehan jenis<sup>2</sup> padi yang banyak mengeluarkan hasil dan tiada kena penyakit telah di-utamakan. Keputusan<sup>2</sup> yang di-dapati sa-takat ini sangat menggalakkan dan beberapa jenis kachokan yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak sekarang dalam perengkat ujian yang akhir. Ada-lah di-jangka tiada lama lagi, sa-kurang<sup>2</sup>-nya satu jenis padi akan di-shorkan untuk di-beri kepada petani<sup>2</sup> supaya di-tanam mereka terutama sa-kali di-kawasan<sup>2</sup> menanam padi dua kali sa-tahun dalam Perojek Perayeran Sungai Muda.

576. Kemajuan yang besar telah di-chapai dalam usaha meluaskan tanaman padi terutama sa-kali dalam bidang menanam padi dua kali sa-tahun. Dalam tahun 1957 hanya 6,600 ekar sahaja dari jumlah sawah padi kita telah di-tanam dua kali sa-tahun, kebanyakan-nya di-Saberang Prai. Dalam tempoh 10 tahun sejak Merdeka, penanaman padi dua kali sa-tahun telah merebak ka-semua negeri di-Malaysia Barat dan jumlah-nya menjadi sa-banyak 157,000 ekar ia-itu lebih kurang 22 kali banyak-nya daripada jumlah tahun 1957. Ada-lah di-jangka sa-luas 15,000 ekar akan bertambah daripada jumlah tahun lepas menjadi sa-luas 172,000 ekar di-bawah tanaman dua kali sa-tahun. Jumlah ini ia-lah kira<sup>2</sup> 1/5 daripada jumlah tanah<sup>2</sup> sawah kita. Hetong panjang hasil padi sa-ekar telah juga meningkat dari 350 gantang menjadi lebih dari 400 gantang sa-ekar sekarang.

577. Oleh kerana sa-makin ramai orang yang tertarek menanam kelapa sawit di-ladang<sup>2</sup> dan di-kalangan pekebun<sup>2</sup> kechil dalam tahun lepas, maka bertambah-lah kawasan<sup>2</sup> tanaman-nya dari 304,000 ekar pada akhir tahun 1966 menjadi 347,000 ekar pada akhir tahun 1967. Angka ini bertambah sa-banyak 43,000 ekar dalam masa sa-tahun. Oleh kerana penanaman kelapa sawit di-jangka tidak akan merosot dalam beberapa tahun yang akan datang ini maka ada-lah di-ranchangkan sa-tengah juta ekar akan di-tanam dengan kelapa sawit menjelang tahun 1970.

578. Rancangan mengelokkan lagi tanaman kelapa sawit ini telah diselenggarakan supaya dapat di-sesuaikan dengan perkembangan perusahaan. Tugas<sup>2</sup> yang utama ia-lah mengeluarkan benih<sup>2</sup> tanaman yang baik dan mengkaji tanah serta chara<sup>2</sup> mengurus perusahaan kelapa sawit. Dalam tahun 1967, lebeh 500,000 benih telah di-keluarkan dan di-beri kapada berbagai Rancangan Kerajaan. Orang<sup>2</sup> yang menghendaki benih lebeh banyak bilangannya daripada benih yang dapat di-adakan. Ada-lah di-jangka bahawa dengan memilih lebeh banyak lagi benih<sup>2</sup> pokok yang baik baharu-lah chukup kelak untuk memenohi kehendak pehak<sup>2</sup> perusahaan orang ramai.

579. Rancangan Pemulehan dan Tanam Sa-mula Kelapa terus mencapai kemajuan yang memuaskan dan mendatangkan keuntungan yang banyak kapada pekebun<sup>2</sup> kecil yang mengambil bahagian dalam rancangan ini. Banyak kawasan yang telah di-jalankan di-bawah rancangan ini. Hasil<sup>2</sup> kelapa daripada kebun<sup>2</sup> kelapa yang telah puleh dan di-tanam sa-mula telah bertambah banyak dan di-satengah<sup>2</sup> tempat lebeh dari 100%.

580. Sa-laras dengan dasar Kerajaan hendak melancharkan serba jenis penanaman, usaha memperbaiki tanaman jagong dan sekoï telah di-galakkan dan benih jagong yang baik, Metro, telah di-perbanyakkan lagi dan di-sebarkan untuk di-tanam dalam kawasan<sup>2</sup> projek perintis oleh Persatuan<sup>2</sup> Peladang.

581. Pengawalan ulat dan penyakit tanam<sup>2</sup>an telah mendapat perhatian yang berat dalam tahun ini dan mengenalkan alat<sup>2</sup> yang kukoh untuk di-gunakan dalam rancangan pembiakan ada-lah menjadi sa-bahagian daripada rancangan membiaki tanaman<sup>2</sup>.

582. Sejak di-tubuhkan Kumpulan Penyelidikan Tanah Gambut di-bawah Rancangan Malaysia Yang Pertama banyak kemajuan telah di-dapati daripada penyiasatan<sup>2</sup> menggunakan tanah gambut.

583. Rancangan<sup>2</sup> bagi tahun 1968 termasuk-lah usaha<sup>2</sup> memperluaskan penyelidikan dan pengeluaran padi dengan jalan menchari jenis<sup>2</sup> baharu yang lebeh baik untuk di-gunakan dalam rancangan menanam padi dua kali sa-tahun dan untuk menambah kawasan sawah padi. Bersama<sup>2</sup> dengan rancangan mengelokkan beras, kerja mengenai tanaman jagong, sekoï dan tanaman<sup>2</sup> lain untuk tanaman serba jenis pertanian akan juga di-perhebatkan.

#### BAHAGIAN PARIT DAN TALIAYER

584. Pada penghujung tahun kedua bagi Rancangan Malaysia Yang Pertama, Bahagian Parit dan Taliayer telah menyiapkan, di-Malaysia Barat, 17 Rancangan taliayer dan 32 lagi sedang di-laksanakan. Rancangan<sup>2</sup> yang terbesar ia-lah Rancangan Taliayer Rengit (5,800 ekar), Peserai (3,000 ekar), Serom (18,000 ekar), Kesang (9,200 ekar) dan Sungai Pinggan (19,700 ekar) kesemuanya di-Negeri Johor; Sungai Kelambu (2,000 ekar), Semenanjung Bernam Perengkat Dua (2,200 ekar), Batang Berjantai (30,000 ekar) dan Ujong Permatang (800 ekar) kesemuanya di-Selangor; Sitiawan (9,000 ekar), Perengkat dua seluroh Perak (50,000 ekar) dan Durian Sebatang (1,870 ekar) di-Perak; dan juga Bukit Minyak/tengah (12,000 ekar) di-Pulau Pinang.



585. Enam puluh dua ranchangan taliayer telah siap dan memberi kemudahan<sup>2</sup> taliayer kepada tanah<sup>2</sup> sawah berjumlah 33,070 ekar, dan menukarkan hutan dan tanah<sup>2</sup> tidak bertanam sa-luas 14,887 ekar kepada tanah sawah. Sa-lain daripada itu, 38,949 ekar telah di-sediakan dengan kemudahan<sup>2</sup> taliayer untuk menanam padi dua kali sa-tahun. Jumlah luas kawasan yang di-tanam padi dua kali tiap<sup>2</sup> tahun di-Malaysia Barat ia-lah 157,000 ekar.

586. Di-Sabah, 13 ranchangan taliayer telah siap untuk menyediakan kemudahan taliayer kepada 1,280 ekar tanah<sup>2</sup> sawah dan 900 ekar tanah yang baharu di-buka untuk menanam padi. 7,000 ekar ladang kelapa sawit telah juga di-sediakan dengan kemudahan taliayer.

587. Di-Sarawak, 9,000 ekar ladang kelapa telah di-adakan kemudahan taliayer.

588. Sa-jumlah \$85 juta akan di-belanjakan di-Malaysia Barat, \$1.06 juta di-Sabah dan \$1.86 juta di-Sarawak untuk ranchangan parit dan taliayer dalam tahun 1968. Antara perojek<sup>2</sup> di-Malaysia Barat ia-lah penambahan kerja di-atas 32 ranchangan taliayer dan satu ranchangan baharu yang akan memberi keuntongan kepada 212,268 ekar ladang<sup>2</sup> kelapa dan getah. Perojek<sup>2</sup> taliayer pula ada-lah sa-banyak 33 ranchangan tambahan taliayer dan satu ranchangan baharu untuk menyediakan kemudahan taliayer bagi menanam padi dua kali sa-tahun kepada 223,642 ekar dan menanam padi sa-kali sa-tahun kepada 20,757 ekar. Perojek Perayeran Sungai Muda, ia-itu ranchangan taliayer yang terbesar sa-kali di-laksanakan dan sa-bahagian belanja-nya di-tanggung oleh Bank Dunia, sedang di-jalankan mengikut jadual.

589. Lagi satu ranchangan taliayer yang besar ia-itu Ranchangan Seluroh Perak Perengkat IV bagi membuka sa-luas 40,000 ekar hutan rawa untuk tanaman padi sedang di-laksanakan, dan kira<sup>2</sup> 4,000 ekar telah pun di-buka. Sa-luas 2,000 ekar lagi akan di-pulehkan tahun ini. Di-Kelantan Ranchangan Taliayer Lemal, Perengkat III ada-lah di-perengkat akhir pelaksanaan-nya. Di-Trengganu Ranchangan Taliayer Nerus hampir siap dan ini akan menyediakan kemudahan taliayer kepada 6,300 ekar untuk tanaman padi dua kali sa-tahun.

590. Di-Sabah, Penempatan Kelapa Sawit Klias akan siap tahun ini. Ini akan menukar 8,000 ekar tanah paya menjadi kawasan penanaman kelapa sawit. Kawasan yang luas sa-kali yang akan di-elokkan lagi tahun ini ia-lah kawasan Tempasuk di-Jajahan Kota Belud yang akan mendapat bekalan taliayer bagi pertama kali-nya.

591. Di-Sarawak, kerja di-teruskan bagi melaksanakan Ranchangan Taliayer Kabong Nyabor. Perengkat I bagi 11,500 ekar tanah untuk menanam kelapa, dan Ranchangan Taliayer Mid-Sadong, Perengkat I bagi menukar 1,700 ekar tanah paya yang tidak berguna untuk pertanian. Ranchangan Taliayer Tanjong Bijat akan di-mulakan bagi 3,000 ekar tanah gembor untuk menanam padi sa-kali sa-tahun dan menanam tanaman tanah kering di-luar musim. Dalam Ranchangan<sup>2</sup> Parit dan Taliayer Sibuti Hilir kemudahan<sup>2</sup> taliayer untuk 350 ekar tanah di-Paya Selanyau dan kemudahan parit untuk 1,500 ekar tanah di-kawasan Bangai Mummon yang sekarang ini di-liputi hutan akan di-sediakan.

## BAHAGIAN HAIWAN

592. Dalam masa yang sedang di-kaji, Bahagian Haiwan telah di-beri tugas menganjorkan ranchangan<sup>2</sup> penyelidekan dan ranchangan<sup>2</sup> yang tujuan-nya mengelokkan lagi mutu pengeluaran ternakan tempatan dan menambah bilangan ternakan serta hasil-nya untuk memenohi keperluan negara. Keutamaan juga di-beri oleh Bahagian ini dalam bidang perkembangan perkhidmatan dan mengadakan latehan<sup>2</sup> di-beberapa perengkat.

593. Pada keselurohan-nya keadaan kesihatan haiwan di-negeri ini ada-lah baik. Negeri ini sentiasa selamat daripada penyakit haiwan yang merbahaya dan sekatan yang kuat maseh di-kenakan untuk menghindar kemungkinan berlakunya penyakit<sup>2</sup> haiwan yang tidak pernah terjadi di-negeri ini.

594. Akan tetapi, wabak<sup>2</sup> penyakit Demam Babi (Swine Fever) telah berlaku pada akhir tahun 1966 dan banyak kejadian<sup>2</sup> telah di-laporkan hingga pertengahan tahun 1967 sunggoh pun langkah<sup>2</sup> mengawal penyakit ini telah di-ambil dengan serta merta. Tindakan untuk mengadakan suntekan besar<sup>2</sup>an bagi menchegegah penyakit ini telah di-mulakan pada awal tahun 1967 dan hingga akhir tahun sa-jumlah 243,000 ekor babi telah di-suntek. Penyakit ini nampak-nya dapat di-kawal pada masa ini dan segala usaha sedang di-jalankan untuk memulehkan sa-mula perusahaan babi supaya sa-kurang<sup>2</sup>-nya menchapai nilai perusahaan tahun 1966 ia-itu berjumlah \$120 juta.

595. Kerja penyelidekan mengenai beberapa jurusan kesihatan haiwan terus di-jalankan di-Pusat Penyelidekan Haiwan, Ipoh. Di-antara-nya ia-lah penggunaan ubat suntek yang baharu untuk menchegegah penyakit kerbau yang terkenal ia-itu Penyakit Hawar atau "Haemorrhagic Septicaemia". Penyelidekan juga di-jalankan bagi mengelokkan lagi chara yang di-gunakan untuk suntekan bagi penyakit Sampar Ayam. Kerja membuat "tissue culture swine fever vaccine" juga sedang di-jalankan.

596. Nilai perusahaan ternakan telah meningkat dari \$181 juta pada tahun 1960 kapada \$347 juta pada tahun 1967.

597. Penyelidekan dalam lapangan pengeluaran ternakan sedang di-jalankan di-beberapa pusat ternakan haiwan di-seluruh negeri ini. Usaha menchari tempat menyimpan susu lembu dan membuat mentega serta lembu<sup>2</sup> baka yang sesuai dengan keadaan kita sedang di-usahakan dengan giat-nya di-Pusat Ternakan Haiwan, Kluang dan Paroi. Keputusan kajian<sup>2</sup> mengenai lembu<sup>2</sup> yang di-bawa dari luar negeri dan lembu kachokan sangat menarik dan menunjokkan ada kemungkinan besar bagi memajukan perusahaan susu dan pengeluaran daging di-negeri ini. Di-Pusat Penyelidekan dan Menternak Ayam, Johor Bahru, usaha menchari ayam untuk makanan yang sesuai dengan keadaan kita sedang di-jalankan dan Pusat ini telah juga memulakan satu ranchangan yang besar membahagi<sup>2</sup>kan anak<sup>2</sup> ayam berumor sa-hari yang elok baka-nya kapada penternak<sup>2</sup> ayam. Tindakan sedang di-ambil untuk menjadikan pusat tersebut di-Serdang sa-bagai pusat penyelidekan dan ternakan babi yang utama di-Malaysia Barat.

598. Dalam lapangan ternakan, kemudahan memberi latehan permulaan kapada petani<sup>2</sup> kita sedang di-perluaskan lagi. Pada masa ini, Bahagian ini juga sedang

menjalankan kursus dua tahun bagi pembantu<sup>2</sup> urusan haiwan yang sedang berkhidmat dan ada-lah di-chadangkan supaya pusat latehan ini lama kelamaannya akan menjadi sa-buah Maktab Ternakan Haiwan yang memberi latehan dalam lapangan ini kepada semua orang yang gemar kepada-nya.

599. Sa-lain daripada itu, Bahagian ini sedang menyusun sa-mula chara menyembeleh binatang, memereksa daging dan kesihatan binatang<sup>2</sup>. Satu penyiasatan telah di-jalankan dalam perkara ini dan ada-lah di-jangka sa-buah rumah sembeleh yang julong kali lagi moden akan di-bena di-Batu Tiga dan akan dapat di-gunakan pada akhir tahun 1969. Rasa-nya, langkah ini akan dapat menggalakkan penubuhan perusahaan<sup>2</sup> yang akan menggunakan bahan<sup>2</sup> ternakan dan dengan itu bertambah luas-lah lagi pasaran bagi ternakan dan hasil<sup>2</sup>-nya.

#### BAHAGIAN KEMAJUAN KERJASAMA

600. Mula<sup>2</sup> tahun 1968, peranan yang di-jalankan oleh Bahagian Kemajuan Kerjasama bagi melaksanakan tujuan<sup>2</sup> untok menchapai matlamat dalam tugas meninggikan taraf ekonomi penduduk<sup>2</sup> di-luar bandar menerusi Gerakan Kerjasama akan mengalami sedikit perubahan oleh kerana 3 jenis tugas ia-itu (i) pinjaman kepada petani untok menanam padi (production loans); (ii) perbekalan baja (supply of fertilisers); dan (iii) pemasaran perengkat rendah (primary marketing) akan menjadi tanggung-jawab Persatuan<sup>2</sup> Peladang di-bawah pengawasan Bahagian Pertanian. Tetapi dalam pada itu, Gerakan Kerjasama akan menumpukan segala daya usaha, pengalaman dan modal-nya dalam bidang pinjaman<sup>2</sup> pertengahan dan panjang masa, bagi mengembangkan sharikat<sup>2</sup> pengguna, kenderaan dan pengangkutan, sharikat<sup>2</sup> nelayan, sharikat<sup>2</sup> kilang padi dan getah, dan sharikat<sup>2</sup> penanaman modal di-luar bandar, dan dalam kawasan<sup>2</sup> bandar, sharikat<sup>2</sup> pinjaman, pengguna dan perumahan.

601. Dalam tahun 1967, Ranchangan memperkukoh dan memperkemaskan Gerakan Kerjasama di-kawasan<sup>2</sup> Luar Bandar telah berjalan dengan maju-nya. Sa-bilangan besar sharikat<sup>2</sup> yang lemah telah di-tutup, dan penyeliaan Sharikat<sup>2</sup> tersebut di-pindahkan kepada Pegawai<sup>2</sup> yang khas. Dalam tahun ini juga sharikat kerjasama telah mengumpulkan lebeh dari \$300 juta dan memberi pinjaman kepada ahli<sup>2</sup> sa-banyak lebeh kurang \$90 juta.

602. Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama luar bandar mendapat pinjaman dari Kumpulan Wang Pinjaman Kerjasama (The Co-operative Credit Trust Fund) yang mempunyai kira<sup>2</sup> sa-banyak \$16.604 juta. Pada hujung tahun 1967 Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama telah menerima bantuan sa-banyak \$14 juta melalui Kumpulan wang ini bagi keperluan menanam padi, pasaran padi, membeli alat<sup>2</sup> menangkap ikan, pengangkutan, penanaman dan pemasaran kopi, menternak ayam, membeli kilang<sup>2</sup> ayer batu, dan kegunaan berladang.

603. Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama di-kawasan<sup>2</sup> bandar mempunyai modal dan harta lebeh dari \$190 juta. Pinjaman<sup>2</sup> yang di-keluarkan oleh Sharikat<sup>2</sup> Pinjaman dari kumpulan wang mereka kepada ahli<sup>2</sup>-nya dalam tahun 1967 berjumlah lebeh dari \$80 juta. Sejak di-tubuhkan Sharikat Insuran Kerjasama Malaysia telah mengeluarkan polisi<sup>2</sup> insuran nyawa yang bernilai lebeh dari \$200 juta. Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama Perumahan terus bertambah besar dan maju.

604. Satu lagi kejayaan besar yang di-chapai oleh Sharikat<sup>2</sup> di-bandar ia-lah dengan pembenaan sa-buah bangunan dan alat penchetakan yang besar dan moden bagi Sharikat Penchetakan Kerjasama Tanggongan Berhad.

605. Dengan tujuan hendak memperkukoh dan menyusun sa-mula Gerakan Kerjasama dan juga menjalankan ranchangan<sup>2</sup> dan perojek kerjasama, pelajaran dan latehan kerjasama bagi ahli<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama telah di-tambah lagi supaya mereka lebeh faham akan dasar<sup>2</sup> dan amalan<sup>2</sup> sharikat kerjasama, dan pegawai<sup>2</sup> serta pekerja<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama boleh mempelajari dan mengamalkan chara<sup>2</sup> baharu dalam pentadbiran dan pengurusan sharikat<sup>2</sup>.

#### BAHAGIAN PERIKANAN

606. Pembangunan Perikanan dalam tahun 1967 sungguh memuaskan. Penangkapan ikan dalam tahun 1967 bertambah 27% daripada tahun 1966. Dalam masa dua tahun sahaja jumlah pengeluaran ikan telah bertambah sa-banyak 52% dari pengeluaran tahun 1965, ia-itu sa-banyak 198,377 tan. Sebab-nya ia-lah nelayan<sup>2</sup> banyak menggunakan pukat tunda dan pukat<sup>2</sup> jerat. Dari jumlah penangkapan dalam dua tahun ini, pukat tunda mendapat sa-banyak 24,000 tan dalam tahun 1966 dan sa-banyak 58,000 tan dalam tahun 1967. Ini satu kejayaan yang chemerlang sungguh pun negeri<sup>2</sup> yang banyak mengeluarkan ikan saperti Pulau Pinang, Perak dan Kedah mula<sup>2</sup> dahulu tiada bersetuju di-gunakan pukat<sup>2</sup> tunda. Dalam perkara ini, hendak-lah di-sebut peranan Persatuan<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama Nelayan<sup>2</sup> yang telah di-tubuhkan di-tiga<sup>2</sup> buah negeri ini bagi menggunakan pukat tunda dengan kerjasama dari tuan<sup>2</sup> punya perahu. Kejayaan yang telah di-perolehi oleh Persatuan<sup>2</sup> ini bagi menambah pendapatan ahli<sup>2</sup>-nya dari \$70 sa-bulan kapada \$150-\$250 sa-bulan akan menjadi satu peransang kapada nelayan<sup>2</sup> lain untuk menggunakan chara baharu ini.

607. Dalam lapangan kejenteraan bertambah<sup>2</sup> banyak lagi perahu<sup>2</sup> nelayan telah di-pasang dengan jentera<sup>2</sup> diesel. Dalam tahun 1967 ada 13,102 buah perahu nelayan yang berjentera berbanding dengan 12,535 dalam tahun 1966 dan dari jumlah ini sa-banyak 10,228 buah menggunakan jentera<sup>2</sup> diesel.

608. Latehan di-kedua<sup>2</sup> Sekolah Perikanan Laut di-teruskan dan sa-ramai 87 orang pelateh<sup>2</sup> nelayan dari Sarawak, Sabah dan Negeri<sup>2</sup> di-Malaysia Barat telah menamatkan latehan mereka dalam tahun ini. Sa-lain daripada itu satu ranchangan latehan bagi nelayan<sup>2</sup> Pantai Timor menggunakan pukat tunda telah di-adakan di-akhir tahun ini.

609. Satu kemajuan besar yang di-dapati dalam perusahaan ikan darat ia-lah membiakkan ikan<sup>2</sup> Tongsan (Chinese Carp) di-Pusat Menternak Ikan di-Bukit Tinggi, Pahang. Kejayaan ini bukan sahaja menentukan bekalan anak<sup>2</sup> Ikan Tongsan bahkan juga menyelamatkan pengeluaran wang beribu<sup>2</sup> ringgit ka-negeri asing. Bahagian Perikanan juga telah melancharkan satu ranchangan besar bagi pengeluaran anak<sup>2</sup> ikan Tongsan untuk menyempurnakan kehendak perusahaan membiakkan ikan di-negeri ini.

610. Tempat Memelihara Ikan untuk Penyelidikan Ayertawar dan Laut di Pulau Pinang telah siap dalam tahun 1967. Satu perojek yang penting dalam tahun 1968 ia-lah melaksanakan perengkat pertama bangunan perikanan di Kuala Kedah yang berharga lebih kurang \$1 juta.

611. Banyak kemajuan telah di-chapai bukan sahaja dalam pengeluaran ikan bahkan juga dalam perkara memperkukuhkan lagi perusahaan itu dalam lapangan memasang jentera untuk perahu<sup>2</sup> nelayan, melatih nelayan<sup>2</sup> menggunakan teknik<sup>2</sup> baharu menangkap ikan, mengadakan kemudahan bagi perahu<sup>2</sup> nelayan yang besar dan chara menangkap ikan yang lebih baik dan latihan bagi kakitangan<sup>2</sup> Bahagian ini. Kita sekarang menchapai kemajuan teknik yang besar dalam perusahaan menangkap ikan dan usaha mengelokkan lagi penghidupan nelayan<sup>2</sup> kita.

612. Pendek kata, kemajuan perikanan dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama menchapai perengkat yang penting dan kemajuan yang lebih besar lagi di-jangka akan di-perolehi dalam masa tiga tahun lagi bagi Ranchangan Malaysia. Kejayaan yang di-dapati hingga masa ini ia-lah kenaikan 52% dalam tempoh dua tahun yang lalu. Ini ada-lah melebihi daripada kenaikan yang di-jangka sa-banyak 45% bagi lima tahun 1966-1970.

#### BAHAGIAN KAJITEKNIK MAKANAN

613. Porojek<sup>2</sup> yang telah di-beri keutamaan dalam lapangan Kajiteknik Makanan ia-lah mengkaji chara<sup>2</sup> menyimpan, mengisar dan menjual padi. Dari penyiasatan tersebut dapat-lah di-taksir berapa banyak beras yang susut dalam simpanan, masa mengkilang dan sa-bagai-nya. Dengan keadaan demikian dapat-lah di-adakan satu sistem bagi menentukan perengkat dan mutu padi serta beras.

614. Kilang Perintis Buah<sup>2</sup>an dan Sayor<sup>2</sup>an di-Tampoi, Johor telah di-lengkapi dengan alat perkakas yang sesuai untuk menjalankan perusahaan memperoses dengan berbagai chara. Sa-lain daripada ini penyelidikan telah di-jalankan untuk menambah perengkat dan mutu nenas sa-bagai bahan mentah untuk diperoses. Ujian<sup>2</sup> berkenaan dengan chara<sup>2</sup> mengawit buah<sup>2</sup>an dan sayor<sup>2</sup>an yang lain telah juga di-buat di-Kilang perintis ini dan di-ma'amal di-Kuala Lumpur.

615. Ranchangan<sup>2</sup> telah pun di-buat dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya untuk membena sa-buah bangunan ma'amal baharu. Di-sini segala ujian sains kajiteknik makanan boleh di-jalankan. Bangunan ini di-jangka akan siap pada akhir tahun 1968. Langkah<sup>2</sup> telah juga di-ambil untuk membena sa-buah Kilang perintis untuk memperoses ikan di-Kuala Trengganu.

616. Bahagian ini telah juga menjalankan kursus<sup>2</sup> latihan untuk kaum ibu di-luar bandar berkenaan dengan chara memperoses dan menyimpan buah<sup>2</sup>an dan sayor<sup>2</sup>an yang berlebihan untuk di-gunakan di-luar musim buah<sup>2</sup>an.

#### LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

617. Dalam tahun lepas, FAMA telah melaksanakan empat ranchangan pemasaran padi dalam kawasan Tanjong Karang dan Sabak Bernam, Krian, Pulau Pinang dan Perlis. Semua ranchangan ini sedang di-selenggara dan di-kawal oleh

Perbadanan Pemasaran Padi dan Beras yang telah di-tubuhkan di-bawah Bahagian 6 dalam Act FAMA, 1965. Ranchangan Pemasaran Padi di-Tanjong Karang dan Sabak Bernam di-jalankan sa-chara perniagaan tunggal oleh Perbadanan dan juga memberi lesen kepada pembeli<sup>2</sup> padi yang menjadi wakil<sup>2</sup> Perbadanan ini. Ranchangan<sup>2</sup> di-tiga buah kawasan lain ada-lah sa-chara kawalan sahaja, dan ini di-jalankan dengan mengeluarkan lesen<sup>2</sup> kepada pembeli<sup>2</sup> padi dan mengadakan kakitangan untuk menjalankan kuatkuasa peratoran.

618. Hasil yang memuaskan telah di-dapati daripada empat buah ranchangan ini. Dalam Ranchangan di-Tanjong Karang, penanam<sup>2</sup> padi, menerusi Perbadanan ini, telah mendapat harga yang lebih tinggi bagi padi mereka. Ranchangan ini telah juga mengada dan menimbulkan chara pemasaran yang teratur dan dengan-nya petani<sup>2</sup> sudah tentu mendapat pemasaran untuk padi mereka, bayaran tunai serta-merta, chara sukatan dan timbangan yang berpatutan dan bekalan guni yang cukup banyak-nya. Dalam tiga buah kawasan ranchangan yang lain, kawalan yang rapi supaya pemegang<sup>2</sup> lesen patoh kepada peratoran<sup>2</sup> yang ada pada lesen mereka telah menimbulkan chara<sup>2</sup> pemasaran padi yang berpatutan dan juga mengurangkan pembeli<sup>2</sup> haram.

619. Baharu<sup>2</sup> ini FAMA telah menyampaikan shor<sup>2</sup>-nya untuk memperluas ranchangan pemasaran padi ka-negeri<sup>2</sup> Kedah, Kelantan, kawasan Sungai Manik dan Negeri Selangor, tidak termasuk Tanjong Karang dan Sabak Bernam. Shor<sup>2</sup> ini telah menimbangkan bangkangan<sup>2</sup> yang di-kemukakan dalam Penyiasatan Umum yang di-adakan dalam bulan September 1967, yang di-kehendaki oleh Act FAMA, 1965. Kajian<sup>2</sup> berkenaan dengan masalah<sup>2</sup> pemasaran padi di-negeri<sup>2</sup> Pahang, Trengganu dan Melaka telah juga selesai.

620. Sa-lain daripada mengadakan langkah<sup>2</sup> untuk mengelakkan lagi chara<sup>2</sup> pemasaran yang lama, FAMA telah juga menubuhkan Kumpulan Kemajuan dan Perkembangan Pemasaran. Tujuan-nya ia-lah hendak menambah bilangan orang<sup>2</sup> yang berkehendakkan hasil pertanian, sama ada dengan jalan penggantian ekseptot atau impot. FAMA telah menjalankan beberapa kajian untuk menchari pasaran bagi hasil pertanian dan untuk menentukan apa jenis perusahaan yang boleh di-tubuhkan bagi menggunakan hasil<sup>2</sup> pertanian negeri ini sa-bagai bahan mentah. Dalam hal ini, FAMA telah membuat kajian yang teliti mengenai pasaran untuk jagong, ubi kayu dan minyak<sup>2</sup> yang di-keluarkan di-negeri ini.

621. Penyiasatan perengkat pertama berkenaan dengan Pemasaran Padi dan Beras sudah siap dan perengkat yang kedua akan di-mulakan dalam bulan Jun. Dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan untuk 1968, FAMA telah di-beri sa-banyak \$200,000 untuk menjalankan penyiasatan<sup>2</sup> khas mengenai masaelah<sup>2</sup> pemasaran padi, kopi, kelapa dan sayor<sup>2</sup>an.

622. Satu<sup>2</sup>-nya halangan untuk mengadakan chara pemasaran hasil pertanian yang baik dalam negeri ini ia-lah tiada-nya chara menentukan darjah perengkat. Untuk permulaan-nya, FAMA telah menjalankan satu kajian mengenai chara menentukan perengkat padi dan beras di-bawah penyeliaan sa-orang pakar memproses padi FAO. Dua kertas mengandongi chadangan menentukan perengkat padi dan beras telah di-siap dan di-sampaikan kepada Institut Darjah<sup>2</sup> Malaysia

sambil meminta supaya di-tubuhkan sa-buah jawatan-kuasa untuk mengkaji masaelah<sup>2</sup> itu. Ada-lah juga di-chadangkan hendak mengkaji chara menentukan perengkat kelapa kering, lada hitam, kopi, tembakau dan telur ayam-itek.

#### CHADANGAN EKONOMI DAN PERANGKAAN

623. Chawangan Ekonomi dan Perangkaan telah menyempurnakan kerja<sup>2</sup> yang berguna dalam lapangan ekonomi pertanian dan perangkaan.

624. Pada tahun lepas Chawangan ini telah menjalankan satu penyiasatan ekonomi pekebun<sup>2</sup> kechil nenas di-Pontian. Laporan ini, apabila siap, amat-lah berguna kapada Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu untuk membuat keputusan. Chawangan ini telah juga di-minta membuat penilaian mengenai Ranchangan Pemulehan dan Tanam Sa-mula Kelapa. Satu laporan bertajok "Kemajuan Perikanan di-Malaysia Barat" sedang di-buat dan akan di-terbitkan tidak lama lagi.

The English translation is as follows:

### SPECIAL APPENDIX TO THE ROYAL ADDRESS BY HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG AT THE OPENING OF PARLIAMENT ON THURSDAY, JUNE 6, 1968

---

*The following additional information is issued herewith as a Special Appendix to the Royal Address given by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong at the Opening of Parliament on Thursday, June 6, 1968*

---

#### PRIME MINISTER'S DEPARTMENT

##### THE GENERAL ECONOMIC SITUATION IN 1967 AND PROSPECTS FOR 1968

1967 represented another year of further expansion of the Malaysian economy, although the rate of growth of output in the second year of the First Malaysia Plan was slower than 1966, primarily in consequence of external factors.

2. The Gross National Product at market prices increased at 2.8 per cent from \$9,243 million in 1966 to \$9,502 million in 1967. Physical output is estimated to have increased by 5.8 per cent in 1967 against 6.4 per cent in 1966, only a marginally slower rate.

3. The economy had to cope with lower world prices for its major commodity exports—for rubber, tin and palm oil—resulting in lower export earnings. In addition, there was the initial impact of the withdrawal of British forces and the continued disturbed conditions in this region which, in turn, affect private capital investment inflow from abroad. Gross capital formation and gross domestic savings declined somewhat, in the first case from 18.5 per cent of the gross

national product to 17.6 per cent in 1967 and in the second from 19 per cent of the gross national product to 17 per cent in 1967. Both public consumption and public investment continued to increase.

4. Despite adverse economic trends, the tax effort to mobilise domestic resources for development has been maintained, and this represents evidence to would-be donors that Malaysia is not sparing herself in self-help.

5. 1967, therefore, represented a year of adjustment to adverse external factors. With economic activity picking up in the major industrial countries of the world, world prices of the country's major export commodities may well improve and this, together with expected production increases and with economic, social and political stability, will have a stimulating effect upon the economy.

6. This country is endowed with ample unused land of potentially high fertility and unemployed and underemployed labour. This year should witness the capitalising upon these potentialities by the application of liberal land alienation policies for accelerated agricultural development.

7. Malaysia is fortunate in possessing the means of accelerating its economic development by pursuing realistic policies. In the detailed Mid-Term Review of the First Malaysia Plan to be carried out in 1968, all the factors having a bearing on the performance of the economy will be taken into account.

#### LAND DEVELOPMENT

8. The importance of land development for our continuing economic prosperity cannot be overstressed. To meet the heavy costs of this ambitious programme, it will be necessary for the Government to call on the private sector to share the burden of development.

9. Results from the Land Capability Classification Programme are being applied to our national development planning. Several regional development projects are now being planned in areas of particular promise for new settlement and agricultural development. The largest of these areas is in South-east Pahang, where some 1.1 million acres are believed suitable for agricultural development, together with several hundred thousand acres of permanent productive forest land. This area is particularly opportune for development on a large scale at the present time on account of the generally high quality and extent of the natural resources and its proximity to areas of existing development. Because of its strategic importance, its development is likely to have a stimulating effect on the economy well beyond the boundary of the actual development region, wherein as many as a million persons may ultimately be settled.

10. Two other areas selected for concentrated development effort, with a combined agricultural potential of about 350,000 acres, lie in the State of Johore and both these areas are comparable in size and scope of opportunity with the Jengka Triangle, which is now being rapidly developed.



### AGRICULTURAL DIVERSIFICATION

11. The Government continued its efforts to diversify the Malaysian economy during the past year, with particular emphasis upon the key agricultural sector. A request for UNDP assistance to Malaysia's agricultural research programme is to be submitted in the near future.

12. A most promising development is the recent Government decision to establish the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), which will initially be responsible for research on all crops (except rubber and pineapple) and livestock including poultry. It will also administer the extension programmes required for effective dissemination of research results to smallholders, estates and industry. The Government is committed to the early establishment of MARDI and is currently seeking international assistance to this end. Progress has been achieved in the identification of crops suitable for expanded production, viz, tapioca, maize, banana and cocoa.

### INDUSTRIAL DEVELOPMENT

13. Wood-based industries provide a promising field in which expansion of industrial development can proceed. Malaysia is at present a primary producer of tropical hardwoods and log production is likely to increase in the next few years. Further opportunities for expansion include the further development of the plywood and veneer industry. In order to promote the growth of the industry, agreement has been reached with the UNDP for a Forest Industries Development Project to be carried out in Malaysia over a period of five years.

### MANPOWER PLANNING AND EDUCATION

14. The Government is well aware of the need to gear the output of the educational system more closely to the requirements of the economy. This serves not only to promote rapid economic growth but also to minimize dislocations caused by yearly increments of unemployable school leavers. It will be necessary to accelerate the shift from general education at the upper secondary level to one which provides for greater numbers following the technical and vocational streams. The IBRD (World Bank) has agreed to help in this respect by providing both loan funds and technical assistance for the establishment of more vocational and secondary agricultural schools in West Malaysia. In East Malaysia, assistance will be given to both vocational schools and teacher training.

### TRANSPORTATION

15. A comprehensive transport survey is currently being undertaken by a team of consultants jointly appointed by the World Bank and the Government. The survey will provide a detailed programme of transport investments for 1969-75, based on economic priorities of specific projects, and perspective programme of transport investments for 1967-85. Recommendations include the improvement of the operations, planning, organisation, administration and management of each transport mode, the improvement of Government transport policies and the training abroad of Malaysians in the field of transport planning.

16. Malaysia took the initiative in convening the Conference of South-East Asian Officials on Transport and Communications which serve an important component towards regional development. On the recommendation of the Conference, the Malaysian Government requested the Asian Development Bank to undertake a regional transport survey. The Government has set up an Interim Secretariat as a follow up on this subject.

#### EXTERNAL DEVELOPMENT ASSISTANCE

17. In a more intensive effort for the mobilisation and utilisation of external assistance, the Government has received from several countries in the Aid Malaysia Consultative Group concrete offers of financial and technical assistance; and the necessary legal instruments for the utilisation of these offers were completed or in the final stages of negotiation. However, since the Malaysian economy is basically agricultural with a great number of projects which are small and scattered and having very low import component, these projects are ineligible for loan financing on the terms available. In the circumstances, the World Bank remains the biggest single potential source of development lending to Malaysia. The most recent Bank loan was a US\$14 million loan for the first stage development of the Jengka Triangle involving an area of about 34,000 acres. The World Bank is also helping to finance the development of telecommunications, water supply for the Kuala Lumpur area and the expansion of the technical, vocational and agricultural schools programme in the education sector.

18. The establishment of the Asian Development Bank to which Malaysia has made active financial support presents another source of loan finance. Malaysia has already submitted two projects for loan assistance from the ADB, namely, the processing mills required to serve a number of adjoining oil palm schemes undertaken by the Federal Land Development Authority and a water supply project for Penang and Province Wellesley.

19. Additional new projects requiring external finance are the expansion of thermal units at the Prai and Port Dickson stations, the detailed engineering design for the first stage development of a hydroelectric project in Upper Perak and a regional master planning study of a land development area in Southern Pahang. The United Kingdom Government has offered certain sums of aid to offset the economic effects of the withdrawal of British forces from this region.

#### NATIONAL INTEGRATION

20. Regular meetings between the various State Governments and the Federal Government at various levels have helped to overcome problems relating to national integration. Federal Ministers, including the Prime Minister and the Deputy Prime Minister, and officials continue to make frequent visits to East Malaysia. Similarly, State Ministers and officials of Sabah and Sarawak have come over to Kuala Lumpur for consultation. Seminars on administration and development were attended also by officers from East Malaysia. These visits and seminars as well as the exchange of officers between East and West Malaysia

have contributed towards the good relationship between the State and the Federal Governments and made it possible for national development projects in the States, especially in East Malaysia, to proceed smoothly.

#### STUDY TOUR

21. The Government has continued with the study tour programme; study tours were organised and direct and indirect contributions were made to organisations, especially sports and cultural organisations, making trips to South-East Asian countries. Internal tours include visits from East Malaysia to West Malaysia and vice-versa.

22. In accordance with the Government austerity drive, the study tour vote was reduced to \$286,000 for 1968 as compared with \$400,000 for 1967.

#### NATIONAL MONUMENT

23. At an official ceremony held at the National Monument in November, 1967 the Prime Minister unveiled the crests and emblems of the Commonwealth Security Forces which took part in the Emergency. It is proposed to add to these crests and emblems the crests and emblems of the Malaysian Security forces.

#### IMPROVING THE EFFICIENCY OF THE CIVIL SERVICE

24. Since 1967 the Development Administration Unit through its four divisions, namely, the Personnel and Training Division, the Budgetary and Financial Administration Division, the Management Services Division, and the State and Local Government Division, has carried out training courses and formulated procedures to improve the quality and efficiency of the civil service to meet its task as a machinery for national development.

25. A report containing recommendations on training programmes covering all departments in West Malaysia is now being considered by a National Committee on Development Administration. Efforts are being carried out to establish a Central Staff Record which will be useful for planning and budgeting purposes. The record, to be processed by a computer, will enable information to be made available very quickly to central control agencies such as the Treasury, Establishment Office and the various Ministries of the Government.

26. With the assistance of a foreign expert, a new system of programme and performance budgeting is being studied. The system will enable the government to have a more effective control of Government procedures whether for routine matters or for development projects. As a first step in the implementation of this system, it has been decided to embark on a pilot project involving 6 departments.

